

**ANALISIS TERHADAP ELEMEN
MAQASID AL-SYARIAH DALAM
PRODUK TAKAFUL IKHLAS
DI MALAYSIA**

ARIF FATHILLAH BIN MOHD SAFAR

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

**ANALISIS TERHADAP ELEMEN
MAQASID AL-SYARIAH DALAM
PRODUK TAKAFUL IKHLAS
DI MALAYSIA**

ARIF FATHILLAH BIN MOHD SAFAR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti kewujudan elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam produk-produk Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Bagi memenuhi tujuan tersebut, penganalisaan telah dibuat terhadap manfaat serta terma dan syarat yang terkandung di dalam produk-produk Takaful Keluarga. Maklumat berkaitan manfaat serta terma dan syarat produk-produk tersebut telah diperolehi menerusi temubual, sijil-sijil Takaful Keluarga, risalah-risalah produk, laman web rasmi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., serta perkhidmatan Ikhlas Care. Antara hasil kajian yang telah diperolehi ialah produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. sememangnya mengandungi elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut pemeliharaan terhadap lima kepentingan asas (*al-darūriyyāt al-khams*) iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. juga dapat meringankan bebanan terhadap peserta, menolak kemudharatan, memudahkan, memberi keadilan, telus serta dapat melahirkan kebahagiaan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa pemurnian serta penambahbaikan terhadap manfaat serta terma dan syarat beberapa produk perlu dilakukan agar *maqāṣid al-Sharī'ah* yang ingin dicapai dapat direalisasikan dalam erti kata yang sebenar. Justeru, beberapa cadangan dan saranan telah dibuat kepada pihak-pihak berkenaan bagi memperbaiki kelemahan yang ada serta meningkatkan lagi kualiti produk.

ABSTRACT

This research is done to identify the existence of *maqāṣid al-Sharī'ah* element in the products of Family Takaful under Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. To fulfill the goal, research has been done on the interest, terms and condition that are applied in the Family Takaful products. Information regarding the benefits and term and condition of the product has been obtained through interviews, Family Takaful certificates, products brochures, official web page of Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., and the Ikhlas Care service. Among the outcome of the research is Family Takaful products that is offered by Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. which contain the elements of *maqāṣid al-Sharī'ah* in terms of the preservation towards the five basic importance (*al-ḍarūriyyāt al-khams*) which are religion, spirit, state of mind, family desendence and property. Apart from that, this research also found that the Family Takaful products which is offered by Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. may reduce the burden from the participant, prevent loss, provide proper judgement and happiness as wanted by Islam. However the reseacrh has identified that the renewal towards the benefits, terms and conditions of several products needs to be done so that *maqāṣid al-Sharī'ah* can be achieved and realised in its true meaning. Therefore, several suggestion has been proposed to the relevant bodies in order to overcome the weakness and enhance the quality of the product.

PENGHARGAAN

Segala puja dan puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Rasa syukur yang tidak terhingga kerana dengan izinNya jua maka penulis dapat menyiapkan disertasi ini hingga ke akhirnya.

Dikeempatan ini penulis ingin mengucapkan jutaan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Shamsiah bt. Mohamad, selaku penyelia kepada penulis kerana telah banyak mencurahkan nasihat, tunjuk ajar, kritikan-kritikan yang membina serta bimbingan yang tidak ternilai di dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Ridzwan bin Ahmad dan Dr. Asmak bt. Ab Rahman di atas komentar serta buah fikiran yang diberikan dalam membantu penulis untuk memperbaiki serta memantapkan lagi kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato^o Mohd Fadzli bin Yusof, Dato^o Mokhtar bin Shafii dan Dato^o Hj. Md Saleh bin Hj. Md @ Ahmad kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., terutamanya kepada individu-individu yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemubual iaitu ustaz Wan Jemizan bin Wan Deraman, ustaz Hisham bin Hamzah dan ustaz Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud. Tidak lupa juga kepada kakitangan di ibu pejabat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. serta bahagian perkhidmatan Ikhlas Care yang telah banyak memberikan kerjasama dan pertolongan yang sepenuhnya dalam menjayakan penulisan disertasi ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah di Akademi Pengajian Islam terutamanya di Jabatan Fiqh dan Usul atas segala ilmu, tunjuk ajar serta bimbingan yang telah diberikan selama ini.

Seterusnya, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Perpustakaan Awam Pusat Islam atas kerjasama dan bantuan yang diberikan dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Penghargaan ini turut ditujukan buat bonda tercinta Pn. Siti Khuslimah bt. Hj. Munawi, isteri tersayang Halimah bt. Abdul Halim serta ahli keluarga di atas pengorbanan, kata-kata semangat, galakan serta dorongan yang telah diberikan selama ini. Begitu juga sahabat-sahabat seperjuangan di bidang ilmu yang telah banyak memberi sumbangan idea serta kritikan yang membina kepada penulis di dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung sehingga disertasi ini dapat disiapkan. Doa dan harapan semoga segala jasa dan sumbangan yang telah kalian berikan akan mendapat ganjaran yang mulia dari Allah SWT.

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
3.1	Lien Juvenile	121
3.2	Caj Pengeluaran Sebahagian Wang	132
3.3	Pilihan Pelan Takaful Wanita	136
4.1	Elemen-elemen <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Berdasarkan Manfaat Pelan Asas Takaful Keluarga	208
4.2	Elemen-elemen <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Berdasarkan Manfaat Pelan Tambahan (<i>Rider</i>) Takaful Keluarga	210
4.3	Elemen-elemen <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Berdasarkan Terma dan Syarat	212

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Halaman
3.1	Carta Operasi Takaful Model Wakalah	113
3.2	Carta Operasi Takaful Keluarga Model Wakālah	114

SENARAI SINGKATAN

AS	“Alaihis Salam
c.	Cetakan
ed.	Editor
h.	Halaman
<i>ibid.</i>	Sama seperti di atas
j.	Jilid
<i>op. cit.</i>	Rujukan berselang

PIA	<i>Personal Investment Account</i> (Akaun Pelaburan Peribadi)
PRIA	<i>Personal Risk Investment Account</i> (Akaun Pelaburan Risiko Peribadi)
PTK	Pelan Takaful Keluarga
R.A.	Radiyallahu ‘‘Anhu/‘‘Anha
SAW	Sallallahu ‘‘Alaihi Wasallam
SWT	Subhanahu Wa Ta‘‘ala
TAP	<i>Ta‘‘awuni Account Pool</i> (Tabungan Akaun Ta‘‘awuni)
TISB	Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
TPD	<i>Total Permanent Disability</i> (Hilang Upaya Kekal Menyeluruh)
t.t.	Tanpa tarikh
T.T.P.	Tanpa Tempat Terbit
T.P.	Tanpa Penerbit
v.	Volume

KAEDAH TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Transkripsi
ا, ء	a, ʾ (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Transkripsi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	ʿ
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
- (Fathah)	a	قنت	Qanata
- (Kasrah)	i	سلم	Salima
- (Dammah)	u	جعل	ju'ila
Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	ā	كبرى / باب	bāb / kubrā
ي	ī	وكيل	Wakīl
و	ū	سورة	Sūrah

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و -	aw	قول	Qawl
ي -	ay	خير	Khayr
و -	uww	قوة	quwwah
ي -	iy/i	عربي	„Arabiy/i

ANALISIS TERHADAP ELEMEN *MAQASID AL-SHARIAH*
DALAM PRODUK TAKAFUL IKHLAS DI MALAYSIA

DAFTAR ISI

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN HADAPAN	i
HALAMAN TAJUK	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	vii
KAEDAH TRANSLITERASI	ix
DAFTAR ISI	xi
 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Latar Belakang Masalah Kajian	2
Penyataan Masalah Kajian	6
Kepentingan Kajian	6
Objektif Kajian	8
Kajian Penulisan Yang Lalu	8
Skop Kajian	15
Metodologi Penyelidikan	18

A.	Metode Pengumpulan Data	18
i.	Metode Dokumentasi	18
ii.	Metode Temubual	19
B.	Metode Analisis Data	21
i.	Metode Induktif	21
ii.	Metode Deduktif	21
iii.	Metode Komparatif	22
	Sistemika Penulisan	22

BAB 1 : TEORI *MAQASID AL-SHARI'AH* DALAM ISLAM

1.1	Pendahuluan	24
1.2	Definisi <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	24
1.2.1	Dari Sudut Bahasa	24
1.2.2	Dari Sudut Istilah	25
1.3	Istilah-istilah Lain Yang Berkaitan Dengan <i>Maqāṣid</i>	30
1.3.1	<i>Al-Ḥikmah</i>	31
1.3.2	<i>Al-, Ilah</i>	31
1.3.3	<i>Al-Maṣlaḥah</i>	31
1.4	Pengkategorian <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	32
1.4.1	<i>Al-Ḍarūriyyāt</i>	33
1.4.2	<i>Al-Ḥājīyyāt</i>	36
1.4.3	<i>Al-Taḥṣīniyyāt</i>	37
1.4.4	<i>Mukammilāt</i> (Pelengkap) <i>al-Ḍarūriyyāt</i> , <i>al-Ḥājīyyāt</i> dan <i>al-Taḥṣīniyyāt</i>	39
1.4.5	Kedudukan <i>al-Ḍarūriyyāt</i> , <i>al-Ḥājīyyāt</i> dan <i>al-Taḥṣīniyyāt</i>	40
1.5	Kaedah Mengenal <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	42

1.6	Hubungkait <i>Maṣlaḥah</i> Dengan <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	46
1.6.1	Definisi <i>Maṣlaḥah</i>	46
1.6.2	Pembahagian <i>Maṣlaḥah</i>	48
1.6.3	Syarat-syarat Beramal Dengan <i>Maṣālih al-Mursalah</i> ⁵¹	
1.6.4	Ciri-ciri <i>Maṣlaḥah Sharī'yyah</i>	52
1.6.5	Objektif Penurunan Syariah Islam	54
	(a) <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Terhadap Makhhluk	54
	(b) <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Dalam Muamalat	59
1.7	Kesimpulan	64

BAB 2 : KONSEP TAKAFUL DAN HUBUNGANNYA DENGAN *MAQASID AL-SHARI'AH*

2.1	Pendahuluan	65
2.2	Definisi Takaful	65
2.2.1	Dari Sudut Bahasa	65
2.2.2	Dari Sudut Istilah	66
2.3	Dalil-dalil Asas Mengenai Takaful	69
2.4	Prinsip-prinsip Utama Takaful	73
2.4.1	Prinsip Tolong-menolong	73
2.4.2	Prinsip Pengorbanan	74
2.4.3	Prinsip Jaminan	75
2.4.4	Prinsip Keselamatan, Kesejahteraan dan Perlindungan	76
2.5	Sejarah Insurans dan Takaful Moden	76
2.6	Sejarah Ringkas Perkembangan Takaful di Malaysia	81
2.7	Model Pengendalian Operasi Takaful di Malaysia	83
	(a) Model Muḍārabah atau <i>Qirāḍ</i> (Berkongsi Keuntungan)	84

(b)	Model Wakālah (Perwakilan)	86
2.8	Perbandingan Antara Insurans Konvensional Dengan Takaful	88
2.8.1	Dari Sudut Persamaan	89
2.8.2	Dari Sudut Perbezaan	95
2.9	Kesimpulan	109

BAB 3 : PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL KELUARGA

DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.

3.1	Pendahuluan	110
3.2	Latar Belakang Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.	110
3.3	Visi dan Misi Syarikat	111
3.4	Model Pengendalian Operasi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.	112
3.5	Produk-produk Pelan Takaful Keluarga (Individu)	119
3.5.1	Pengenalan	119
3.5.2	Pelan Asas	120
1.	Ikhlas Savings Takaful	120
2.	Ikhlas Education Takaful	123
3.	Ikhlas Education Takaful Classic	125
4.	Ikhlas Lifestyle Takaful	129
5.	Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful	131
6.	Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful	134
7.	Ikhlas Wanita Takaful	136
8.	Ikhlas Senior Citizen Takakul	140
3.5.3	Pelan Manfaat Tambahan (Rider)	142
1.	Ikhlas Critical Illness Takaful	142
2.	Ikhlas Accidental Death Takaful	143

3.	Ikhlas Waiver of Contribution Takaful Rider	146
4.	Ikhlas Payor Savings Takaful Rider	147
5.	Ikhlas Term Takaful Rider	149
6.	Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider	151
7.	Ikhlas Immediate Death Takaful Rider	152
8.	Ikhlas Family Income Takaful	153
3.6	Kesimpulan	157

**BAB 4 : ANALISA PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL
KELUARGA DARI ASPEK KEWUJUDAN ELEMEN
*MAQASID AL-SHARI'AH***

4.1	Pendahuluan	159
4.2	Elemen-elemen <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> Dalam Produk-produk Pelan Takaful Keluarga	160
4.2.1	Analisis Berdasarkan Manfaat Produk	160
(a)	Produk Berkaitan Pendidikan	164
(b)	Produk Berkaitan Simpanan dan Pelaburan	167
(c)	Produk Berkaitan Perubatan dan Kesihatan	170
(d)	Produk Berbentuk Khairat Kematian	175
(e)	Produk Berkaitan Pengecualian Bayaran Sumbangan	178
(f)	Produk Berkaitan Manfaat Pendapatan	180
4.2.2	Analisis Berdasarkan Terma dan Syarat	182
(a)	Syarat Umur dan Tempoh Matang	183
(b)	Pengecualian Perolehan Bayaran Manfaat	188
(c)	Sumbangan dan <i>Tabarru'</i> Peserta	193

(d)	Tempoh Khiyar	201
(e)	Tempoh Ehsan	203
(f)	Penama dan Penama Cadangan Hibah	205
4.3	Kesimpulan	208

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	213
5.2	Kesimpulan Kajian	213
i.	Pemeliharaan <i>al-Darūriyyāt al-Khams</i>	214
ii.	Meringankan Bebanan	218
iii.	Menolak Kemudharatan	218
iv.	Memudahkan	220
v.	Keadilan	221
vi.	Ketelusan	223
vii.	Melahirkan Kebahagiaan	224
5.3	Saranan	225
5.3.1	Saranan Kepada Kerajaan	225
5.3.2	Saranan kepada TISB	227
5.3.2	Saranan kepada Masyarakat	231
5.4	Penutup	232

BIBLIOGRAFI	233
--------------------	-----

LAMPIRAN

BAB

PENDAHULUAN

Universiti Malaysia

BAB PENDAHULUAN

PENGENALAN

Islam merupakan agama rahmat untuk sekalian alam (*rahmatan li al 'ālamīn*) sebagaimana yang termaktub dalam firmanNya :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad),
melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

Surah al-Anbiyā“ (21): 107.

Bersesuaian dengan prinsip Syariah yang bersifat syumul, maka wahyu yang diturunkan melalui dua sumbernya yang *muqaddas* iaitu al-Quran dan al-Sunnah mencakupi segenap aspek kehidupan manusia agar mereka dapat menjalani kehidupan di atas muka bumi ini dengan sebaik-baiknya.

Maka, dalam semua bidang termasuk soal aqidah, ibadah, muamalat dan sebagainya Islam telah meletakkan garis panduan yang sewajarnya agar *maqāṣid* (objektif) yang dikehendaki oleh Syariah untuk mewujudkan kehidupan yang sempurna kepada manusia dapat dicapai dan direalisasikan. Dalam bidang muamalat misalnya, Islam mengharuskan pelbagai jenis kontrak atau akad yang tidak bertentangan dengan Syariat Islam seperti jual beli, gadaian, jual beli *salam*, sewa menyewa, takaful dan sebagainya bagi memenuhi keperluan hidup manusia. Semua ini memperlihatkan betapa Islam amat menitikberatkan serta mementingkan setiap perkara yang dapat mendatangkan kebaikan (*maṣlaḥah*) kepada seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Dalam menjalani kehidupan seharian di atas muka bumi ini, tiada siapa pun yang boleh menjamin bahawa dirinya bebas dari sebarang musibah. Ini kerana hakikatnya manusia sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis risiko seperti kehilangan nyawa, hilang keupayaan diri, kemusnahan harta benda, bencana alam dan sebagainya.

Justeru, sebagai umat Islam kita tidak boleh hanya sekadar berpeluk tubuh dan berserah segalanya kepada *qadā'* dan *qadar* Allah SWT tanpa berusaha dan berikhtiar untuk mencari perlindungan serta membuat persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan risiko-risiko tersebut. Kita perlu mencari jalan dan „menyediakan payung sebelum hujan“ sebagai persediaan untuk melindungi diri serta ahli keluarga seandainya terjadi sesuatu musibah yang tidak diingini. Antara instrumen perlindungan yang boleh disertai oleh umat Islam di negara ini ialah skim takaful yang merupakan alternatif kepada insurans konvensional yang telah jelas haram lantaran wujudnya unsur *gharar* (ketidakpastian), *riba* dan juga *maysir* (perjudian).

Sejajar dengan perkembangan industri takaful di Malaysia yang kian pesat, kini terdapat sembilan¹ buah pengendali takaful yang sedang beroperasi di negara kita. Pelbagai produk diperkenalkan dan ditawarkan bagi memberi pilihan kepada masyarakat untuk menentukan pelan perlindungan yang sesuai bagi diri mereka dan

¹ Pengendali takaful berkenaan ialah CIMB Aviva Takaful Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Sdn Bhd, Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd., MAA Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Sila lihat: Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=insurance&type=TKF&lang=bm&fund=0&cu=0>, 12 Disember 2010.

juga ahli keluarga mereka. Namun, menerusi beberapa kajian yang pernah dijalankan mendapati bahawa sambutan masyarakat di negara ini terhadap produk-produk takaful masih berada di tahap yang rendah.² Dengan erti kata yang lain, kadar penembusan pasaran bagi perniagaan takaful dan insurans Islam di Malaysia adalah masih rendah dengan hanya kira-kira lapan peratus penduduk memiliki polisi takaful.³

Jika dilihat dalam konteks yang lebih luas, dianggarkan hanya 40 peratus rakyat Malaysia yang mempunyai perlindungan insurans hayat dan daripada jumlah itu, pemegang polisi dikalangan Bumiputera kurang daripada 10 peratus.⁴ Daripada peratusan tersebut, kita dapat menjangkakan bahawa jumlah peratusan Bumiputera beragama Islam yang melanggan produk takaful tentunya lebih rendah daripada itu.

Berdasarkan perangkaan kasar, didapati bahawa terdapat kira-kira 16 juta penduduk Malaysia yang masih tidak mempunyai sebarang pelan perlindungan.⁵ Berdasarkan kaji selidik yang pernah dijalankan ke atas 430 orang responden juga mendapati bahawa sebanyak 50.5 peratus dari responden tersebut tidak mempunyai sebarang polisi takaful atau insurans.⁶

Antara faktor yang dikenalpasti menjadi punca kepada situasi tersebut adalah disebabkan oleh tahap kesedaran yang masih lagi rendah,⁷ tidak menjadikan rancangan

² Antaranya, kajian oleh Syukriyah Zakaria (2004), "Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful : Kajian di Bagan Serai, Perak" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 78 dan Noor Hashim Taib (2010), "Industri insurans takaful di Malaysia : kajian tentang kesedaran dan kefahaman masyarakat Lembah Kelang" (Thesis Ph.D., Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 363.

³ Harian Metro, Disember 11, 2010: 64 "RM1b caruman menjelang 2015".

⁴ Berita Harian, Ogos 11, 2009: 23 "Peluang ejen insurans hayat Bumiputera besar".

⁵ Berita Harian, November 22, 2010: 26 "Insurans hayat diramal berpotensi berkembang".

⁶ Mohd Bahroddin Badri (2008), "Penerimaan masyarakat Melayu terhadap takaful keluarga : kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 107.

⁷ Noor Hashim Taib, *op. cit.*, h. 362.

perlindungan masa depan sebagai satu keutamaan dan persepsi salah bahawa mendapatkan pelan perlindungan itu adalah mahal.⁸

Apa yang menarik dan perlu diberi perhatian di sini ialah berdasarkan kajian tersebut, mereka yang memilih insurans konvensional sebagai pelan perlindungan beranggapan bahawa syarikat insurans yang mereka sertai mempunyai reputasi yang lebih baik. Di samping itu, produk-produk insurans yang ditawarkan di pasaran juga dianggap lebih komprehensif dan menyediakan manfaat yang menepati keperluan pelanggan. Selain pulangan pelaburan yang lebih baik, mereka juga berpendapat bahawa khidmat yang ditawarkan oleh syarikat insurans lebih cekap dan efisien.⁹

Kenyataan di atas jelas memperlihatkan kepada kita bahawa selain dari kurangnya kesedaran mengenai kepentingan mempunyai perlindungan takaful, kurangnya masyarakat Islam menyertai takaful berbanding dengan masyarakat bukan Islam juga adalah disebabkan oleh sebahagian masyarakat Islam lebih cenderung untuk memilih insurans konvensional sebagai pelan perlindungan kerana produk-produk insurans yang ditawarkan dianggap lebih menepati keperluan mereka.

Kenyataan yang dilihat lebih memihak kepada insurans konvensional ini seharusnya menjadi cabaran kepada syarikat-syarikat takaful untuk mempertingkatkan reputasi syarikat, mutu perkhidmatan dan merangka produk-produk berinovasi bagi menembusi segmen pasaran pemegang polisi insurans sedia ada.¹⁰

⁸ Berita Harian, November 22, 2010: 26 “Insurans hayat diramal berpotensi berkembang”.

⁹ Mohd Bahroddin Badri, *op. cit.*, h. 108. Lihat juga: Mohd Azrul Hisyam bin Ismail (2008), “Keberkesanan Pengendalian Takaful Dalam Memasarkan Produk-produk Takaful Keluarga: Kajian di Ibupejabat Takaful Nasional Sdn. Bhd., Kuala Lumpur” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 217.

¹⁰ Mohd Bahroddin Badri, *op. cit.*, h. 108.

Maka, timbul persoalan di sini apakah faedah serta manfaat perlindungan yang ditawarkan menerusi produk-produk takaful tidak menepati kehendak pelbagai lapisan masyarakat amnya, dan masyarakat Islam khususnya? Atau, apakah produk-produk takaful yang bercirikan Islam dan sewajarnya mengandungi elemen-elemen yang bertepatan dengan kehendak Syarak gagal mengaplikasikan pemakaian elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* tersebut menurut piawaiannya yang sebenar? Dengan erti kata yang lain, apakah produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat takaful kurang menitikberatkan kemaslahatan peserta serta kurang prihatin terhadap kedudukan ekonomi bangsa Melayu beragama Islam yang sememangnya jauh ketinggalan berbanding bangsa lain di negara ini,¹¹ dengan mengenakan bayaran yang lebih mahal berbanding insurans konvensional, hingga menimbulkan persepsi negatif dikalangan masyarakat terhadap syarikat takaful itu sendiri,¹² dan akhirnya masyarakat Islam lebih cenderung untuk memilih perlindungan insurans konvensional kerana secara zahirnya mereka melihat bahawa produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans konvensional lebih menepati kehendak mereka.

Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana produk-produk takaful yang ditawarkan mengandungi elemen *maqāsid al-Sharī'ah* di samping untuk melihat sejauhmana produk-produk tersebut bertepatan dengan *maqāsid al-Sharī'ah* menurut piawaiannya yang sebenar. Ianya perlu agar masyarakat Islam dapat melihat kelebihan serta perbezaan produk-produk takaful berbanding produk-produk insurans menerusi elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang terkandung dibalik produk-produk yang ditawarkan, bagi menambahkan keyakinan mereka terhadap

¹¹ Sila lihat: Unit Perancang Ekonomi, www.epu.gov.my/household-income-proverty, 12 Disember 2010; Utusan Malaysia, Februari 17, 2010: 3 "Robert Kuok kekal terkaya di Malaysia".

¹² Antaranya, syarikat takaful dikatakan sebagai sebuah entiti perniagaan yang bertujuan mengaut keuntungan. Sila lihat: Azman bin Mohd Noor (2009), "Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad" (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Nikko Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009), h. 1.

produk-produk takaful sebagai pelan perlindungan terbaik dan tidak terus-terusan memilih produk-produk insurans konvensional yang jelas mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam. Selain itu, produk-produk takaful yang ditawarkan juga perlulah mengandungi elemen-elemen yang bertepatan dengan kehendak Syarak agar *masalah* yang menjadi objektif utama penurunan Syariah Islam dapat direalisasikan dan manfaat perlindungan takaful dapat dinikmati sepenuhnya oleh seluruh umat Islam.

PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Persoalan yang dapat disimpulkan di sini ialah, dengan kepelbagaian produk perlindungan yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Ikhlas terutamanya menerusi Pelan Takaful Keluarga, apakah elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang terkandung dibalik produk-produk yang ditawarkan, dan sejauhmanakah produk-produk yang ditawarkan bertepatan dengan *maqāsid al-Sharī'ah* menurut piawaian yang sebenar. Untuk mengenalpasti elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* serta ketepatan pemakaian *maqāsid al-Sharī'ah* tersebut terhadap produk yang ditawarkan berdasarkan manfaat serta polisi (terma dan syarat) yang diguna pakai, maka produk-produk Pelan Takaful Keluarga beserta manfaat yang ditawarkan perlu diketahui terlebih dahulu. Seterusnya, penelitian terhadap terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil setiap produk yang ditawarkan juga perlu dilakukan secara bersama.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting untuk menonjolkan serta menyerlahkan lagi kelebihan serta keistimewaan produk-produk Pelan Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh pihak

Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dengan mengenalpasti kewujudan elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah*, bagi memastikan produk-produk yang ditawarkan benar-benar berbeza dengan produk-produk insurans konvensional serta mampu memenuhi keperluan masyarakat, agar dengannya dapat menambahkan keyakinan mereka terhadap produk-produk yang ditawarkan serta dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk mengambil perlindungan takaful. Lebih penting dari itu, diharapkan agar *maṣlahah* yang menjadi objektif utama penurunan Syariah Islam dapat direalisasikan menerusi produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam menawarkan produk-produk takaful agar sentiasa mengambil kira elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dalam setiap produk yang ditawarkan. Di samping itu, menerusi hasil kajian ini diharapkan agar langkah susulan dapat diambil oleh pihak syarikat untuk menambahbaik dan memantapkan lagi produk-produk yang ditawarkan, agar jaminan perlindungan yang sebenar serta kemaslahatan yang terkandung disebalik produk-produk yang ditawarkan dapat dinikmati dan dirasai oleh para peserta. Secara tidak langsung, ianya dapat memberi keyakinan sepenuhnya kepada masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama untuk menyertai skim perlindungan takaful.

Dari segi akademik pula, kajian ini diharapkan dapat menjadi titik-tolak kepada para pengkaji selepas ini agar terus melakukan kajian secara lebih mendalam berkenaan sistem takaful dari sudut *maqāsid al-Sharī'ah* kerana kajian berkaitan menerusi pendekatan yang seumpamanya boleh dikatakan masih terlalu sedikit dan masih kurang diterokai. Antara kajian yang boleh dilakukan adalah kajian terhadap produk-produk Takaful Am dan juga kajian terhadap pemakaian prinsip-prinsip Syariah seperti konsep

muḍārabah dan *wakālah* dalam model pengendalian operasi syarikat takaful dari sudut ketepatannya dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini adalah seperti berikut :

1. Menghuraikan konsep *maqāṣid al-Sharī'ah* serta pembahagiannya menurut Syariah Islam.
2. Menjelaskan konsep takaful dan hubungannya dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*.
3. Mengenalpasti elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam produk-produk Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. melalui analisis mendalam terhadap produk-produk yang ditawarkan.

KAJIAN PENULISAN YANG LALU

Penulisan secara teori tentang insurans¹³ dan takaful¹⁴ telah dilakukan oleh ramai sarjana dan ilmuan Islam, pakar ekonomi Islam dan juga ahli akademik dalam pelbagai bentuk samada menerusi buku, kajian ilmiah, jurnal dan sebagainya. Perbahasan serta perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengannya juga telah banyak dilakukan, antaranya menerusi pembentangan kertas kerja, bengkel dan seminar.

¹³ Dalam bahasa Arab, insurans lebih popular dengan istilah *al-ta'mīn*.

¹⁴ Di Malaysia, istilah "Takaful" lebih sinonim dengan insurans secara Islam. Sila rujuk: *Kamus Dewan* (1998), c. 4. Kuala Lumpur: DBP, h. 1347.

Secara umumnya, didapati bahawa kebanyakan hasil penulisan mengenai insurans oleh sarjana Islam khususnya para sarjana dari Timur Tengah lebih menjurus kepada sejarah perkembangan insurans, pandangan Islam terhadap insurans serta perbincangan para ulama mengenai insurans. Mereka berpandangan bahawa insurans dalam semua bentuknya adalah dibenarkan oleh Islam selagi mana ianya tidak mengandungi unsur-unsur *gharar* (ketidakpastian), *ribā* dan *maysir* (perjudian) dalam aktiviti-aktiviti perniagaan syarikat-syarikat insurans berkenaan. Oleh itu, *al-ta'mīn al-tijārī* (insurans perniagaan) yang berasaskan keuntungan adalah diharamkan kerana ianya mengandungi unsur-unsur *gharar*, *riba* dan *maysir*. Sementara *al-ta'mīn al-ʿāwunī* (insurans kerjasama) yang berasaskan konsep *tabarru'* adalah diharuskan kerana ianya bebas dari unsur-unsur yang diharamkan.

Antara buku-buku hasil penulisan mereka yang dapat disebutkan di sini ialah *Ḥukm al-Islām fī al-Ta'mīn (al-Sūkarah)*,¹⁵ *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām*,¹⁶ *Nizām al-Ta'mīn: Ḥaqīqatuh wa al-Ra'y al-Shar'ī Fīh*,¹⁷ *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Qur'ān al-Karīm : Taḥlīl Iqtisādī wa Fiqhī*,¹⁸ *al-Ta'mīn wa Aḥkāmuh*,¹⁹ *Nizām al-Ta'mīn al-Mu'āshirah fī Mīzān al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*²⁰ dan banyak lagi.

Meskipun penulisan mengenai insurans dan takaful dalam pelbagai bentuk telah banyak dihasilkan, namun penulisan mengenai insurans secara Islam atau takaful dalam bentuk buku yang membincangkan secara khusus mengenai insurans boleh dikatakan masih berada di tahap yang sederhana. Memandangkan penggunaan istilah takaful itu sendiri

¹⁵ 'Abd Allah Nāsiḥ 'Ulwān (1980), *Ḥukm al-Islām fī al-Ta'mīn (al-Sūkarah)*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Salām.

¹⁶ 'Ulwān (1983), *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām*. Cet. 4. Qāhirah: Dār al-Salām.

¹⁷ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā' (1994), *Nizām al-Ta'mīn: Ḥaqīqatuh wa al-Ra'y al-Shar'ī Fīh*. Cet. 4. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

¹⁸ Rabī' Maḥmūd al-Rūbī (1998), *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Qur'ān al-Karīm : Taḥlīl Iqtisādī wa Fiqhī*. Qāhirah: Jāmi'at al-Azhār, Markaz Ṣāliḥ 'Abd Allāh Kāmil.

¹⁹ Sulaymān bin Ibrāhīm (2003), *al-Ta'mīn wa Aḥkāmuh*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

²⁰ Ḥusayn Shihātah (2005), *Nizām al-Ta'mīn al-Mu'āshirah fī Mīzān al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Miṣr: Dār al-Nashr li al-Jāmi'at.

lebih sinonim dengan insurans secara Islam di Malaysia, maka kebanyakan buku yang dihasilkan dilihat lebih menjurus kepada memperkenalkan konsep takaful itu sendiri, sejarah perkembangannya di Malaysia, prinsip-prinsip yang digunapakai, model pengendalian operasi, kelebihan takaful serta perbezaan antara takaful dengan insurans konvensional.

Antara buku terawal yang membicarakan secara khusus mengenai takaful adalah buku bertajuk *Takaful : Sistem Insurans Islam*²¹ hasil tulisan Mohd Fadzli Yusof yang merupakan antara individu yang terlibat secara langsung dengan penubuhan Takaful Malaysia.²² Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau dalam sektor takaful digunakan sepenuhnya dalam penghasilan buku tersebut. Begitu juga dengan buku beliau yang bertajuk *Mengenal Takaful*,²³ turut membincangkan secara khusus mengenai operasi takaful di negara ini, kepentingan menyertai perlindungan takaful serta skop produk yang ditawarkan. Seajar dengan bilangan pengendali takaful yang kian bertambah, maka penulisan tersebut secara tidak langsung turut menyentuh mengenai model pengendalian operasi syarikat takaful lain yang baru bertapak di negara ini. Sebagai bekas Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat (CEO) Takaful Malaysia Berhad, maka kebanyakan ilmu serta pengalaman yang dicurahkan lebih menjurus kepada perjalanan serta operasi Takaful Malaysia itu sendiri.

Selain dari dua buah buku yang telah disebutkan di atas, buku-buku lain yang turut menjurus kepada konsep memperkenalkan sistem takaful kepada masyarakat adalah seperti *Introduction to Takaful*,²⁴ *Takaful: Kepentingan dan Hukum-hukum*

²¹ Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

²² Merupakan pengendali takaful yang pertama di Malaysia.

²³ Mohd Fadzli Yusof (2006), *Mengenal Takaful*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

²⁴ Mohd Fadzli Yusof (t.t.), *Introduction to Takaful*. T.T.P., T.P.

Pelaksanaannya,²⁵ *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*²⁶ dan *Islamic Insurance (Takaful)*.²⁷

Sementara itu, terdapat juga buku-buku yang dihasilkan khusus untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai kerjaya dalam bidang insurans dan takaful serta panduan kepada para ejen insurans dan takaful itu sendiri, atau kepada mereka yang berminat untuk menceburi kerjaya dalam bidang tersebut. Buku yang dimaksudkan adalah seperti *Buku Panduan Asas Takaful*,²⁸ *Buat Duit Sebagai Ejen Insurans dan Takaful*²⁹ dan *Kerjaya Dalam Bidang Insurans*.³⁰

Manakala perbincangan serta kupasan mengenai takaful dalam konteks yang lebih luas termasuk isu-isu semasa yang berkaitan dengannya boleh dilihat menerusi buku bertajuk *Sistem Takaful di Malaysia : Isu-isu Kontemporari* hasil penulisan Asmak Abd. Rahman *et. al.*³¹ dan juga buku bertajuk *Takaful Islamic Insurance - Concept And Regulatory Issues* hasil karya Simon Archer *et al.*³²

²⁵ Pg. Haji Noor Asmawi Pg. Haji Ahmad (2005), *Takaful: Kepentingan dan Hukum-hukum Pelaksanaannya*. Bandar Seri Begawan: DBP Brunei.

²⁶ Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2008), *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

²⁷ Mohd Ma'sum Billah (2003), *Islamic Insurance (Takaful)*, Petaling Jaya, Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

²⁸ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd.

²⁹ Sunthara Segar (2009), *Buat Duit Sebagai Ejen Insurans & Takaful*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

³⁰ Nor Azila Zainal Abidin (2008), *Kerjaya Dalam Bidang Insurans*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

³¹ Asmak Abd. Rahman *et. al.* (ed.) (2008), *Sistem Takaful di Malaysia : Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

³² Simon Archer *et al.* (2009), *Takaful Islamic Insurance - Concept And Regulatory Issues*. Singapore: JohnWiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.

Selain itu, hasil penulisan mengenai takaful juga boleh dilihat dalam bentuk artikel,³³ sub topik³⁴ yang terdapat dalam buku-buku yang membicarakan mengenai kewangan dan muamalat Islam, jurnal,³⁵ kertas kerja³⁶ dan sebagainya.

Berdasarkan keterangan di atas, penulis mendapati bahawa masih belum terdapat sebarang penulisan dalam bentuk buku mahu pun kajian dalam bentuk tesis dan disertasi yang membicarakan secara khusus mengenai takaful, produk-produk yang ditawarkan serta polisi (terma dan syarat) yang digunapakai dari sudut pandangan *maqāsid al-Sharī'ah*. Kebanyakan hasil penulisan yang sedia ada lebih menjurus kepada pengenalan konsep takaful, pandangan ulama mengenai, model pengendalian operasi, kelebihan takaful, perbandingan antara takaful dan insurans konvensional serta isu-isu yang berkaitan dengannya. Sementara itu, perbincangan serta perbahasan yang telah diadakan menerusi seminar, bengkel, pembentangan kertas kerja dan sebagainya juga lebih cenderung kepada perbahasan dari sudut fiqh serta penyelesaian berhubung isu-isu semasa mengenainya. Ini mungkin disebabkan oleh takaful itu sendiri yang merupakan salah satu dari cabang muamalat Islam, maka tidak hairanlah sekiranya penulisan serta perbahasan mengenainya lebih tertumpu serta lebih terarah kepada persoalan fiqh.

³³ Antaranya, sila lihat: Habibah Tolos *et. al.* (2003), "Takaful (Insurans Islam)", dalam Lim Chee Chee, *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 219-247; Fadillah Mansor *et. al.* (2006), "Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia", dalam Ab. Mumin Ab. Ghani *et. al.* (ed.), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 87-99.

³⁴ Antaranya, sila lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 340-350; Mahmoud A. El-Gamal (2006), *Islamic Finance: Law, Economics and Practice*. Cet. 2. New York, USA: Cambridge University Press, h. 147-161; Hailani Muji Tahir *et. al.* (2009), *Aplikasi Fiqh dalam Sistem Kewangan Islam*. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), h. 259-273.

³⁵ Antaranya, sila lihat: Ahmad Hidayat Buang (1993), "Takaful: Akad Insuran atau *Mudarabah*", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, Bil. 1, Januari 1996, h. 139-151; Wan Marhaini Wan Ahmad *et al.* (2005), "Riba dan *Gharar* Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh", *Jurnal Fiqh*, Bil. 2, h. 97-118.

³⁶ Antaranya, sila lihat: Azman bin Mohd Noor (2009), "Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad" (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009); Shamsiah Mohamad dan Asmak Ab Rahman (2009), "Isu-isu Syariah Dalam Produk Takaful dan Retakaful" (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009).

Walau bagaimanapun, penulis mendapati bahawa terdapat satu kajian yang mengambil pendekatan yang hampir serupa dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Kajian tersebut bertajuk “Kedudukan *Maşlahah* dan Roh Perundangan Islam Dalam Produk-produk Syarikat Takaful Malaysia Berhad”³⁷ yang dihasilkan oleh Shaikhah Muhamad Saleh. Bagi mengenalpasti kewujudan *maşlahah* dalam produk-produk yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad serta peranan *maşlahah* dalam melahirkan kebaikan dan menghindarkan kemudharatan terhadap masyarakat, beliau telah menggunakan metode kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan menerusi penelitian, temubual dan penyaringan maklumat daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa elemen *maşlahah* dan roh perundangan Islam sememangnya wujud dalam kepelbagaian produk-produk Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan ternyata bahawa produk-produk tersebut sememangnya berlandaskan Syariat Islam.³⁸

Selebihnya, kebanyakan kajian yang sedia ada mengenai takaful lebih menjurus kepada kajian perbandingan serta kajian mengenai pelaksanaan prinsip-prinsip Syariah di dalam operasi takaful. Antara kajian perbandingan yang telah dijalankan ialah “Prestasi Insurans Islam (Takaful): Satu Analisis Perbandingan Antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd.” yang telah dihasilkan oleh Che“ Zainun Abdul Ghani,³⁹ “Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia” oleh Ridzuan Hashim⁴⁰ dan juga tesis bertajuk “Insurans

³⁷ Shaikhah Muhamad Saleh (2004), “Kedudukan *Maslahah* dan Roh Perundangan Islam Dalam Produk-produk Syarikat Takaful Malaysia Berhad” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

³⁸ *Ibid.*, h. 71-103.

³⁹ Che“ Zainun Abdul Ghani (2006), “Prestasi Insurans Islam (Takaful): Satu Analisis Perbandingan Antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd.” (Disertasi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

⁴⁰ Ridzuan Hashim (2002), “Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Pendidikan : Kajian Perbandingan di PT. Syarikat Takaful Indonesia dan Asuransi Jiwa Bersama Bumiputera 1912” oleh Surya Darma Syam.⁴¹

Kajian mengenai pelaksanaan prinsip-prinsip Syariah di dalam operasi takaful pula dapat dilihat menerusi tesis bertajuk “Al-Wakalah : Impact on the Performance of Takaful Operators” yang telah dihasilkan oleh Hairul Azlan bin Annuar.⁴² Kajian tersebut bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan konsep *al-wakālah* dalam operasi takaful terhadap prestasi syarikat, dengan membuat perbandingan antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd. Hasil kajian mendapati bahawa Takaful Nasional Sdn. Bhd. yang mengaplikasikan konsep *al-wakālah* dalam operasi syarikatnya menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang tidak mengaplikasikan konsep tersebut dalam operasi syarikatnya.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang dilakukan untuk melihat sejauhmana penerimaan masyarakat di sesebuah kawasan terhadap skim takaful, sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Syukriyah Zakaria di dalam tesisnya yang bertajuk “Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful : Kajian di Bagan Serai, Perak”. Kajian tersebut bertujuan untuk menilai kefahaman yang menjadi asas kepada penerimaan masyarakat di Bagan Serai, Perak terhadap skim takaful yang berlandaskan Syariah Islam. Ini kerana menurut beliau masih terdapat dikalangan masyarakat Islam yang menyertai insurans konvensional sedangkan terdapat syarikat-syarikat insurans Islam yang turut menawarkan pelbagai produk takaful kepada masyarakat. Kajian yang telah dijalankan menerusi kaedah soal-selidik terhadap orang ramai mendapati bahawa

⁴¹ Surya Darma Syam (2008), “Insurans Pendidikan : Kajian Perbandingan di PT. Syarikat Takaful Indonesia dan Asuransi Jiwa Bersama Bumiputera 1912” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴² Hairul Azlan bin Annuar (2001), “Al-Wakalah : Impact on the Performance of Takaful Operators” (Disertasi, Kuliah Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa).

kefahaman masyarakat masih berada ditahap yang sederhana.⁴³ Hasil kajian juga mendapati bahawa sambutan masyarakat terhadap skim takaful masih berada ditahap yang rendah⁴⁴ yang mana ianya telah dipengaruhi oleh kefahaman masyarakat terhadap skim takaful itu sendiri.⁴⁵

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa masih belum terdapat sebarang kajian secara khusus yang dibuat oleh para sarjana dan penyelidik sama ada dalam bentuk buku, tesis dan sebagainya mengenai produk-produk Pelan Takaful Keluarga khususnya di Syarikat Takaful Ikhlas menurut perspektif *maqāṣid al-Sharī'ah*.

SKOP KAJIAN

Skop kajian penulis hanya tertumpu kepada produk-produk yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan ianya merangkumi Pelan Asas dan juga Pelan Manfaat Tambahan (*rider*). Bagi mengenalpasti kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* di dalam produk-produk yang ditawarkan, maka kajian penulis tidak hanya tertumpu kepada manfaat serta kelebihan setiap produk. Sebaliknya, perhatian akan turut diberikan kepada syarat-syarat dan terma yang terkandung dalam sijil setiap produk. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan produk-produk yang terdapat dalam Pelan Takaful Keluarga Individu, tidak termasuk produk-produk dalam Pelan Takaful Am dan juga Pelan Takaful Keluarga Berkelompok. Kajian ini juga tidak menyentuh mana-mana syarikat takaful yang lain.

⁴³ Syukriyah Zakaria (2004), *op. cit.*, h. 76.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 78.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 80.

Tujuan penulis memilih Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. sebagai sampel kajian adalah kerana:

Pertama, tanpa bersikap prejudis dan tanpa menafikan keupayaan serta kredibiliti pengendali takaful yang lain, penulis beranggapan bahawa Syarikat Takaful Ikhlas berpotensi untuk terus berkembang maju dan melebarkan sayap ke peringkat global. Kenyataan ini adalah berdasarkan bahawa setelah lebih tujuh tahun beroperasi, pencapaian syarikat dilihat amat memberangsangkan dan banyak kejayaan serta anugerah telah berjaya diraih.

Ianya dapat dilihat menerusi perolehan syarikat yang saban tahun menyaksikan peningkatan dari segi kutipan premiumnya. Pada tahun kewangan 2005, Takaful Ikhlas memperoleh kutipan sumbangan sebanyak RM 147 juta, terus meningkat kepada RM 224 juta pada tahun 2006 dan RM 428 juta pada tahun 2007.⁴⁶ Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2009, Takaful Ikhlas telah mencatat kutipan premium sebanyak RM580 juta, melebihi jumlah yang disasarkan iaitu sebanyak RM 520 juta.⁴⁷

Sementara itu, kesungguhan serta iltizam pihak syarikat untuk menjenamakan produk takaful di negara ini serta sasaran untuk muncul sebagai antara syarikat pengendali takaful terbaik dalam industri takaful di negara ini menjelang tahun 2010⁴⁸ dapat dibuktikan menerusi beberapa anugerah serta pengiktirafan yang telah berjaya diraih oleh pihak syarikat. Antaranya ialah Anugerah Penyedia Takaful dan Takaful Semula Terbaik 2008, Anugerah „Jenama Terbaik dalam Produk Pelanggan-Penjagaan

⁴⁶ Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/pusatMedia/berita_detail.asp?intID=603, 18 November 2010.

⁴⁷ Wan Jemizan bin Wan Deraman, Penolong Naib Presiden, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 7 Ogos 2009, jam 3.00 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

⁴⁸ Utusan Malaysia Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0217&pub=utusan_malaysia&sec=Korporat&pg=ko_02.htm&arc=hive, 2 Februari 2009.

Kesihatan”, BrandLaureate-PKS 2008 serta Anugerah bagi Kategori Produk Takaful Paling Inovatif sempena Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur 2008 (IMAT)⁴⁹, Anugerah BrandLaureate SMEs Chapter Awards 2009 untuk Jenama Terbaik dalam Perkhidmatan Perlindungan Kewangan Islam dan Jenama Terbaik Perkhidmatan Insurans Kesihatan⁵⁰ dan juga Anugerah Produk Takaful Terbaik bagi produk Ikhlas Medic Assist Takaful (IMAT) pada Anugerah Takaful Antarabangsa 2010 yang diadakan sempena Persidangan Takaful Antarabangsa Keempat 2010 di Jumeirah Carlton Tower, London.⁵¹

Di samping itu, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. juga merupakan Syarikat takaful/insurans pertama yang telah menerima Sijil MS1900:2005.⁵² Setelah lebih tujuh tahun beroperasi, Takaful Ikhlas juga kian bertapak kukuh apabila memiliki asset bernilai RM 1.2 bilion.⁵³

Kedua, kelainan serta keunikan (menurut pandangan penulis) yang terdapat pada penjenamaan Syarikat Takaful Ikhlas itu sendiri turut menarik perhatian serta minat penulis untuk menjalankan kajian berkaitan produk-produk yang ditawarkan. Berdasarkan pengamatan, Syarikat Takaful Ikhlas merupakan satu-satunya pengendali takaful di negara ini yang menggabungkan dua kalimah *Islamic* iaitu “takaful” dan “Ikhlas” sebagai jenama syarikat. Justeru, timbul keinginan di hati penulis untuk melihat sejauhmana nilai-nilai murni yang ditonjolkan sebagai jenama syarikat itu benar-benar wujud serta diaplikasikan menerusi produk-produk yang ditawarkan,

⁴⁹ Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/GUI/pdf/awardartikel.pdf>, 14 Jun 2009.

⁵⁰ Utusan Malaysia, Januari 13, 2010: 20 “Takaful Ikhlas Terima Anugerah”.

⁵¹ *Kosmo!*, Julai 20, 2010: 54 “IMAT Takaful terima anugerah”.

⁵² Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/pusatMedia/siaranAkhbar_detail.asp?intID=326, 14 Jun 2009.

⁵³ Utusan Malaysia, Februari 17, 2010: 19 “Takaful Ikhlas mahu agresif lagi”.

seterusnya berupaya memberi *maṣlaḥah* (kebaikan) kepada para peserta, sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarak.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Di dalam kajian ini, penulis telah menggunakan metode-metode yang tertentu. Metode-metode tersebut ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data.

A. Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data ialah proses pengumpulan data-data yang diperolehi. Berikut adalah jenis-jenis metode pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini:

i. Metode Dokumentasi

Melalui metode ini penulis telah merujuk buku-buku, kitab-kitab, penulisan ilmiah dan sebagainya samada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab untuk pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan. Maklumat yang diperolehi lebih berbentuk konsep mengenai *maqāṣid al-Sharī'ah* dan juga konsep takaful menurut Islam. Penulis telah memperolehi maklumat mengenai kajian dari perpustakaan Utama Universiti Malaya, perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur. Metode ini telah digunakan oleh penulis dalam bab pertama dan kedua.

Menerusi metode ini juga, penulis telah berusaha mengumpulkan maklumat berkaitan produk Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., dengan merujuk kepada risalah-risalah yang terdapat di ibu pejabat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. di Petaling Jaya, Selangor. Selain itu, penulis turut merujuk kepada sijil-sijil pelan perlindungan asas Takaful Keluarga seperti Ikhlas Savings Takaful, Ikhlas Education Takaful Classic dan Ikhlas Wanita Takaful serta sijil-sijil pelan perlindungan tambahan (*rider*) bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan produk-produk Pelan Takaful Keluarga. Segala maklumat yang diperolehi telah dikumpulkan dan dimuatkan dalam bab ketiga.

ii. Metode Temubual

Metode ini telah membantu penulis untuk mendapatkan maklumat tambahan serta penerangan lanjut berkenaan produk-produk Pelan Takaful Keluarga yang terdapat di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Selain itu, metode ini juga digunakan untuk memastikan kesahihan maklumat mengenai produk-produk Pelan Takaful Keluarga yang telah diperolehi menerusi sijil-sijil Takaful Keluarga, risalah-risalah produk dan juga laman web.

Antara mereka yang ditemubual oleh penulis ialah ustaz Wan Jemizan bin Wan Deraman, iaitu Penolong Naib Presiden, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual penulis dikhususkan kepada pandangan beliau serta persoalan mengenai elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* yang terdapat dalam produk-produk Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Bagi mendapatkan keterangan lanjut serta perincian mengenai produk-produk yang ditawarkan menerusi Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., penulis telah menemubual ustaz Hisham bin

Hamzah, iaitu Pengurus Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan juga ustaz Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, selaku Eksekutif Kanan, Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Selain itu, penulis turut menemubual dua orang wakil ejensi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. bagi mendapatkan maklumat tambahan serta penerangan lanjut berkaitan produk-produk Pelan Takaful Keluarga, iaitu En. Abdul Mutalib bin Hj Abdul Rahman (Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Hijjaz Ventures Resources) dan juga En. Syahrul Idham bin Abdul Rahim (Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Seribu Dinar). Tumpuan metode ini adalah di dalam bab yang ketiga.

Bagi mengukuhkan serta mengesahkan lagi hasil kajian, penulis juga telah menemubual tiga orang individu yang berpengalaman luas serta berkepakaran dalam bidang masing-masing. Bagi tujuan tersebut, penulis telah menemubual Yang Berbahagia Dato[™] Mohd Fadzli bin Yusof, selaku antara penggerak utama terhadap penubuhan Syarikat Takaful yang pertama di negara ini, yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad. Penulis juga telah menemubual Yang Berbahagia Dato[™] Mokhtar bin Shafii, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan juga Yang Berbahagia Dato[™] Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, yang juga ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. Temubual penulis dikhususkan kepada persoalan mengenai elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* yang terdapat dalam produk-produk Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., selain dari mendapatkan pandangan mereka berkenaan perkembangan takaful di negara ini serta beberapa persoalan semasa yang berkaitan dengannya.

B. Metode Analisis Data

Metode ini adalah proses terakhir dalam penyelidikan. Dalam menganalisis maklumat yang diperolehi, penulis telah menggunakan metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

i. Metode Induktif

Metode induktif ialah menganalisis data melalui pola berfikir untuk mendapatkan pembuktian dari hal-hal bersifat khusus bagi mencapai dalil yang bersifat umum. Contoh bagi kajian penulis adalah maklumat yang diperolehi menerusi penelitian terhadap manfaat produk-produk Takaful Ikhlas menerusi sijil-sijil Takaful Keluarga, risalah-risalah produk, laman web, laporan akhbar dan juga pendapat responden melalui temubual. Ini bermakna, apabila penulis telah memperolehi maklumat mengenai kelebihan serta manfaat sesuatu produk, maka analisis akan dilakukan terlebih dahulu berdasarkan maklumat yang diperolehi. Dengan ini, ia adalah jawapan kepada kajian penulis.

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah menganalisis dan melakukan penulisan berdasarkan dari hal-hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil yang bersifat khusus. Contoh dari kajian penulis adalah mengeluarkan pendapat yang lebih terperinci mengenai elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam produk-produk Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas berdasarkan maklumat yang telah diperolehi, selain dari mengemukakan

beberapa cadangan untuk menambahbaik produk-produk di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. agar ianya dapat memberi manfaat yang sepenuhnya kepada para peserta.

iii. Metode Komparatif

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi sepanjang kajian dilakukan. Penulis akan mengumpulkan semua data yang diperolehi dan membuat perbandingan. Di dalam kajian ini, perbandingan dilakukan dengan cara melihat persamaan serta perbezaan antara produk-produk insurans konvensional dengan produk-produk takaful bagi mengenalpasti kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* menurut piawaiannya yang sebenar menerusi produk-produk yang ditawarkan dalam Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

SISTEMIKA PENULISAN

Kajian ini mempunyai lima bab dan dimulakan dengan bab pendahuluan sebagai pengenalan dan juga pengantar kepada kajian ini. Bab pertama yang merupakan landasan teori terhadap kajian ini, membicarakan mengenai teori *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam Islam. *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam muamalat turut disentuh di akhir bab.

Bab kedua yang juga merupakan landasan teori terhadap kajian ini, mengemukakan tentang konsep takaful serta hubungannya dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*. Perbandingan antara produk insurans konvensional dengan produk takaful turut dibuat bagi mencari kewujudan elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* menurut piawaiannya yang sebenar berdasarkan kedua-dua produk tersebut.

Sementara itu, bab ketiga pula merupakan pengenalan terhadap produk-produk Pelan Takaful Keluarga (Individu) yang terdapat di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Manfaat bagi setiap produk yang ditawarkan serta terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil (polisi) dihuraikan satu persatu di dalam bab ini.

Manakala bab keempat pula merupakan proses penganalisan terhadap elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang terdapat dalam produk-produk Pelan Takaful Keluarga di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Analisa yang dilakukan adalah berdasarkan manfaat produk dan juga terma dan syarat sijil (polisi).

Bab yang terakhir, iaitu bab yang kelima merupakan kesimpulan dan saranan penulis berdasarkan kajian yang dilakukan.

BAB SATU

Universiti Malaysia

BAB SATU

TEORI *MAQASID AL-SHARI'AH* DALAM ISLAM

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membicarakan beberapa definisi *maqāṣid al-Sharī'ah*, istilah lain yang berkaitan dengannya, asas-asas *maqāṣid*, pengkategorian, kaedah mengenalinya di samping penjelasan mengenai *maṣlaḥah* yang menjadi asas kepada *maqāṣid*. *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam muamalat juga turut disentuh di akhir bab.

1.2 DEFINISI *MAQASID AL-SHARI'AH*

Perbincangan mengenai definisi *maqāṣid al-Sharī'ah* akan dihuraikan dari sudut bahasa yang berasas kepada pemecahan ungkapan ini iaitu *maqāṣid* dan *al-Sharī'ah* secara berasingan, kemudian melihatnya sebagai satu ungkapan yang tersendiri sebagai satu istilah.

1.2.1 Dari sudut bahasa

Dari sudut bahasa, *maqāṣid* adalah perkataan jamak kepada *maqṣad* yang berasal dari perkataan *قصد* yang memberi maksud jalan yang lurus, keadilan, pegangan, punca dan kesederhanaan.¹

¹ Ibn Manẓūr (1994), *Lisān al-ʿArab*, j. 3, c. 3. Beirut: Dār Ṣādir, h. 353-354.

Manakala *Sharī'ah* pula berasal dari perkataan *شريع* yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus mengalir.²

1.2.2 Dari sudut istilah

Meskipun prinsip mengenai *maqāsid al-Sharī'ah* telah diperkatakan oleh para ulama³ Usul Fiqh sejak zaman awal lagi, namun tidak terdapat definisi khusus tentang konsep ini yang telah dibuat oleh para ulama⁴ berkenaan. Apa yang ada hanyalah kenyataan-kenyataan secara umum yang menyentuh prinsip berkenaan atau hal-hal yang berkait dengannya.³ Malah, Imām al-Shāṭibī yang terkenal sebagai pelopor ilmu *maqāsid* pun tidak pernah memberikan definisi khusus mengenainya.⁴

Berikut merupakan beberapa ungkapan berkaitan *maqāsid al-Sharī'ah* yang telah diberikan oleh para ulama⁵ silam yang terdapat di dalam kitab-kitab hasil penulisan mereka:

Dalam kitab *Shifā' al-Ghalīl*, Imām al-Ghazālī menyebut bahawa:

“*Maṣlaḥah* itu kembali kepada mendatangkan manfaat atau menolak kemudharatan. Ungkapan yang memadai tentang *maṣlaḥah* ialah bahawa *munāsabah* (kemaslahatan yang sesuai) itu kembali kepada memelihara perkara yang dimaksudkan (oleh Syarak). Maksud atau tujuan yang ingin dicapai itu ada yang bersifat keagamaan dan ada yang bersifat duniawi. Setiap satu dari keduanya, ada yang untuk memperolehnya dan ada yang untuk mengekalkannya. Untuk memperolehnya, sering disebut dengan

² *Ibid.*, j. 8, h. 175.

³ Paizah Hj Ismail (2004), “Maqasid al-Shari’ah Dalam Pengajian Usul Fiqh” (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Usul Fiqh – SUFI 2004 di Kolej Universiti Islam Malaysia, 15-16 Disember 2004), h. 68.

⁴ Rosli Mokhtar *et. al.* (2007), *Maqāsid al-Sharī'ah: Hikmah Di Sebalik Pensyariatannya*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., h. 31.

mendatangkan *maṣlaḥah* dan untuk mengekalkannya sering disebut dengan menolak kemudharatan”.⁵

Menurutnya lagi, apa yang dikehendaki oleh Syarak adalah pemeliharaan terhadap jiwa, akal, alat kelamin dan harta.⁶ Seterusnya, beliau telah membahagikan *maqāṣid* kepada tiga peringkat iaitu *al-darūrāt*, *al-ḥājāt* dan *al-taḥsīm*.⁷

Berdasarkan ungkapan yang telah diberikan oleh al-Ghazālī, didapati bahawa beliau tidak menyatakan secara khusus pengertian *maqāṣid al-Sharī‘ah*, sebaliknya apa yang ada hanyalah keterangan mengenai pengertian *maṣlaḥah* serta *maṣlaḥah* yang ingin dipelihara oleh Syarak. Begitu juga di dalam kitabnya *al-Mustaṣfā*, beliau hanya menyatakan pengertian *maṣlaḥah* di samping memberikan penegasan bahawa apa yang dimaksudkan dengan *maṣlaḥah* ialah memelihara tujuan Syarak. Beliau turut mengulangi tentang hal-hal berkenaan secara lebih jelas dan mantap. Beliau menyebut penjagaan terhadap agama sebagai objektif paling utama bagi hukum. Istilah “alat kelamin” sepertimana yang disebut dalam *Shifā‘ al-Ghalīl* telah digantikan dengan istilah lain iaitu “keturunan”. Beliau kemudian menegaskan bahawa lima kepentingan asas sepertimana yang disebutkan itu terdapat dalam semua agama.⁸

Menurut Saif al-Dīn al-Āmidī: “Maksud dari pensyariatan hukum sama ada mendatangkan *maṣlaḥah* atau menolak kemudharatan, atau himpunan antara keduanya”.⁹

⁵ al-Ghazālī (1999), *Shifā‘ al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masalīk al-Ta‘līl*. Cet. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 79.

⁶ *Ibid.*, h. 80.

⁷ *Ibid.*

⁸ al-Ghazālī, *Al-Mustaṣfā Min ‘Ilm al-Usūl*, j. 1, c. 1. Beirut: Dār Aḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabī, hh. 286-288.

⁹ Saif al-Dīn al-Āmidī (1980), *al-Iḥkām Fī Usūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 389.

Menurut Imām al-Shāṭibī pula: “Objektif Syarak merujuk kepada pemeliharaan objektifnya terhadap makhluk (manusia). Objektif tersebut terbahagi kepada tiga iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*”.¹⁰ Beliau juga menyebut bahawa: “Sesungguhnya tujuan pensyariatannya adalah untuk menegakkan kemaslahatan di dunia dan di akhirat”.¹¹

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa para ulama silam tidak memberikan definisi khusus tentang *maqāṣid* tetapi membataskan *maqāṣid* kepada perkara-perkara yang dinyatakan. Mereka juga lebih memfokuskan *maqāṣid* itu sebagai memelihara tujuan Syarak terhadap manusia.

Berikut pula merupakan pentakrifan secara khusus mengenai *maqāṣid al-Sharī‘ah* yang telah diberikan oleh beberapa sarjana Islam kontemporari:

Menurut Ibn ‘Āshūr dalam kitab beliau *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*:

“*Maqāṣid al-‘āmmah* (objektif umum) Syariah ialah pengertian dan hikmah yang dapat difahami daripada Syariah Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatannya. Ini bermakna *maqāṣid* bukanlah pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hakam tertentu secara khusus. Maka pengertian ini termasuklah objektif umum Syariah serta segala pengertian yang dapat difahami menerusi pensyariatannya, juga segala pengertian yang tidak dapat difahami menerusi keseluruhan hukum-hakamnya, tetapi menerusi sebahagian besar darinya”.¹²

Di bahagian akhir kitabnya, Ibn ‘Āshūr telah memberikan pengertian *maqāṣid al-khāṣṣah* (objektif khusus) sebagai “cara-cara yang dikehendaki oleh Syarak untuk

¹⁰ Abū Ishāq al-Shāṭibī (1999), *al-Muwāfaqāt Fī Usūl al-Sharī‘ah*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 324.

¹¹ al-Shāṭibī, *ibid.*, h. 350.

¹² Lihat: Muḥammad Ṭāhir al-Misāwī (1999), *al-Sheikh Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āshūr wa Kitābuhu Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, T.T.P.: al-Baṣā‘ir Li al-Intāj al-‘Ālamī, h. 171.

merealisasikan kehendak manusia yang bermanfaat, atau untuk memelihara kemaslahatan mereka secara umum dalam urusan mereka secara khusus”.¹³

Berdasarkan definisi objektif umum dan khusus yang telah diberikan oleh Ibn ‘Āshūr itu tadi, maka ‘Alāl al-Fāsi telah menghimpunkan kedua-duanya menerusi takrifan beliau sendiri sepertimana yang terdapat dalam kitabnya *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*: “Apa yang dimaksudkan dengan *maqāṣid al-Sharī‘ah* ialah tujuan serta rahsia yang ditentukan oleh Syarak dalam setiap hukum-hakamnya”.¹⁴ Menerusi definisi tersebut, “tujuan” adalah merujuk kepada objektif umum, sementara “rahsia yang ditentukan oleh Syarak dalam setiap hukum-hakamnya” pula merujuk kepada objektif khusus.¹⁵

Yūsuf Ḥāmid al-Ālim pula mentakrifkan *maqāṣid* sebagai: “*Maṣlaḥah* yang kembali kepada hambaNya di dunia dan di akhirat, sama ada penghasilan *maṣlaḥah* tersebut dengan cara mendatangkan manfaat atau pun dengan cara menolak kemudharatan”.¹⁶

Sementara Muḥammad al-Yūbī mentakfirkan *maqāṣid al-Sharī‘ah* sebagai “Pengertian, hukum dan seumpamanya yang dipelihara oleh Syarak dalam pensyariatannya sama ada ianya umum atau khusus, yang bertujuan untuk mencapai kemaslahatan hambaNya”.¹⁷

¹³ *Ibid.*, h. 300.

¹⁴ Lihat: Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badawī (2000), *Maqāṣid al-Sharī‘ah*, *Inda Ibn Taymiyyah*. Jordan: Dār al-Nafā‘is, h. 48.

¹⁵ Aḥmad al-Raysūnī (1992), *Naẓariyyah al-Maqāṣid*, *Inda al-Imām al-Shāḥibī*, c. 2. Beirut: al-Ma‘had al-Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, h. 6.

¹⁶ Yūsuf Ḥāmid al-Ālim (1991), *al-Maqāṣid al-Āmmah li al-Sharī‘at al-Islāmiyyah*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, h. 79.

¹⁷ Muḥammad al-Yūbī (1998), *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Wa ‘Alāqatuhā Bi al-Adillah al-Tashrī‘iyyah*. Riyāḍ: Dār al-Hijrah Li al-Nashr Wa al-Taūzī‘, h. 389.

Yusuf al-Qarḍāwī pula menyatakan bahawa: “*Maqāṣid al-Sharī‘ah* ialah mendatangkan kemaslahatan terhadap manusia dan menolak kemudharatan dan kerosakan darinya”.¹⁸

Manakala definisi yang diberikan oleh al-Raysūnī: “*Maqāṣid al-Sharī‘ah* ialah matlamat yang ditentukan oleh Syariah Islam untuk dicapai demi kepentingan umat manusia”.¹⁹

Seterusnya, al-Raysūnī²⁰ telah membahagikan *maqāṣid al-Sharī‘ah* kepada tiga iaitu objektif umum (*al-maqāṣid al-‘ammah*), objektif khusus (*maqāṣid al-khāṣṣah*) dan objektif serpihan (*maqāṣid al-juz‘iyyah*).²¹

Menurutnya, objektif umum (*al-maqāṣid al-‘ammah*) ialah objektif yang hendak dicapai oleh Syariah Islam melalui pensyariaan keseluruhannya atau sebahagian besar daripadanya. Objektif inilah yang dimaksudkan oleh para ulama“ Usul Fiqh apabila mereka memperkatakan tentang *maqāṣid al-Sharī‘ah*.²²

Objektif khusus (*maqāṣid al-khāṣṣah*) pula ialah objektif yang hendak dicapai oleh Syariah Islam melalui pensyariaan tertentu. Misalnya, melalui hukum kekeluargaan, muamalat kewangan dan sebagainya.²³

Manakala objektif serpihan (*maqāṣid al-juz‘iyyah*) ialah objektif yang hendak dicapai oleh Syariah Islam melalui sesuatu hukum Syarak yang tertentu. Misalnya,

¹⁸ Yusuf al-Qarḍāwī (1986), *Fiqh al-Zakāt*. Cet. 16. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, h. 31.

¹⁹ al-Raysūnī *op. cit.*, h. 7.

²⁰ Sebenarnya pembahagian ini telah pun terlebih dahulu dilakukan oleh al-Imām al-Ghazālī. Cumanya, terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaan istilah, iaitu *maṣlaḥah ‘ammah*, *maṣlaḥah aghlab* dan *maṣlaḥah shakhṣ mu‘ayyin*. Sila lihat: al-Ghazālī, *Shifā‘ al-Ghalīl*, *op. cit.*, hh. 101-102.

²¹ al-Raysūnī, *ibid.*, hh. 7-8.

²² al-Raysūnī, *ibid.*, hh. 7; Paizah Hj Ismail, *op. cit.*, h. 68.

²³ al-Raysūnī, *ibid.*, hh. 8; Paizah Hj Ismail, *ibid.*

menghalalkan jual beli, mengharamkan arak, mewajibkan sembahyang dan sebagainya.²⁴

1.3 ISTILAH-ISTILAH LAIN YANG BERKAITAN DENGAN *MAQASID*

Terdapat beberapa istilah yang berkait rapat dengan istilah *maqāsid al-Sharī'ah*. Antaranya ialah *al-ḥikmah*, *al-illaḥ* dan *al-maṣlaḥah*.

1.3.1 *Al-Ḥikmah*

Al-ḥikmah membawa erti yang sama dengan *maqṣad*, iaitu kata asas bagi istilah *maqāsid al-Sharī'ah*. Dengan lain perkataan, istilah “hikmah pensyariaan” (*ḥikmah al-tashrī'*) adalah sama erti dengan “*maqāsid al-Sharī'ah*”. Cumanya, istilah *al-ḥikmah* lebih kerap digunakan oleh ulama“ fiqh berbanding ulama“ Usul Fiqh yang lebih banyak menggunakan istilah *maqṣad*.²⁵

Bagi para ulama“ fiqh, penggunaan istilah *al-ḥikmah* ini merujuk kepada objektif Syariah (*maqṣūd al-Shārī'*). Manakala bagi para ulama“ usul pula, istilah ini merujuk sama ada kepada *maqāsid* sesuatu hukum ataupun kesesuaian (relevensi) sesuatu hukum (*al-ma'nā al-munāsib*).²⁶

1.3.2 *Al-ʿIllah*

²⁴ al-Raysūnī, *ibid.*, h. 8; Paizah Hj Ismail, *ibid.*

²⁵ al-Raysūnī, *ibid.*, hh. 8-9; Paizah Hj Ismail, *ibid.*, h. 69.

²⁶ al-Raysūnī, *ibid.*, h. 10.

Istilah *al-illah* pada mulanya digunakan bagi maksud yang sama dengan istilah *al-hikmah*. Namun, kemudian ia digunakan bagi mengertikan sifat zahir yang secara konsisten (*mundabit*) dikaitkan dengan mana-mana hukum Syarak. Apa yang sebenarnya berkait dengan sesuatu hukum itu adalah *hikmah* atau *maqṣad* yang merupakan objektif kepada pensyariatan hukum itu sendiri. Tetapi, oleh kerana *hikmah* itu sendiri biasanya berkait rapat dengan sifat zahir yang konsisten itu tadi iaitu *illah*, maka *illah* itu telah dianggap sebagai berkait dengan hukum berkenaan. Tujuannya bagi memudahkan orang ramai mengenali hukum berkenaan.²⁷

Dalam bab *rukṣah* misalnya, tujuannya sangat jelas iaitu untuk meringankan bebanan dan kesusahan atas *mukallaḥ* berkenaan. Ianya adalah *hikmah*, *maqṣūd*, dan juga *illah* sebenar bagi keringanan tersebut. Namun, Syarak tidak menyuruh agar mereka menggunakan hukum *rukṣah* tersebut setiap kali mereka merasai bebanan dan kesusahan. Sebaliknya, Syarak menentukan sifat atau sebab tertentu yang membolehkan *mukallaḥ* mengambil hukum *rukṣah* tersebut. Sifat dan sebab yang zahir dan konsisten inilah yang dinamakan oleh para ulama²⁸ Usul Fiqh sebagai *illah* bagi hukum *rukṣah*. Contohnya seperti musafir, sakit, tidak berdaya, terpaksa dan sebagainya.²⁸

1.3.3 *Al-Maslahah*

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, Imām al-Ghazālī menyebut bahawa apa yang dimaksudkan dengan *maṣlahah* ialah memelihara tujuan Syarak. Dan tujuan Syarak yang ingin dicapai dari makhluk ada lima iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Maka setiap hukum yang bertujuan memelihara asas yang

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

lima ini dianggap sebagai *maṣlaḥah*, dan setiap yang menafikan asas-asas ini dianggap sebagai *mafsadah* dan menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maṣlaḥah*.²⁹

Berdasarkan kenyataan di atas, al-Badawī menyatakan bahawa *maqāṣid* dan *maṣlaḥah* membawa pengertian yang sama. Ini kerana, *maṣlaḥah* ialah setiap apa yang mengandungi pemeliharaan terhadap tujuan Syarak dan menolak kerosakan darinya.³⁰

1.4 PENGKATEGORIAN *MAQASID AL-SHARI'AH*

Terdapat pelbagai pengkategorian yang telah diberikan oleh para ulama³¹ silam serta sarjana Islam kontemporari terhadap *maqāṣid al-Sharī'ah* menurut perspektif yang tertentu.

Al-Ghazālī misalnya, telah membahagikan *maqāṣid al-Sharī'ah* kepada tiga iaitu *al-darūrāt*, *al-ḥājāt* dan *al-taḥsīn*.³¹ Al-Raysūnī pula, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini telah membahagikan *maqāṣid al-Sharī'ah* kepada tiga iaitu objektif umum (*al-maqāṣid al-ʿammah*), objektif khusus (*maqāṣid al-khāṣṣah*) dan objektif serpihan (*maqāṣid al-juz'īyah*).³² Sementara Muḥammad al-Badawī pula telah mengkategorikan *maqāṣid al-Sharī'ah* kepada lapan perspektif yang berbeza.³³

Namun begitu, penulis hanya akan menghuraikan mengenai pembahagian *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut kekuatan serta kepentingannya. Jika dilihat dari sudut ini, para ulama³⁴ silam antaranya Imām Ḥaramayn, al-Ghazālī, al-'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām, Ibn Taymiyyah dan al-Shāṭibī telah membahagikan *maqāṣid al-Sharī'ah*

²⁹ al-Ghazālī, *op. cit.*

³⁰ al-Badawī, *op. cit.*, h. 60.

³¹ al-Ghazālī, *Shifā' al-Ghalīl*, *op. cit.*, h. 80.

³² Lihat: al-Raysūnī, *op. cit.*, h. 7-8.

³³ Lihat: al-Badawī, *op. cit.*, h. 123-135.

terhadap makhluknya kepada tiga iaitu *al-ḍarūriyyāt*, *al-ḥājīyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt*.³⁴ Sebelum itu, perlu dinyatakan bahawa apabila disebut pembahagian *maqāsid al-Sharī'ah*, maka apa yang dimaksudkan di sini ialah pembahagian *maṣlahah* yang hendak dijaga oleh syariat Islam.³⁵

1.4.1 *Al-Daruriyyat*

Apa yang dimaksudkan dengan *al-ḍarūriyyāt* ialah sesuatu yang amat diperlukan bagi mencapai *maṣlahah* (kebaikan) agama dan dunia. Tanpanya, sistem hidup akan terganggu dan kebaikannya tidak akan diperolehi.³⁶ Dalam erti kata yang lain, tanpanya pelbagai kerosakan dan kemudharatan akan timbul dalam hidup manusia.

Menerusi kajian secara terperinci (*al-istiqrā'*), al-Shāṭibī³⁷ telah membahagikan *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas) kepada lima iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Menurut beliau, semua agama memandang perkara ini sebagai kepentingan asas.³⁸

Menurutnya lagi, Syariat Islam memelihara *al-ḍarūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) ini melalui dua cara iaitu:

³⁴ Abdul Monir bin Yaacob (2004), "Maqasid Shari'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum", dalam Paizah Hj Ismail *et. al.* (ed.), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, c. 2. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., h. 173; al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 324.

³⁵ Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid *et. al.* (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., h. 187; Wahbah al-Zuhaylī (2001), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j.2, c. 2. Damshiq: Dār al-Fikr, h. 1056-1057.

³⁶ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 324.

³⁷ Begitu juga Imām al-Ghazālī. Lihat: al-Ghazālī, *op. cit.*, h. 256-257.

³⁸ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 326.

(a) Secara positif, iaitu dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya.

(b) Secara negatif, iaitu dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut.³⁹

Huraian mengenai contoh-contoh pemeliharaan terhadap *al-darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) tersebut ialah seperti berikut:

i. Agama

Bagi merealisasikan agama, Allah telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima. Bagi memeliharanya pula, Islam telah mewajibkan jihad terhadap golongan yang ingin menghancurkan agama dan menghalang golongan yang ingin keluar dari agama (murtad).⁴⁰

ii. Jiwa

Bagi memelihara jiwa, disyariatkan perkahwinan dan diharamkan zina agar berkekalan generasi manusia dengan jalan yang sah.⁴¹ Selain itu, Allah memerintahkan manusia agar memelihara dirinya dengan cara menyediakan makanan dan minuman yang secukupnya, pakaian dan tempat tinggal.⁴² Bagi menghalang serta menolak

³⁹ *Ibid.*, h. 324-325.

⁴⁰ Lihat: ‘Abd al-Wahhāb Khalāf (t.t.), *Ilm Usūl al-Fiqh*, c. 7. Lubnan: T.P., h. 164; Hassan Hj Ahmad (2001), “Maqasid Syari‘ah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum”, dalam Abdul Karim Ali *et. al.* (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, c. 2. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 64.

⁴¹ Perkahwinan yang disyariatkan ini akan menghasilkan suatu ikatan serta kewajipan terhadap ibu bapa agar menyediakan keperluan anak-anak mereka, sebagaimana kewajipan suami memberikan nafkah terhadap isterinya bagi menjamin kesejahteraan diri mereka. Sila lihat: al-‘Ālim, *op. cit.*, h. 272-273.

⁴² al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 325.

kemudharatan yang boleh mengancam ketenteraman jiwa, maka diwajibkan hukuman *qiṣās*, *diyāt* dan *kaffārah* terhadap mereka yang melakukan sebarang kecedaraan atau pembunuhan ke atas orang lain.⁴³

iii. Akal

Bagi memelihara akal, Allah mengharuskan setiap perkara yang menjamin kesejahteraan serta menyuburkannya dengan cara menuntut ilmu. Pada masa yang sama, Allah mengharamkan setiap perkara yang boleh merosakkan serta melemahkan akal fikiran seperti meminum arak dan menghisap dadah. Selain itu, Islam mensyariatkan agar dikenakan hukuman ke atas mereka yang meminum arak dan menghisap dadah.⁴⁴

iv. Keturunan

Bagi memastikan berkekalannya keturunan, maka disyariatkan perkahwinan. Bagi memeliharanya pula, Islam mengharamkan zina, menuduh orang lain berzina tanpa mendatangkan saksi (*qadhaf*), menggugurkan kandungan, serta menjatuhkan hukuman terhadap orang yang melakukannya agar tidak berlakunya percampuran nasab dan dapat memelihara kemuliaan dan kehormatan manusia.⁴⁵

v. Harta

Untuk mendapatkan harta, Islam mewajibkan kita agar berusaha mencari rezeki dan mensyariatkan muamalat sesama manusia seperti berjual beli, sewa menyewa,

⁴³ Lihat: Khalāf, *ibid.*; Hassan Hj Ahmad *ibid.*; al-Zuhaylī, *op. cit.*, h. 1049, al-Badawi, *op. cit.*, h. 464.

⁴⁴ Lihat: Khalāf, *ibid.*, h. 165; al-Zuhaylī, *ibid.*

⁴⁵ Lihat: Khalāf, *ibid.*; Zaidān (1996), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, c. 5. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 380.

hibah, perkongsian (syarikat), pinjaman dan sebagainya. Bagi memeliharanya pula, diharamkan memakan harta orang lain dengan cara yang batil seperti mencuri, berjudi, riba, rasuah, khianat dan sebagainya. Selain itu, ditetapkan hukuman seperti potong tangan bagi kesalahan mencuri dan pampasan ganti rugi bagi kerosakan serta kehilangan harta orang lain.⁴⁶

1.4.2 *Al-Hajyyat*

Al-hājīyyāt pula merupakan sesuatu yang diperlukan oleh manusia untuk memberi kemudahan dan kesenangan serta menghilangkan kesusahan dalam hidup mereka. Tanpanya, akan timbul kesusahan dan kesulitan dalam hidup mereka namun tidak sampai membawa kepada tahap kemusnahan.⁴⁷

Al-hājīyyāt (keperluan biasa) yang boleh memberi kemudahan dan menghapuskan kesusahan hidup kepada manusia terdapat dalam ibadat, adat kebiasaan, muamalat dan juga keseksaan.

Di dalam ibadat misalnya, diberikan *rukḥṣah* (keringanan) kepada orang yang bermusafir untuk melakukan sembahyang jamak dan qasar, dibolehkan berbuka puasa di bulan Ramadhan bagi orang yang sakit dan bagi orang yang bermusafir, dibolehkan melakukan solat secara duduk bagi yang tidak mampu untuk berdiri, diharuskan tayammum dan dibolehkan untuk menunaikan solat di dalam kapal meskipun dada tidak menghadap ke arah kiblat.⁴⁸

⁴⁶ Lihat: Khalāf, *ibid.*; Rosli Mokhtar, *op. cit.*, h. 100.

⁴⁷ Al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 326.

⁴⁸ Lihat: al-Shāṭibī, h. 327; Khalāf, *op. cit.*, h. 165.

Di dalam adat kebiasaan pula, diharuskan berburu dan menikmati rezeki yang baik dan halal termasuk makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya.⁴⁹

Di dalam muamalat, diharuskan pelbagai jenis kontrak atau akad yang bermatlamat memenuhi keperluan manusia seperti pinjaman, jual beli, sewaan, bersyarikat, memberi jaminan dan sebagainya. Diharuskan juga akad yang pada asalnya tidak bertepatan dengan qiyas seperti jual beli *salam*, perkilangan dan pertanian kerana ianya sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan dan menjadi keperluan manusia. Selain itu, disyariatkan talaq dalam perkahwinan sebagai pilihan terakhir dan sebagainya.⁵⁰

Manakala di dalam keseksaan, Islam memberi kepada waris mangsa bunuh hak bunuh balas (*qiṣās*) dan bantu membantu di antara keluarga pembunuh dengan menanggung *diyat* dan disyariatkan penolakan hukum hudud dengan sebab syubhat.⁵¹

1.4.3 *Al-Taḥsīniyyat*

Sementara yang dimaksudkan dengan *al-taḥsīniyyāt* ialah sesuatu yang memberi keselesaan hidup bagi tujuan melengkapkan lagi kehidupan manusia dari segala seginya.⁵² Ianya juga berkaitan dengan kemuliaan akhlak. Tanpanya, tidak menjejaskan kehidupan manusia dan tidak pula membawa kepada kesusahan hidup. Namun, ianya

⁴⁹ Lihat: *ibid.*; Hassan Hj Ahmad, *op. cit.*, h. 65.

⁵⁰ Lihat: al-Shāṭibī, *ibid.*, h. 327; Khalāf, *op. cit.*, h. 166; Hassan Hj Ahmad, *ibid.*

⁵¹ Hassan Hj Ahmad, *ibid.*, h. 65.

⁵² Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid *et. al.*, *op. cit.*, h. 189.

akan membawa kepada pertentangan dengan kehendak maruah, akhlak yang mulia dan kesejahteraan hidup.⁵³

Al- taḥṣīniyyāt (keperluan tambahan) terdapat dalam ibadat, adat kebiasaan, muamalat dan juga keseksaan. Di dalam ibadat, disyariatkan bersuci seperti berwuduk, menutup aurat, memakai pakaian yang cantik apabila ke masjid dan menghampirkan diri kepadaNya dengan melakukan amalan-amalan sunat seperti bersedekah, berpuasa dan sebagainya.⁵⁴

Di dalam adat kebiasaan pula, disunatkan agar mengamalkan adab-adab makan dan minum seperti makan dengan menggunakan tangan kanan, tidak memakan benda-benda yang kotor dan meminum minuman yang memudharatkan serta tidak berlebihan di dalam makan minum, berpakaian dan sebagainya.⁵⁵

Di dalam muamalat, Islam melarang unsur-unsur penipuan, jual beli benda-benda yang kotor dan memudharatkan, melakukan pembaziran dan membeli atas belian orang lain.⁵⁶

Manakala di dalam keseksaan, Islam mengharamkan pembunuhan ke atas orang-orang perempuan, kanak-kanak dan paderi ketika dalam peperangan, melakukan penyiksaan, membunuh orang yang tidak bersenjata dan membakar orang yang sudah mati atau masih hidup.⁵⁷

1.4.4 Mukammilat (Pelengkap) *al-Daruriyyat*, *al-Hajjiyyat* dan *al-Taḥṣīniyyat*

⁵³ Zaydān, *op. cit.*, h. 381.

⁵⁴ Al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 327; Zaydān, *ibid.*

⁵⁵ Zaydān, *ibid.*, h. 381; Hassan Hj Ahmad, *op. cit.*, h. 66.

⁵⁶ Lihat: Khalāf, *op. cit.*; Zaydān, *ibid.*

⁵⁷ Lihat: Khalāf, *ibid.*, h. 167; Zaydān, *ibid.*

Bagi setiap daripada *maqāsid al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas), *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) dan *al-taḥsīmiyyāt* (keperluan tambahan), kesemuanya mempunyai pelengkap yang diistilahkan sebagai *mukammilāt*.⁵⁸ Pelengkap ini disyariatkan bagi mencapai objektif ketiga-tiga *maqāsid* tersebut dengan penuh kesempurnaan dan mengukuhkan pemeliharaan terhadap semua prinsip tersebut. Namun begitu, tanpa adanya pelengkap tersebut tidak pula menjejaskan hukumnya yang asal.⁵⁹

Antara contoh pelengkap bagi *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas) ialah disyariatkan azan dan solat secara berjemaah bagi menyempurnakan kewajipan solat, mengambil kira persamaan dalam pelaksanaan hukum bunuh balas (*qiṣās*) bagi memelihara nyawa dan untuk mengelakkan timbulnya perasaan tidak puas hati dan permusuhan, diharamkan meminum arak walaupun sedikit dan tidak memabukkan, diharamkan melihat aurat perempuan *ajnabiyyah* dan berdua-duaan dengannya bagi menutup pintu zina dan sebagainya.⁶⁰

Contoh pelengkap bagi *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) pula seperti disyariatkan *kafā'ah* (persamaan taraf) antara pasangan suami isteri agar wujud kebahagiaan, persefahaman dan kasih sayang di antara keduanya. Selain itu, diharuskan solat jamak dan qasar ketika bermusafir, diharamkan jual beli yang mengandungi unsur *gharar* (penipuan), disyariatkan agar pelanggan mendapat hak *khiyār* (pilihan) bagi barangan yang ingin dibeli dan sebagainya.⁶¹

Manakala contoh pelengkap bagi *al-taḥsīmiyyāt* (keperluan tambahan) seperti adab-adab ketika bersuci serta sunat-sunatnya, tidak membatalkan ibadah yang sedang

⁵⁸ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 327.

⁵⁹ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 327-328.

⁶⁰ al-Zuḥayli, *op. cit.*, h. 1052.

⁶¹ *Ibid.*, h. 1053.

dilakukan, bersedekah dengan harta yang baik dan menyembelih binatang yang terbaik semasa melakukan ibadah korban dan aqiqah.⁶²

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapat dikatakan bahawa *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) merupakan pelengkap kepada *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas). *Al-taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan) pula merupakan pelengkap kepada *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa). Sementara *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas) merupakan *maṣlaḥah* yang paling utama.⁶³

1.4.5 Kedudukan *al-Daruriyyat*, *al-Hajiyat* dan *al-Taḥsiniyyat*

Berdasarkan keutamaan *maqāṣid al-Sharī'ah*, *al-ḍarūriyyāt* merupakan *maṣlaḥah* yang paling utama serta menduduki tangga yang pertama. Diikuti oleh *al-ḥājīyyāt* dan seterusnya *al-taḥsīniyyāt*.

Menurut al-Shāṭibī, *maqāṣid al-ḍarūriyyāt* merupakan asas kepada *al-ḥājīyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt*.⁶⁴ Dalam erti kata yang lain, apa yang menjadi asas kepada semua kepentingan tersebut adalah *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas). Sedangkan *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) sebagai pendokong kepadanya, sementara *al-taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan) pula sebagai pendokong kepada keperluan biasa. Kedudukan ini perlu diambilkira dalam menentukan keutamaan hukum atau dalam memberi keutamaan kepada mana-mana *maṣlaḥah* apabila berlaku percanggahan antara satu sama lain.

⁶² *Ibid.*; Rosli Mokhtar, *op. cit.*, h. 107.

⁶³ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 328-329.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 331.

Berasaskan kepada keutamaan inilah al-Shāṭibī membentuk lima kaedah seperti berikut:⁶⁵

- (a) *Al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas) sebagai asas kepada *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) dan *al-taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan).
- (b) Kerosakan *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas) akan menyebabkan kerosakan kepada keperluan yang lain.
- (c) Kerosakan keperluan lain tidak semestinya boleh merosakkan *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas).
- (d) Kerosakan *al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) dan *al-taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan) boleh menyebabkan kerosakan kepada *al-ḍarūriyyāt* (kepentingan asas).
- (e) *Al-ḥājīyyāt* (keperluan biasa) dan *al-taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan) perlu dijaga bagi tujuan menjaga *al-ḍarūriyyat* (kepentingan asas).

1.5 KAEDAH MENGENALI *MAQASID*

Untuk menentukan samada sesuatu itu adalah *maqāṣid* yang dikehendaki oleh Syarak atau sebaliknya bukanlah satu perkara yang mudah. Oleh itu, para ulama⁶⁶ telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengenali *maqāṣid al-Sharī'ah*. Menurut al-Shāṭibī, kaedah untuk mengenali *maqāṣid al-Sharī'ah* adalah seperti berikut:

⁶⁵ *Ibid.*

1.5.1 Memahami *maqāsid* tersebut bersesuaian dengan kehendak bahasa Arab⁶⁶

Menurut Imām al-Shaṭībī, selain bertujuan untuk mendatangkan kemaslahatan kepada manusia,⁶⁷ tujuan Syariat Islam diturunkan adalah untuk difahami.⁶⁸ Memandangkan al-Quran itu sendiri diturunkan di dalam bahasa Arab,⁶⁹ maka untuk memahami Syariat yang terkandung di dalamnya memerlukan kepada pemahaman terhadap bahasa Arab.⁷⁰ Dengan erti kata yang lain, Syariat Islam tidak akan dapat difahami dengan sebenar-benarnya tanpa pemahaman terhadap bahasa Arab dengan sebenar-benarnya. Maka, sesiapa yang dapat menguasai bahasa Arab ia mampu untuk memahami *maqāsid al-Sharī'ah* dengan sebaik-baiknya.⁷¹ Tambahan pula, adalah sesuatu yang mustahil dan agak sukar untuk menterjemahkan al-Quran secara tepat kepada bahasa yang selain dari bahasa Arab itu sendiri.⁷²

1.5.2 Suruhan dan larangan semata-mata

Menerusi kaedah ini, dapat difahami bahawa *maqāsid* di sebalik suruhan ialah melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Sementara *maqāsid* di sebalik larangan dan tegahan ialah meninggalkan apa yang dilarang olehNya. Namun, kaedah ini adalah bagi mereka yang melihat suruhan dan larangan tersebut secara zahir tanpa melihat kepada sebab musababnya.⁷³

⁶⁶ Di dalam kitab *al-Muwāfaqāt*, kaedah ini tidak termasuk antara empat kaedah yang dikemukakan oleh Imām al-Shāṭibī untuk mengenali *maqāsid*. Kaedah yang pertama ini merupakan kaedah menurut al-Raysūnī berdasarkan pengamatan serta pemahaman beliau.

⁶⁷ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 324.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 375.

⁶⁹ Lihat: Surah Yūsuf (12): 3; surah al-Shu,arā'' (26): 195 dan surah al-Naḥl (16): 103.

⁷⁰ al-Shāṭibī, *op. cit.*

⁷¹ al-Raysūnī, *op. cit.*, h. 272.

⁷² al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 378.

⁷³ *Ibid.*, h. 667.

1.5.3 Penilaian terhadap *illah* suruhan dan larangan

Kaedah ini melibatkan penelitian terhadap sebab-musabab (*illah*) pensyariatan sesuatu hukum menerusi kaedah-kaedah tertentu yang terdapat di dalam ilmu Usul Fiqh. Sekiranya *illah* sesuatu hukum itu dapat dikenal pasti maka hendaklah ia diikuti. Umpamanya, disyariatkan perkahwinan bagi mengekalkan keturunan, disyariatkan jual beli bagi mendapatkan manfaat barangan tersebut dan disyariatkan hukum hudud bagi tujuan mencegah. Sebaliknya, jika *illah* sesuatu hukum itu tidak dapat dikenal pasti maka ianya perlu kepada kepastian Syarak berhubung objektif pensyariatan sesuatu hukum tersebut.⁷⁴

1.5.4 Penilaian terhadap *maqasid asliyyah* (objektif asal) dan *maqasid tabi'ah* (objektif sampingan)

Di dalam pensyariatan sesuatu hukum, terdapat objektif utama yang dikehendaki oleh Syarak. Pada masa yang sama juga, terdapat pula objektif sampingan yang mengiringi dan menjadi pelengkap kepada objektif utama itu tadi. Sebagai contoh, objektif utama disyariatkan perkahwinan adalah untuk mengekalkan keturunan. Di samping itu, ianya juga dapat memberikan ketenangan, dapat hidup bersama, saling bantu membantu bagi memperolehi kemaslahatan di dunia dan di akhirat, dapat mengecapi kenikmatan dengan cara yang halal, dapat memelihara diri dari terjerumus ke lembah maksiat dan sebagainya. Kesemua ini merupakan objektif yang dikehendaki oleh Syarak menerusi pensyariatan perkahwinan.⁷⁵

⁷⁴ *Ibid.*, h. 668-669.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 670-671.

1.5.5 Keadaan berdiam diri (*sukūt*) oleh Syarak dalam keadaan yang memerlukan keterangan

Terdapat dua keadaan berdiam diri (*sukūt*) oleh Syarak mengenai hukum:

Pertama, keadaan berdiam diri oleh Syarak dalam keadaan yang tidak memerlukan keterangan serta penetapan sesuatu hukum. Contohnya, tiada penurunan al-Quran setelah kewafatan baginda Rasulullah SAW, pengumpulan al-Quran dalam satu mashaf ketika zaman sahabat dan penyusunan serta pembukuan ilmu. Ini kerana, objektif Syarak mengenainya sudah jelas.

Kedua, keadaan berdiam diri oleh Syarak dalam keadaan yang memerlukan keterangan serta penetapan sesuatu hukum. Keadaan berdiam diri seperti ini menunjukkan seolah-olah kehendak Syarak tersebut tidak bertambah dan tidak pula berkurang. Dalam erti kata yang lain, keadaan berdiam diri seperti ini dengan sendirinya merupakan suatu ketetapan yang boleh diambil kira. Contohnya seperti tidak bercakap ketika berpuasa dan menahan diri dari menikmati makanan yang tertentu.⁷⁶

1.5.6 Penelitian serta kajian secara terperinci (*istiqrā'*)

Kaedah ini boleh dianggap sebagai kaedah yang paling penting serta paling utama untuk mengenal *maqāṣid al-Sharī'ah*. Namun, agak menghairankan bilamana Imām al-Shāṭibī tidak menyenaraikan kaedah ini sebagai salah satu dari empat kaedah untuk mengenalinya. Malah, dianggarkan bahawa beliau menggunakan istilah *istiqrā'*

⁷⁶ *Ibid.*, h. 682-683.

ini sebanyak seratus kali di dalam kitabnya, iaitu al-Muwāfaqāt. Ini menunjukkan betapa pentingnya kaedah tersebut menurut Imām al-Shāṭibī.⁷⁷

Umumnya, kaedah ini melibatkan penelitian secara terperinci terhadap dalil-dalil yang *menthābitkan maqāsid al-Sharī'ah*. Penelitian ini boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada penelitian terhadap semua dalil yang ada ataupun sebahagian daripadanya. Penelitian terhadap semua dalil sudah tentu akan menghasilkan natijah yang *qat 'ī* (pasti). Manakala penelitian terhadap sebahagiannya pula akan menghasilkan natijah yang *ẓanni*.⁷⁸

Antara ungkapan Imām al-Shāṭibī yang menunjukkan beliau mengutamakan kaedah ini ialah : “Sesungguhnya penelitian serta kajian secara terperinci (*istiqrā'*) terhadap pensyariatian hukum menunjukkan bahawa Syariat Islam diturunkan untuk kemaslahatan hambaNya”.⁷⁹ Menerusi kaedah ini jugalah, beliau menetapkan bahawa lima kepentingan asas (iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) merupakan matlamat yang ingin dipelihara oleh Syarak terhadap para hambaNya.⁸⁰

1.6 HUBUNGKAIT *MASLAHAH* DENGAN *MAQASID AL-SHARI'AH*

Perbincangan mengenai *maqāsid al-Sharī'ah* seakan tidak lengkap jika kita tidak menyentuh mengenai *maṣlaḥah*. Ini kerana kedua-duanya mempunyai kaitan yang cukup rapat antara satu sama lain.

⁷⁷ al-Raysūnī, *op.cit.*, h. 284.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ al-Shāṭibī, *op.cit.*, h. 322.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 324.

1.6.1 Definisi *maṣlahah*

(a) Dari segi bahasa

Menurut Ibn Manẓūr: “*Maṣlahah* bererti kebaikan, dan ia merupakan kata *mufrad* bagi kalimah *maṣālih*”.⁸¹ Manakala menurut Quṭub Muṣṭafā Sānū pula: “*Maṣlahah* bererti baik dan manfaat”.⁸² Pengertian *maṣlahah* dari sudut bahasa juga dapat difahami menerusi takrifan yang telah diberikan oleh Imam al-Ghazali iaitu “mendatangkan manfaat dan menolak kemudharatan”.⁸³

(b) Dari segi istilah

Menurut Imām al-Ghazālī, *maṣlahah* sebenar ialah *maṣlahah* yang bertujuan memelihara tujuan Syarak yang ingin dicapai dari makhluk terhadap lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Menurutnya lagi, setiap hukum yang bertujuan memelihara lima perkara asas tersebut dianggap sebagai *maṣlahah*, dan setiap yang menafikan asas-asas tersebut dianggap sebagai *mafsadah* dan menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maṣlahah*.⁸⁴

Menerusi definisi *maṣlahah* yang telah diberikan oleh Imām al-Ghazālī, dapat difahami bahawa *maṣlahah* menurut pandangan manusia adalah berbeza dengan *maṣlahah* menurut pandangan Syarak. Ini kerana, *maṣlahah* menurut pandangan manusia ialah setiap apa yang bertujuan mendatangkan manfaat atau menolak kemudharatan. Sementara *maṣlahah* menurut pandangan Syarak pula ialah setiap

⁸¹ Ibn Manẓūr (1972), *Lisān al-‘Arab*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 348.

⁸² Quṭub Muṣṭafā Sānū (2000), *Mu‘jām Muṣṭalahāt Usūl al-Fiqh*. Damshiq: Dār al-Fikr, h. 415.

⁸³ Sila lihat: al-Ghazālī, *Shifā‘ al-Ghalīl*, *op. cit.*, h. 79.

⁸⁴ al-Ghazālī, *al-Mustasfā*, *op. cit.*, hh. 256-257.

hukum yang bertujuan memelihara lima kepentingan asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Jelasnya, kemaslahatan yang ingin dicapai oleh manusia belum tentu sama dengan kemaslahatan yang dikehendaki oleh Syarak. Begitulah sebaliknya.

Sementara menurut al-Khawārizmī pula: “*Maṣlaḥah* ialah memelihara objektif Syarak (*maqāṣid al-Sharī‘ah*) dengan cara menolak keburukan daripada makhluk”.⁸⁵ Jika diperhalusi pengertian yang diberikan oleh al-Ghazālī dan al-Khawarizmi, maka didapati bahawa kedua-duanya mempunyai persamaan dari sudut makna kerana menolak keburukan daripada makhluk pasti akan mendatangkan *maṣlaḥah*, sebagaimana menolak *maṣlaḥah* daripada makhluk yang pastinya akan mengakibatkan *mafsadah*.⁸⁶

Kenyataan yang sama turut diberikan oleh al-Shāṭibī. Menurut beliau: “Tujuan pensyariatan adalah untuk melahirkan kemaslahatan samada di dunia mahupun di akhirat”.⁸⁷

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan oleh para ulama⁸⁸ itu tadi berhubung *maṣlaḥah*, jelas menunjukkan bahawa *maṣlaḥah* mempunyai kaitan yang cukup erat dengan *maqāṣid al-Sharī‘ah*. Ini kerana melahirkan kemaslahatan (*maṣlaḥah*) dan menolak sebarang bentuk kemudharatan (*mafsadah*) merupakan tujuan utama pensyariatan.

⁸⁵ al-Ālim, *op. cit.*, h. 135.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ al-Shāṭibī, *op.cit.*, h. 350.

1.6.2 Pembahagian *maṣlaḥah*

Dalam bahagian ini, penulis akan membentangkan secara ringkas pembahagian *maṣlaḥah* dari dua sudut utama, iaitu dari sudut penerimaan Syarak terhadapnya dan juga dari sudut kekuatan serta kepentingannya.

(a) Dari sudut penerimaan Syarak terhadapnya

Pembahagian *maṣlaḥah* dari sudut ini terbahagi kepada tiga iaitu *maṣlaḥah* yang diambil kira oleh Syarak (*al-maṣāliḥ al-mu'tabarah*), *maṣlaḥah* yang tidak diambil kira oleh Syarak (*al-maṣāliḥ al-mulghāh*) dan *maṣlaḥah* yang tiada penjelasan Syarak samada diambil kira atau sebaliknya (*al-maṣāliḥ al-mursalah*).⁸⁸

i. *Al-Maṣāliḥ al-Mu'tabarah*

Al-maṣāliḥ al-mu'tabarah ialah *maṣlaḥah* yang diambil kira oleh Syarak kerana jelas terdapat hukum-hukum yang berkaitan dengannya seperti memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka, Allah mensyariatkan jihad bagi mempertahankan agama, hak balas bunuh (*qiṣās*) bagi memelihara nyawa, hukuman terhadap peminum arak bagi menjaga akal, hukuman sebatan terhadap orang yang berzina dan *qadhaf* (menuduh orang berzina) bagi menjaga keturunan dan hukuman potong tangan terhadap pencuri bagi memelihara harta.

Namun, bagi perkara-perkara yang tidak dinaskan oleh Syarak, maka pendekatan *qiyās* digunakan, iaitu dengan cara mencari persamaan dari sudut „*illāh*

⁸⁸ Zaydān, *op. cit.*, h. 236.

(sebab) antara perkara yang dinaskan dengan perkara yang tidak dinaskan oleh Syarak bagi menentukan hukum mengenainya.⁸⁹

ii. *Al-Maṣāliḥ al-Mulghāh*

Disebalik *al-maṣāliḥ al-mu'tabarāh*, terdapat pula *al-maṣāliḥ al-mulghāh* iaitu *maṣlaḥah* yang tidak diambil kira oleh Syarak. Contohnya adalah seperti berlebih-lebihan serta melampaui batas dalam beragama. Sesetengah sahabat baginda Rasulullah SAW menganggap bahawa berlebih-lebihan dalam beragama adalah sesuatu yang baik (*maṣlaḥah*) sehinggakan ada di antara mereka yang tidak makan kerana sering berpuasa, tidak berkahwin dan tidak tidur pada malam hari kerana sibuk beribadah. Namun, Syarak tidak mengiktiraf dan mengambil kira *maṣlaḥah* tersebut berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "*Tiada pengasingan diri (rahbāniyyah) di dalam Islam*".⁹⁰

iii. *Al-Maṣāliḥ al-Mursalāh*

Diantara *al-maṣāliḥ al-mu'tabarāh* dan *al-maṣāliḥ al-mulghāh*, terdapat pula *al-maṣāliḥ al-mursalāh* iaitu *maṣlaḥah* yang tiada penjelasan Syarak mengenainya samada menerusi nas-nas al-Quran, al-Sunnah mahupun ijmak. Contohnya seperti mengumpulkan al-Quran sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat baginda SAW.⁹¹

Para ulama⁹² bersepakat mengatakan bahawa tidak boleh mengguna pakai *al-maṣāliḥ al-mursalāh* dan ijtihad dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengabdian diri

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ al-Zuhaylī, *op. cit.*, h. 753-754.

⁹¹ Zaydān, *op. cit.*, h. 237.

kepada Allah SWT (, *ibādah*). Namun, mereka berbeza pendapat dalam hal-hal yang berkaitan dengan muamalat. Sebahagian mereka memprakui *al-maṣālih al-mursalah* sebagai hujah, antaranya ialah Imām Mālik dan Imām Aḥmad bin Ḥanbal. Sebahagian yang lain pula mengingkarinya. Antaranya ialah golongan Zāhiriyyah yang bukan sahaja menafikan kehujahan *al-maṣālih al-mursalah* tetapi juga *qiyās*. Selain itu, terdapat juga *qawl* (pendapat) yang mengatakan bahawa pengikut madhhab Shāfi'ī dan Ḥanafī turut mengingkari *al-maṣālih al-mursalah*. Namun, kita akan dapati betapa kebanyakan ijtihad mereka berasaskan kepada *al-maṣālih al-mursalah*.⁹²

(b) Dari sudut kekuatan dan kepentingannya

Pembahagian *maṣlaḥah* dari sudut ini terbahagi kepada tiga iaitu *maṣlaḥah darūriyyāt*, *ḥājīyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Pembahagian ini sama seperti pembahagian yang diberikan oleh para ulama⁹³ terhadap *maqāṣid al-Sharī'ah*. Ini kerana pembahagian *maqāṣid al-Sharī'ah* bererti pembahagian *maṣlaḥah* yang hendak dijaga oleh Syariat Islam. Keterangan mengenainya sudah pun penulis huraikan sebelum ini.⁹³

1.6.3 Syarat-syarat beramal dengan *maṣalih al-mursalah*

Terdapat beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh ulama⁹⁴ Mālikī dan Ḥanbalī bagi membolehkan seseorang mujtahid itu beramal dengan *maṣālih al-mursalah*. Antaranya adalah seperti berikut:

⁹² *Ibid.*

⁹³ Sila lihat: h. 33-40.

Pertama, *maṣlaḥah* tersebut mestilah selari dengan objektif yang hendak dicapai oleh Syarak dan tidak bertentangan dengan nas atau dalil yang *qat'ī*.⁹⁴ Namun, sekiranya *maṣlaḥah* tersebut tiada nas yang tertentu baginya, al-Shāṭibī menyatakan bahawa:

“Setiap prinsip hukum Islam (*maṣlaḥah*) yang tidak ditunjukkan oleh nas tertentu, namun jika ianya sejajar dengan tindakan Syarak, dan diambil pengertiannya menerusi dalil-dalil Syarak, maka nas itu adalah benar (*ṣaḥīḥ*), dapat dijadikan landasan hukum Islam dan dapat dijadikan tempat kembali, bilamana prinsip tersebut (*maṣlaḥah*) bersifat pasti berdasarkan himpunan sejumlah dalil-dalil Syarak. Ini kerana, sesuatu dalil itu tidak dapat menunjukkan hukum yang pasti secara bersendirian tanpa digabungkan dengan yang lain. Termasuk dalam hal ini adalah *istidlāl al-mursal (maṣāliḥ al-mursalah)* yang dibenarkan oleh Imam Mālik dan Shāfi'ī. Meskipun dalam sesuatu masalah cabang itu ianya tidak ditunjukkan oleh dalil yang tertentu, maka baginya adalah dalil *kullī* (bersifat umum). Dalil *kullī* apabila bersifat pasti, kekuatannya sama dengan satu dalil yang tertentu”.⁹⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat difahami bahawa Imam Mālik dan Shāfi'ī membenarkan dan menerima *maṣlaḥah mursalah* yang selari dengan kehendak Syarak, yang mana ianya dapat diketahui menerusi himpunan sejumlah dalil yang membawa maksud pasti.

Kedua, *maṣlaḥah* tersebut dapat difahami dan berlaku atas sifat-sifat yang munasabah yang dapat diterima oleh orang yang berakal bahawa kewujudan *maṣlaḥah* tersebut adalah untuk mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan.⁹⁶

Ketiga, *maṣlaḥah* tersebut diambilkira bagi menjaga kepentingan asas (*al-darūrī*) atau untuk menghilangkan kesempitan dan kesusahan hidup.⁹⁷ Sebagaimana firman Allah SWT:

⁹⁴ al-Zuhaylī, *op. cit.*, h. 799; Zaydān, *op. cit.*, h. 242.

⁹⁵ al-Shāṭibī (1991), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 27; Lihat: KH. Ahmad Munif Suratmaputra (2002), *Filsafat Hukum Islam Al-Ghazali: Masalah Mursalah dan Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus, h. 83-84.

⁹⁶ al-Zuhaylī, *op. cit.*, h. 799; Zaydān, *op. cit.*, h. 242.

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama”

Surah al-Ḥajj (22): 78.

Keempat, *maṣlaḥah* tersebut hendaklah *maṣlaḥah* yang dapat memberi kebaikan kepada orang ramai, bukannya kepada individu atau golongan tertentu sahaja. Ini kerana hukum-hakam pensyariatan adalah untuk umat manusia secara keseluruhannya.⁹⁸

1.6.4 Ciri-ciri *maṣlaḥah Sharʿīyyah*

Maṣlaḥah Sharʿīyyah pula mempunyai beberapa cirinya yang tersendiri. **Pertama**, ianya mestilah bersumberkan petunjuk Syarak, bukan bersandarkan hawa nafsu atau akal semata-mata. Ini kerana akal manusia adalah terbatas dan sering dipengaruhi oleh hawa nafsu. Bagaimanapun, Syarak tidak menolak kemungkinan akal manusia boleh memahami sebahagian dari *maṣlaḥah* berhubung perkara keduniaan.⁹⁹

Kedua, *maṣlaḥah* dan *mafsadah* di dalam Syariah Islam juga tidak terbatas kepada penilaian dunia sahaja, akan tetapi berasaskan kepada penilaian dunia dan akhirat. Berasaskan kepada ciri ini, jelas menunjukkan bahawa *maqāṣid al-Sharīʿah* adalah untuk menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh kerana itu, dalam menentukan samada sesuatu itu *maṣlaḥah* atau *mafsadah*, nilai-nilai dunia dan akhirat perlu diambil kira secara bersama.¹⁰⁰

⁹⁷ Zaydān, *ibid.*

⁹⁸ al-Zuhaylī, *op. cit.*, h. 780.

⁹⁹ al-ʿAlīm, *op. cit.*, h. 140.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 143.

Ketiga, *maṣlaḥah* tersebut mestilah tidak terbatas kepada mengecapi kenikmatan dari sudut kebendaan (material) sahaja. Ini kerana, fitrah kemanusiaan yang bersih bukan sahaja menginginkan kenikmatan dari sudut kebendaan, tetapi juga dari sudut kerohanian (spiritual) iaitu dengan cara menundukkan hawa nafsu.¹⁰¹

Keempat, kemaslahatan agama merupakan asas kepada kemaslahatan yang lain. Demi menjaga kemaslahatan agama, kemaslahatan yang lain perlu dikemudiankan.¹⁰²

Sementara menurut al-Būṭī, *dawābiṭ* (syarat-syarat) bagi *maṣlaḥah Sharʿiyyah* ialah *maṣlaḥah* tersebut mestilah *maṣlaḥah* yang dikehendaki oleh Syarak. Selain itu, *maṣlaḥah* tersebut mestilah tidak bertentangan dengan al-Quran, tidak bertentangan dengan Sunnah, tidak bertentangan dengan qiyas dan tidak melenyapkan *maṣlaḥah* yang lebih utama darinya.¹⁰³

1.6.5 Objektif Penurunan Syariat Islam

(a) *Maqasid al-Shari'ah* Terhadap Makhluq

1. Membawa rahmat

Penurunan Syariat Islam sememangnya membawa rahmat kepada seluruh umat manusia.¹⁰⁴ Menurut Ibn al-Qayyim, Syariat Islam itu semuanya adalah adil, membawa

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 145.

¹⁰² *Ibid.*, h. 146.

¹⁰³ Muḥammad Saʿīd Ramaḍān al-Būṭī (1996), *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Damshiq: Maktabah al-Umawiyah, h. 119-248.

¹⁰⁴ Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-ʿArabī, h. 289; Yūsuf al-Qarḍāwī (1990), *Madkhal li Dirāsah al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: al-Nāshir Maktabah Wahabah, h. 57.

rahmat, mengandungi *maṣlahah* dan membawa hikmah.¹⁰⁵ Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

Surah al-Anbiyā“ (21): 107.

FirmanNya lagi:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman”

Surah Yūnus (10): 57.

2. Melahirkan kemaslahatan

Selaku pencipta Syariat Islam yang Maha Bijaksana, Allah SWT tidak akan mensyariatkan sesuatu hukum yang mana natijahnya adalah sia-sia dan tidak mendatangkan faedah kepada umat manusia. Segala perkara atau hukum yang disyariatkan pasti ada kebaikan yang ingin dicapai atau kemudharatan yang ingin dijauhi. Dalam erti kata yang lain, tidak terdapat satu perintah atau suruhan dalam perundangan Islam yang telah ditetapkan melainkan semata-mata untuk kepentingan dan kebaikan manusia.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994), *I'lam al-Muwaqqi'in*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 5.

¹⁰⁶ Lihat: al-Qardāwī, *op. cit.*, h. 57; Rosli Mokhtar, *op. cit.*, h. 12.

Menurut al-Izz ‘Abd al-Salām: “Syariat Islam kesemuanya adalah *maṣlaḥah*, sama ada menolak kerosakan atau pun mendatangkan kebaikan”.¹⁰⁷

Ibn al-Qayyim pula menyatakan: “Sesungguhnya prinsip dan dasar bagi Syariat Islam adalah untuk kemaslahatan hamba di dunia dan di akhirat”.¹⁰⁸

Kenyataan yang sama turut diberikan oleh al-Shāṭibī. Menurut beliau: “Syariat Islam diturunkan bagi kemaslahatan hambaNya (manusia)”.¹⁰⁹ Katanya lagi: “Tujuan pensyariatan adalah untuk melahirkan kemaslahatan sama ada di dunia mahupun di akhirat”.¹¹⁰

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan oleh para ulama“ itu tadi berhubung *maṣlaḥah*, jelas menunjukkan kepada kita bahawa mencapai segala bentuk kebaikan (*maṣlaḥah*) dan menolak sebarang bentuk keburukan atau kemudharatan (*mafsadah*) merupakan tujuan utama pensyariatan. Namun, *maṣlaḥah* yang hendak dicapai mestilah *maṣlaḥah* yang dikehendaki oleh Syarak sama ada *darūriyyāt* (kepentingan asas), *ḥājīyyāt* (keperluan biasa) mahupun *taḥsīniyyāt* (keperluan tambahan). Jelasnya, *maṣlaḥah* merupakan asas kepada *maqāṣid al-Sharī‘ah* (objektif utama pensyariatan).

Penelitian serta kajian secara terperinci (*istiqrā’*) terhadap ayat-ayat al-Quran dan juga hadith-hadith Nabi SAW, akan memperlihatkan kepada kita betapa Syariat Islam sememangnya diturunkan bagi kemaslahatan manusia.¹¹¹ Ianya termasuklah

¹⁰⁷ ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām (1968), *Qawā‘id al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-Anām*, j. 1. Qāhirah: Dār al-Shirq Li al-Tabā‘ah, h. 11.

¹⁰⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994), *I‘lām al-Muwaqqi‘īn*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 5.

¹⁰⁹ al-Shāṭibī, *op.cit.*, h. 322.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 350.

¹¹¹ *Ibid.*, h. 322.

ungkapan-ungkapan berbentuk perintah atau suruhan yang mana pasti wujud kebaikan di situ. Begitu juga ungkapan berbentuk larangan atau tegahan yang mana kita akan menemui natijah yang buruk disebaliknya.¹¹²

Sebagai contoh, di dalam al-Quran Allah SWT menjelaskan tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini adalah untuk menjadi khalifah, juga untuk mengabdikan diri kepadaNya, sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat-ayat berikut:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً^ط

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”

Surah al-Baqarah (2): 30.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”

Surah al-Dhāriyāt (51): 56.

Begitu juga dengan perintah mengerjakan solat dan berpuasa, turut dinyatakan hikmah yang tersembunyi disebalik suruhan tersebut, sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat berikut:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ^ط

“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar”

Surah al-‘Ankabūt (29): 45.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”

Surah al-Baqarah (2): 183.

¹¹² Lihat: Rosli Mokhtar, *op.cit.*, h. 27.

Berdasarkan ayat di atas, dapat kita fahami bahawa orang yang mengerjakan solat dengan sempurna mampu mencegah dirinya dari melakukan perbuatan yang keji dan juga kemungkar. Begitu juga dengan perintah agar kita melaksanakan ibadah puasa, yang mana dengannya dapat meningkatkan keimanan serta ketaqwaan kita terhadap Allah SWT.

3. Menolak kemudharatan

Menurut Imam al-Ghazālī, “menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maṣlaḥah*”.¹¹³ Sebagaimana menurut al-Shāṭibī, pemeliharaan terhadap *maṣlaḥah* atau *maqāṣid al-Sharī'ah* adalah menerusi dua cara iaitu secara positif dan juga secara negatif. Secara positif adalah dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya. Secara negatif pula adalah dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut.¹¹⁴

Maka, menolak kemudharatan adalah perlu bagi melahirkan kemaslahatan, bahkan ianya termasuk dalam kaedah pemeliharaan *maṣlaḥah* iaitu dari sudut menolak kemudharatan serta menghapuskan apa-apa yang boleh menghalang tercapainya *maṣlaḥah* tersebut.¹¹⁵

4. Menegakkan keadilan

Penurunan Syariah Islam juga bertujuan untuk menegakkan keadilan terhadap manusia. Terdapat nas yang jelas menunjukkan kepada kita bahawa perutusan

¹¹³ al-Ghazālī, *op. cit.*

¹¹⁴ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 324-325.

¹¹⁵ Sila lihat: al-Qardāwī, *op. cit.*, h. 66.

Rasulullah SAW serta penurunan al-Quran al-Karim adalah untuk merealisasikan maksud tersebut,¹¹⁶ sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ
بِالْقِسْطِ

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan mu’jizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan”

Surah al-Ḥadīd (57): 25.

FirmanNya lagi:

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ

“Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara)”

Surah al-A,ṣṣāf (7): 29.

Sementara dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan”

Surah al-Naḥl (16): 90.

Keadilan yang dikehendaki oleh Allah SWT meliputi segala jenis serta bentuk keadilan, iaitu adil terhadap diri sendiri, adil terhadap Allah SWT, adil terhadap orang lain, adil dalam percakapan, adil dalam persaksian dan sebagainya.¹¹⁷

Begitu juga dalam setiap hukum hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT, kita akan dapati bahawa kesemuanya adalah bertujuan untuk menegakkan keadilan, samada dalam urusan jual beli, perniagaan, perkahwinan, perceraian, jenayah, politik, hubungan sesama individu, hubungan antara individu dengan keluarganya, hubungan antara individu dengan masyarakat dan sebagainya.¹¹⁸

¹¹⁶ Sila lihat: Abū Zahrah, *op. cit.*, h. 289; al-Qarḍāwī, *op. cit.*, h. 75.

¹¹⁷ al-Qarḍāwī, *op. cit.*, h. 76-77.

¹¹⁸ al-Qarḍāwī, *op. cit.*, h. 77-78; Abū Zahrah, *op. cit.*, h. 289.

(b) *Maqasid al-Shari'ah* Dalam Muamalat

Sebagaimana yang telah diketahui, objektif utama Syariat Islam dalam meletakkan sesuatu hukum adalah demi kemaslahatan manusia dan menolak sebarang bentuk kemudharatan ke atas mereka. Berdasarkan kepada asas inilah, Syarak mengharuskan sesuatu perkara yang memberi manfaat dan mengharamkan segala bentuk yang boleh membawa kepada kemudharatan.¹¹⁹

Sehubungan dengan itu, Syaria Islam mengharuskan pelbagai jenis kontrak atau akad dalam urusan muamalat yang bermatlamat untuk memenuhi keperluan manusia selagimana ianya tidak bertentangan dengan Syarak.¹²⁰ Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba”
Surah al-Baqarah (2): 275.

Berpandukan ayat di atas, dapat difahami bahawa Islam mengkategorikan muamalat kepada dua, iaitu muamalat yang diharuskan dan muamalat yang diharamkan. Oleh itu, umat Islam wajib melibatkan diri dalam muamalat yang halal dari sudut Syarak dan berwaspada serta menjauhi muamalat yang diharamkan. Sesungguhnya jenis muamalat yang halal menurut Syarak amat banyak berbanding muamalat yang diharamkan.¹²¹

Antara muamalat yang diharuskan oleh Syarak adalah seperti jual beli, hutang-piutang, pinjaman tanpa faedah, upah-mengupah, sewaan, gadaian, *ḍamān* (jaminan),

¹¹⁹ Hisham bin Sabri *et. al.* (2004), “Implementasi Teori Maslahah Dalam Sistem Muamalat: Satu Pendekatan Kontemporari” (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Usul Fiqh – SUFI 2004 di Kolej Universiti Islam Malaysia, 15-16 Disember 2004), h. 333; al-Shatibi, *op.cit.*, h. 334.

¹²⁰ Hassan Hj Ahmad, *op. cit.*, h. 65.

¹²¹ Abdul Rahman Rukaini *et. al.* (2001), *Muamalat: Teras Pembangunan Sosio-ekonomi*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., h. 38.

jual beli *salam*, *mudārabah*, *hiwālah*, waqaf, *hibah* dan sebagainya. Kesemua muamalat ini mempunyai dalil samada nas al-Quran, sunnah atau pun ijmak sebagai asas pensyariatannya. Selain muamalat tersebut, penulis berpendapat bahawa takaful juga termasuk dalam kategori muamalat yang diharuskan oleh Islam. Huraian mengenainya akan dikemukakan dalam bab yang kedua nanti.

Sementara muamalat yang diharamkan adalah seperti amalan riba, *ihtikār* (monopoli), menyorok barang, menipu timbangan atau sukatan dan sebagainya. Kesemua muamalat yang diharamkan ini juga mempunyai dalil-dalil ke atas pengharamannya.

Berkenaan jual beli secara bertanggung (*salam*), pada asalnya adalah tidak sah menjual barang yang tidak wujud (*ma'dūm*) ketika akad. Namun, Syarak telah mengharuskan jual beli tersebut berdasarkan syarat-syarat tertentu bagi memenuhi keperluan manusia.¹²² Sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

قدم النبي صلى الله عليه وسلم المدينة وهم يسلفون بالتمر الستين والثلاث، فقال:
من اسلف في شيء فليسلف في كيل معلوم، ووزن معلوم، الى اجل معلوم¹²³

Nabi SAW tiba di Madinah, dan mereka (penduduk) Madinah pada masa itu menempah buah-buahan dalam tempoh dua tahun dan tiga tahun, lalu baginda bersabda: "Sesiapa yang menempah buah-buahan hendaklah menempah pada jumlah, timbangan dan masa yang tertentu"

Begitu juga dalam urusan pinjaman tanpa faedah. Hikmah pensyariatannya adalah jelas iaitu untuk memenuhi kehendak Syarak agar orang-orang Islam saling bantu-membantu antara satu sama lain di samping untuk mengeratkan lagi hubungan persaudaraan di antara mereka.¹²⁴ Firman Allah SWT:

¹²² Muṣṭafā al-Khin *et. al.* (2000), *al-Fiqh al-Minhajī*, *Alā Madhhab al-Imām al-Syāfi*, j. 3, c. 4, Damshiq: Dār al-Qalām, h. 45.

¹²³ Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar al-,Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī Bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitāb al-Salām" (*Bāb al-Salām Fī Waznin Ma, Jūm*), no. hadith 2240, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 182.

¹²⁴ al-Khin, *op. cit.*, h. 90.

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أضعافًا كثيرةً

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya”

Surah al-Baqarah (2): 245.

Mengenai urusan upah mengupah pula, Allah SWT menjelaskan dalam firmanNya sepertimana berikut:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَوَاتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ

“Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya”

Surah al-Talāq (65): 6.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kepada si bapa agar memberikan upah terhadap penyusuan anaknya. Maka, ini jelas menunjukkan bahawa upah tersebut merupakan hak bagi orang yang menyusukan anaknya, yang mana upah tersebut hanya boleh diperolehi menerusi akad. Tanpa akad, penyusuan tersebut hanya dianggap sebagai *tabarru* ‘(pemberian secara ikhlas).¹²⁵

Manakala dalam urusan gadaian (*al-rahnu*), Allah SWT mensyariatkan mengenai keharusannya berdasarkan firmanNya dalam ayat berikut:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَيْنَ مَقْبُوضَةً

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)”

Surah al-Baqarah (2): 283.

Pada zahir ayat, *al-rahnu* hanya disyariatkan apabila seseorang itu bermusafir dan tiada penulis hutang pada ketika itu. Namun sebenarnya, ia diharuskan dalam apa jua keadaan sama ada bermusafir atau pun tidak, terdapat penulis hutang ataupun tidak.

Sebagaimana hadith berikut:

¹²⁵ *Ibid.*, h. 121.

حدثني الاسود عن عائشة رضي الله عنها ان النبي صلى الله عليه وسلم اشترى من
يهودي طعاما الى اجل معدوم, وارتمن منه درعا من حديد¹²⁶

Aswad telah meriwayatkan daripada „Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. membeli makanan daripada seorang Yahudi secara bertangguh dan menggadaikan baju perang yang diperbuat dari besi

Berdasarkan kepada beberapa contoh muamalat di atas, jelas menunjukkan bahawa kesemuanya adalah bertujuan untuk mendatangkan *maṣlaḥah* kepada manusia. Dalam erti kata yang lain, semua muamalat yang diharuskan Syarak adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup manusia di samping memberikan kemudahan kepada mereka.

Maka, *maqāṣid al-Sharī‘ah* untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera, aman dan makmur dapat dicapai apabila semua keperluan dan kemahuan manusia dapat dipenuhi melalui muamalat yang berteraskan Syariat Islam. Sebagaimana firman Allah SWT berhubung dengan matlamat muamalat:

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta hendaklah kamu mema”*murkannya*”

Surah Hūd (11): 61.

Selain dapat memenuhi keperluan, kehendak dan keinginan manusia melalui muamalat, ianya juga dapat memberi kesedaran kepada manusia supaya mereka berusaha bersungguh-sungguh bagi memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing. Disamping itu, ia juga dapat memberi kesedaran kepada manusia bahawa harta merupakan kemudahan yang telah disediakan oleh Allah di dunia ini bagi memenuhi tanggungjawab manusia sebagai khalifahNya di atas muka bumi ini. Sebagaimana firman Allah SWT:

¹²⁶ al-,Asqalānī, *op. cit.*, “*Kitāb al-Salām*” (*Bāb al-Rahnu Fī al-Salām*), no. hadith 2252, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 188.

ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۚ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَخْلَفِيْنَ فِيْهِ ۗ فَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ
وَاَنْفَقُوْا هُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ

“Berimanlah kamu kepada Allah dan rasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar”

Surah al-Ḥadīd (57): 7.

Kesimpulannya, muamalat merupakan keperluan (*al-hājīyyāt*) yang dapat memberi kemudahan dan menghapuskan kesusahan hidup manusia. Tanpa keperluan tersebut, manusia akan mengalami kesusahan hidup tetapi tidak pula sampai kepada tahap *al-ḍarūri* yang boleh membawa kepada kemusnahan dan kehancuran hidup mereka.¹²⁷

1.7 KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan kepada kita betapa Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kesemuanya adalah rahmat yang bertujuan membawa kemaslahatan ke atas umat manusia di atas muka bumi ini. Justeru, kita akan dapati bahawa setiap suruhanNya pasti mengandungi hikmah serta kebaikan sebaliknya. Begitu juga, setiap laranganNya pasti mengandungi keburukan serta kemudharatan yang perlu kita hindari.

¹²⁷ al-Shāṭibī, *op. cit.*, h. 326.

BAB

DUA

Universiti Malaysia

BAB DUA
KONSEP TAKAFUL DAN HUBUNGANNYA DENGAN
MAQASID AL-SHARI'AH

2.1 PENDAHULUAN

Sejak penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd. pada tahun 1984, industri takaful di negara ini telah berkembang pesat sejajar dengan permintaan yang semakin meningkat memandangkan masyarakat masa kini kian sedar akan kepentingan dan keperluannya dalam mengatur pelan kewangan masing-masing.¹

Dalam bab ini, penulis akan menghuraikan definisi takaful, konsep takaful, asas-asas takaful menurut sumber hukum, prinsip-prinsip takaful, sejarah perkembangan takaful, perbandingan antara insurans konvensional dengan takaful serta elemen *maqāsid al-Shari'ah* yang wujud dalam produk takaful.

2.2 DEFINISI TAKAFUL

2.2.1 Dari sudut bahasa

Dari sudut bahasa, perkataan "*takāful*" adalah kata terbitan yang berasal dari kata kerja "*takāfala yatakāfalu takāfulan*" yang bermaksud saling menjamin, saling menjaga dan saling memelihara.² Di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang

¹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd., h. 46.

² Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi (t.t.). T.T.P.: Lārūs, h. 1048.

mengandung perkataan *kafala* dan *yakfulu* yang memberi makna memelihara atau menjaga.³ Sebagaimana firman Allah SWT:

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا^ط

“Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakariya”

Surah al-‘Imrān (3): 37.

Ia juga terdapat di dalam firman Allah SWT:

وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يُلْقُونَ أَقْلَمَهُمْ أَيُّهُمْ يَكْفُلُ مَرْيَمَ

“Sedang engkau tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka mencampakkan qalam masing-masing (untuk mengundi) siapakah di antara mereka yang akan memelihara Maryam”

Surah al-‘Imrān (3): 44.

2.2.2 Dari sudut istilah

Dalam bahasa Arab, istilah *insurans* sebenarnya lebih popular dengan istilah *al-ta‘min*⁴ yang bermaksud “sesuatu yang boleh menjamin kehidupan dan jaminan kepada malapetaka yang mungkin berlaku”.⁵ Akan tetapi, ruang lingkup *al-ta‘min* lebih luas, merangkumi *insurans* secara Islam (*takaful*) dan *insurans* konvensional.

Oleh kerana itu, didapati bahawa para sarjana Islam khususnya dari timur tengah menggunakan istilah yang pelbagai seperti *al-ta‘min al-ta‘awuni*, *al-ta‘min al-ijtimā‘i*, *al-musā‘adāt al-ijtimā‘iyyāf*⁶ dan *al-takāful al-ijtimā‘i* bagi menggambarkan *insurans* secara Islam, yang dapat dilihat menerusi karya-karya hasil penulisan mereka berkenaan *insurans*.

³ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 10.

⁴ Muṣṭafā Hinnī (1985), *A Dictionary of Economics and Commerce (English-Arabic)*. Beirut: Maktabah Lubnān, h. 98.

⁵ ‘Abd Allāh Nāṣih ‘Ulwān (1980), *Ḥukm al-Islām fī al-Ta‘min (al-Sūkarah)*, c. 2. Beirut: Dār al-Salām, h. 5.

⁶ Maḥmūd al-Rūbī (1998), *al-Takāful al-Ijtimā‘i fī al-Qur‘ān al-Karīm : Taḥlīl Iqtisādī wa Fiqhī*. Qāhirah: Jāmi‘āt al-Azhār, Markaz Ṣāliḥ ‘Abd Allah Kāmil, h. 15.

‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān mendefinisikan takaful sebagai pakatan antara anggota masyarakat untuk saling jamin-menjamin dan saling bantu membantu sama ada mereka itu individu atau kumpulan, para pemimpin atau rakyat dengan mengambil tindakan-tindakan yang positif seperti memelihara anak yatim dan mengharamkan segala bentuk yang negatif seperti amalan monopoli (*iḥtikār*) dan sebagainya. Beliau turut menyifatkan takaful sebagai satu pakatan yang lahir dari hati nurani yang luhur dan murni berasaskan aqidah Islam bagi memastikan semua anggota masyarakat saling bekerjasama dan saling menjamin ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih baik.⁷

Berdasarkan definisi yang telah diberikan, didapati bahawa konsep takaful menurut ‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān mencakupi skop yang luas, di mana semua anggota masyarakat termasuk kerajaan perlu saling bekerjasama memberi bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan, dan ianya tidak terbatas kepada golongan atau kumpulan tertentu sahaja.

Sementara itu, Muḥammad Shaltūt pula menyebut bahawa *al-takāful al-ijtimā’ī* di dalam Islam bermaksud kepercayaan antara beberapa orang individu bahawa mereka saling bertanggungjawab di antara satu sama lain. Mereka percaya bahawa setiap dari kalangan mereka adalah bertanggungjawab terhadap bebanan yang ditanggung oleh saudaranya dan pada masa yang sama bebanan yang ditanggung olehnya juga turut dikongsi oleh saudaranya yang lain. Maka segala kebaikan adalah bagi dirinya dan juga saudaranya. Dan segala keburukan adalah bagi dirinya dan juga saudaranya.⁸

⁷ ‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān (1983), *al-Takāful al-Ijtimā’ī Fī al-Islām*, c. 4, Qāhirah : Dār al-Salām, h. 15.

⁸ Lihat: Rabī’ al-Rūbī, *op. cit.*, h. 18.

Berbeza dengan definisi yang telah diberikan oleh ‘Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān, didapati bahawa konsep takaful menurut Muḥammad Shaltūt kelihatan lebih spesifik dan terbatas kepada beberapa orang individu agar mereka saling bertanggungjawab antara satu sama lain.

Berdasarkan kedua-dua definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa takaful bermaksud saling bekerjasama, saling bantu-membantu, saling bertanggungjawab dan saling lindung-melindungi antara satu sama lain dalam usaha meringankan bebanan golongan yang ditimpa musibah atau bencana sama ada kematian, kemalangan, kehilangan harta benda dan sebagainya. Amalan ini amat bertepatan dengan ajaran Islam yang sentiasa menggalakkan umatnya agar saling bantu-membantu antara satu sama lain agar mereka sentiasa hidup harmoni.

Sementara itu, konsep takaful dalam bentuknya yang moden sebagaimana yang diamalkan di negara kita pada hari ini, dapat dilihat sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan secara bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu.⁹

Sementara itu, penggunaan istilah takaful di negara kita lebih sinonim dengan insurans secara Islam dan ianya sudah menjadi perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa Melayu yang bermaksud insurans yang didasarkan mengikut asas-asas dan hukum-hukum agama Islam.¹⁰ Ini kerana mengikut pengertian yang sebenarnya, penggunaan perkataan takaful lebih tepat dan sesuai bagi menerangkan sistem insurans

⁹ Sila lihat: *Akta Takaful 1984 (Akta 312) Dan Peraturan-peraturan & Takaful Act 1984 (Act 312) And Regulations (Hingga 25hb September 2007)*. Petaling Jaya, Selangor: Internantional Law Book Services, h. 8; *Takaful Act 1984 (Act 312) : incorporating all amendments up to 31 August 2001*. Kuala Lumpur: The Commissioner of Law Revision, Malaysia, h. 9.

¹⁰ *Kamus Dewan* (1998), c. 4. Kuala Lumpur : DBP, h. 1347.

secara Islam kerana falsafah, prinsip dan operasinya adalah berbeza daripada insurans konvensional.¹¹

2.3 DALIL-DALIL ASAS MENGENAI TAKAFUL

Meskipun tiada nas khusus yang menyatakan tentang hukum pelaksanaan sistem takaful, namun dalil-dalil asas yang berkaitan dengannya dalam bentuk saranan yang menggalakkan pelaksanaan konsep tersebut, boleh didapati menerusi al-Quran, al-Sunnah dan juga Ijma'.

2.3.1 Dalil al-Quran

Sebagaimana firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”

Surah al-Mā'idah (5): 2.

Jika kita cuba memahami secara umum “*birr*” dan “*taqwā*” yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam ayat di atas, dari satu sudut kita akan dapati bahawa adakala kedua-duanya mempunyai erti yang sama. Namun dari satu sudut yang lain, erti bagi kedua-duanya adalah berbeza dan saling lengkap melengkapi. Dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pada kedua-duanya terhimpun segala apa yang berkaitan dengan urusan kehidupan seseorang muslim sama ada tentang keimanan, pengabdian dan kerohanian, mahupun tentang urusan kehidupan dan juga hubungan kemasyarakatan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa takaful yang terkandung di dalam ayat di atas merangkumi urusan agama dan juga urusan dunia.¹²

¹¹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 16.

¹² Rabī' al-Rūbī, *op. cit.*, h. 21.

Allah SWT juga berfirman di dalam ayat berikut:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara”

Surah al-Hujrāt (49): 10.

Adapun ayat di atas menjelaskan bahawa sikap saling tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan taqwa, terbina atas dasar persaudaraan dan juga kasih-sayang.¹³

Sementara dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْأَجْنَبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَالْأَبْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri”

Surah al-Nisā“ (4): 36.

إِنَّ هَذِهِ أُمَّةُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

“Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku”

Surah al-Anbiyā“ (21): 92.

Kedua-dua ayat di atas pula meliputi segala bentuk takaful, bermula dengan penyucian diri seseorang itu daripada mensyirikkan Allah SWT sehingga terpelihara dirinya dari azab tersebut, seterusnya hubungannya dengan kaum kerabatnya, jiran tetangga, dan akhirnya umat Islam secara keseluruhannya.

¹³ *Ibid.*, h. 25.

2.3.2 Dalil Sunnah

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

حدثنا قتادة عن أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : "لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه"¹⁴

Daripada Anas, Rasulullah SAW telah bersabda : “Seseorang tidak boleh dianggap beriman sehingga ia mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri”

Dalam hadits yang lain Rasulullah SAW bersabda:

أن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :
"ومن كان في حاجة أخيه كان الله في حاجته"¹⁵

Daripada Ibn Umar, Rasulullah SAW telah bersabda : “Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya, nescaya Allah akan memenuhi hajatnya”

Sementara dalam hadis yang lain, baginda SAW bersabda:

عن أبيه أبي موسى عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : "المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً" ثم شبك بين أصابعه.¹⁶

Daripada Abi Musa, Rasulullah SAW telah bersabda: “Seseorang mukmin terhadap mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan yang mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain” Lalu Nabi SAW menggenggamkan tangannya.

Sabda baginda SAW:

سمعت النعمان بن بشير يقول: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "ترى المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم كمثل الجسد إذا اشتكى عضو تداعى له سائر جسده بالسهر والحمى"¹⁷

Daripada Nu‘mān bin Basyīr, Rasulullah SAW telah bersabda : “Kedudukan hubungan persaudaraan dan perasaan orang-orang yang beriman antara satu

¹⁴ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Īmān” (*Bāb Min al-Īmān An Yuḥibb Li Akhīh Mā Yuḥibb Li nafsih*), j. 1. T.T.P.: T.P., h. 10;

al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 13, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 82.

¹⁵ al-Bukhārī, *op. cit.*, “Kitāb al-Ikrāh” (*Bāb Yamīn al-Rajuli Liṣāḥibih Annahu Akhūh Izā Akhāha al-Qatla aw Naḥwah*), j. 9. T.T.P.: T.P., h. 28; al-Asqalānī, *ibid.*, no. hadith 6951, j. 14. Beirut: Dār al-Fikr, h. 336.

¹⁶ al-Bukhārī, *op. cit.*, “Kitāb al-Adab” (*Bāb Tā’awunī al-Mu‘minīn Ba’dihim Ba’dā*), j. 9. T.T.P.: T.P., h. 14; al-Asqalānī, *ibid.*, no. hadith 6026, j. 12. Beirut: Dār al-Fikr, h. 64.

¹⁷ al-Bukhārī, *op. cit.*, “Kitāb al-Adab” (*Bāb Raḥmatī al-Nās, wa al-Bahā’im*), j. 8. T.T.P.: T.P., h. 13. al-Asqalānī, *ibid.*, no. hadith 6011, j. 12. Beirut: Dār al-Fikr, h. 50.

dengan yang lain seperti satu jasad; apabila satu dari anggotanya tidak sihat maka ia akan memberi kesan kepada seluruh jasad tersebut”

Berdasarkan hadith-hadith di atas, jelas menunjukkan bahawa amalan saling bantu-membantu serta tolong menolong antara satu sama lain, terutamanya kepada golongan yang memerlukan amat digalakkan oleh Islam.

2.3.3 Dalil Ijmak

Pensyariatan takaful dapat dilihat apabila pada suatu ketika, Umar telah mengambil harta orang-orang kaya dan mengagih-agihkannya kepada orang-orang yang memerlukan, seraya berkata: “Sesungguhnya aku sangat ingin membantu orang-orang yang amat memerlukan di antara kita. Apabila kita lemah, maka sama-samalah kita bantu-membantu agar mana yang kurang dapat dicukupkan”.¹⁸ Ini membuktikan betapa pentingnya semangat kerjasama dan bantu-membantu terhadap mereka yang berada dalam kesusahan.

Berdasarkan dalil-dalil yang telah dikemukakan di atas, penulis berpendapat bahawa skim takaful sebagaimana yang diamalkan di kebanyakan negara-negara Islam pada hari ini, termasuklah di negara kita, boleh dianggap sebagai *maṣlaḥah mursalah* kerana tiada nas secara khusus yang menyatakan mengenai hukumnya.

Namun begitu, terdapat begitu banyak dalil-dalil menerusi al-Quran, al-Sunnah dan juga Ijmak yang berkaitan dengan takaful dalam bentuk saranan dan galakkan terhadap pelaksanaan konsep tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem takaful sebagaimana yang ada pada hari ini amat bertepatan dengan ajaran Islam

¹⁸ Rabi' al-Rubi, *op. cit.*, h. 28.

kerana *maṣlahah* yang lahir darinya merupakan *maṣlahah* yang dikehendaki oleh Syarak dan tidak bertentangan dengan nas atau dalil yang *qat'ī*. Selain itu, *maṣlahah* tersebut juga dapat memberi kebaikan kepada orang ramai, bukannya kepada individu atau golongan tertentu sahaja.

2.4 PRINSIP-PRINSIP UTAMA TAKAFUL

Berdasarkan huraian di atas mengenai definisi serta dalil-dalil asas takaful, maka dapat disimpulkan di sini bahawa terdapat beberapa prinsip utama yang menunjangi serta mendasari pelaksanaan sistem takaful. Prinsip-prinsip utama yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

2.4.1 Prinsip Tolong-menolong

Prinsip tolong-menolong yang dimaksudkan di sini adalah khusus kepada perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan atau kebajikan (*al-birr*) kepada manusia dan juga meningkatkan ketaqwaan (*al-taqwa*) kepada Allah. Dalam Islam, kebajikan dan kebaikan antara manusia disebut dalam konteks "*ḥabl min al-nās*" dan taqwa kepada Allah dalam konteks "*ḥabl min Allah*". Maka, pelaksanaan takaful adalah merujuk kepada pelaksanaan konsep "*al-birr*" dikalangan manusia yang juga akan meningkatkan atau menyuburkan ketaqwaan manusia kepada Allah SWT.¹⁹ Ini selaras dengan firman Allah SWT :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan"

Surah al-Mā'idah (5): 2.

¹⁹ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa *et. al.* (2005), *Pengantar Perniagaan Islam*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 323.

Malah, ayat tersebutlah yang menjadi teras kepada pembentukan sistem takaful. Daripada maksud ayat tersebut juga, dapat difahami bahawa skop perlindungan takaful hanyalah ke atas perkara-perkara yang berkait dengan kebajikan dan ketaqwaan serta perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan Syarak. Maka, perkara-perkara yang bercanggah dengan Syarak seperti membunuh diri dan kematian akibat minum arak tidak dilindungi di bawah skim takaful kerana ianya adalah perbuatan yang diharamkan di dalam Islam.²⁰

2.4.2 Prinsip Pengorbanan

Prinsip pengorbanan dapat dimanifestasikan menerusi konsep *al-tabarru* apabila seseorang individu itu mengutamakan kepentingan umum atau masyarakat lebih dari kepentingan dirinya sendiri. Maka, pengorbanan ini adalah suatu pengukuran tahap keimanan seseorang. Selain itu, apabila seseorang itu melakukan *tabarru* atau pengorbanan, nescaya *tabarru* itu akan menjadi tebusan bagi keperluannya di akhirat kelak oleh Allah SWT.²¹

Prinsip pengorbanan ini dapat difahami dengan merujuk kepada hadith-hadith Rasulullah SAW sepertimana berikut :

أن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :
"ومن كان في حاجة أخيه كان الله في حاجته"²²

Daripada Ibn „Umar, Rasulullah SAW telah bersabda : “Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya, nescaya Allah akan memenuhi hajatnya”

²⁰ Hendon Redzuan *et. al.* (2006), *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. Selangor: Prentice Hall Malaysia Sdn. Bhd., h. 452.

²¹ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, *op. cit.*, h. 323.

²² al-Bukhārī, *op. cit.*, “*Kitāb al-Ikrāh*” (*Bāb Yamīn al-Rajul Liṣāhibih Annahu Akhūh Izā Akhāha al-Qatla aw Naḥwahu*), j. 9. T.T.P.: T.P., h. 28; al-„Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadīth 6951, j. 14. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 336.

"لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه"²³

"Seseorang tidak boleh dianggap beriman sehingga ia mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri"

2.4.3 Prinsip Jaminan

Dalam Islam, setiap orang dikehendaki memberi jaminan keselamatan dan kesejahteraan terhadap saudaranya. Dengan erti kata yang lain, setiap orang hendaklah saling memberi jaminan terhadap satu sama lain. Jaminan ini perlu dihayati sehinggakan jika saudaranya ditimpa musibah dia akan turut merasainya.²⁴ Ini dapat difahami dengan merujuk kepada hadis Nabi SAW:

عن أبيه أبي موسى عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : "المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً" ثم شبك بين أصابعه.²⁵

Daripada Abi Musa, Rasulullah SAW telah bersabda: *"Seseorang mukmin terhadap mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan yang mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain"* Lalu Nabi SAW menggenggamkan tangannya.

2.4.4 Prinsip Keselamatan, Kesejahteraan dan Perlindungan

Prinsip ini menetapkan bahawa apabila seseorang itu ditimpa sesuatu musibah, saudara-saudaranya harus membelanya secara proaktif. Keinginan kepada keselamatan, kesejahteraan dan perasaan ingin mendapat perlindungan ini adalah suatu keperluan tabi'at.²⁶ Firman Allah SWT:

الَّذِي أَطَعَهُمْ مِّنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ

"Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan."

²³ al-Bukhārī, *ibid.*, "Kitāb al-Īmān" (Bāb Min al-Īmān An Yuḥibb Li Akhīh Mā Yuḥibb Linafsih), j. 1.

T.T.P.: T.P., h. 10; al-'Asqalānī, *ibid.*, no. hadith 13, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 82.

²⁴ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, *op. cit.*, h. 324.

²⁵ Al-Bukhārī, *op. cit.*, "Kitāb al-Adab" (Bāb Tā'awunī al-Mu'minīn Ba'dihim Ba'dā), j. 8. T.T.P.: T.P., h. 14; al-'Asqalānī, *op. cit.*, no. hadith 6026, j. 12. Beirut: Dār al-Fikr, h. 64.

²⁶ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, *op. cit.*, h. 325.

Dalam insurans Islam, mengenai soal keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan, terdapat dua bentuk jaminan iaitu jaminan individu atau sesama ahli masyarakat (jaminan sosial) dan jaminan pemerintah.

Dalam jaminan sosial, ia dilaksanakan sebagai sesuatu yang bersifat sunat dengan ditadbir secara *maṣlahah* umum. Sementara dari segi jaminan oleh pihak pemerintah pula, Islam menetapkan bahawa negara berkewajipan menjamin setiap rakyat mendapat hak asasinya serta taraf hidup yang sewajarnya.²⁷

2.5 SEJARAH INSURANS DAN TAKAFUL MODEN

Sejarah insurans boleh dikatakan bermula semenjak zaman Babylon iaitu seawal 4000-3000 Sebelum Masihi di bawah satu kontrak yang dinamakan *bottomry*, yang mana pada ketika ini ianya tidak lagi diguna pakai. Dalam kontrak ini, pemilik kapal akan meminjam wang untuk suatu tempoh yang tertentu dan pinjaman tadi digunakan untuk melengkap atau membaiki kapalnya. Jika kapal tersebut hilang dalam sesuatu pelayaran atau sesuatu tempoh yang dinyatakan kerana sebarang risiko, pemberi pinjaman akan kehilangan wang yang diberikan tadi.²⁸

Sekitar tahun 2100 Sebelum Masihi pula, iaitu semasa pemerintahan raja Hammurabi, satu kod yang dikenali sebagai Kod Hammurabi (*Code of Hammurabi*) diperkenalkan di Babylon dan merupakan polisi asas insurans yang pertama dalam sejarah peradaban manusia. Polisi ini dibayar oleh para peniaga dalam bentuk hutang.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Muhammad Hisyam Mohamad (2008), "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans", dalam Asmak Abd Rahman *et al.*, *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 20.

Tujuan utama polisi ini adalah untuk menjamin keselamatan daripada kerugian terhadap barangan yang dibawa berikutan risiko seperti rompakan, cuaca buruk dan sebagainya.²⁹

Selain masyarakat Babylon, konsep insurans (seakan-akan kontrak *Bottomry*) ini juga diamalkan oleh masyarakat Hindu sekitar tahun 600 Sebelum Masihi dan ia juga difahami secara jelas oleh masyarakat Greek seawal kurun ke 4 Sebelum Masihi.³⁰

Satu lagi kontrak yang menyerupai *bottomry* ini ialah kontrak *respondentia*. Ia bagaimanapun hanya menumpukan pada soal kepentingan ke atas kargo yang dibawa pedagang pada masa tersebut. Di samping kontrak *bottomry* dan *respondentia*, terdapat satu lagi bentuk insurans yang diamalkan oleh masyarakat dahulu yang dikenali sebagai *collegia* dan ia dipraktikkan oleh masyarakat Rom purba. Ia lebih kepada membantu waris si mati melalui pemberian perbelanjaan pengkebumian sebagai balasan kepada bayaran premium bulanan yang dibuat oleh ahli-ahli di dalam *collegia* tadi.³¹

Jelasnya, insurans moden pada hari ini pada asasnya adalah bersandarkan konsep-konsep yang dinyatakan di atas terutamanya yang berkaitan dengan jaminan keselamatan ke atas kapal dan barangan dagangan atau dikenali juga sebagai insurans marin. Ia kemudiannya dikembangkan selaras dengan perkembangan peradaban manusia untuk turut meliputi perlindungan lain seperti nyawa, kesihatan, hilang upaya dan sebagainya.³²

Berlainan dengan kontrak insurans, kontrak takaful tidak bermula dengan konsep insurans marin. Sebaliknya ia berdasarkan sistem „*āqilah*. Doktrin ini adalah

²⁹ *Ibid.*, h. 20.

³⁰ *Ibid.*, h. 21.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

berdasarkan persetujuan bersama antara kabilah-kabilah Arab iaitu jika salah seorang ahli kabilah tadi dibunuh oleh kabilah lain, maka waris si mati akan dibayar pampasan atau *diyat* oleh ahli keluarga (sebelah bapa) tertuduh atau si pembunuh tadi. Ahli keluarga sebelah bapa si tertuduh tadi inilah yang dirujuk sebagai *„āqilah*. Dalam doktrin *„āqilah*, kaum keluarga kepada tertuduh tadi secara sepakat bersetuju untuk menyumbang bantuan kewangan bagi tujuan melindunginya daripada bebanan kewangan akibat pembunuhan yang dilakukan.³³ Pada zaman Jahiliyah, pembayaran yang dikenakan ke atas pembunuh ialah sepuluh ekor unta betina. Abdul Mutallib misalnya, telah menebus anaknya, Abdullah dengan mengorbankan sepuluh ekor unta betina.³⁴

Satu lagi sistem yang mengamalkan konsep yang sama ialah *qasāmah*, iaitu satu sistem yang berkaitan dengan nyawa. Sistem ini juga melibatkan usaha pengumpulan dana dalam sebuah tabung atau kumpulan wang daripada kutipan caruman ahli-ahli. Manfaat akan dibayar kepada ahli waris yang dibunuh sekiranya kes pembunuhan itu tidak diketahui siapa pembunuhnya atau tiada keterangan saksi yang berkelayakan untuk mengenalpasti pembunuhnya.³⁵

Sebelum kedatangan Islam, konsep perlindungan juga dapat dilihat menerusi amalan pedagang-pedagang Arab pada ketika itu yang telah berpakat sesama mereka untuk mengagih-agihkan barang dagangan kepada beberapa *kāfilah* (kumpulan) dan juga kepada beberapa ekor unta bagi tujuan meringankan bebanan serta mengurangkan

³³ *Ibid.*

³⁴ Mohammad Muslehuddin (1969), *Insurance And Islamic Law*. Lahore: Islamic Publications Limited, h. 24.

³⁵ *Ibid.*

kerugian yang dialami sekiranya ditakdirkan berlaku sesuatu musibah ke atas mana-mana kumpulan atau unta yang mereka gunakan.³⁶

Ini kerana, para pedagang Arab yang menjalankan urusan niaga dengan merentasi padang pasir, membawa barang dagangan menggunakan unta, mengembara dari sebuah negeri ke sebuah negeri secara *kāfilah* (kumpulan) sentiasa terdedah dengan pelbagai risiko seperti rompakan, ribut padang pasir, pembunuhan dan lain-lain musibah yang boleh menyebabkan mereka mengalami kerugian dan juga mendatangkan ancaman nyawa kepada pedagang-pedagang itu sendiri.³⁷

Setelah Rasulullah berhijrah ke Madinah dan terbentuknya kerajaan Islam, maka beberapa sistem yang diamalkan mengikut adat resam masyarakat sebelum itu yang tidak bercanggah dengan Syariat Islam, ianya terus dikekalkan oleh baginda Rasulullah. Antaranya ialah sistem *'āqilah* itu sendiri atau hutang darah yang dapat dilihat menerusi hadis berikut:

أن أبا هريرة رضي الله عنه قال: اقتتل امرأتان من هذيل فرمت أحدهما الأخرى بحجر فقتلتها وما في بطنها فاحتصموا إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقضى أن دية جنينها غرة: عبد أو وليدة، وقضى: أن دية المرأة على عاقلتها.³⁸

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. katanya : Dua orang perempuan dari Bani Huzail telah bertelingkah dan salah seorang dari mereka telah melontar batu kepada perempuan yang seorang lagi dan telah mengakibatkan kematian perempuan tersebut serta bayi yang dikandung. Hal tersebut telah dibawa kepada pengadilan Rasulullah SAW. Baginda telah memutuskan bahawa diyat bagi bayi yang dikandung ialah membebaskan seorang hamba lelaki atau perempuan. Sementara diyat bagi perempuan itu pula dipertanggungjawabkan ke atas ahli keluarga perempuan yang telah melakukan pembunuhan tersebut.

Di bawah sistem ini, setiap ahli bersetuju mewujudkan satu tabung atau kumpulan wang yang dipanggil *al-kanz*. Semua wang caruman yang dibayar oleh ahli-

³⁶ Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 8.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ al-,Asqalānī, *op. cit.*, "*Kitāb al-Diyāt*" (*Bāb Janīn al-Mar'ah wa Anna al-,Aqla ,Alā al-Wālid*), no. hadith 6910, j. 14. Beirut: Dār al-Fikr, h. 248.

ahli mengikut tempoh yang telah dipersetujui akan dimasukkan ke dalam tabung berkenaan. Salah satu tujuan manfaat tabung ini ialah menyediakan bayaran sebagai bantuan untuk menolong mana-mana ahli yang terlibat dengan pembunuhan secara tidak sengaja.³⁹

Jelasnya, bentuk sumbangan dalam suasana permuafakatan ini menyamai bentuk sumbangan yang dibuat dalam kontrak takaful semasa, manakala pampasan yang dibayar melalui doktrin „*āqilah*” tadi menyerupai jaminan (dalam bentuk pampasan) yang dibayar kepada mangsa atau waris peserta takaful moden.

Dalam konteks negara ini pula khususnya dalam masyarakat Melayu, amalan tolong-menolong dan bantu membantu ini sudah lama dipraktikkan. Misalnya, bagi meringankan tanggungan kerja dan menjimatkan belanja, usaha bergotong-royong dikalangan penduduk di sesebuah kampung memikul rumah yang hendak dipindahkan itu secara beramai-ramai sudah menjadi satu amalan biasa satu ketika dulu. Begitu juga dengan tabung khairat kematian yang diwujudkan dikampung-kampung bagi membantu waris atau tanggungan mana-mana ahli kariah yang meninggal dunia. Melalui tabung khairat kematian ini, para ahli akan membayar sejumlah wang yang akan dikumpulkan dan diserahkan kepada waris ahli yang meninggal dunia itu.⁴⁰

2.6 SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN TAKAFUL DI MALAYSIA

Takaful merupakan sistem insurans secara Islam. Sebagai suatu institusi kewangan Islam yang bergerak mengikut landasan hukum Syarak, sistem takaful dalam bentuk moden merupakan satu bidang perniagaan yang baru diterokai. Sejarahnya

³⁹ Mohd Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 8.

⁴⁰ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 15.

bermula pada tahun 1979 apabila syarikat insurans secara Islam yang pertama telah ditubuhkan iaitu Syarikat Insurans Islam Sudan.⁴¹ Ekoran daripada penubuhan syarikat ini, maka pelbagai usaha telah dibuat terutamanya oleh negara-negara Islam bagi memperkenalkan syarikat-syarikat insurans yang menawarkan perniagaan insurans secara Islam.⁴²

Sehubungan itu, pada awal tahun 1980-an beberapa buah syarikat insurans secara Islam mula ditubuhkan termasuk juga yang beroperasi di negara-negara Eropah. Antaranya ialah Syarikat Insurans Islam Arab yang ditubuhkan pada 1979 di Arab Saudi, penubuhan Syarikat Takaful Islam Luxembourg oleh Dar al-Maal al-Islami (DMI) pada tahun 1983, penubuhan Islamic Takaful Company (ITC.), London dan juga penubuhan syarikat insurans Islam di Australia yang diberi nama Syarekat al-Takafol al-Islamiah.⁴³

Malaysia merupakan negara pertama di Asia⁴⁴ yang merintis perniagaan insurans secara Islam melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. yang memulakan operasinya pada Ogos 1985. Pada Mei 1993, negara Brunei Darussalam telah mencontohi Malaysia dengan munculnya Takaful IBB Berhad. Indonesia juga mengikuti langkah yang sama. Dengan kerjasama teknikal daripada Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd., Syarikat Takaful Indonesia telah diperbadankan dan mula beroperasi pada Ogos 1994.⁴⁵

⁴¹ Mohd Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 4; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 340.

⁴² Mohd Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 4.

⁴³ *Ibid.*, h. 5.

⁴⁴ Dato[™] Mohd Fadzli Yusof, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad. Temubual pada 21 Disember 2010, jam 10.30 pagi, di alamat: no. 132 Jalan Pinggiran Za'aba, Taman Tun Dr Ismail, Damansara.

⁴⁵ Mohd Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 5.

Terdapat beberapa sebab yang mendorong kepada pembentukan dan perkembangan industri takaful di Malaysia pada awal tahun 1980-an. Antaranya disebabkan oleh keperluan umat Islam pada ketika itu untuk mempunyai instrumen alternatif kepada insurans konvensional yang dapat memenuhi serta menepati kehendak Syarak.⁴⁶ Selain itu, penubuhan industri takaful di Malaysia juga bertujuan melengkapkan operasi Bank Islam Malaysia Berhad yang telah ditubuhkan pada tahun 1983. Oleh kerana boleh dikatakan semua urusan bank memerlukan perlindungan insurans, maka adalah amat sesuai sekali jika urusan tersebut dapat dilindungi oleh insurans yang berasaskan hukum-hukum Islam.⁴⁷

Sementara itu, kewujudan industri takaful di Malaysia juga turut dipengaruhi oleh keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia yang telah memutuskan bahawa insurans hayat dalam bentuk yang sedia ada merupakan suatu kontrak yang *fasad* (tidak sah) kerana mempunyai unsur-unsur *gharar* (ketidakpastian), *maysir* (perjudian) dan *riba*.⁴⁸

Pada masa ini,⁴⁹ terdapat sembilan⁵⁰ pengendali takaful di Malaysia iaitu CIMB Aviva Takaful Berhad, Etiqa Takaful Berhad,⁵¹ Great Eastern Takaful Sdn Bhd,⁵² Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.,

⁴⁶ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 60.

⁴⁷ Mohd Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 6.

⁴⁸ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*

⁴⁹ Semasa kajian ini dijalankan, penulis difahamkan bahawa masih terdapat beberapa buah lagi syarikat insurans yang sedang menunggu kelulusan Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan perniagaan takaful. Temubual bersama Dato^o Mohd Fadzli Yusof, *op. cit.*

⁵⁰ Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=insurance&type=TKF&lang=bn&fund=0&cu=0>, 12 Disember 2010. Lihat juga: Malaysia Financial Markets 2009. Kuala Lumpur: Sparkton Sdn. Bhd., h. 18-19.

⁵¹ Dahulunya dikenali sebagai Takaful Nasional Sdn. Bhd. Takaful Nasional (TN) telah bergabung dengan Malaysia National Insurance (MNI) dan Mayban Fortis Holdings Berhad. Berkuatkuasa 12 November 2007, TN telah menukar namanya kepada Etiqa Takaful Berhad.

⁵² Pelancaran Great Eastern Takaful telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato^o Seri Jamil Khir Baharom pada 10 Disember 2010. Sila lihat: Harian Metro, Disember 11, 2010: 64 "RM1b caruman menjelang 2015"

MAA Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

2.7 MODEL PENGENDALIAN OPERASI TAKAFUL DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat dua jenis model pengendalian operasi yang diguna pakai oleh pengendali takaful, iaitu:

- (a) Model *Muḍārabah* (Berkongsi Keuntungan)
- (b) Model *Wakālah* (Perwakilan)⁵³

(a) Model *Muḍārabah* atau *Qirad* (Berkongsi Keuntungan)

Muḍārabah merupakan istilah yang diguna pakai oleh ahli Iraq, manakala ahli Hijaz menamakannya dengan *al-qirād*.⁵⁴ *Muḍārabah* dalam bahasa Arab dipetik daripada kata-kata “*darb fī al-arḍ*” yang bermaksud bermusafir. Amalan ini dinamakan sedemikian kerana pada kebiasaannya perniagaan akan membabitkan perjalanan jauh untuk memperolehi barangan, memasarkan, mengaut keuntungan dan sebagainya.

Qirād pula adalah kata terbitan daripada *qarḍ* yang bermaksud potong. Kontrak ini dinamakan sedemikian kerana pemilik „memotong” sebahagian hartanya untuk diberikan kepada pengusaha. Amalan ini juga dikenali sebagai *muqāraḍah* yang bermaksud sama rata kerana masing-masing berkongsi keuntungan.⁵⁵

⁵³ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 37.

⁵⁴ Hassan Ayub (2008), *Fiqh Muamalah*. Abdurrahman Saleh Siregar (terj.), Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd., h. 340.

⁵⁵ Muḥṣafā al-Khin *et. al.* (2000), *Fiqh Manhajī* „*Alā Madhhab al-Imām al-Shāfi*”, c. 4., j. 3. Damshiq: Dār al-Qalam, h. 229; „Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1990), *Kitāb al-Fiqh* „*Alā al-Madhāhib al-Arba*”, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-„Alamiyyah, h. 34.

Menurut istilah ulama⁵⁶ Fiqh, perkongsian seperti ini berlaku apabila pemilik menyerahkan hartanya kepada seseorang untuk diusaha dan diniagakan. Keuntungan pula akan dikongsi bersama. Atas dasar ini, amalan ini juga dinamakan sebagai syarikat kerana mereka berkongsi keuntungan.⁵⁶

Perkongsian seperti ini dibenarkan oleh Syarak bersandarkan kepada dalil sunnah dan juga ijmak. Antara contoh amalan sahabat adalah seperti berikut:

عن العلاء بن عبد الرحمن عن أبيه عن جده أن عثمان بن عفان أعطاه مالا قراضا
يعمل فيه على أن الربح بينهما.⁵⁷

Diriwayatkan daripada al-,Alā" bin ,Abd al-Raḥmān daripada bapanya daripada datuknya: Suatu ketika Uthmān bin ,Affān memberikan harta sebagai pelaburan untuk dia usahakan dan keuntungan akan dibahagi sesama mereka.

Berdasarkan riwayat di atas, jelas menunjukkan bahawa mereka menjalankan urusan menggunakan sistem *qirāḍ* dan diketahui oleh sahabat-sahabat yang lain, namun tiada riwayat yang mengatakan ada dari kalangan mereka yang menentanginya. Atas dasar inilah, seluruh umat Islam pada sepanjang zaman telah menerima amalan ini secara ijmak.⁵⁸

Di Malaysia, pengendali takaful yang mengguna pakai model *muḍārabah* dalam pengendalian perniagaan mereka, mengaplikasikan beberapa variasi dari segi olahan perbelanjaan pengurusan, reka bentuk produk dan saluran pengagihan.⁵⁹

Di bawah kontrak *muḍārabah* juga, pengendali takaful bertindak sebagai *muḍārib* (pengusaha) dan peserta sebagai *rabb al-māl* (pemodal). Kontrak ini menentukan bagaimana lebih daripada pengendalian takaful dikongsi antara

⁵⁶ Muṣṭafā al-Khin, *ibid.*

⁵⁷ Hānī al-Ḥāj (t.t.), *al-Muwaṭṭa" li Imām Mālik bin Anas, "Kitāb al-Qirāḍ" (Bāb Mā Jā'a fī al-Qirāḍ)*, no. hadith 2, j. 2. T.T.P.: al-Maktabah al-Taufīqiyyah, h. 148.

⁵⁸ Muṣṭafā al-Khin *op. cit.*, h. 231.

⁵⁹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 37.

pengendali takaful dengan peserta. Sekiranya berlaku kerugian, ianya akan ditanggung oleh peserta selaku pihak yang mengeluarkan modal. Pengendali hanya kerugian dari segi keringat. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan peserta, pengendali takaful dikehendaki mematuhi peraturan berhemat termasuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada kumpulan wang risiko takaful sekiranya berlaku kekurangan dalam kumpulan wang risiko takaful.⁶⁰

Prinsip *al-muḍārabah* ini secara umumnya diterapkan dalam hampir semua produk takaful, walaupun terdapat pengendali takaful yang cuba mengendalikan struktur *wakālah* dalam kontrak takaful mereka.⁶¹

(b) Model *Wakalah* (Perwakilan)

Dalam bahasa Arab, *wakālah* atau *wikālah* merujuk kepada beberapa makna, antaranya penjagaan dan juga pasrah.

Menurut istilah ulama⁶² Fiqh pula, *wakālah* bermaksud seseorang itu menyerahkan sesuatu urusan yang pada dasarnya boleh diuruskannya sendiri kepada orang lain supaya orang tersebut (wakil) menguruskannya bagi pihaknya ketika dia (pewakil) masih hidup. Dengan syarat, urusan ini mestilah boleh diwakilkan.⁶²

Perwakilan adalah dibenarkan oleh Syarak bersandarkan kepada dalil al-Quran, sunnah dan juga ijmak.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 38.

⁶¹ Mohd Fadzli Yusof (2006), *op. cit.*, h. 10.

⁶² Muṣṭafā al-Khin, *op. cit.*, h. 313.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا

“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan”

Surah al-Nisā“ (4): 35.

Ayat di atas menyatakan bahawa apabila berlaku pergaduhan antara suami isteri dan tiada jalan penyelesaian dicapai, maka dua orang akan dilantik sebagai wakil kepada mereka dan akan menilai masalah mereka. Walaupun nas ini khusus dalam urusan suami isteri, namun ia membawa maksud umum mengenai pensyariatan perwakilan.⁶³

Antara hadith yang menyentuh mengenai perkara ini ialah:

عن عروة: أن النبي صلى الله عليه وسلم أعطاه ديناراً يشتري له به شاة، فاشترى له به شاتين، فباع احدهما بدينارا، فجاء بدينارا وشاة، فدعا له بالبركة في بيعه.⁶⁴

Diriwayatkan daripada ‘Urwah: *Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menyerahkan kepadanya satu dinar untuk membeli seekor kambing. Dia telah berjaya membeli dua ekor kambing menggunakan wang tersebut. Lalu dia menjual seekor darinya dengan harga satu dinar. Kemudian, dia telah bawakan seekor kambing dan juga satu dinar kepada Nabi SAW. Urwah menceritakan kepada baginda apa yang dilakukannya. Lantas baginda mendoakan agar diberkati urusan yang telah dilakukannya itu.*

Semua yang telah dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah ini telah diterima secara ijmak oleh para ulama“ sepanjang zaman.⁶⁵

Pengendalian operasi takaful di bawah konsep *wakālah*, pada dasarnya adalah perhubungan antara agen-prinsipal yang mana pengendali takaful bertindak sebagai agen bagi pihak peserta dan dibayar fi (upah) bagi perkhidmatan yang disediakan. Upah

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ al-,Asqalānī, *op. cit.*, “*Kitāb al-Manāqib*”, no. hadith 3642, j. 7. Beirut: Dār al-Fikr, h. 342.

⁶⁵ Muṣṭafā al-Khin, *op. cit.*, h. 314.

boleh dikenakan sebagai amaun tetap atau berdasarkan nisbah yang dipersetujui atas keuntungan pelaburan atau lebih kumpulan wang takaful.⁶⁶

Pelantikan wakil adalah sah samada pewakil memberikan upah sebagai ganjaran terhadap kerja yang dilakukan ataupun tidak. Rasulullah SAW sendiri pernah melantik seorang wakil tetapi tidak memberikannya sebarang upah terhadap kerja yang dilakukannya. Dalam pada itu, baginda juga pernah melantik wakil pengutip zakat untuk mengutip zakat dan baginda memberikan mereka upah sebagai ganjaran terhadap kerja yang mereka lakukan.⁶⁷

Pada masa ini, prinsip *al-wakālah* ini secara umumnya digunapakai oleh semua pengendali takaful di Malaysia.⁶⁸

Kesimpulannya, kedua-dua jenis kontrak yang digunapakai oleh pengendali takaful di Malaysia dalam mengendalikan operasi mereka adalah kontrak yang diharuskan oleh Syarak. Ini kerana kedua-dua kontrak ini mempunyai kelebihan di mana ianya dapat mewujudkan amalan tolong-menolong antara dua pihak yang saling memerlukan, iaitu antara pemodal yang mempunyai harta tetapi kurang berkemahiran dengan pengusaha yang mempunyai kemahiran tetapi kekurangan harta.⁶⁹ Begitu juga antara pihak yang tidak mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk melakukan segala urusannya sendiri dengan pihak yang mempunyai kemampuan serta kebolehan tertentu.

⁶⁶ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 41.

⁶⁷ Muṣṭafā al-Khin, *op. cit.*, h. 334.

⁶⁸ Menurut Dato[™] Mohd Fadzli Yusof, Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang dahulunya berpegang teguh dengan model *muḍārabah* (ketika beliau menerajui STMB) juga telah mengaplikasikan model *wakālah* dalam operasi pengendalian syarikat pada ketika ini. Bagaimana pun menurut beliau, penggunaan model *muḍārabah* wajar dikekalkan kerana ianya lebih menjana keuntungan dan menjamin kestabilan sesebuah syarikat takaful. Temubual pada 21 Disember 2009, *op. cit.*

⁶⁹ Lihat: Muṣṭafā al-Khin, *op. cit.*, h. 231.

Oleh itu, melantik wakil adalah perlu bagi memudahkan urusan dan meringankan beban mereka.⁷⁰

2.8 PERBANDINGAN ANTARA INSURANS KONVENSIONAL DENGAN TAKAFUL

Secara umumnya, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara insurans konvensional dan juga takaful. Maka, perbincangan mengenainya akan dilihat dari dua sudut iaitu dari sudut persamaan dan juga perbezaan antara keduanya. Persamaan antara keduanya akan dihuraikan terlebih dahulu. Diikuti oleh perbezaan antara keduanya.

2.8.1 Dari Sudut Persamaan

Sebenarnya, terdapat beberapa aspek persamaan yang ketara antara insurans konvensional dan juga takaful. Persamaan antara keduanya adalah sebagaimana berikut:

1) Berorientasikan Perniagaan

Sebagaimana operasi syarikat insurans konvensional, operasi takaful yang diamalkan di seluruh dunia kini termasuk di Malaysia adalah sebahagian daripada sektor *tijārī*,⁷¹ atau dengan erti kata yang lain ianya disediakan mengikut lakaran perdagangan. Ini kerana, selain daripada menyediakan dan mengurus pelbagai produk takaful, pelaburan wang caruman peserta merupakan antara aktiviti utama pengendali

⁷⁰ *Ibid.*, h. 315.

⁷¹ Dato^o Mohd Fadzli Yusof, *op. cit.*; Dato^o Mokhtar Shafii, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 23 Disember 2010, jam 4.00 petang, di pejabat PERKIM, Masjid Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya; Dato^o Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; juga ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. Temubual pada 29 Disember 2010, jam 1.00 petang, di Ahmad Ibrahim Kuliyah Of Laws (AIKOL), IIUM. Lihat juga: *Akta Takaful 1984, op. cit.*, h. 8.

takaful. Menerusi pelaburan tersebut, keuntungan yang diperolehi dapat digunakan bagi menjana pembangunan dan perkembangan perdagangan itu sendiri.⁷² Namun, terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-duanya seperti penggunaan akad, perkongsian keuntungan dan sebagainya sepertimana yang akan diterangkan nanti.

2) Prinsip Kontrak

Berdasarkan kaedah fiqh iaitu ⁷³ "الأصل في الأشياء الإباحة" (asal sesuatu itu adalah harus), maka kontrak takaful telah mengasimilasi beberapa prinsip insurans dalam amalannya yang merangkumi konsep keadilan semasa berurusan. Prinsip yang dipraktikkan oleh syarikat insurans dalam operasi pengendaliannya boleh digunapakai dalam kontrak dan amalan takaful selagi ia tidak bertentangan dengan Syarak.⁷⁴

Prinsip-prinsip tersebut ialah kepentingan boleh lindung, penuh percaya, prinsip indemniti (gantirugi), prinsip subrogasi, prinsip perkongsian sama rata (harta benda) dan prinsip sebab terhampir.⁷⁵ Namun, berbeza dengan insurans konvensional, syarikat takaful turut mengaplikasikan prinsip *tabarru*., dalam operasi pengendaliannya.⁷⁶

3) Konsep Kerjasama

Pada dasarnya, konsep insurans konvensional tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sepertimana takaful, insurans konvensional juga merupakan instrumen untuk

⁷² Mohd Fadzli Yusof (2006), *Mengenal Takaful*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., h. 276.

⁷³ al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn, Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1998), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū', Fiqh al-Shāfi, iyyah*. Muḥammad Ḥaṣan Muḥammad Ḥaṣan Ismā'īl al-Shāfi, jay (ed.), j. 1. Beirūt: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, h. 131.

⁷⁴ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 34.

⁷⁵ Untuk huraian lanjut, sila lihat: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 34-37.

⁷⁶ *Ibid.*, h. 36.

membantu golongan yang tidak bernasib baik akibat ditimpa musibah.⁷⁷ Malah, konsep bantu-membantu dan tolong menolong ini sebenarnya merupakan antara nilai murni yang amat digalakkan oleh Islam, selaras dengan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”

Surah al-Mā‘idah (5): 2.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

أن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :
"ومن كان في حاجة أخيه كان الله في حاجته"⁷⁸

Daripada Ibn Umar, Rasulullah SAW telah bersabda : “Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya, nescaya Allah akan memenuhi hajatnya”

Dalam takaful, semasa membuat kontrak, para peserta telah bersetuju untuk bantu-membantu sesama mereka melalui perwujudan satu tabungan bersama yang berdasarkan konsep *tabarru*, atau derma. Jika sesuatu musibah menimpa seseorang peserta, pampasan yang dibayar akan diambil daripada tabungan ini.⁷⁹ Manakala di dalam insurans pula, kerjasama wujud antara syarikat pengendali insurans dengan pihak yang dilindungi. Dalam hal ini, syarikat membantu mangsa melalui bayaran pampasan ke atas kehilangan harta benda atau nyawa melalui dana yang dikumpulkan menerusi pembelian polisi insurans. Ini juga merupakan satu proses kerjasama yang dilihat dapat membantu pihak yang menghadapi kesulitan hidup.⁸⁰

⁷⁷ *Ibid.*, h. 247.

⁷⁸ al-Bukhārī, *op. cit.*, “*Kitāb al-Ikrāh*” (*Bāb Yamīn al-Rajul Liṣāhibih Annahu Akhūh Izā Akhāha al-Qatla aw Naḥwahu*), j. 9. T.T.P.: T.P., h. 28; al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 6951, j. 14. Beirut: Dār al-Fikr, h. 336.

⁷⁹ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 25.

⁸⁰ *Ibid.*

4) Konsep Ikhtiar dan Tawakkal

Hakikatnya, kehidupan manusia memang sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk musibah dan malapetaka. Hal ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَدَشِيرِ
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”

Surah al-Baqarah (2): 155-156.

Namun, pada masa yang sama ajaran Islam juga menganjurkan kita agar berusaha dan berikhtiar bagi memastikan kesejahteraan hidup. Maka, penyertaan seseorang individu atau organisasi dalam skim takaful atau insurans bukan bermaksud hendak melawan ketentuan Ilahi, sebaliknya ia merupakan sebahagian dari proses tawakkal yang dianjurkan oleh Islam di mana kita perlu melakukan usaha terlebih dahulu sebelum menyerahkannya kepada Allah bagi mendapatkan keputusannya.⁸¹

Antara firman Allah SWT yang menyuruh agar kita berikhtiar terlebih dahulu sebelum bertawakkal adalah seperti berikut:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

“Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya”

Surah al-‘Imrān (3): 159.

⁸¹ *Ibid.*, h. 26.

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٦٤﴾

“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu”

Surah al-Ṭalāq (65): 2-3.

Disamping ayat-ayat al-Quran tersebut, suruhan berikhtiar dan kemudian bertawakkal kepada Allah ini dapat dilihat menerusi hadith Nabi SAW bilamana pada satu ketika seorang Arab Badwi bertanya kepada baginda Rasulullah SAW, apakah beliau perlu menambat untanya sebelum masuk ke dalam masjid untuk bersembahyang ataupun hanya membiarkan begitu sahaja untanya tanpa perlu menambatnya terlebih dahulu. Maka baginda SAW telah berkata kepada Arab Badwi tersebut dengan sebuah hadith *ṣaḥīḥ* sepertimana berikut:

حدثنا المغيرة بن أبي قرة السدوسي, قال: سمعت أنس بن مالك يقول: قال رجل:
يا رسول الله, أعقلها وأتوكل أو أطلقها وأتوكل؟ قال: أعقلها وتوكل⁸²

Diriwayatkan daripada al-Mughīrah bin Abī Qurrah al-Sadūsi, katanya: Aku telah mendengar Anas bin Malik berkata. Seorang lelaki telah bertanya Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, apakah aku perlu menambat (untaku) kemudian bertawakkal, atau aku biarkan ia dan aku bertawakkal. Jawab baginda Rasulullah SAW: “Tambatlah unta kamu terlebih dahulu dan kemudian barulah bertawakkal kepada Allah”.

Daripada hadith tersebut, baginda Rasulullah SAW mendidik kita supaya tidak mencari musibah dengan membiarkan unta tersebut tanpa menambatnya. Jika ianya diadaptasikan dalam kehidupan kita pada hari ini, jelas menunjukkan bahawa baginda menyuruh kita agar berusaha dan mencari jalan bagaimana hendak mengatasi musibah

⁸² Abī Ḥāshim Muhammad bin Ḥāshim bin Saurah (1975), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa Huwa Sunan al-Tirmidhī*, “Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā’iq wa al-War’”, no. hadith 2517, j. 14, c. 2. Miṣr: Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, h. 668.

sebelum ianya datang melanda, bukannya berserah bulat-bulat kepada takdir semata-mata tanpa melakukan sebarang usaha dan ikhtiar.

Maka, boleh kita katakan bahawa penyertaan dalam skim takaful dan pembelian polisi insurans merupakan satu strategi yang diterima umum sebagai langkah persediaan awal menghadapi kerugian akibat ketidakpastian risiko yang mungkin melanda. Ia juga selaras dengan semangat Islam yang melarang keras umatnya berserah bulat-bulat kepada takdir semata-mata kerana pegangan negatif ini akan hanya menyebabkan risiko yang bakal ditanggung menjadi lebih berat lagi.⁸³

5) Pengkelasan Produk

Di dalam dunia perniagaan, pengkelasan pasaran mengikut segmen-segmen yang tertentu merupakan satu strategi yang akan membantu proses perkembangan sesebuah institusi perniagaan. Begitu juga dengan industri takaful dan insurans ini. Pengkelasan pasaran adalah penting kerana peserta atau pelanggan mempunyai keperluan yang tersendiri. Justeru itu, kedua-dua industri tersebut mengkelaskan produk masing-masing kepada dua iaitu Takaful Keluarga/Insurans Hayat dan juga Takaful Am/Insurans Am.⁸⁴

Produk-produk yang dikategorikan di bawah sektor keluarga atau hayat turut menyediakan perlindungan ke atas risiko-risiko seperti kematian, pendapatan berterusan selepas hari tua, penyakit serta ketidapaayaan. Sementara itu, produk-produk yang terdapat di bawah kategori am pula menyediakan perlindungan ke atas harta benda

⁸³ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 26.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 27.

akibat kerosakan, kehilangan, kemusnahan akibat kebakaran, bencana alam dan sebagainya.⁸⁵

6) Perlindungan dan Tabungan

Perlindungan insurans dan takaful juga boleh dijadikan satu kaedah tabungan oleh masyarakat terutamanya melalui produk-produk yang berbentuk endowmen. Produk-produk endowmen ini berfungsi sebagai serampang dua mata yang menyediakan aspek perlindungan dan simpanan serentak kepada para peserta atau pelanggan. Produk-produk takaful atau insurans yang berbentuk persaraan atau pendidikan merupakan antara contoh-contoh produk endowmen yang dimaksudkan di sini.⁸⁶

2.8.2 Dari Sudut Perbezaan

Perbezaan antara insurans konvensional dan takaful pula dapat dilihat menerusi perkara-perkara berikut:

1) Akad *Mu'awadah* dan Akad *Tabarru'*

Perbezaan paling ketara antara insurans konvensional dan takaful ialah dari sudut akad. Akad yang digunakan dalam insurans konvensional ialah akad *mu,āwadah* (pertukaran jual beli) antara syarikat insurans dengan pembeli polisi. Sementara takaful pula menggunakan akad *tabarru,* (derma dan sumbangan). Akad insurans konvensional yang berasaskan kepada penjualan polisi inilah yang menjadi sebab utama

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Ibid.*; Lihat juga: Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 295-296.

mengapa ianya diharamkan,⁸⁷ sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-16 pada 15-16 Februari 1979 yang menyatakan bahawa : “Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai satu muamalah yang *fasad* kerana akadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu mengandungi *gharar* (ketidaktentuan), mengandungi unsur judi dan mengandungi muamalah riba”.⁸⁸

Pertama : Unsur *Gharar* (Ketidakpastian) Dalam Kontrak Insurans

Dari sudut bahasa, *al-gharar* bermaksud bahaya (*al-khaṭar*) dan mendedahkan diri kepada bahaya.⁸⁹ Dari sudut istilah fiqh pula, terdapat pelbagai pengertian *gharar* yang telah diberikan oleh para ulama”. Antaranya, menurut Ibn ʿĀbidīn: “*Gharar* ialah syak pada kewujudan barang”.⁹⁰ Sementara Imām Mālik mentakrifkan *gharar* sebagai “Apa yang tidak diketahui mengenai kewujudan atau sifatnya”.⁹¹ Menurut Imām Shāfiʿī pula, sebagaimana yang telah disampaikan oleh al-Kasānī: “*Gharar* ialah bahaya”.⁹² Manakala Ibn Ḥazim menyatakan bahawa: “*Gharar* dalam jual beli ialah kejahilan pembeli tentang apa yang dibeli, atau kejahilan penjual tentang apa yang dijual”.⁹³

Islam mensyaratkan bahawa sesuatu akad atau perjanjian yang dimeterai antara pihak yang membuat perjanjian mestilah jelas tentang perkara yang diakadkan itu. Sebaliknya, dalam kontrak jual beli polisi insurans, rukun *ma, qūd* „*alaih* atau perkara

⁸⁷ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 49.

⁸⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007), *Keputusan Fatwa Kebangsaan*, c. 2. Kuala Lumpur: JAKIM, h. 50.

⁸⁹ Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-ʿArab*, j. 5. Beirut: Dār Ṣādir, h. 13; Sa,ḍī Abū Jaib (1998), *al-Qāmūs al-Fiqhī*. Damshiq: Dār al-Fikr, h. 272.

⁹⁰ al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn al-Ḍarīr (1995), *al-Gharar wa Atharuh fī al-ʿUqūd fī al-Fiqh al-Islāmī*. Cet. 2. T.T.P.: Jāmiʿah al-Kharṭūm, h. 48.

⁹¹ *Ibid.*, h. 50.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*, h. 51.

yang diadakan tadi mengandungi banyak perkara yang tidak jelas. Lantaran itu, akad jual beli yang terdapat dalam kontrak insurans menjadi rosak dan tidak sah.⁹⁴

Secara umum, dalam kontrak jual beli insurans, *gharar* boleh berlaku dalam situasi-situasi berikut:

Pertama, *gharar* tentang hasil yang akan diperolehi menerusi kontrak tersebut. Dalam kontrak insurans, pihak yang dilindungi (pembeli polisi) mahupun pihak syarikat insurans tidak mengetahui hasil sebenar kontrak yang dibuat. Dalam erti kata yang lain pihak yang dilindungi tidak mengetahui samada dia akan dibayar pampasan sebagai pertukaran kepada premium yang dibayar atau sebaliknya.⁹⁵

Kedua, *gharar* dalam pertukaran. Kontrak jual beli yang sah melibatkan proses pertukaran. Dalam kontrak jual beli insurans, pihak yang dilindungi tidak mengetahui samada dia akan mendapat pampasan untuk premium yang telah dibayar atau sebaliknya. Begitu juga dengan syarikat insurans yang tidak mengetahui berapa banyak premium yang bakal diperolehi untuk satu-satu polisi. Adakalanya syarikat hanya menerima premium untuk beberapa ketika tetapi perlu membayar pampasan yang tidak setimpal dengan jumlah premium yang diperolehi.⁹⁶

Ketiga, *gharar* tentang tempoh kontrak. Apabila berlakunya satu-satu kontrak secara bertanggung, tempohnya perlu diketahui, jika tidak ia dikira batal. Begitu juga dengan kontrak insurans terhadap pampasan tersebut, yang mana ia mungkin akan dibayar tetapi pada suatu tempoh yang tidak diketahui.⁹⁷

⁹⁴ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 31.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 32.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ *Ibid.*

Ringkasnya, kontrak insurans adalah dikira haram kerana wujudnya unsur *gharar* (ketidakpastian) dan ketidaktentuan perkara yang dikontrakkan itu. Ini kerana, mana-mana akad jual beli yang tidak jelas boleh membawa kepada ketidakadilan, menyebabkan akad yang berat sebelah dan boleh membawa kemudharatan sebelah pihak. Ianya jelas bercanggah dengan prinsip adil dan ihsan sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarak. Berbeza dengan insurans yang berasaskan akad jual beli, akad takaful bebas dari unsur *gharar* kerana ianya berasaskan akad *tabarru,āt*. Ini kerana, *gharar* hanya berlaku dalam akad jual beli, tidak pada akad *tabarru,āt*.⁹⁸

Kedua : Unsur *Maysir* (Perjudian) Dalam Kontrak Insurans

Dalam konteks insurans, para ulama⁹⁹ menyatakan bahawa *maysir* dan *gharar* mempunyai kaitan yang amat rapat. Ini bererti jika sesuatu transaksi itu mengandungi unsur *gharar* maka dengan sendirinya unsur *maysir* akan turut serta. Kaitan antara keduanya adalah terlalu rapat dan saling berkait.⁹⁹

Dalam kontrak jual beli insurans, *maysir* boleh berlaku dalam situasi-situasi berikut:

Pertama, Islam menganggap pampasan insurans itu sebagai suatu perjudian apabila seseorang pemegang polisi insurans nyawa meninggal dunia sedangkan tempoh perjanggiannya belum lagi tamat dan hanya membayar sebahagian premium yang dipersetujui, tetapi kemudian diberikan pula pampasan yang tidak dijelaskan asal usulnya. Syarikat insurans boleh mengalami keuntungan atau kerugian disebabkan

⁹⁸ Sila lihat: al-Darīr, *op. cit.*, h, 525, 585-586; Darādakah, *op. cit.*, h, 102.

⁹⁹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 54.

tuntutan yang seolah-olah bergantung kepada nasib disebabkan wujudnya unsur *gharar*. Keuntungan daripada nasib ini dianggap seperti berjudi.¹⁰⁰

Kedua, *maysir* dalam kontrak insurans juga dikatakan wujud bilamana peserta membayar premium yang kecil dengan mengharapkan pulangan wang yang lebih besar jumlahnya, peserta hilang wang premium apabila risiko yang dilindungi (*the insured event*) tidak berlaku dan syarikat akan rugi jika terpaksa membayar tuntutan yang melebihi jumlah premium yang diterima.¹⁰¹

Jelasnya, keseluruhan asas kontrak insurans adalah berdasarkan sesuatu kejadian yang tidak pasti terjadi yang mana ianya mungkin berlaku atau tidak. Asas sebegini lebih merupakan satu pertaruhan atau loteri. Pembayaran pampasan yang tertakluk kepada bencana yang belum pasti terjadi itu menjadikan kontrak insurans sebagai suatu pertaruhan.¹⁰²

Berbeza dengan insurans konvensional, unsur memperjudikan nyawa atau harta benda ini tidak wujud dalam takaful kerana semua peserta yang menyertai skim takaful ini tidak mempunyai tujuan untuk mendapatkan pampasan akibat bencana yang menyimpannya. Sebaliknya, tujuan utamanya ialah untuk membantu ahli-ahli lain yang dalam kesusahan melalui konsep *tabarru*,, tanpa mengharapkan apa-apa balasan.¹⁰³

¹⁰⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 346.

¹⁰¹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 54.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 33.

Ketiga : Unsur *Riba* Dalam Kontrak Insurans

Dalam kontrak insurans, unsur-unsur *riba* terdapat dalam perkara-perkara berikut:

Pertama, kontrak insurans termasuk dalam kontrak pertukaran nilai wang dengan nilai wang yang mengikut kaedah *riba*, nilainya mestilah sama dan segera (tidak boleh bertangguh) semasa kontrak itu dibuat. Pampasan dan premium dalam kontrak insurans tidak sama dan jika ianya sama sekalipun, ia tidak dilakukan dalam kadar segera. Oleh itu, ia adalah haram kerana wujudnya unsur *riba al-faḍl* dan *riba al-nasa'*.¹⁰⁴

Kedua, dalam sistem kemudahan pinjaman yang ditawarkan kepada peserta dalam sesetengah produk insurans hayat, syarikat insurans akan mengenakan bayaran faedah (*interest*) dengan kadar yang telah ditetapkan ke atas pemegang polisi yang membuat pinjaman (*policy loan*).¹⁰⁵ Begitu juga dengan pinjaman premium automatik. Di bawah peruntukan pinjaman premium automatik, jika premium belum dibayar pada akhir tempoh tenggang, dan jika polisi tersebut mengandungi nilai tunai yang mencukupi, maka amaun yang patut dibayar akan didahulukan secara automatik oleh syarikat dengan membuat pinjaman ke atas polisi tersebut. Pinjaman premium itu akan mengenakan faedah pada kadar yang dikenakan ke atas pinjaman polisi seperti yang dinyatakan dalam kontrak insurans.¹⁰⁶ Jelas sekali bahawa bayaran faedah tersebut merupakan *riba* yang dilarang oleh Islam.

¹⁰⁴ Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 346.

¹⁰⁵ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 56. Lihat juga: Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 341.

¹⁰⁶ Hendon Redzuan, *ibid.*, h. 342.

Ketiga, premium yang terlewat bayar akan dikenakan bunga mengikut kadarnya yang tertentu dan ini nyata melibatkan *riba*.¹⁰⁷

Keempat, elemen *riba* turut wujud dalam penjanaan keuntungan pelaburan yang akan digunakan dalam pembayaran pampasan kepada pemegang polisi. Ini kerana, keseluruhan simpanan tabungan wang syarikat insurans dilaburkan pada pelaburan yang berasaskan *riba* dan amalan-amalan lain yang tidak diluluskan oleh Syarak.¹⁰⁸

2) Perkongsian Untung

Dalam konsep takaful, setiap sumbangan yang dibayar oleh peserta akan dipecahkan kepada dua akaun iaitu Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta. Proses pengurusan sumbangan ini akan dilakukan oleh pengendali takaful dan proses pengembangan dana dilakukan menerusi pelaburan atau perniagaan. Hasil daripada aktiviti pelaburan dan perniagaan ini akan dikongsi bersama antara peserta dan pengendali takaful tadi mengikut prinsip *muḍārabah*, berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui bersama.¹⁰⁹

Berbeza dengan takaful, tidak wujud konsep perkongsian untung dalam insurans konvensional dan jika wujud sekalipun, ianya adalah berdasarkan budi bicara pihak syarikat.¹¹⁰ Ini kerana, dalam insurans konvensional wang pencarum dianggap sebagai wang syarikat dan menjadi miliknya sejeurus dibayar oleh pencarum. Maka, keuntungan

¹⁰⁷ Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 346.

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 34.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 32.

yang dihasilkan daripada kumpulan wang pencarum juga turut dimiliki sepenuhnya oleh syarikat.¹¹¹

3) Pengembalian Wang Caruman Untuk Tempoh Batal

Dalam kontrak takaful, pihak peserta boleh berhenti daripada kontrak pada bila-bila masa dan wang daripada akaun pesertanya akan dikembalikan kepadanya (beserta keuntungan, jika ada).¹¹² Dalam erti kata yang lain, mana-mana peserta yang membatalkan sijil takaful sebelum genap tempoh matang, dibenarkan untuk mendapatkan kembali wang carumannya untuk tempoh batal tersebut mengikut kiraan pro-rata. Sebagai contoh, sekiranya tempoh batal adalah bersamaan dengan setengah tempoh penyertaan, maka amaun yang dikembalikan adalah bersamaan 50% daripada wang caruman.¹¹³

Walau bagaimanapun, pembatalan sijil akan mengakibatkan hak untuk berkongsi untung mengikut prinsip *al-muḍārabah* akan gugur dengan sendirinya.¹¹⁴ Begitu juga dengan sebahagian sumbangan yang telah diperuntukkan ke dalam akaun *tabarru'* (derma). Bahagian ini beserta keuntungan pelaburannya tidak akan dikembalikan kepada peserta. Rasulullah SAW mencela orang yang mengambil semula apa yang telah didermakan menerusi sebuah hadis berikut:

عن ابن عباس: ان النبي صلى الله عليه وسلم قال: "مثل الذي يرجع في صدقته, كمثل الكلب يقيء ثم يعود في قيئه, فيأكله".¹¹⁵

Daripada Ibn ‘Abbas, sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: "Perumpamaan orang yang mengambil semula apa yang telah didermakan,

¹¹¹ Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*. C. 2. T.T.P.: True Wealth Sdn. Bhd., h. 97.

¹¹² Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 32.

¹¹³ Mohd. Fadzli Yusof (2006), *op. cit.*, h. 12-13.

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Khalīl Ma‘mūn Shaiḥan (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī, Kitāb al-Hibāt (Bāb Taḥrīm al-Rujū‘ fī al-Ṣadaqah wa al-Hibah Ba‘d al-Qabḍ Illā Mā Wahbah Li Waladīh wa In Safl)*, no. hadith 4146, j. 11. Miṣr: Maṭba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh, h. 66.

adalah seperti anjing yang muntah kemudian menjilat semula muntahnya itu, lalu memakannya”.

Namun, ini tidak bermakna bahagian *tabarru‘* akan menjadi hak pengendali. Sebaliknya, bahagian tersebut akan kekal dan tetap menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Takaful Keluarga.¹¹⁶

Dalam insurans pula, jika pembeli polisi menghentikan bayaran premiumnya sebelum tempoh masa tertentu, berkemungkinan wang bayaran premium bulannya tidak akan dikembalikan.¹¹⁷ Jika ianya dikembalikan sekalipun, terdapat perbezaan antara takaful dengan insurans konvensional dari sudut kaedah pengiraannya. Bagi takaful, samada pembatalan sijil takaful dibuat oleh peserta atau pengendali, kaedah pengembalian tetap sama iaitu mengikut kiraan secara pro-rata. Tetapi, bagi insurans konvensional, kebiasaannya kadar khusus yang dipanggil *customary short period* akan dikenakan. Kadar ini selalunya lebih kecil berbanding kadar yang ditentukan menerusi kaedah pro-rata.¹¹⁸

4) Majlis Penasihat Syariah

Antara sebab utama yang menyebabkan kontrak insurans ini dianggap meragukan ialah tiadanya Majlis penasihat Syariah dalam institusi insurans yang memantau urusan pengendalian wang yang dikumpulkan daripada para pembayar premium.¹¹⁹

¹¹⁶ Mohd. Fadzli Yusof (2006), *op. cit.*, h. 30.

¹¹⁷ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 32.

¹¹⁸ Mohd. Fadzli Yusof (2006), *op. cit.*, h. 13.

¹¹⁹ Muhammad Hisyam Mohamad, *op. cit.*, h. 32.

Oleh sebab ia tidak terikat dengan mana-mana arahan supaya melabur di dalam instrumen pelaburan yang diharuskan Syariah, kebanyakan dana tadi dilaburkan di dalam pasaran saham terutamanya dalam kaunter tidak lulus Syariah, pelaburan dalam akaun tetap atau bon-bon konvensional dan sebagainya. Apabila berlaku tuntutan, sebahagian wang hasil pelaburan yang tidak berlandaskan Syariah ini akan dibayar kepada pelanggan.¹²⁰

Situasi ini tidak berlaku di dalam industri takaful kerana wujudnya Majlis Penasihat Syariah (MPS) pada peringkat pusat dan juga MPS peringkat organisasi yang bertindak menasihat serta memantau urusan pengendalian dana takaful agar ia dilaburkan di dalam instrumen yang diharuskan Syariah sahaja. Jadi, jika berlaku sebarang pembayaran kepada peserta yang memerlukan bantuan, wang tadi adalah wang halal yang bukan berpunca daripada aktiviti pelaburan yang mempunyai unsur riba.¹²¹

5) Konsep Penjaminan

Dalam aspek penjaminan, yang menjamin peserta-peserta takaful bukanlah syarikat takaful tetapi peserta-peserta itu sendiri. Segala bayaran tuntutan dikeluarkan daripada tabung yang telah terkumpul, sedangkan pengendali takaful hanya berfungsi sebagai pengusaha tabung wang peserta-peserta takaful. Konsep ini berbeza dengan syarikat insurans konvensional di mana syarikat itu sendiri yang menjamin peserta-peserta insurans.¹²²

¹²⁰ *Ibid.*, h. 33.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 56.

6) Elemen *Maqāsid al-Sharī'ah*

Pada dasarnya, pemeliharaan terhadap lima kepentingan asas (*al-kulliyāt al-khams*) sebagaimana yang ditegaskan oleh Imām al-Ghazālī bukan sahaja diterima pakai oleh agama Islam bahkan semua agama di atas muka bumi ini.¹²³ Justeru, sepertimana produk-produk takaful, didapati bahawa produk-produk insurans konvensional juga turut mengandungi elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut memberi perlindungan, meringankan bebanan, menolak kemudharatan serta pemeliharaan terhadap lima kepentingan asas (*al-kulliyāt al-khams*).

Namun, terdapat perbezaan antara elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang terdapat dalam takaful dengan elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang terdapat insurans konvensional. Apa yang membezakan antara keduanya adalah tentang *maṣlaḥah* yang ingin dicapai, dari sudut ketepatannya dengan ciri-ciri *maṣlaḥah Shar'iyyah*.¹²⁴ Antara ciri-ciri *maṣlaḥah Shar'iyyah* yang telah digariskan oleh para ulama" ialah, *maṣlaḥah* tersebut mestilah bersumberkan petunjuk Syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Berbeza dengan takaful, *maṣlaḥah* yang terdapat dalam insurans konvensional didapati hanya bersandarkan kepada akal manusia semata-mata. Perbezaan tersebut dapat dilihat menerusi contoh-contoh berikut:

Pertama, dalam insurans konvensional kita akan dapati bahawa perbuatan membunuh diri, meskipun dilakukan dengan sengaja ianya tetap dilindungi di bawah insurans hayat, dengan alasan untuk menjaga kepentingan waris yang ditinggalkan.¹²⁵ Tidak dinafikan bahawa amalan saling tolong-menolong serta bantu-membantu

¹²³ al-Ghazālī, *op cit.*, h. 288.

¹²⁴ Untuk huraian lanjut mengenai ciri-ciri *maṣlaḥah Shar'iyyah*, sila lihat: bab 1, h. 52-53.

¹²⁵ Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 291.

sememangnya amat digalakkan dalam Islam, namun ianya mestilah dilakukan atas dasar kebajikan dan juga ketaqwaan, sebagaimana firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”

Surah al-Mā'idah (5): 2.

Bukankan sesuatu yang tidak wajar sekiranya peserta yang ditimpa musibah yang berpunca daripada perkara-perkara atau perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam turut menerima manfaat perlindungan yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Tambahan pula, perbuatan membunuh diri adalah jelas haram di sisi Syarak. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

“Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri”

Surah al-Nisā' (4): 29.

وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syara')”

Surah al-Furqān (25): 68.

Menerusi kenyataan di atas, jelas menunjukkan kepada kita bahawa skop perlindungan takaful hanyalah ke atas perkara-perkara kebaikan yang tidak bertentangan dengan Syarak. Maka, perkara-perkara yang bercanggah dengan Syarak seperti membunuh diri dan kematian akibat minum arak tidak dilindungi di bawah skim takaful kerana jelas perbuatan tersebut adalah haram di sisi Islam.

Kedua, sepertimana takaful, insurans konvensional juga turut melaburkan wang caruman pembeli polisinya bagi menjana keuntungan, yang dapat memberikan pulangan serta manfaat kepada pembeli polisi. Secara zahir, ianya kelihatan mengandungi elemen

maqāsid al-Sharī'ah terhadap pemeliharaan harta dari sudut mengembangkan harta tersebut dengan cara melaburkannya. Namun, instrumen pelaburan pengendali takaful adalah berbeza dengan instrumen pelaburan syarikat insurans konvensional. Ini kerana, penyeliaan serta pemantauan yang dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah dalam syarikat takaful akan sentiasa memastikan bahawa wang sumbangan peserta dilaburkan ke dalam entiti yang selaras dengan Syariah Islam. Berbeza dengan pengendali takaful, syarikat insurans pula bebas melaburkan wang caruman pembeli polisi ke dalam mana-mana instrumen yang diinginkan tanpa mengambil kira unsur halal dan haram.

Justeru, hasil pulangan pelaburan yang diterima dari kedua-dua pengendali takaful dan syarikat insurans adalah berbeza, di mana pulangan pelaburan pengendali takaful tentunya bebas dari unsur *riba*, tetapi tidak bagi pulangan pelaburan syarikat insurans konvensional.

Ketiga, ciri lain yang membezakan antara takaful dengan insurans konvensional adalah dari sudut memberi keadilan terhadap peserta. Secara zahir, kita dapati bahawa kedua-dua produk takaful dan insurans konvensional dapat memberi keadilan terhadap pesertanya (pembeli polisi). Namun, jika diteliti dan diperhalusi kita akan dapati bahawa produk-produk insurans konvensional sebenarnya mengandungi unsur-unsur ketidakadilan terhadap peserta (pembeli polisi).

Sebagai contoh, dari sudut pengembalian wang caruman kepada peserta (pembeli polisi) yang menarik diri atau membatalkan kontrak. Sebagaimana takaful, mana-mana pembeli polisi insurans yang membatalkan kontrak juga akan dikembalikan wang carumannya. Namun, apa yang membezakan antara keduanya ialah dari sudut kaedah pengiraannya. Bagi takaful, sama ada pembatalan sijil takaful dibuat oleh

peserta atau pengendali, kaedah pengembalian tetap sama iaitu mengikut kiraan secara pro-rata. Tetapi bagi insurans konvensional, kebiasaannya kadar khusus yang dipanggil *customary short period* akan dikenakan yang mana kadar ini selalunya adalah lebih kecil berbanding kadar yang ditentukan menerusi kaedah pro-rata.

Begitu juga dengan kemudahan pinjaman wang yang ditawarkan dalam insurans konvensional yang secara zahirnya kelihatan membantu meringankan bebanan kewangan peserta (pembeli polisi). Walau bagaimanapun, meminjam daripada syarikat insurans sama seperti meminjam daripada bank, di mana si peminjam akan dikenakan turut kadar faedah.

Jika dilihat secara zahir, mengenakan faedah ke atas pinjaman yang dilakukan oleh si peminjam (pemegang polisi) dianggap adil kerana pihak syarikat dapat membantu si peminjam meringankan bebanan kewangannya, atau si peminjam tadi dapat memanfaatkan pinjaman tersebut, maka sebagai balasan syarikat mengenakan faedah ke atas pinjaman tersebut. Bukankan ianya kelihatan adil terhadap kedua-dua belah pihak yang meminjam dan memberi pinjam?

Namun sekali lagi, apa yang dianggap *mas'alahah* menurut pandangan manusia tidak semestinya ia adalah *mas'alahah* menurut pertimbangan Syarak. Meskipun manusia menganggap bahawa tiada perbezaan antara *riba* dan juga jual beli,¹²⁶ malah menganggap bahawa *riba* itu sebagai sebahagian daripada bentuk-bentuk jual beli, namun begitu Allah SWT mengatakan bahawa:

¹²⁶ Masyarakat pada zaman Jahiliyah mengatakan bahawa *riba* sama sahaja seperti jual beli. Hujah mereka ialah sekiranya seseorang membeli sesuatu barangan dengan harga 2 dinar dan menjualkannya pada harga 2.50 dinar, ia merupakan suatu jual beli yang sah dan adil. Begitulah juga jika seseorang itu meminjamkan 2 dinar dan mengambil 2.50 dinar daripada si penghutang, sepatutnya juga dianggap adil dan sah kerana kedua-dua urusan ini dilakukan dengan persetujuan bersama. Oleh itu, sebarang perolehan daripada urusan *riba* adalah sama dengan perolehan daripada jual beli. Sila lihat: Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 123-124.

قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا^ج

“Mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba”.

Surah al-Baqarah (2): 275.

Ayat di atas dengan jelas menyatakan bahawa kedua-dua urusan tersebut adalah tidak sama kerana tambahan yang diperolehi oleh *riba* itu merupakan hasil daripada perlanjutan tempoh pembayaran hutang, sedangkan tambahan keuntungan adalah hasil daripada jual beli dan perniagaan.¹²⁷

2.9 KESIMPULAN

Takaful dan insurans, meskipun pada kedua-duanya terdapat unsur-unsur persamaan dari sudut kewujudan nilai-nilai murni yang bertepatan dengan ajaran Islam serta elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah*, namun *maṣlaḥah* sebenar yang menepati piawaian Syarak menjadi titik pemisah yang membezakan antara keduanya. Ini kerana, akal manusia yang terbatas dan sering didorong oleh hawa nafsu, sering mentafsir *maṣlaḥah* sebagai *mafsadah*, dan *mafsadah* itu sebagai *maṣlaḥah*. Maka, ciri-ciri *maṣlaḥah Shar'iyyah* sebagaimana yang terdapat dalam takaful inilah yang menjadikan ianya berbeza dengan insurans konvensional.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 125.

BAB

TIGA

BAB TIGA
PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL KELUARGA
DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menghuraikan secara ringkas mengenai latar belakang syarikat TISB, visi dan misi syarikat serta model yang digunakan dalam pengendalian operasi syarikat TISB. Seterusnya diuraikan produk-produk yang ditawarkan menerusi Pelan Takaful Keluarga Individu.

3.2 LATAR BELAKANG SYARIKAT TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.

Takaful Ikhlas Sdn Bhd memulakan operasinya pada bulan Julai 2003. Manakala majlis pelancarannya pula telah diadakan pada bulan Oktober tahun yang sama di Pusat Ekspo Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) oleh Menteri Luar pada ketika, iaitu Datuk Seri Syed Hamid Albar.¹

Takaful Ikhlas Sdn Bhd juga merupakan anak syarikat milik penuh MNRB Holding Berhad (MNRB). Diperbadankan pada tahun 1972, MNRB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang mempunyai anak-anak syarikat yang terlibat dalam perniagaan reinsurans dan insurans. MNRB yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia Securities Berhad telah mencatat perolehan sebanyak RM978.6 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.²

¹ http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1014&pub=oic2003&sec=Berita&pg=ob_07.htm&arc=hive, 12 Jun 2009 .

² <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/syarikatInduk.asp>, 12 Jun 2009.

Dari segi hierarki, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. merupakan pengendali takaful keempat yang beroperasi di negara ini setelah kemunculan tiga pengendali takaful sebelumnya. Bermula dengan penubuhan syarikat takaful yang pertama iaitu Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad pada tahun 1984.³ Diikuti pula oleh penubuhan Takaful Nasional Sdn. Bhd. pada tahun 1993 yang mana sebelum itu dikenali sebagai MNI Takaful Sdn. Bhd.⁴ Seterusnya diikuti dengan Mayban Takaful Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada tahun 2002.⁵

3.3 VISI DAN MISI SYARIKAT

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. telah menggariskan visi dan misinya seperti berikut:

(i) Visi:

Takaful Ikhlas berazam untuk menjadi penyedia perkhidmatan perlindungan kewangan pilihan berasaskan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam.

(ii) Misi:

Takaful Ikhlas beriltizam untuk menyediakan produk-produk bernilai tambah dan perkhidmatan berkualiti melalui warga kerja yang cekap, rangkaian pengedaran yang berkesan dan teknologi yang membantu kecekapan dan inovasi dalam pengurusan perniagaan, dalam persekitaran yang kreatif, dinamik dan agresif. Pelaksanaan perniagaan akan berteraskan kefahaman yang jelas mengenai keperluan pasaran dan pertumbuhan yang terancang.⁶

³ Kemudian diperbadankan pada tahun 1996 menjadi Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Merupakan anak syarikat kepada Bank Islam Malaysia Holdings Berhad (BIMB).

⁴ Kini dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad.

⁵ Hendon Redzuan *et. al.* (2006), *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. Selangor: Prentice Hall Malaysia Sdn. Bhd., h. 454.

⁶ <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/visiMisiNilaiteras.asp>, 12 Jun 2009.

3.4 MODEL PENGENDALIAN OPERASI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.

Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, Takaful Ikhlas telah memilih dan menggunakan kontrak *wakālah* sebagai model dalam operasi pengendalian syarikat.⁷ Pihak Syarikat menggunakan dua kontrak berikut sebagai garis panduan dalam operasi perniagaan mereka, iaitu:

- (a) Kontrak *tabarru'* di mana peserta bersetuju menderma peratusan yang telah ditentukan daripada sumbangan kepada dana untuk membantu peserta lain.
- (b) Kontrak *wakālah* di mana peserta membenarkan syarikat untuk menguruskan hal ehwal dana bagi pihaknya.⁸

Di bawah model ini, pihak Syarikat akan melantik pihak ketiga sebagai ejen atau wakil untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para peserta, membuat pembayaran lebihan dan keuntungan kepada para peserta serta membuat pengiraan keuntungan bersama secara bulanan. Dengan lain perkataan, peserta sebagai prinsipal menyerahkan kepada syarikat untuk pengurusan dana takaful dan diberikan upah atas perlantikan dan kerja tersebut. Pada masa yang sama, syarikat pula mewakilkan kepada wakil atau ejen untuk memberikan perkhidmatan kepada para peserta dan mereka ini dibayar upah atas perkhidmatan yang diberikan.⁹


⁷ <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/modelTakaful.asp>, 2 Disember 2009.

⁸ *Ibid.*

⁹ Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 462.

Paparan di bawah menunjukkan model *wakālah* yang diguna pakai oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Rajah 3.1 : Carta Operasi Takaful Model Wakalah



(Sumber: <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/modelTakaful.asp>, 2 Disember 2009)

Rajah 3.2 menunjukkan carta aliran model Takaful Keluarga Ikhlas. Seseorang yang menyertai satu-satu skim perlindungan Takaful Keluarga dianggap sebagai peserta.¹⁰ Peserta memilih salah satu daripada skim perlindungan yang disediakan. Semua skim perlindungan Takaful Keluarga mengandungi tempoh matang yang ditetapkan terlebih dahulu oleh pihak syarikat. Syarikat takaful dan peserta seterusnya memeterai perjanjian di mana diterangkan dengan jelas perjalanan skim perlindungan Takaful Keluarga berkenaan serta hak-hak dan kewajipan kedua-dua belah pihak.

Peserta dikehendaki membayar ansuran sumbangan skim perlindungan Takaful Keluarga berkenaan berdasarkan jumlah manfaat perlindungan yang diambil. Tetapi lazimnya, jumlah sumbangan ini hendaklah tidak kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan oleh syarikat Takaful. Bayaran sumbangan ini boleh dibuat secara tahunan, setengah tahun, suku tahun dan bulanan.¹¹

Berdasarkan model *wakālah* yang digunapakai oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., setiap sumbangan peserta Takaful Keluarga akan dibahagikan kepada dua akaun, iaitu akaun yang berasaskan pelaburan dan perlindungan, dan akaun yang berasaskan perlindungan sahaja. Akaun-akaun ini dikenali sebagai Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) dan Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA).¹²

Sebahagian besar daripada jumlah sumbangan akan dimasukkan ke dalam akaun peserta untuk tujuan tabungan dan pelaburan. Bakinya akan dimasukkan ke dalam Akaun Tabungan Ta'awuni (TAP) untuk keperluan membayar manfaat takaful kepada

¹⁰ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd., h. 62.

¹¹ Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, Eksekutif Kanan, Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, TISB. Temubual pada 9 Oktober 2009, jam 2.45 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

¹² Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 541.

peserta-peserta yang lain apabila ditimpa musibah atau bencana. Manakala baki daripada kedua-dua akaun ini pula akan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan. Pengendali takaful akan melaburkan kumpulan wang ini dalam bidang dan bentuk pelaburan yang halal mengikut hukum-hukum Syariah.¹³

Di Takaful Ikhlas, prinsip pelaburan yang digunakan ialah *istithmār bi al-ju,ālah*, iaitu pihak syarikat akan mengambil komisen terhadap sebarang keuntungan yang diperolehi menerusi usaha pelaburan yang telah dijalankan. Lazimnya, Takaful Ikhlas akan mengambil komisyen sebanyak 10% dari keuntungan pelaburan untuk urusan pentadbiran. Manakala 90% akan dimasukkan ke dalam akaun peserta masing-masing.¹⁴ Dengan adanya keuntungan ini, maka jumlah tabungan atau simpanan yang ada dalam akaun peserta akan bertambah.

Dalam operasi Takaful Keluarga model *wakālah* ini juga, terdapat tiga jenis akaun yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti yang berikut:

(a) Akaun Pelaburan Peribadi (PIA)

Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) adalah akaun di mana sebahagian daripada caruman peserta menerusi penyertaan pelan perlindungan asas akan dimasukkan bagi tujuan simpanan dan pelaburan.¹⁵ Akaun ini mempunyai dua objektif iaitu produk berasaskan simpanan dan pelaburan; dan untuk memaksimumkan pulangan.

¹³ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *op. cit.*, h. 43.

¹⁴ Wan Jemizan bin Wan Deraman, Penolong Naib Presiden, Jabatan Pematuhan Syariah, TISB. Temubual pada 7 Ogos 2009, jam 3.00 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

¹⁵ Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, *op. cit.*; Hisham bin Hamzah, Pengurus Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, TISB. Temubual pada 30 Disember 2009, jam 3.30 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

Perolehan keuntungan akan dikongsi bersama antara Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) dan syarikat. Daripada keuntungan yang dilaburkan dari akaun ini, yuran prestasi akan dikenakan sebagai bayaran menguruskan dana tersebut.¹⁶

(b) Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA)

Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) adalah akaun di mana sebahagian daripada caruman peserta menerusi penyertaan pelan perlindungan tambahan (*rider*) akan dimasukkan bagi tujuan perlindungan sahaja.¹⁷ Akaun ini mempunyai satu objektif sahaja iaitu produk berasaskan perlindungan sahaja.

Perolehan keuntungan akan dikongsi antara Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) dan syarikat. Daripada keuntungan yang dilaburkan dari akaun ini, yuran prestasi akan dicaj sebagai bayaran menguruskan dana tersebut.¹⁸

(c) Tabung Akaun Ta'awuni (TAP)

Tabung Akaun Ta'awuni (TAP) ini merupakan akaun bagi tujuan *tabarru'* dan *wakalāh*. Tujuan *tabarru'* adalah untuk membantu dan menjamin sesama peserta dan dari tabung ini jugalah, yuran atau upah wakil akan diambil. Secara terperinci, Tabung Akaun Ta'awuni (TAP) ini terbahagi kepada tiga dana iaitu:¹⁹

¹⁶ Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 464.

¹⁷ Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, *op. cit.*; Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

¹⁸ Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 464.

¹⁹ *Ibid.*

1. Dana Perbelanjaan atau *wakālah* (EF)

Dana ini digunakan untuk tujuan pembayaran kos-kos pentadbiran, komisen kepada wakil, bayaran kos perniagaan baru dan juga perkhidmatan.²⁰

2. Dana Risiko (RF)

Dana risiko ini merupakan dana *tabarru'* yang diperuntukkan untuk pembayaran perlindungan kepada peserta yang mengalami kerugian yang dilindungi. Selain itu, dana ini juga digunakan untuk tujuan *retakaful* (takaful semula) dan rizab yang ditetapkan.²¹ Dana ini turut dilaburkan oleh pihak syarikat bagi memastikan ianya sentiasa stabil dan mencukupi bagi membiyai sebarang pembayaran perlindungan kepada peserta yang ditimpa musibah. Sekiranya terdapat lebih dari dana ini, ianya akan dikembalikan semula kepada para peserta.²²

3. Dana Khas (SF)

Dana ini merupakan dana kecemasan *tabarru'* bagi menampung dan menyokong sebarang kekurangan dalam dana risiko.²³ Namun, sekiranya dana yang ada juga tidak mencukupi untuk menampung sebarang kekurangan dalam dana risiko, maka pihak syarikat akan membuat pinjaman secara *qard al-ḥasan* (pinjaman tanpa faedah) daripada para pemegang saham.²⁴

²⁰ *Ibid.*; Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud *op. cit.*; Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

²¹ *Ibid.*

²² Hisham bin Hamzah, *ibid.*

²³ Hendon Redzuan, *op. cit.*, h. 465; Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud *op. cit.*; Hisham bin Hamzah, *ibid.*

²⁴ Hisham bin Hamzah, *ibid.*

3.5 PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL KELUARGA (INDIVIDU)

3.5.1 Pengenalan

Dari segi konsep, pelan perlindungan takaful keluarga menyamai insurans hayat konvensional. Pelan Takaful Keluarga merupakan tabungan jangka panjang dan program bantuan untuk melindungi orang perseorangan dan berkumpulan yang menyediakan bantuan secara bersama jika berlaku kematian ke atas peserta. Berbagai manfaat sampingan boleh digabungkan dengan Pelan Takaful Keluarga seperti perlindungan kemalangan diri, manfaat hospital, perlindungan keilatan kekal seluruh anggota badan dan khairat keluarga.²⁵

Secara umumnya, terdapat dua jenis pelan perlindungan di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., iaitu Pelan Takaful Keluarga dan Pelan Takaful Am. Pelan Takaful Keluarga pula terbahagi kepada dua, iaitu Pelan Takaful Keluarga Individu dan Pelan Takaful Keluarga Berkelompok.²⁶ Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada Pelan Takaful Keluarga Individu sahaja yang terdiri daripada Pelan Asas dan juga Pelan Manfaat Tambahan (Rider). Pada bahagian ini, penulis akan menghuraikan satu-persatu mengenai produk-produk ini yang merangkumi manfaat produk serta terma dan syarat yang berkaitan dengannya.

²⁵ Habibah Tolos *et. al.* (2003), "Takaful (Insurans Islam)", dalam Lim Chee Chee (ed.), *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 238.

²⁶ Wan Jemizan bin Wan Deraman, *op. cit.*

3.5.2 Pelan Asas

Di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., terdapat lapan²⁷ produk Pelan Takaful Keluarga (Individu) yang merangkumi pelan simpanan, pelan pelaburan, pelan pendidikan, pelan kesihatan dan juga pelan warga emas. Huraian mengenainya adalah seperti berikut:

1. Ikhlas Savings Takaful

Ikhlas Savings Takaful merupakan pelan unggul yang menyediakan dana simpanan, memberi pulangan ke atas pelaburan dan turut menawarkan perlindungan kepada peserta. Pelan ini direka untuk mengoptimumkan kadar pulangan terhadap pelaburan kepada peserta.²⁸

Pelan Ikhlas Savings Takaful yang telah dilancarkan pada akhir tahun 2003 ini merupakan antara pelan perlindungan Takaful Ikhlas yang paling laris dan sehingga ke hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat.²⁹

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Savings Takaful adalah seperti berikut:

- i. Manfaat kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh (TPD)³⁰

Pelan ini akan memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian atau TPD terhadap peserta sebelum tempoh matang sijil. Jumlah perlindungan termasuk jumlah yang terkumpul beserta pendapatan pelaburan bersih dari Akaun Pelaburan Peribadi

²⁷ <http://www.takaful-ikhlas.com.my/>, 2 Disember 2009. Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

²⁸ Risalah *Ikhlas Savings Takaful* (t.t.), TISB.

²⁹ Wan Jemizan bin Wan Deraman, *op. cit.*

³⁰ Selepas ini akan ditulis sebagai TPD.

(PIA)³¹ dan juga lebih bersih (iaitu selepas ditolak caj pengurusan)³² dari Dana Risiko melalui Akaun Terkumpul Ta'awuni (TAP),³³ sekiranya ada akan dibayar kepada peserta, waris peserta atau keluarga terdekat.³⁴

Sekiranya kematian atau kehilangan upaya kekal dan menyeluruh berlaku sebelum anak mencapai umur 5 tahun, jumlah perlindungan yang akan dibayar adalah seperti berikut :

Jadual 3.1 : Lien³⁵ Juvenile

Umur Sewaktu Kematian	% Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun dan ke atas	100%

(Sumber: Sijil Asas "Ikhlas Savings Takaful" (2009), TISB)

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima jumlah yang terkumpul beserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.³⁶

³¹ Selepas ini akan ditulis sebagai PIA.

³² Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

³³ Selepas ini akan ditulis sebagai TAP.

³⁴ Risalah *Ikhlas Savings Takaful* (t.t.), TISB.

³⁵ Merupakan bahasa Latin, yang bermaksud had. Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

³⁶ Sijil "Ikhlas Savings Takaful" (2009), TISB.

iii. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Pengeluaran wang tunai daripada PIA boleh dibuat setelah sijil berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Hanya tiga kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh sijil, dengan tempoh minimum di antara setiap pengeluaran ialah dua tahun. Jumlah pengeluaran yang dibenarkan adalah maksimum 30% daripada PIA untuk setiap pengeluaran dan 50% bagi gabungan ketiga-tiga pengeluaran. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00 akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.³⁷

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Savings Takaful:

- i. Ikhlas Savings Takaful boleh disertai oleh mereka yang berumur 30 hari hingga 60 tahun, dengan pilihan tempoh matang iaitu antara 5 tahun hingga 75 tahun.³⁸
- ii. Jumlah perlindungan minimum bagi Ikhlas Savings Takaful ialah RM10,000. Sementara jumlah perlindungan maksimum adalah RM150,000 bagi peserta yang berumur di bawah 15 tahun dan tiada had bagi peserta yang berumur 15 tahun ke atas (tertakluk kepada keputusan penguderaitan).³⁹
- iii. Penambahan sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa. Jumlah penambahan minimum adalah sebanyak RM50.00 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA peserta.⁴⁰

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Sijil "Ikhlas Savings Takaful" (2009), TISB.

2. Ikhlas Education Takaful

Ikhlas Education Takaful yang turut dilancarkan pada tahun 2003⁴¹ ini merupakan pelan yang direka khusus untuk menyediakan jaminan jangka panjang demi masa depan anak-anak bagi memastikan keperluan pendidikan mereka terjamin.⁴²

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Education Takaful adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian

Sekiranya berlaku musibah kematian ke atas peserta, pembayar (ibu bapa/penjaga) boleh memperolehi manfaat perlindungan maksimum sehingga RM30,000 termasuk jumlah yang terkumpul berserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan juga lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP (sekiranya ada).

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima jumlah yang terkumpul berserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.

iii. Pengecualian sumbangan

Sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas pembayar di dalam tempoh sijil, semua pembayaran sumbangan akan dibayar melalui Dana Risiko sehingga tempoh

⁴¹ Ikhlas@ikhlas.com.my. Email bertarikh 9 September 2009; Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

⁴² Risalah *Ikhlas Education Takaful* (t.t.), TISB.

matang sijil.⁴³

iv. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Pengeluaran wang tunai daripada PIA boleh dibuat setelah sijil berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Hanya tiga kali pengeluaran atau maksimum 50% (gabungan 3 pengeluaran) dibenarkan sepanjang tempoh sijil, dengan tempoh minimum di antara setiap pengeluaran ialah dua tahun. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00 akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.⁴⁴

v. Anugerah pencapaian cemerlang

Peserta yang memperolehi pencapaian cemerlang akan dianugerahkan RM100 untuk setiap gred A yang dicapai di dalam semua matapelajaran di dalam peperiksaan UPSR (minimum 5A), PMR (minimum 7A) atau SPM/ SPVM (minimum 7A). Namun, manfaat ini hanya akan dibayar sekiranya pada tarikh peperiksaan, sijil telah berkuatkuasa untuk tempoh minimum tiga tahun.

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Education Takaful:

- i. Ikhlas Education Takaful boleh disertai oleh kanak-kanak yang berumur 30 hari hingga 12 tahun, dengan pilihan tempoh matang sijil iaitu apabila peserta mencapai umur di antara 18 hingga 23 tahun.

⁴³ Wan Mohd Nazman Wan Mahmud, *op. cit.*

⁴⁴ *Ibid*; Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB.

ii. Jumlah perlindungan minimum adalah sebanyak RM 10,000. Manakala jumlah perlindungan maksimum pula adalah sebanyak RM 30,000.

iii. Penambahan kadar sumbangan boleh dibuat apabila sijil telah berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun. Penambahan minimum adalah sebanyak RM50 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA peserta.

3. Ikhlas Education Takaful Classic

Ikhlas Education Takaful Classic diperkenalkan agar ibu bapa dapat membuat persiapan serta perancangan awal bagi memastikan pendidikan yang terbaik dapat diberikan untuk anak-anak mereka dengan menabung sejumlah kecil wang pada setiap bulan untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka di masa hadapan.⁴⁵ Pelan ini juga merupakan antara pelan perlindungan yang paling laris dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.⁴⁶

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Education Takaful Classic adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian atau TPD

Sekiranya ditakdirkan berlaku kematian atau TPD terhadap peserta sebelum tempoh matang sijil, pembayar (ibu bapa/penjaga) boleh mendapat manfaat perlindungan sehingga RM150,000 termasuk jumlah yang terkumpul berserta

⁴⁵ Risalah *Ikhlas Education Takaful Classic* (t.t.), TISB.

⁴⁶ Wan Jemizan bin Wan Deraman, *op. cit.*

pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan juga lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP (sekiranya ada).

Sekiranya kematian atau TPD berlaku sebelum peserta (anak) mencapai umur 5 tahun, jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.⁴⁷

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima jumlah yang terkumpul berserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.

iii. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Pengeluaran wang tunai daripada PIA boleh dibuat setelah sijil berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Hanya tiga kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh sijil, dengan tempoh minimum di antara setiap pengeluaran ialah dua tahun. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00 akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.

iv. Anugerah pencapaian cemerlang

Peserta yang memperolehi pencapaian cemerlang akan dianugerahkan RM100 untuk setiap grad A yang dicapai di dalam semua matapelajaran di dalam peperiksaan

⁴⁷ Sila lihat: Lien Juvenile, h. 121.

UPSR (minimum 5A), PMR (minimum 7A) atau SPM/ SPVM (minimum 7A). Namun, manfaat ini hanya akan dibayar sekiranya pada tarikh peperiksaan, sijil telah berkuatkuasa untuk tempoh minimum tiga tahun.⁴⁸

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Education Takaful Classic:

- i. Sepertimana Ikhlas Education Takaful, Ikhlas Education Takaful Classic juga boleh disertai oleh kanak-kanak yang berumur 30 hari hingga 12 tahun, dengan pilihan tempoh matang sijil iaitu apabila peserta mencapai umur di antara 18 hingga 23 tahun.
- ii. Jumlah perlindungan minimum adalah sebanyak RM 10,000. Manakala jumlah perlindungan maksimum pula adalah sebanyak RM 150,000.
- iii. Penambahan kadar sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa. Penambahan minimum adalah sebanyak RM50 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA peserta.⁴⁹

Terdapat beberapa persamaan serta perbezaan antara Ikhlas Education Takaful dengan Ikhlas Education Takaful Classic. Dari sudut persamaan, kedua-dua produk ini boleh disertai oleh kanak-kanak yang berumur 30 hari hingga 12 tahun, di mana peserta bebas untuk memilih tempoh matang iaitu apabila peserta mencapai umur diantara 18 hingga 23 tahun. Kedua-duanya juga menawarkan anugerah pencapaian cemerlang bagi pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 5A (UPSR), 7A (PMR) atau 7A (SPM/SPVM). Manfaat anugerah adalah sebanyak RM100 untuk setiap gred A yang

⁴⁸ Risalah *Ikhlas Education Takaful Classic* (t.t.), TISB.

⁴⁹ *Ibid.*

diperolehi dalam peperiksaan tersebut. Selain itu, jumlah perlindungan minimum bagi kedua-duanya adalah sebanyak RM10,000.

Sementara perbezaan antara keduanya pula adalah seperti berikut:

- i. Ikhlas Education Takaful merupakan produk berpakej iaitu dua dalam satu, di mana peserta tidak perlu menyertakan *rider* takaful pembayar (Ikhlas Payor Savings Takaful Rider) kerana produk ini turut menawarkan manfaat yang sama dengan *rider* tersebut iaitu pengecualian sumbangan sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas pembayar. Berbeza dengan Ikhlas Education Takaful Classic di mana peserta boleh memilih samada ingin menyertakan Ikhlas Payor Savings Takaful Rider bersama pelan asas atau sebaliknya.
- ii. Jumlah perlindungan maksimum bagi Ikhlas Education Takaful adalah sebanyak RM30,000. Manakala bagi Ikhlas Education Takaful Classic pula adalah sebanyak RM150,000.
- iii. Ikhlas Education Takaful tidak mempunyai peruntukan lien. Berbeza dengan Ikhlas Education Takaful Classic, di mana sekiranya berlaku kematian ke atas peserta yang berumur kurang dari 5 tahun, jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.⁵⁰

⁵⁰ Hisham bin Hamzah, *op. cit.* Sila lihat: Lien Juvenile, h. 121.

4. Ikhlas Lifestyle Takaful

Ikhlas Lifestyle Takaful merupakan pelan perlindungan tahap perseorangan yang direka khusus untuk memberi jaminan perlindungan dan meringankan sedikit beban penderitaan kepada peserta dan orang yang tersayang di kala menghadapi saat-saat ketidakpastian dan kegetiran dalam hidup.

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Lifestyle Takaful adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian atau TPD

Sekiranya berlaku kematian atau TPD terhadap peserta (mana-mana yang terdahulu) di dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan termasuk jumlah yang terkumpul berserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan juga lebih bersih dari Dana Risiko melalui TAP (sekiranya ada) akan dibayar kepada waris peserta atau keluarga terdekatnya. Sekiranya berlaku kematian kepada peserta, manfaat perbelanjaan pengkebumian akan dibayar kepada waris peserta sebanyak 10% dari jumlah perlindungan sijil, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM10,000.⁵¹ Sekiranya berlaku TPD, manfaat sijil akan dibayar kepada peserta berdasarkan syarat-syarat yang telah termaktub di dalam sijil.

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima jumlah yang terkumpul berserta pendapatan pelaburan bersih dari PIA dan lebih bersih dari Dana

⁵¹ Risalah *Ikhlas Lifestyle Takaful* (t.t.), TISB.

Risiko melalui TAP, sekiranya ada.⁵²

iii. Pemeriksaan perubatan percuma

Peserta berhak untuk membuat pemeriksaan perubatan percuma pada setiap akhir tahun ke lima sijil, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak tiga kali pemeriksaan sepanjang tempoh sijil. Pihak syarikat akan menentukan bentuk pemeriksaan perubatan yang berhak diterima oleh peserta bersesuaian dengan keperluannya. Untuk keputusan yang positif bagi setiap pemeriksaan perubatan, peserta akan menerima jumlah perlindungan tambahan percuma sebanyak RM1,000 untuk setiap RM10,000 jumlah perlindungan asal. Walaubagaimana pun, sekiranya keputusan pemeriksaan adalah negatif, tiada perlindungan tambahan akan diberi.

iv. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Pengeluaran wang tunai daripada PIA boleh dilakukan setelah sijil berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Hanya tiga kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh sijil, dengan tempoh minimum di antara setiap pengeluaran ialah dua tahun. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00 akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.⁵³

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Lifestyle Takaful:

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

- i. Ikhlas Lifestyle Takaful boleh disertai oleh mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun. Penyertaan akan tamat apabila peserta mencapai umur 60 tahun, dengan pilihan tempoh matang antara 5 tahun hingga 47 tahun.⁵⁴
- ii. Jumlah perlindungan minimum adalah sebanyak RM 50,000. Manakala jumlah perlindungan maksimum pula adalah tertakluk kepada keputusan pengunderaitan (dalam gandaan RM 10,000).
- iii. Penambahan sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa. Jumlah penambahan minimum adalah sebanyak RM50.00 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA peserta.⁵⁵

5. Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful

Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful merupakan sebuah pelan yang memberikan tambah nilai kepada modal serta perlindungan secara serentak. Terdapat tiga jenis dana untuk pelaburan iaitu Dana Pertumbuhan, Dana Seimbang dan Dana Pendapatan Tetap.⁵⁶

Dana Pertumbuhan merupakan pelaburan berisiko tinggi, namun pada masa yang sama peserta berpeluang memperolehi pulangan yang tinggi bersesuaian dengan risiko yang dihadapi. Dana Seimbang pula merupakan pelaburan berisiko sederhana. Manakalah Dana Pendapatan Tetap pula merupakan pelaburan berisiko rendah. Peserta boleh menyertai pelan pelaburan ini dengan memilih salah satu daripada tiga dana ini

⁵⁴ Ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Email bertarikh 14.1.2010.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Risalah *Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful* (t.t.), TISB.

atau ketiga-tiganya sekali, bergantung kepada kehendak dan juga kemampuan peserta.⁵⁷

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Capital Investment-linked Takaful adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian atau TPD

Jika berlaku kematian atau TPD kepada peserta, 100% daripada jumlah perlindungan (bersamaan dengan 125% daripada caruman tunggal campur amaun tambah nilai tolak pengeluaran atau nilai dana terkumpul dalam semua dana saham, bergantung kepada yang mana lebih tinggi) akan dibayar kepada peserta ataupun keluarga terdekat.

ii. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Amaun pengeluaran minimum ialah sebanyak RM500.00. Pengeluaran separa adalah adalah tertakluk kepada baki minimum sebanyak RM3,000.00 dalam semua dana amanah. Caj untuk urus niaga pengeluaran adalah seperti berikut (tertakluk kepada caj maksimum sebanyak RM50.00 untuk setiap pengeluaran) :⁵⁸

Jadual 3.2 : Caj Pengeluaran Sebahagian Wang

Tahun	Caj Pengeluaran			
	1	2	3	Selepas itu
Caj	3%	2%	1%	0%

⁵⁷ Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, *op. cit.*

⁵⁸ Risalah *Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful* (t.t.), TISB.

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful:

i. Ikhlas Capital Investment-linked Takaful boleh disertai oleh mereka yang berumur 1 hingga 60 tahun. Namun, pembayar (pemilik sijil perakuan) disyaratkan berumur 18 hingga 60 tahun.⁵⁹

ii. Pelan ini tidak mempunyai pilihan tempoh matang. Bagaimanapun peserta boleh membuat penyerahan sijil bagi mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum tempoh matang. Penyertaan akan tamat apabila peserta mencapai umur 80 tahun.⁶⁰

iii. Peserta hanya perlu membuat caruman sekali sahaja bermula dengan pelaburan minimum sebanyak RM5,000.00. Pelaburan maksimum pula adalah tertakluk kepada keputusan pengunderaitan (dengan gandaan RM500).

iv. Penambahan sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa, tertakluk kepada syarat bahawa amaun minimum adalah sebanyak RM500.00 dan amaun maksimum pula adalah 5 kali caruman tunggal untuk setiap tahun. Penambahan sumbangan akan digunakan untuk membeli saham pelaburan tambahan dan/atau perlindungan tambahan.⁶¹

6. Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful

Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful memberikan ketenangan fikiran terhadap peserta dengan perlindungan kewangan yang sewajarnya menerusi pelaburan

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Email bertarikh 14.1.2010.

⁶¹ Risalah *Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful* (t.t.), TISB.

di dalam mana-mana 3 dana pelaburan yang disediakan, iaitu Dana Pertumbuhan, Dana Seimbang serta Dana Pendapatan Tetap.

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian atau TPD

Jika berlaku kematian atau TPD kepada peserta, 100% daripada jumlah perlindungan berserta amaun terkumpul di dalam semua unit saham akan dibayar kepada peserta atau keluarga terdekat, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil.

Sekiranya berlaku kematian kepada peserta sebelum mencapai umur lima tahun, jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.⁶²

ii. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Amaun pengeluaran minimum ialah RM 500.00. Pengeluaran separa adalah tertakluk kepada baki minimum sebanyak RM 3,000.00 di dalam semua unit saham. Caj pengeluaran akan dikenakan untuk setiap urusan (tertakluk kepada caj maksimum sebanyak RM50.00 untuk setiap pengeluaran).⁶³

⁶² Sila lihat: Lien Juvenile, h. 121.

⁶³ Sila lihat: Jadual Caj Pengeluaran Sebahagian Wang, h. 132.

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful:

- i. Ikhlas Premier Investment-linked Takaful boleh disertai oleh mereka yang berumur 1 hingga 60 tahun. Namun, pembayar (pemilik sijil perakuan) disyaratkan berumur 18 hingga 60 tahun.
- ii. Pelan ini tidak mempunyai pilihan tempoh matang. Bagaimanapun peserta boleh membuat penyerahan sijil bagi mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum tempoh matang. Penyertaan akan tamat apabila peserta mencapai umur 80 tahun.⁶⁴
- iii. Jumlah sumbangan minimum tahunan adalah sebanyak RM 1,200 (bersamaan RM100 setiap bulan). Manakala sumbangan maksimum adalah tertakluk kepada keputusan pengunderaitan. Ini bermakna, peserta boleh membuat bayaran caruman secara bulanan dengan hanya RM100 sebulan.
- iv. Jumlah perlindungan minimum adalah sebanyak 5 kali sumbangan tahunan (bersamaan dengan RM6,000 setahun). Manakala jumlah perlindungan maksimum pula adalah 50 kali sumbangan tahunan (tertakluk kepada keputusan pengunderaitan).
- v. Penambahan sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa, tertakluk kepada syarat bahawa amaun minimum adalah sebanyak RM500.00. Sementara amaun maksimum pula adalah 5 kali ganda sumbangan tahunan untuk setiap tahun. Penambahan sumbangan akan digunakan untuk membeli saham pelaburan tambahan dan/atau perlindungan tambahan.⁶⁵

⁶⁴ Ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Email bertarikh 14.1.2010.

⁶⁵ *Ibid.*

Terdapat perbezaan antara kedua-dua produk takaful pelaburan ini iaitu dari sudut bayaran sumbangan di mana peserta Ikhlas Capital Investment-linked Takaful hanya perlu membayar sekali sahaja caruman (dengan jumlah minimum sumbangan RM5,000) untuk sepanjang tempoh sijil. Sebaliknya, menerusi Ikhlas Premier Investment-linked Takaful, peserta boleh membuat bayaran sumbangan secara bulanan, separuh tahun, suku tahunan atau tahunan.

7. Ikhlas Wanita Takaful

Ikhlas Wanita Takaful merupakan produk yang dirangka khusus buat wanita berumur di antara 16 hingga 50 tahun dengan 4 pelan berbeza agar dapat disesuaikan dengan keperluan hidup yang berbeza.⁶⁶

Jadual 3.3 : Pilihan Pelan Takaful Wanita

Jenis Pelan	Had Seumur Hidup ⁶⁷	Kriteria
Pelan A	RM 50,000	Dengan faedah kehamilan*
Pelan B	RM 100,000	Dengan faedah kehamilan*
Pelan C	RM 50,000	Tanpa faedah kehamilan*
Pelan D	RM 100,000	Tanpa faedah kehamilan*

* Faedah kehamilan bermaksud faedah kompilasi kehamilan dan kongenital bayi

(Sumber: Sijil Asas “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), TISB)

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Wanita Takaful adalah seperti berikut:

- i. Perlindungan terhadap penyakit kanser khusus dan penyakit wanita yang lain

⁶⁶ Risalah *Ikhlas Wanita Takaful* (t.t.), TISB.

⁶⁷ Jumlah perlindungan pada masa permulaan sijil.

Memandangkan wanita lebih banyak menanggung komplikasi yang berbeza berbanding kaum lelaki, sebuah pakej yang menyeluruh diperlukan bagi disesuaikan dengan minat serta gaya hidup mereka. Pelan ini melindungi peserta daripada kanser khusus buah dada, serviks uterus, uterus, ovari, tiub fallopio, vagina dan vulva. Penyakit wanita yang lain merangkumi SLE (Systemic Lupus Erythematosus) dengan Lupus Nefritis, Arthritis Reumatoid (dengan komplikasi), pembedahan pembentukan semula muka (atas sebab-sebab kemalangan), pengrafan kulit (disebabkan lecuran dan kanser kulit), karsinoma-in-situ wanita dan surgeri pembentukan semula buah dada (atas sebab-sebab kemalangan).⁶⁸

ii. Manfaat kematian atau TPD

Sekiranya berlaku kematian atau TPD kepada peserta, pihak syarikat akan membayar manfaat takaful sebanyak 100% dari baki had seumur hidup beserta amaun terkumpul dalam PIA termasuk pendapatan pelaburan bersih dan juga lebih bersih dari Dana Risiko (sekiranya ada) kepada peserta atau keluarga terdekat. Sekiranya TPD terjadi sebelum peserta mencapai umur 60 tahun, 100% daripada baki had seumur pada waktu itu, beserta amaun terkumpul dalam PIA akan dibayar kepada peserta.

iii. Pengeluaran sebahagian wang tunai

Pengeluaran sebahagian wang tunai daripada PIA boleh dibuat selepas sijil berkuatkuasa untuk tempoh minimum lima tahun. Pengeluaran yang seterusnya mestilah mempunyai jarak tempoh minimum dua tahun antara setiap pengeluaran. Hanya tiga kali pengeluaran dibenarkan di sepanjang tempoh sijil. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00 akan dikenakan ke atas PIA bagi setiap pengeluaran.

⁶⁸ Sijil Asas "Ikhlas Wanita Takaful" (2009), TISB.

iv. Faedah hayat

Suatu peratusan daripada had seumur hidup awal akan dibayar kepada peserta, jika berlakunya perkahwinan, kelahiran anak, dibuang kerja serta kematian suami, tertakluk kepada jumlah dua peristiwa sepanjang hayat bagi setiap sijil.

v. Faedah kehamilan (untuk Pelan A dan B sahaja)

Dengan faedah kehamilan, suatu peratusan daripada had seumur hidup (tertakluk kepada satu tahun tempoh menunggu) akan dibayar jika peserta mengalami sebarang komplikasi kehamilan dan/atau anak peserta mengalami apa-apa penyakit kongenital bayi.⁶⁹

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Wanita Takaful:

i. Ikhlas Wanita Takaful boleh disertai oleh wanita yang berumur antara 16 hingga 50 tahun.⁷⁰

ii. Pelan ini tidak mempunyai pilihan tempoh matang. Bagaimanapun peserta boleh membuat penyerahan sijil bagi mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum tempoh matang. Penyertaan akan tamat apabila peserta mencapai umur 65 tahun.⁷¹

Namun, sekiranya had seumur hidup telah habis digunakan sijil akan luput dengan sendirinya meskipun pada ketika itu umur peserta belum mencapai 65 tahun.

⁶⁹ Risalah *Ikhlas Wanita Takaful* (t.t.), TISB.

⁷⁰ *Ibid.* Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

⁷¹ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*; Ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Email bertarikh 14.1.2010.

iii. Jumlah perlindungan (had seumur hidup) bagi pelan A dan C adalah sebanyak RM 50,000. Manakala jumlah perlindungan bagi pelan B dan D adalah sebanyak RM 100,000.

iv. Jumlah sumbangan adalah fleksibel bergantung kepada had seumur hidup (mengikut jenis pelan samada A, B, C atau D) yang diambil, umur peserta dan tempoh sijil. Walau bagaimanapun, jumlah sumbangan minimum ditentukan oleh pihak syarikat.

v. Penambahan sumbangan boleh dibuat pada hari pertama sijil berkuatkuasa. Jumlah penambahan minimum adalah sebanyak RM50.00 di mana jumlah ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam PIA peserta.⁷²

8. Ikhlas Senior Citizen Takaful

Ikhlas Senior Citizen Takaful merupakan produk bermusim yang direka khusus untuk warga emas yang berumur antara 50 hingga 80 tahun. Produk berisiko tinggi yang mempunyai fungsi yang sama seperti khairat kematian ini hanya menawarkan manfaat kematian, iaitu kematian biasa atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan dan juga manfaat TPD.⁷³

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Senior Citizen Takaful adalah seperti berikut:

⁷² Risalah *Ikhlas Wanita Takaful* (t.t.), TISB.

⁷³ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

i. Manfaat kematian biasa

Sekiranya kematian berlaku dalam tempoh dua tahun sijil berkuatkuasa, pihak syarikat akan membayar kepada waris peserta manfaat serta-merta kematian yang sama jumlahnya dengan jumlah caruman yang telah dibayar sehingga tarikh kematian dan juga baki terkumpul di dalam PRIA peserta. Jika kematian berlaku dalam tempoh tiga tahun dan ke atas sijil berkuatkuasa, pihak syarikat akan membayar kepada waris peserta jumlah perlindungan dan juga jumlah terkumpul di dalam PRIA peserta, jika ada.

ii. Manfaat kematian akibat kemalangan

Sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan, pihak syarikat akan membayar kepada waris peserta sejumlah peratusan ke atas jumlah perlindungan dan juga jumlah terkumpul di dalam PRIA peserta, jika ada. Jumlah peratusan ke atas jumlah perlindungan adalah bergantung kepada umur peserta ketika meninggal dunia. Ianya adalah seperti berikut:

Umur 50 hingga 65 tahun - 400% dari jumlah perlindungan kematian biasa

Umur 66 hingga 80 tahun - 250% dari jumlah perlindungan kematian biasa

Umur 81 ke atas - 100% dari jumlah perlindungan kematian biasa⁷⁴

Berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan Ikhlas Senior Citizen Takaful:

⁷⁴ *Ibid.*

- i. Ikhlas Senior Citizen Takaful boleh disertai oleh mereka yang berumur 50 hingga 80 tahun. Pelan ini tidak mempunyai pilihan tempoh matang. Bagaimanapun peserta boleh membuat penyerahan sijil bagi mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum tempoh matang. Penyertaan akan tamat apabila peserta mencapai umur 85 tahun.⁷⁵
- ii. Jumlah sumbangan minimum adalah 1 unit (bersamaan RM50 sebulan). Manakala jumlah sumbangan maksimum adalah 5 unit (bersamaan RM250).⁷⁶
- iii. Pelan ini juga tidak boleh disertakan dengan mana-mana pelan tambahan (rider).⁷⁷

3.5.3 Pelan Manfaat Tambahan (Rider)

Di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., terdapat lapan produk pelan perlindungan tambahan khusus untuk pelan perlindungan asas Pelan Takaful Keluarga (Individu). Ianya merangkumi pelan kesihatan, pelan manfaat pembayar, manfaat hospital dan juga khairat kematian.⁷⁸

1. Ikhlas Critical Illness Takaful Rider

Ikhlas Critical Illness Takaful Rider merupakan pelan perlindungan takaful tahap perseorangan yang direka khusus untuk memberi perlindungan kewangan ke atas peserta sekiranya diserang mana-mana 40 penyakit kritikal sepertimana yang

⁷⁵ Ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Email bertarikh 14.1.2010.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

⁷⁸ <http://www.takaful-ikhlas.com.my/>, 2 Disember 2009. En. Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

dinyatakan di dalam sijil.⁷⁹

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Critical Illness Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. 40 penyakit kritikal

Rider ini membuat pembayaran 100% daripada jumlah perlindungan ke atas penyakit kritikal sebaik sahaja peserta disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal (seperti dalam lampiran A).⁸⁰

Pelan ini terdapat dalam dua bentuk, iaitu :

(a) Pelan bayaran awal

Sebaik sahaja peserta disahkan menghidapi salah satu penyakit kritikal yang disenaraikan di dalam pelan, rider ini membolehkan bayaran awal ke atas jumlah perlindungan penyakit kritikal dibayar sekaligus, berdasarkan kepada jumlah perlindungan asas. Tuntutan yang dibuat menerusi rider ini akan mengurangkan jumlah perlindungan pelan asas.

(b) Pelan tambahan

Rider ini membolehkan bayaran dibuat sekaligus ke atas jumlah perlindungan penyakit kritikal, sebaik sahaja peserta disahkan menghidapi penyakit kritikal. Berbeza dengan pelan bayaran awal, bayaran yang dibuat di bawah rider ini tidak akan mengurangkan jumlah perlindungan pelan asas.

⁷⁹ Risalah *Critical Illness Takaful Rider* (t.t.), TISB.

⁸⁰ Sijil Tambahan "Critical Illness Takaful Rider" (2009), TISB.

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima bayaran sekaligus dari pendapatan pelaburan bersih dan jumlah terkumpul dari PRIA serta lebih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.⁸¹

2. Ikhlas Accidental Death and Disability Takaful Rider

Ikhlas Accidental Death and Disability Takaful Rider adalah pelan yang hanya boleh disertakan kepada pelan asas. Pelan ini memberi perlindungan ke atas kematian, TPD ataupun hilang upaya separa kekal (PPD) akibat kemalangan sepanjang tempoh sijil.⁸²

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Accidental Death and Disability Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian akibat kemalangan

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan peserta dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan beserta lebih daripada PRIA peserta akan dibayar kepada waris atau keluarga terdekat peserta, dengan syarat kematian tersebut berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan tersebut.⁸³

⁸¹ Risalah *Ikhlas Critical Illness Takaful Rider* (t.t.), TISB.

⁸² http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderAccidental_death.asp, 2 Disember 2009.

⁸³ Sijil Tambahan “Ikhlas Accidental Death and Disability Takaful Rider” (2009), TISB.

Sekiranya kematian atau TPD berlaku sebelum peserta (anak) mencapai umur 5 tahun, jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.⁸⁴

ii. Manfaat TPD akibat kemalangan

Sekiranya berlaku TPD terhadap peserta akibat kemalangan dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan beserta lebih daripada PRIA akan dibayar kepada peserta.

Namun, apabila berlakunya TPD ke atas peserta yang berumur di bawah 48 bulan, ianya hanya akan dikira sebagai TPD jika peserta tidak dapat melakukan aktiviti kehidupan harian tanpa bantuan sehingga ia berumur 4 tahun dan ke atas.⁸⁵

iii. Manfaat hilang upaya separa kekal (PPD) akibat kemalangan

Sekiranya berlaku hilang upaya separa dan kekal akibat kemalangan peserta dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan beserta lebih daripada PRIA akan dibayar kepada peserta, di mana bayaran jumlah perlindungan tersebut adalah berdasarkan jadual pampasan, seperti yang disertakan dalam sijil.

Walau bagaimanapun, sijil tambahan ini tidak akan melindungi kematian, kehilangan atau kecacatan penuh atau sebahagian jika ianya berpunca dari perbuatan melanggar undang-undang, peperangan, penyakit yang disebabkan oleh jangkitan bakteria, membunuh diri atau cuba membunuh diri dan sebagainya.⁸⁶

⁸⁴ Sila lihat: Lien Juvenile, h. 121.

⁸⁵ Sijil Tambahan “Ikhlis Accidental Death and Disability Takaful Rider” (2009), TISB.

⁸⁶ Lihat: Sijil Asas “Ikhlis Savings Takaful” (2009); Sijil Asas “Ikhlis Education Takaful Classic” (2009), TISB; Sijil Asas “Ikhlis Wanita Takaful” (2009), TISB.

iv. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima sekaligus dari pendapatan pelaburan bersih dan jumlah terkumpul dari PRIA serta lebih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan dengan pelan takaful ini:

- i. Jumlah sumbangan adalah fleksibel, bergantung kepada umur peserta dan tempoh sijil.
- ii. Peserta boleh memilih jumlah perlindungan sehingga lima kali daripada jumlah perlindungan asas.

3. Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider

Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider merupakan pelan manfaat tambahan yang hanya boleh disertakan kepada pelan asas. Sekiranya peserta disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal seperti dinyatakan di dalam sijil, semua sumbangan masa hadapan akan dikecualikan.

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. Pengecualian sumbangan

Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider membenarkan semua sumbangan masa depan termasuk rider-rider yang disertakan dikecualikan sebaik sahaja peserta disahkan menghidap salah satu daripada 39 penyakit kritikal⁸⁷ seperti yang dinyatakan di dalam sijil.

Walau bagaimanapun, pengecualian tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam sijil. Antaranya ialah manfaat TPD akan dibayar selepas tempoh layak yang meyakinkan (tempoh menunggu) di mana ketidakupayaan tersebut akan berterusan dalam tempoh tidak kurang daripada enam bulan.⁸⁸

ii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima sekaligus dari pendapatan pelaburan bersih dan jumlah terkumpul dari PRIA serta lebihan dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.⁸⁹

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat berkaitan pelan perlindungan tambahan ini:

i. Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider boleh disertai oleh mereka yang berumur antara 18 hingga 60 tahun. Tempoh tamat umur penyertaan ialah apabila peserta mencapai umur 65 tahun.

⁸⁷ Sila lihat: Lampiran A.

⁸⁸ Sijil Tambahan “Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider” (2009), TISB.

⁸⁹ *Ibid.*

- ii. Tempoh perlindungan adalah diantara 5 hingga 47 tahun.⁹⁰

4. Ikhlas Payor Savings Takaful Rider

Ikhlas Payor Savings Takaful Rider merupakan pelan yang hanya boleh disertakan kepada pelan asas. Pelan ini akan mengecualikan semua sumbangan tidak bertunggak sijil ini di masa depan, termasuk rider-rider yang disertakan sekiranya berlaku kematian ke atas penyumbang, TPD dan/atau penyumbang disahkan menghidap sebarang penyakit kritikal (seperti yang dinyatakan di dalam sijil) sebelum tempoh matang sjil.⁹¹

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Payor Savings Takaful Rider adalah seperti berikut:

- i. Manfaat kematian atau TPD

Sekiranya berlaku kematian atau TPD kepada penyumbang atau pembayar yang diakibatkan oleh semua sebab, semua sumbangan tidak tertunggak masa depan sijil termasuk rider-rider yang disertakan akan dikecualikan.

- ii. Manfaat penyakit kritikal

Sekiranya penyumbang disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal seperti yang dinyatakan di dalam sijil, semua sumbangan tidak tertunggak masa depan sijil termasuk rider-rider yang disertakan akan dikecualikan.

⁹⁰ Risalah *Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider* (t.t.), TISB.

⁹¹ Risalah *Ikhlas Payor Savings Takaful Rider* (t.t.), TISB.

iii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima sekaligus dari pendapatan pelaburan bersih dan jumlah terkumpul dari PRIA serta lebih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.⁹²

Kini,⁹³ Ikhlas Payor Savings Takaful Rider bukan sahaja boleh mengecualikan pembayaran sumbangan ke atas anak tetapi juga ke atas pasangan (suami atau isteri) sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas penyumbang yang diakibatkan oleh semua sebab, atau sekiranya penyumbang disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal seperti yang dinyatakan di dalam sijil.⁹⁴

5. Ikhlas Term Takaful Rider

Ikhlas Term Takaful Rider merupakan pelan yang hanya boleh disertakan kepada pelan takaful asas. Pelan ini merupakan pelan tahap perseorangan dengan skop perlindungan yang lebih meluas pada kadar sumbangan yang berpatutan. Ia memberi perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya kekal menyeluruh peserta dalam tempoh sijil.⁹⁵

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Term Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian

⁹² Sijil Tambahan “Ikhlas Payor Savings Takaful Rider” (2009), TISB.

⁹³ Setelah Pelancaran Ikhlas Payor saving Takaful berwajah baru (*new feature*) yang telah diadakan pada September 2009.

⁹⁴ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

⁹⁵ Risalah *Ikhlas Term Takaful Rider* (t.t.), TISB.

Sekiranya berlaku kematian kepada peserta dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan berserta baki dalam PRIA peserta akan dibayar sekaligus kepada waris atau keluarga terdekat peserta.⁹⁶

Walau bagaimanapun, sekiranya kematian atau TPD berlaku sebelum peserta mencapai umur 5 tahun, jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.⁹⁷

ii. Manfaat TPD

Sekiranya berlaku TPD kepada peserta dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan berserta baki dalam PRIA akan dibayar sekaligus kepada peserta.

iii. Manfaat tempoh matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima bayaran sekaligus dari pendapatan pelaburan bersih dan jumlah terkumpul dari PRIA serta lebih dari Dana Risiko melalui TAP, sekiranya ada.⁹⁸

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat yang berkaitan dengan pelan takaful ini:

i. Peserta boleh memilih jumlah perlindungan sehingga lima kali pelan perlindungan asas.⁹⁹

⁹⁶ Sijil Tambahan “Ikhlas Term Takaful Rider” (2009), TISB.

⁹⁷ Sila lihat: Lien Juvenile, h. 121.

⁹⁸ Risalah *Ikhlas Term Takaful Rider* (t.t.), TISB.

⁹⁹ *Ibid.*

6. Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. Manfaat hospital

Sekiranya peserta dimasukkan ke mana-mana hospital samada hospital kerajaan atau swasta, akibat jatuh sakit atau cedera untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 jam (bersamaan 1 hari), manfaat hospital akan dibayar kepada peserta berdasarkan jumlah hari kemasukan ke hospital.¹⁰⁰ Jumlah maksimum bagi hari dimasukkan ke hospital akibat semua sebab ialah 180 hari untuk setiap kali kemasukan ke hospital atau 365 hari yang dikumpulkan kecuali yang ditetapkan di dalam peruntukan pelan di mana selepas itu rider ini akan ditamatkan.¹⁰¹

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat yang berkaitan dengan pelan perlindungan tambahan ini:

i. Peserta boleh memilih jumlah perlindungan daripada serendah RM10 sehari hingga RM300¹⁰² sehari bergantung kepada keperluan peserta.

ii. Pembayaran manfaat hospital adalah berdasarkan jumlah hari peserta dimasukkan ke hospital.

¹⁰⁰ Abdul Mutalib bin Abdul Rahman, Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Hijjaz Ventures Resources, TISB. Temubual pada 13 Julai 2009, jam 2.00 petang, di SK Taman Gembira Klang; Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

¹⁰¹ Sijil Tambahan "Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider" (2009), TISB.

¹⁰² Merupakan jumlah maksimum terkini setelah pelancaran Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider dengan wajah baru pada September 2009. Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

iii. Manfaat hanya akan dibayar sekiranya peserta dimasukkan ke hospital untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 jam (bersamaan 1 hari).¹⁰³

iv. Pembayaran manfaat kepada peserta hanya akan diberikan selepas sijil selepas sijil berkuatkuasa lebih daripada 90 hari.¹⁰⁴

7. Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider

Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful merupakan plan yang direkacipta untuk memberi bantuan kewangan segera kepada waris terdekat peserta jika berlaku kematian ke atas peserta.¹⁰⁵

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian

Sekiranya berlaku kematian kepada peserta dalam tempoh sijil, jumlah perlindungan berserta dengan lebih daripada PRIA dan lebih bersih dari Dana Risiko akan dibayar kepada waris peserta atau keluarga terdekatnya. Sebaik sahaja syarikat berpuas hati dengan bukti kematian, waris atau keluarga terdekat peserta akan menerima manfaat perbelanjaan kematian secepat mungkin tanpa perlu menghantar dokumen sampingan sebagai sokongan.¹⁰⁶

¹⁰³ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*; Abdul Mutalib bin Abdul Rahman, *op. cit.*

¹⁰⁴ Sijil Tambahan "Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider" (2009), TISB.

¹⁰⁵ Risalah *Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider* (t.t.), TISB.

¹⁰⁶ Sijil Tambahan "Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider" (2009), TISB.

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat yang berkaitan dengan pelan perlindungan tambahan ini:

- i. Manfaat akan dibayar kepada waris peserta hanya setelah pihak syarikat menerima bukti samada sijil kematian atau permit pengebumian yang asal atau salinan yang telah disahkan.¹⁰⁷
- ii. Manfaat bayaran akan diterima oleh waris peserta dalam tempoh 14 hari bekerja.¹⁰⁸

8. Ikhlas Family Income Takaful Rider

Pendapatan seseorang merupakan aset yang paling berharga kerana pegangan aset-aset yang lain akan turut terjejas sekiranya ditakdirkan seseorang itu kehilangan sumber pendapatannya. Maka Ikhlas Family Income Takaful Rider telah direkacipta untuk menyediakan jaminan pendapatan berterusan terhadap peserta dan keluarga, jika ditakdirkan peserta mengalami TPD atau disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh sijil.¹⁰⁹

Manfaat yang ditawarkan oleh Ikhlas Family Income Takaful Rider adalah seperti berikut:

- i. Manfaat Kematian

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

¹⁰⁹ Risalah *Ikhlas Family Income Takaful Rider* (t.t.), TISB.

Sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang disebabkan oleh sebarang sebab, jumlah perlindungan pendapatan akan dibayar kepada waris peserta atau keluarga terdekatnya sepanjang baki tempoh sijil.

ii. Manfaat TPD

Sekiranya berlaku TPD kepada peserta yang diakibatkan oleh sebarang sebab, jumlah perlindungan manfaat pendapatan akan dibayar kepada peserta untuk sepanjang baki tempoh sijil, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam siji

Antara syaratnya ialah manfaat TPD akan dibayar selepas tempoh kelayakan yang meyakinkan (tempoh menunggu) di mana ketidakupayaan tersebut akan berterusan dalam tempoh tidak kurang daripada enam bulan.

iii. Manfaat penyakit kritikal

Sekiranya peserta dikenalpasti dan disahkan oleh pegawai perubatan, menderita akibat salah satu daripada penyakit kritikal, jumlah perlindungan manfaat pendapatan akan dibayar kepada peserta untuk sepanjang baki tempoh sijil, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam sijil.

Berikut merupakan beberapa terma dan syarat yang berkaitan dengan pelan perlindungan tambahan ini:

i. Ikhlas Family Income Takaful Rider boleh disertai oleh mereka yang berumur 18 hingga 60 tahun.

ii. Jumlah perlindungan minimum adalah RM1,200.00 manfaat pendapatan tahunan (bersamaan RM100 sebulan) dan jumlah perlindungan maksimum pula adalah jumlah pendapatan tahunan sebenar pemohon (ketika menyertai pelan) sehingga RM60,000 pendapatan tahunan, atau manfaat perlindungan di mana sumbangan rider ini tidak melebihi sumbangan pelan asas, mana-mana yang terendah.

iii. Tempoh perlindungan minimum adalah 5 tahun dan tempoh maksimum adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.¹¹⁰

Berdasarkan huraian di atas mengenai pelan manfaat tambahan (*rider*), beberapa kesimpulan dapat dibuat:

Pertama, *rider* hanya boleh disertai oleh peserta yang menyertai pelan asas. Peserta yang menyertai *rider* ini perlu memberi sumbangan tambahan berdasarkan *rider* yang disertainya. Peserta yang tidak menyertai *rider* tidak akan dilindungi sekiranya berlaku sebarang musibah ke atas dirinya. Sebagai contoh, Hasan tidak mengambil *rider* manfaat kematian akibat kemalangan bersama-masa pelan asas yang disertainya. Maka, sekiranya Hasan meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan, waris atau ahli keluarganya tidak boleh menuntut manfaat kematian akibat kemalangan dari pihak syarikat.

Kedua, menyertakan mana-mana *rider* dengan mana-mana pelan asas (kecuali Ikhlas Senior Citizen) adalah atas pilihan peserta. Ini bermakna, peserta boleh memilih untuk mengambil *rider* tersebut ataupun sebaliknya. Pada masa yang sama, tidak semua *rider* ini sesuai disertakan bersama pelan asas. Sebagai contoh, *rider* manfaat pembayar

¹¹⁰ *Ibid.*

(Ikhlas Saving Payor Rider) tidak perlu disertakan dengan Ikhlas Education Takaful. Ini kerana selain manfaat kematian dan manfaat tempoh matang, Ikhlas Education Takaful juga turut menawarkan manfaat pengecualian sumbangan sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas pembayar. Begitu juga dengan Ikhlas Lifestyle Takaful di mana peserta tidak perlu mengambil *rider* khairat kematian (Ikhlas Immediate Death Takaful) kerana Ikhlas Lifestyle Takaful turut menawarkan manfaat tersebut.

Ketiga, *rider* juga tidak akan membayar manfaat sekiranya kematian peserta adalah disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS), penyakit yang berkaitan AIDS, penyakit kelamin berjangkit, terlibat dalam kegiatan jenayah atau kerana membunuh diri.¹¹¹

Keempat, *rider* adalah khusus untuk produk-produk Pelan Takaful Keluarga.¹¹²

Kelima, kesemua *rider* akan terbatal dengan sendirinya sekiranya peserta gagal membayar sebarang caruman ke atas pelan asas atau *rider* selepas berlakunya status luput; atau apabila bayaran tuntutan kematian atau TPD peserta telah dibuat; atau apabila sijil asas matang, tamat tempoh atau dibatalkan.

Keenam, kesemua caruman yang dibuat di bawah *rider* akan dimasukkan ke dalam PRIA. Sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada PRIA, yuran prestasi sebanyak 10% akan dikenakan oleh pihak syarikat. Pendapatan daripada pelaburan bersih yang terkumpul akan diperuntukkan sepenuhnya kepada peserta.

¹¹¹ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*; Lihat: Sijil-sijil Tambahan, TISB.

¹¹² Wan Mohd Nazman Wan Mahmud, *op. cit.*

Peserta juga layak menerima lebih bersih daripada Dana Risiko setelah ditolak caj pengurusan lebih pada setiap bulan.¹¹³

Ketujuh, manfaat kematian bagi semua *rider* (kecuali Ikhlas Critical Illness Takaful Rider dan Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider) akan berkuatkuasa sebaik sahaja sumbangan yang pertama dibuat atau sebaik sahaja sijil berkuatkuasa. Bagi Ikhlas Accident Death and Disability Takaful Rider, disyaratkan bahawa kematian tersebut mestilah berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan tersebut.

Manfaat TPD pula adalah tertakluk kepada tempoh menunggu, di mana ketidakupayaan tersebut mestilah berterusan dalam tempoh tidak kurang daripada enam bulan. Sementara manfaat penyakit kritikal bagi *rider-rider* yang berkenaan (Ikhlas Illness Takaful Rider, Ikhlas Payor Savings Takaful Rider, Ikhlas Waiver Takaful Rider dan Ikhlas Family Income Takaful Rider) disyaratkan bahawa sijil telahpun berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya 90 hari. Begitu juga dengan manfaat Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider.

3.6 KESIMPULAN

Rangkaian produk Pelan Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. menerusi Pelan Asas dan juga Pelan Manfaat Tambahan secara umumnya menyediakan pelbagai manfaat yang dapat memenuhi keperluan para pesertanya. Selain menyediakan perlindungan, ianya juga menyediakan pelan pelaburan jangka panjang buat para pesertanya. Produk-produk yang ditawarkan juga boleh dianggap fleksibel kerana semua golongan tanpa mengira tua atau muda boleh

¹¹³ Lihat: Sijil-sjil Tambahan, TISB.

menyertai mana-mana pelan takaful yang bersesuaian dengan perancangan kewangan masing-masing.

Universiti Malaya

BAB

EMPAT

BAB EMPAT

ANALISIS PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL KELUARGA DARI ASPEK KEWUJUDAN ELEMEN *MAQASID AL-SHARI'AH*

4.1 PENDAHULUAN

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah menerusi temubual, penelitian terhadap sijil-sijil Takaful Keluarga, risalah-risalah Takaful Keluarga, perkhidmatan IkhlasCare dan juga menerusi laman web rasmi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Terdapat sebanyak 16 produk Takaful Keluarga (individu) di TISB, di mana lapan daripadanya ialah produk Pelan Asas, sementara bakinya pula ialah produk Pelan Manfaat Tambahan (*rider*).

Tujuan penganalisan data kajian ini adalah untuk mengenalpasti kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* serta melihat kelebihan yang terdapat disebalik produk-produk PTK yang ditawarkan oleh TISB. Kajian ini amat penting bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kelebihan produk-produk PTK yang ditawarkan oleh TISB serta kepentingan menyertainya. Kelebihan serta kepentingan produk-produk PTK ini perlu diketengahkan dan ditonjolkan agar ianya dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk menyertai produk-produk bercirikan Islam yang pastinya punya banyak kelebihan. Dari satu sudut yang lain, kajian ini juga perlu bagi meningkatkan lagi kualiti produk-produk takaful dengan memperbaiki kelemahan, sekiranya ada agar dapat bersaing dengan produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans konvensional yang telah lebih dahulu bertapak kukuh di negara ini.

4.2 ELEMEN-ELEMEN *MAQASID AL-SHARFAH* DALAM PRODUK-PRODUK PELAN TAKAFUL KELUARGA

Pada bab yang lalu, penulis telah pun menghuraikan satu persatu berkenaan produk-produk PTK dari sudut manfaat, serta beberapa terma dan syarat yang berkaitan dengannya. Justeru, bagi mengenalpasti kewujudan elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dalam produk-produk tersebut, maka penganalisaan akan dibuat berdasarkan dua aspek utama iaitu berdasarkan manfaat produk dan juga berdasarkan terma dan syarat bagi setiap produk. Huraian mengenainya adalah seperti berikut:

4.2.1 Analisis Berdasarkan Manfaat Produk

Secara umumnya, berdasarkan huraian mengenai manfaat produk-produk PTK pada bab yang lalu, penulis dapat mengenalpasti beberapa ketetapan berikut:

Pertama: Penulis mendapati bahawa produk-produk tersebut menawarkan manfaat tetap kepada para peserta iaitu manfaat kematian atau TPD dan juga manfaat tempoh matang. Dalam erti kata yang lain, seseorang individu yang menyertai mana-mana produk PTK akan menerima manfaat perlindungan secara tetap, samada peserta tersebut ditimpa musibah atau sebaliknya sehingga genap tempoh matang sijil.

Sekiranya ditakdirkan peserta meninggal dunia atau berlaku TPD sebelum genap tempoh matang, peserta akan menerima jumlah perlindungan termasuk jumlah sumbangan terkumpul ditambah dengan keuntungan pelaburan bersih di dalam PIA/PRIA beserta lebihan bersih dari Dana Risiko, jika ada. Sebaliknya, peserta yang ditakdirkan masih hidup sehingga genap tempoh matang, ia akan tetap menerima

jumlah sumbangan terkumpul ditambah dengan keuntungan pelaburan bersih di dalam PIA/PRIA beserta lebih bersih dari Dana Risiko, jika ada.

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan kepada kita bahawa manfaat tetap yang ditawarkan menerusi produk-produk yang disertai dapat memberi keadilan kepada peserta bilamana peserta yang tidak ditimpa sebarang musibah tetap menerima manfaat takaful dan wangnya tidak hangus begitu sahaja, sepertimana yang biasa berlaku dalam amalan sistem insurans konvensional.

Selain itu, manfaat tetap yang ditawarkan oleh produk-produk PTK juga dapat meringankan bebanan peserta atau ahli keluarganya ketika menghadapi apa jua kemungkinan serta ketidaktentuan dalam hidup. Benarlah kata pepatah Melayu bahawa „malang tidak berbau“. Adakalanya musibah yang melanda benar-benar diluar jangkauan kita. Meskipun kecacatan yang dialami tidak dapat dipulihkan atau nyawa yang hilang tidak dapat dikembalikan, namun setidaknya-tidaknya dengan menyertai mana-mana produk PTK yang menawarkan manfaat tetap, ianya sedikit-sebanyak dapat meringankan bebanan dan meredakan tekanan perasaan yang dihadapi oleh peserta atau ahli keluarga yang ditinggalkan. Sepertimana yang berlaku ke atas keluarga allahyarham Konstabel Mohd. Azlan Ibrahim yang terbunuh akibat terkena tembakan revolver milik rakannya. Atas kejadian yang di luar jangkauan itu, keluarga allahyarham telah menerima pampasan insurans sebanyak RM66,888 daripada TISB.¹

Jelasnya, manfaat tetap yang ditawarkan menerusi produk-produk PTK sememangnya mengandungi elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memberi keadilan² dan juga meringankan bebanan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam.

¹ *Kosmo!*, September 16, 2009: 11 “Waris konstabel mati tertembak terima pampasan”.

² Lihat: Surah al-Nahl (16): 90.

Kedua: Berdasarkan huraian mengenai manfaat produk pada bab yang lalu juga mendapati bahawa semua produk perlindungan asas PTK menawarkan kemudahan pengeluaran sebahagian wang tunai dari PIA. Namun, pengeluaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu di mana sijil tersebut telah berkuatkuasa selama lima tahun (minimum) dan hanya tiga kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh sijil dengan tempoh minimum di antara setiap pengeluaran ialah dua tahun. Yuran pengeluaran sebanyak RM15.00³ atau RM 50.00⁴ juga akan dikenakan bagi setiap pengeluaran.

Menerusi kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memberi kemudahan kepada para pesertanya. Ini selaras dengan ajaran Islam yang sentiasa menitikberatkan kemaslahatan dan tidak menyusahkan umatnya dalam sesuatu urusan selagimana ianya tidak bertentangan dan bercanggah dengan ajaran Islam.⁵

Namun, timbul persoalan di sini mengenai tempoh pengeluaran wang tunai tersebut yang mengambil masa yang agak lama, iaitu antara 7 hingga 14 hari bekerja.⁶ Tidak dapat dinafikan bahawa fungsi utama institusi takaful adalah untuk memberi perlindungan kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah, berbanding institusi kewangan seperti perbankan yang menawarkan perkhidmatan pengeluaran dan kemasukan wang simpanan sebagai keutamaan. Kemungkinan juga tempoh tersebut merupakan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat. Namun, penulis merasakan adalah wajar sekiranya diperhalusi semula tempoh masa yang diambil bagi pengeluaran wang tersebut agar ia benar-benar dapat memberi kemudahan kepada peserta yang

³ Pengeluaran tunai bagi Ikhlas Saving Takaful, Ikhlas Education Takaful, Ikhlas Education Takaful Classic, Ikhlas Lifestyle Takaful dan Ikhlas Wanita Takaful.

⁴ Pengeluaran tunai bagi Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful dan Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful.

⁵ Lihat: Surah al-Baqarah (2): 185; Surah al-Nisā'(2): 28; Surah al-Hajj (22): 78.

⁶ Wan Mohd Nazman Wan Mahmud, Eksekutif Kanan, Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, TISB. Temubual pada 9 Oktober 2009, jam 2.45 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

terdesak memerlukan wang. Pada masa yang sama, ianya juga dapat mengelakkan peserta dari menggunakan saluran yang tidak betul seperti meminjam wang dari institusi kewangan yang tidak berlesen dan sebagainya.

Ketiga: Berdasarkan penelitian kajian juga mendapati bahawa kebanyakan produk-produk PTK di TISB menawarkan dua manfaat secara serentak kepada para pesertanya. Ini jelas bilamana kebanyakan pelan perlindungan yang ditawarkan bukan sahaja memberikan jaminan perlindungan ke atas peserta yang dilanda musibah, namun pada masa yang sama turut memberikan pulangan yang merupakan jumlah terkumpul di dalam PIA/PRIA beserta pendapatan pelaburan bersih sekiranya ditakdirkan peserta masih hidup sehingga genap tempoh matang.

Menerusi huraian di atas, nyatalah bahawa produk-produk PTK di TISB menawarkan manfaat tetap kepada para pesertanya samada manfaat kematian, TPD atau manfaat tempoh matang, manfaat pengeluaran sebahagian wang tunai dari PIA dan juga manfaat perlindungan dan simpanan secara serentak, yang mana kesemua manfaat ini mengandungi elemen-elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut memberi keadilan, meringankan bebanan serta memudahkan peserta.

Selain itu, terdapat juga manfaat-manfaat khusus yang boleh dinikmati oleh peserta takaful, bergantung kepada pelan asas serta pelan manfaat tambahan (*rider*) yang disertai. Justeru, bagi memudahkan proses penganalisan dilakukan penulis telah mengklasifikasikan manfaat produk-produk PTK di TISB berdasarkan kategori berikut:

(a) Produk berkaitan pendidikan

Memiliki pendidikan sempurna merupakan salah satu faktor ke arah membina kehidupan yang bahagia. Pendidikan juga merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan sesebuah negara bagi mengembangkan potensi serta melahirkan masyarakat yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, sepertimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Di TISB, terdapat dua produk yang ditawarkan bagi tujuan tabungan pendidikan iaitu Ikhlas Education Takaful dan Ikhlas Education Takaful Classic. Berdasarkan huraian pada bab yang lalu, kedua-dua produk pendidikan ini menawarkan manfaat kematian atau TPD, manfaat tempoh matang, pengeluaran sebahagian wang tunai dari PIA dan juga manfaat anugerah pencapaian cemerlang. Bagi Ikhlas Education Takaful pula, terdapat manfaat tambahan iaitu pengecualian sumbangan ke atas peserta (anak) sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas pembayar (ibu atau bapa) sebelum genap tempoh matang, di mana semua pembayaran sumbangan akan dibayar melalui dana sehingga tempoh matang.

Dari satu sudut, penyertaan dalam produk tabungan pendidikan ini membolehkan ibu bapa menyediakan dana pendidikan tinggi anak-anak mereka seawal yang mungkin menerusi manfaat tempoh matang yang ditawarkan. Dari satu sudut yang lain, anugerah pencapaian cemerlang berupa insentif sebanyak RM100 bagi setiap subjek yang mendapat gred A yang ditawarkan kepada peserta yang mendapat sekurang-kurangnya 5A dalam UPSR, 7A dalam PMR dan SPM/SPMV, secara tidak langsung dapat memberi perangsang dan galakan kepada peserta untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian mendapati bahawa manfaat yang diterima oleh peserta ketika genap tempoh matang dan juga manfaat berupa insentif anugerah pencapaian cemerlang sebenarnya dapat mendorong kepada pemeliharaan serta penyuburan akal. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, memelihara kemaslahatan akal merupakan salah satu dari *al-darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) yang dipelihara oleh Syariat Islam.

Bagi memelihara kemaslahatannya, Islam telah menetapkan dua kaedah sepertimana yang telah dinyatakan oleh para ulama⁷ menerusi huraian pada bab yang terdahulu.⁷ Pertama, dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya seperti menggalakkan pengembangan dan penyuburan akal dengan cara menuntut ilmu dan seumpamanya. Kedua, dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut seperti mengharamkan arak,⁸ dadah serta benda-benda yang memabukkan kerana ianya boleh menjejaskan kemaslahatan akal.

Justeru, menerusi kaedah yang pertama inilah kajian mendapati bahawa manfaat yang ditawarkan menerusi Ikhlas Education Takaful dan Ikhlas Education Takaful Classic dapat mendorong kepada pemeliharaan serta penyuburan akal. Ini kerana, manfaat tempoh matang yang diterima oleh peserta dapat memberi peluang kepadanya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Insentif anugerah pencapaian cemerlang yang ditawarkan pula secara tidak langsung dapat memberi perangsang dan juga motivasi kepada peserta untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian dalam pelajaran mereka. Ianya selaras dengan firman Allah SWT yang menggalakkan kita agar berusaha

⁷ Sila lihat bab 1, h. 35.

⁸ Lihat: Surah al-Mā'idah (5): 91.

menambahkan ilmu pengetahuan sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat-ayat berikut:

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

“Dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku”
Surah Tāhā (20): 114.

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

“Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu)”
Surah al-Mujādalah (58): 11.

Maka, nyatalah bahawa produk berkaitan pendidikan yang ditawarkan di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. mengandungi elemen pelengkap (*mukammilāt*) kepada salah satu dari *darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas), iaitu dari sudut pemeliharaan terhadap kemaslahatan akal. Ini kerana, penyuburan akal menerusi galakan menuntut ilmu tidak akan terhasil sekiranya peserta tidak dapat meneruskan pengajian lantaran tidak mampu untuk membiayai kos pengajian tersebut. Justeru, dengan perolehan manfaat yang diterima ketika genap tempoh matang, ianya dapat digunakan untuk membiayai kos pengajian dan secara tidak langsung dapat meringankan bebanan peserta untuk menanggung kos pengajian yang kian meningkat dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan manfaat Ikhlas Education Takaful yang mengecualikan sumbangan ke atas peserta (anak) sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas pembayar (ibu atau bapa) sebelum genap tempoh matang, turut dapat meringankan bebanan ke atas peserta dan pembayar yang ditimpa musibah.

(b) Produk berkaitan simpanan dan pelaburan

Islam menggalakkan umatnya agar mencari harta dengan cara yang halal dan melarang umatnya mencari harta dengan cara yang batil. Harta yang ada perlu dijaga

dan dipelihara, namun pada masa yang sama perlu dikembangkan. Pelaburan merupakan antara mekanisme yang mampu mengembangkan serta menambahkan harta. Kini, terdapat pelbagai instrumen pelaburan yang disediakan di negara ini, termasuk oleh pengendali takaful.

Pada dasarnya, semua produk perlindungan asas PTK yang menyediakan perancangan kewangan jangka panjang dengan tempoh minimum selama 5 tahun dan tempoh maksimum sehingga 80 tahun ini boleh dianggap sebagai pelan pelaburan. Ini kerana, setiap sumbangan peserta dalam mana-mana produk PTK, sebahagiannya akan dimasukkan ke dalam PIA/PRIA peserta. Pihak syarikat kemudiannya akan menguruskan dan melaburkan dana yang terkumpul dalam PIA/PRIA ke dalam pelaburan yang bersesuaian dengan Syariat Islam. Begitu juga dengan Dana Risiko yang terdapat dalam TAP, ianya akan turut dilaburkan oleh pihak syarikat. Keuntungan yang diperolehi hasil dari pelaburan tersebut akan dimasukkan semula ke dalam PIA/PRIA peserta setelah ditolak yuran prestasi pelaburan (*ju 'alah*) sebanyak 10%.

Seterusnya, jumlah sumbangan terkumpul yang terdapat dalam PIA/PRIA ditambah dengan keuntungan pelaburan bersih, beserta lebih bersih dari Dana Risiko akan dikembalikan kepada peserta atau waris peserta, samada berlaku musibah ke atas peserta atau sebaliknya sehingga genap tempoh matang. Ini menunjukkan bahawa semua produk PTK, selain dari menyediakan manfaat perlindungan sebagai manfaat utama ianya turut menyediakan manfaat simpanan dan juga pelaburan.

Namun, terdapat dua produk yang secara khususnya menawarkan pelan pelaburan kepada peserta. Pelan yang dimaksudkan ialah Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful dan Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful. Kedua-dua produk yang

menyediakan program kewangan sebagai pelaburan jangka panjang sehingga 80 tahun ini menawarkan tiga dana pelaburan iaitu Dana Pertumbuhan, Dana Seimbang dan Dana Pendapatan Tetap. Ketiga-tiga dana tersebut menawarkan strategi pelaburan yang tersendiri yang boleh dipilih oleh bakal peserta berdasarkan objektif pelaburan masing-masing.

Berdasarkan huraian di atas, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dalam produk-produk simpanan dan pelaburan di mana ianya dapat memelihara kemaslahatan harta. Ini kerana, produk-produk berkaitan simpanan dan pelaburan sebenarnya merupakan salah satu mekanisme atau kaedah yang digalakkan oleh Islam dalam usaha memelihara kemaslahatan harta yang merupakan salah satu dari *al-darūriyyāt al-khams*.

Sebelum ini,⁹ telah dijelaskan bahawa terdapat dua kaedah yang dianjurkan oleh Islam untuk memelihara kemaslahatan harta. Pertama, dari sudut untuk mendapatkannya iaitu dengan cara menggalakkan usaha mencari, menyuburkan serta mengembangkan harta. Kedua, dari sudut untuk mengekalkan dan memeliharanya iaitu dengan cara mengharamkan sebarang bentuk perbuatan merosakkan serta memakan harta orang lain dengan cara yang batil. Sebagaimana firman Allah SWT:¹⁰

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah”

Surah al-Baqarah (2): 188.

Jelasnya, menerusi kaedah yang pertama inilah, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* di mana produk-produk berbentuk simpanan dan juga pelaburan ini dapat memelihara kemaslahatan harta, kerana ianya dapat

⁹ Sila lihat bab 1, h. 36.

¹⁰ Lihat juga: Surah al-Nisā' (4): 29.

menyuburkan serta mengembangkan harta dengan cara menyimpan dan melaburkannya ke dalam pelaburan yang bertepatan dengan kehendak Syarak.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa manfaat takaful yang ditawarkan menerusi produk-produk simpanan dan pelaburan mengandungi elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut ianya dapat meringankan bebanan kepada peserta atau ahli keluarga yang ditinggalkan. Realiti ini dapat dibuktikan menerusi satu paparan akhbar di mana En. Mohd Razib Ali, iaitu suami kepada allahyarham Nor Rashidah Salleh telah menerima cek tuntutan skim takaful kematian sebanyak RM411,409.49. Isteri beliau yang telah menyertai Ikhlas Saving Takaful sejak tahun 2007 telah meninggal dunia pada 10 Oktober tahun 2008 akibat kanser.¹¹

Menurut ejen¹² yang menguruskan tuntutan bayaran pampasan tersebut mengatakan bahawa allahyarham telah menyertai dua produk PTK sekaligus iaitu Ikhlas Savings Takaful dan juga Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful. Pada masa yang sama, jumlah perlindungan yang diambil oleh allahyarham bagi kedua-dua produk takaful tersebut adalah tinggi. Oleh sebab itulah, jumlah pampasan yang telah diterima oleh waris allahyarham juga agak tinggi, meskipun tempoh penyertaan allahyarham dalam kedua-dua produk tersebut baru sahaja berusia lebih kurang satu tahun.

(c) Produk berkaitan perubatan dan kesihatan

Islam sebagai agama yang syumul yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia amat mementingkan penjagaan kesihatan fizikal sebagaimana Islam

¹¹ *Kosmo!*, Jun 16, 2009: 22 “Takaful Ikhlas serah cek tuntutan Skim Takaful Kematian sebanyak RM411,409.49 kepada waris pesakit kanser”.

¹² Syahrul Idham bin Abdul Rahim, Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Seribu Dinar, TISB. Temubual pada 18 Ogos 2009.

mementingkan penjagaan kesihatan jiwa dan akal. Ini kerana kesihatan adalah anugerah yang sangat bernilai dan perlu dihargai.

Sememangnya, mencegah itu lebih baik dari mengubati. Oleh kerana itu, Islam mengajar kita untuk menjaga kesihatan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum ditimpa sebarang penyakit. Namun, apabila sudah ditimpa penyakit Islam juga mengajar kita agar tidak berputus asa dan hendaklah berusaha mencari penawar kerana setiap penyakit mempunyai penawarnya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:¹³

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : "ما أنزل الله داء إلا أنزل له شفاء"

Daripada Abu Hurairah RA Rasulullah SAW telah bersabda: “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit itu kecuali diturunkan bersamanya ubat”

Memang tidak dinafikan bahawa pencegahan adalah cara terbaik untuk menjaga kesihatan. Namun, persiapan menyediakan bekalan kewangan yang mencukupi untuk tabungan kesihatan juga perlu dititikberatkan. Tambahan pula, kos perubatan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Apatah lagi bagi penyakit kritikal seperti penyakit jantung, kanser, penyakit buah pinggang, strok dan sebagainya yang sememangnya memerlukan kos rawatan yang tinggi. Ini kerana, semakin kronik penyakit yang dihadapi semakin besar belanja rawatan yang diperlukan, apatah lagi jika rawatan terpaksa dilakukan di luar negara. Oleh itu, langkah segera menabung amat penting kerana kedatangan penyakit tidak mengira waktu.

Justeru, menyertai mana-mana produk PTK yang berkaitan dengan perlindungan perubatan dan kesihatan merupakan langkah yang bijak dalam usaha membuat

¹³ Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al- al-, Asqalāni (2000), *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. “*Kitāb al-Ṭibb*” (*Bāb Mā Anzala Allāh Dā’ Illā Anzala Lahu Shifā’*), j. 11, no. hadith 5678, Beirut: Dār al-Fikr, h. 278.

persiapan menghadapi ketidakpastian hidup. Sebagai alternatif kepada tabungan biasa, ianya dilihat mampu memenuhi keperluan perlindungan perubatan seperti yang diinginkan kerana apabila berlakunya musibah, produk takaful ini dapat membayar perolehan manfaat yang lebih besar berbanding wang yang sempat di tabung.

Huraian pada bab yang lalu telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa produk yang menawarkan manfaat perlindungan perubatan dan kesihatan ke atas peserta iaitu Ikhlas Wanita Takaful yang direka khusus untuk perlindungan kesihatan wanita, Ikhlas Critical Illness Takaful Rider yang menyediakan perlindungan terhadap 40 penyakit kritikal dan Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider yang menyediakan perlindungan dalam bentuk bantuan tunai harian apabila peserta dimasukkan ke hospital. Ikhlas Lifestyle Takaful juga antara lainnya turut menawarkan manfaat pemeriksaan perubatan percuma pada setiap akhir tahun kelima sijil, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak tiga kali pemeriksaan sepanjang tempoh sijil.

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dalam produk-produk tersebut iaitu dari sudut penjagaan terhadap nyawa. Menurut Islam, nyawa manusia adalah hak Allah SWT,¹⁴ dan dengan itu nyawa perlulah dijaga dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana itu, para ulama telah menetapkan bahawa memelihara nyawa merupakan salah satu daripada *al-darūriyyāt al-khams*. Menerusi huraian sebelum ini¹⁵ juga telah dinyatakan bahawa Islam meletakkan dua kaedah bagi memelihara nyawa. Pertama, dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya. Kedua, dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut.

¹⁴ Surah al-Furqān (25): 68.

¹⁵ Sila lihat bab 1, h. 34.

Menerusi kaedah yang kedua inilah, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* sepertimana yang telah disebutkan sebentar tadi. Ini kerana, dengan menyertai mana-mana produk PTK berkaitan perlindungan perubatan dan kesihatan, setidak-tidaknya manfaat yang diterima dapat meringankan bebanan kos rawatan serta kos ubat-ubatan yang perlu ditanggung. Selain itu, perolehan manfaat yang diterima juga dapat menolak kemudharatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa peserta dengan segera melakukan rawatan, disamping dapat mengurangkan penderitaan penyakit yang ditanggung oleh peserta. Meskipun ajal dan maut merupakan ketentuan Allah SWT,¹⁶ namun berserah semata-mata dan bertawakkal kepadaNya tanpa berusaha terlebih dahulu adalah bertentangan dengan ajaran Islam.¹⁷ Islam juga melarang kita membiarkan serta menjerumuskan diri ke lembah kebinasaan, sebagaimana firmanNya:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”

Surah al-Baqarah (2): 195.

Sebagai contoh kepada realiti semasa yang berlaku, Jama'iyah Ismail iaitu seorang jururawat yang mempunyai empat orang anak, yang telah disahkan menghidap kanser usus, telah menerima tuntutan takaful yang dicarum sejak 2006 sebanyak RM 20,000 daripada TISB. Menurutnya, meskipun tidak menghadapi masalah untuk menanggung kos perubatan memandangkan beliau bekerja di jabatan kerajaan, namun beliau terpaksa memperuntukkan wang untuk membeli makanan tambahan yang agak mahal. Justeru, dengan peruntukan yang diterima dapat membantu kos perubatan sampingan beliau selain dapat digunakan untuk menanggung keluarga.¹⁸

¹⁶ Lihat: Surah al- 'Imrān (3): 185.

¹⁷ Lihat: Abī ,Isā Muḥammad bin ,Isa bin Saurah, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa Huwa Sunan al-Tirmidhī*, “*Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-War'*”, no. hadith 2517, j. 14, c. 2. Miṣr: Muṣṭafā al-Bāb al-Halabī, h. 668.

¹⁸ Utusan online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0727&pub=utusan_malaysia&

Sementara itu, dalam produk Ikhlas Wanita Takaful didapati bahawa terdapat manfaat kehamilan serta manfaat rawatan kanser rahim yang mampu memberikan sinar harapan buat peserta untuk hamil dan seterusnya melahirkan anak. Menerusi manfaat ini, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memelihara keturunan yang merupakan salah satu dari *al-darūriyyāt al-khams*. Sepertimana yang telah dihuraikan sebelum ini,¹⁹ Syariat Islam meletakkan dua kaedah bagi memelihara keturunan. Pertama, dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya seperti pensyarian perkahwinan. Kedua, dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingannya seperti mengharamkan zina, tuduhan zina tanpa saksi (*qadhaf*), serta menggugurkan kandungan.

Menerusi kaedah yang kedua inilah, kajian mendapati bahawa pemeliharaan terhadap keturunan juga dapat dilakukan dengan cara menolak kemudharatan yang boleh menghalang berkekalannya keturunan, iaitu dengan cara melakukan rawatan yang membolehkan seseorang wanita itu berpeluang untuk hamil seperti menjalani rawatan kanser rahim dan seumpamanya.

Berdasarkan huraian beserta contoh yang telah dikemukakan di atas, nyatalah bahawa elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut menjaga kemaslahatan nyawa dan keturunan sememangnya wujud dalam produk-produk berkaitan perlindungan perubatan dan kesihatan yang ditawarkan oleh TISB dengan cara menghalang serta menolak kemudharatan yang boleh mengancam kemaslahatan nyawa dan juga keturunan. Disamping itu, produk-produk berkaitan perubatan dan kesihatan ini juga dapat meringankan bebanan terhadap peserta yang dilanda musibah.

sec=Timur&pg=wt_07.htm&arc=hive, pada 26 Ogos 2009.

¹⁹ Lihat bab 1, h. 35.

(d) Produk berbentuk khairat kematian

Di bawah produk PTK yang menyediakan kemudahan menyerupai polisi insurans nyawa, waris peserta akan menerima bayaran manfaat melebihi wang sumbangan yang telah dibayarnya jika ditakdirkan peserta berkenaan meninggal dunia sebelum genap tempoh matang. Namun, berbeza dengan perolehan tuntutan pampasan polisi insurans nyawa, manfaat kematian ini sebenarnya datang daripada derma khusus secara *tabarru'* yang dibuat oleh semua peserta. Di bawah Takaful Keluarga, wang *tabarru'* ini yang ditentukan kadarnya semasa memulakan penyertaan akan diasingkan dalam satu akaun khas seperti dana atau tabung khairat kematian.²⁰

Menerusi kenyataan di atas, kajian mendapati bahawa perolehan manfaat kematian yang ditawarkan oleh semua produk perlindungan asas Takaful Keluarga di TISB serta beberapa *rider* adalah menyamai tabung khairat kematian, sepertimana yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak ratusan tahun dahulu. Berdasarkan Model Wakalah TISB,²¹ sumbangan peserta akan diagihkan ke dalam PIA/PRIA dan juga TAP mengikut peratusan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat. Kemudian, peratusan tertentu dari TAP²² itu tadi akan disalurkan pula ke dalam Dana Risiko dan Dana Khas, sebagai *tabarru'* bagi membantu peserta lain yang ditimpa musibah, termasuklah kematian. Ringkasnya, perolehan manfaat khairat kematian ini sebenarnya datang dari wang *tabarru'* atau derma oleh semua peserta yang terhimpun di dalam Dana Risiko.

Berdasarkan huraian pada bab yang lalu, didapati bahawa pada dasarnya semua produk pelan perlindungan asas Takaful Keluarga di TISB memperuntukkan manfaat kematian ke atas peserta yang ditakdirkan meninggal dunia sebelum genap tempoh

²⁰ Mohd Fadzli Yusof (2006), *Mengenal Takaful*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., h. 249.

²¹ Sila lihat bab 3, h. 113-114.

²² Terdapat 3 dana dalam TAP iaitu Dana Perbelanjaan (EF), Dana Risiko (RF) dan Dana Khas (SF).

matang. Namun, tidak semua pelan perlindungan tambahan (*rider*) memperuntukkan manfaat tersebut. Sebagai contoh, Ikhlas Critical Illness Takaful Rider hanya memberi perlindungan ke atas 40 penyakit kritikal. Hospital Benefit Takaful Rider pula hanya menawarkan manfaat bayaran tunai harian sekiranya peserta dimasukkan ke hospital. Begitu juga dengan Ikhlas Payor Takaful Rider yang menawarkan manfaat dalam bentuk pengecualian sumbangan ke atas peserta (anak) sekiranya pembayar (ibu atau bapa) meninggal dunia, berlaku TPD, atau disahkan menghidap penyakit kritikal. Manakala Ikhlas Waiver Takaful Rider pula hanya menawarkan manfaat pengecualian sumbangan ke atas peserta yang disahkan menghidap penyakit kritikal.

Namun, produk yang menawarkan manfaat khairat kematian secara khusus ialah Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider, Ikhlas Accidental Death Takaful Riders dan Ikhlas Senior Citizen Takaful. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di antara Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider dan Ikhlas Senior Citizen Takaful dengan Ikhlas Accidental Death Takaful Riders, di mana dua pelan yang pertama itu tadi menawarkan manfaat kematian yang diakibatkan oleh apa juga sebab. Sementara Ikhlas Accidental Death Takaful Riders pula hanya menawarkan manfaat kematian akibat kemalangan.

Selain itu, Ikhlas Lifestyle Takaful juga antara lainnya turut menawarkan manfaat perbelanjaan pengkebumian yang akan dibayar kepada waris peserta atau keluarga terdekatnya sekiranya berlaku kematian ke atas peserta. Jumlah yang akan dibayar adalah sebanyak 10% dari jumlah perlindungan yang diambil, dan tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM10,000.

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati kewujudan elemen *maqāsid al-Sharī'ah* disebalik manfaat khairat kematian yang diterima oleh waris peserta atau ahli keluarga terdekatnya, di mana ianya dapat meringankan bebanan kepada waris yang ditinggalkan. Apatah lagi sekiranya peserta merupakan ketua keluarga yang merupakan tempat bergantung. Bayangkan nasib isteri serta anak-anak yang ditinggalkan sekiranya seseorang individu itu tidak membuat sebarang persiapan bagi menghadapi sebarang ketidakpastian dalam hidupnya. Keadaan pasti lebih sukar sekiranya si isteri tidak bekerja dan anak-anak pula masih kecil.

Justeru, dengan menyertai mana-mana produk PTK yang menawarkan manfaat khairat kematian, sedikit sebanyak ianya dapat meringankan bebanan dan memberikan sinar harapan buat isteri serta anak-anak yang ditinggalkan agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna. Sebagaimana pampasan insurans yang telah diterima oleh balu kepada Allahyarham Hazmi Hamzah yang meninggal dunia akibat kerosakan hati. Rozita Mohamed yang merupakan seorang ibu tunggal kepada tiga orang anak berusia 15 hingga 22 tahun telah menerima pampasan insurans sebanyak RM36,094.14 daripada TISB bagi pihak suaminya.²³

Huraian serta paparan di atas jelas memperlihatkan kepada kita bahawa manfaat kewangan yang diterima oleh ahli keluarga peserta yang ditimpa musibah mampu meringankan bebanan serta memberikan sinar harapan buat mereka yang ditinggalkan. Ia sebenarnya selaras dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya agar sentiasa berusaha dan bersiap-sedia menghadapi sebarang kemungkinan sebelum menyerahkan segala-galanya kepada ketentuan Allah SWT.²⁴ Pada masa yang sama juga, Islam

²³ Utusan online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0809&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_02.htm&arc=hive, pada 26 Ogos 2009.

²⁴ Lihat: Abi Ḥisāb Muhammad bin Ḥisāb bin Saurah, *op. cit.*

melarang umatnya meninggalkan ahli keluarga dalam keadaan papa dan memintaminta.²⁵

(e) Produk berkaitan pengecualian bayaran sumbangan

Selain dari manfaat-manfaat yang telah dinyatakan di atas, terdapat juga produk-produk Takaful Keluarga di TISB yang turut menawarkan manfaat pengecualian bayaran sumbangan sama ada ke atas peserta itu sendiri atau ke atas pembayar. Produk-produk yang dimaksudkan ialah Ikhlas Payor Savings Takaful Rider, Ikhlas Education Takaful dan Ikhlas Waiver of Contribution Takaful Rider.

Ikhlas Payor Savings Takaful Rider yang merupakan *rider* pilihan, pada asalnya hanya boleh disertakan bersama plan perlindungan asas yang disertai oleh kanak-kanak seperti Ikhlas Education Takaful Classic, di mana ianya akan mengecualikan bayaran sumbangan ke atas peserta (anak) sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas pembayar (ibu atau bapa). Namun kini,²⁶ *rider* tersebut juga boleh disertakan bersama mana-mana plan perlindungan asas kerana *rider* tersebut kini turut menawarkan pengecualian bayaran sumbangan ke atas pasangan (suami atau isteri) sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas pembayar (suami atau isteri). Sebagai contoh, *rider* pengecualian sumbangan ini boleh disertakan bersama Ikhlas Wanita Takaful, Ikhlas Lifestyle Takaful dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Ikhlas Education Takaful yang turut menawarkan manfaat tersebut sebagai salah satu manfaat produknya hanya mengecualikan bayaran sumbangan ke atas peserta (anak) sekiranya berlaku kematian atau TPD ke atas

²⁵ Lihat: al-,Asqalānī, *op. cit.*, “*Kitāb al-Nafaqāt*” (*Bāb Faḍl al-Nafaqah*, *Alā al-Ahl*), no. hadith 5343, j. 10. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 623.

²⁶ Setelah pelancaran Ikhlas Payor Savings berwajah baru (*new feature*) pada September 2009.

pembayar (ibu bapa). Ikhlas Waiver of Contribution Takaful Rider pula merupakan *rider* yang mengecualikan semua sumbangan (termasuk *rider-rider* yang disertakan) ke atas peserta yang disahkan menghidap salah satu daripada 39 penyakit kritikal seperti yang dinyatakan di dalam sijil.

Berdasarkan manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk di atas, kajian mendapati bahawa ianya dapat meringankan bebanan serta memberi kemudahan kepada peserta, disamping dapat menghindari mereka dari terjebak ke dalam situasi yang boleh diibaratkan seperti „sudah jatuh ditimpa tangga“ atau peserta juga tidak perlu runsing memikirkan bagaimana hendak meneruskan bayaran sumbangan tersebut disaat dirinya sendiri sedang berhadapan dengan kesedihan dan kesukaran seperti musibah kematian ibu atau bapa, berlaku TPD atau disahkan menghidap penyakit kritikal. Apatah lagi sekiranya peserta merupakan kanak-kanak yang masih bersekolah atau isteri yang tidak bekerja. Justeru, menghindari kesusahan juga merupakan sebahagian dari objektif penurunan Syariah Islam kerana Allah SWT tidak mahu hambaNya berada dalam kesusahan, sebagaimana yang dapat difahami menerusi firmanNya:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”

Surah al-Baqarah (2): 185.

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تَخْفَفَ عَنْكُمْ

“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu”

Surah al-Nisā(4): 28.

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ

“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan)”

Surah al-Māidah (5): 6.

وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama”

Surah al-Hajj (22): 78.

Dengan ini, ternyatalah bahawa produk-produk Takaful Keluarga yang menawarkan manfaat pengecualian sumbangan mengandungi elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut meringankan bebanan, memudahkan serta menolak kemudharatan ke atas peserta atau pembayar yang ditimpa musibah.

(f) Produk berkaitan manfaat pendapatan

Berdasarkan huraian pada bab yang lalu, didapati bahawa terdapat satu-satunya produk PTK di TISB yang secara khususnya menawarkan manfaat pendapatan yang akan dibayar kepada peserta atau ahli warisnya untuk sepanjang baki tempoh sijil, sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas peserta. Produk yang dimaksudkan ialah Ikhlas Family Income Takaful Rider.

Namun, terdapat satu produk lain yang turut menawarkan manfaat yang hampir sama, iaitu dalam keadaan di mana peserta diberhentikan kerja tanpa kerelaannya. Manfaat ini terdapat dalam produk Ikhlas Wanita Takaful sebagai salah satu “faedah cara hidup” di mana peserta akan menerima 3% daripada had seumur hidup (jumlah perlindungan). Namun, kajian mendapati bahawa jumlah yang akan diterima oleh peserta berdasarkan peratusan ini tidak begitu relevan kerana jumlahnya terlalu kecil. Ini kerana, sekiranya had seumur hidup yang diambil ketika permulaan sijil adalah sebanyak RM50,000 maka jumlah yang akan diterima oleh peserta hanyalah sebanyak RM1,500. Dalam keadaan di mana kos sara hidup kian meningkat, jumlah ini mungkin

hanya cukup untuk tempoh satu bulan. Apatah lagi jika peserta adalah ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang masih di bawah tanggungan.

Meskipun dapat difahami bahawa tujuan utama penyertaan dalam produk Ikhlas Wanita Takaful adalah untuk mendapatkan perlindungan kesihatan, dan jumlah yang diterima oleh mana-mana peserta yang diberhentikan kerja pula hanyalah sebagai bantuan sementara sebelum ia beroleh pekerjaan yang lain, namun kewajaran serta kesesuaian jumlah tersebut perlu diperhalusi agar bantuan serta kemudahan yang diberikan dapat direalisasikan dengan erti kata yang sebenar.

Bagaimanapun, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dalam produk-produk berkaitan manfaat pendapatan di mana perolehan manfaat yang diterima dapat menghindari kesusahan serta meringankan bebanan kepada peserta yang kehilangan sumber pendapatan akibat sakit, berlaku TPD ke atasnya atau diberhentikan kerja tanpa kerelaan. Sekiranya peserta meninggal dunia, bebanan keluarga atau waris yang ditinggalkan juga dapat diringankan. Ianya amat bertepatan dengan kehendak Allah SWT yang tidak mahu hambaNya berada dalam kesusahan, sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat-ayat yang telah disebutkan sebelum ini.²⁷ Pada masa yang sama juga, Islam melarang umatnya meninggalkan ahli keluarga dalam keadaan papa dan meminta-minta.²⁸

4.2.2 Analisis Berdasarkan terma dan syarat

Terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil takaful²⁹ sesuatu produk yang disertai merupakan aspek yang penting dan perlu diberi perhatian sewajarnya

²⁷ Lihat: Surah al-Baqarah (2): 185; surah al-Nisā'' (4): 28; surah al-Mā''idah (5):6; surah al-Ḥajj (22): 78.

²⁸ Lihat: al-,Asqalāni, *op. cit.*

²⁹ Di dalam insurans konvensional, ia dikenali sebagai polisi insurans.

kerana ianya adalah sebahagian dari produk itu sendiri. Ini kerana, manfaat yang ditawarkan oleh sesuatu produk PTK adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang termaktub di dalam sijil takaful tersebut. Sebagai contoh, peserta yang menyertai sesuatu produk PTK tidak akan menerima bayaran manfaat sekiranya risiko atau musibah yang dihadapi merupakan risiko yang tidak dilindungi di bawah produk yang disertainya.

Justeru, kajian ini akan turut menyentuh mengenai beberapa terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil produk-produk PTK yang mana menurut pandangan penulis ianya perlu untuk diperbincangkan dan seterusnya dianalisa. Bagi memudahkan lagi proses penganalisan, penulis akan membahagikan terma dan syarat tersebut sepertimana berikut:

(a) Syarat umur dan tempoh matang

Berdasarkan huraian pada bab yang lalu, boleh dikatakan bahawa hampir kesemua pelan perlindungan asas Takaful Keluarga boleh disertai oleh mereka yang berumur seawal 30 hari. Hanya Ikhlas Lifestyle Takaful dan Ikhlas Wanita Takaful yang mensyaratkan umur tertentu kepada peserta, di mana peserta Ikhlas Lifestyle Takaful mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, sementara peserta Ikhlas Wanita Takaful pula mestilah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun. Namun, pembayar bagi mana-mana produk PTK mestilah berumur 18 tahun ke atas.

Menyentuh mengenai tempoh matang, pada dasarnya produk-produk PTK memberi pilihan kepada peserta untuk menetapkan tempoh matang berdasarkan kehendak mereka sendiri. Ini kerana tempoh matang tidak ditentukan oleh Syarak, tetapi

ianya ditentukan oleh pengendali takaful itu sendiri berdasarkan kepada matlamat korporat dan strategi perniagaan mereka. Syarak hanya menetapkan bahawa setiap kontrak atau akad, termasuk produk-produk PTK harus mempunyai tempoh atau jangka masa tertentu. Kontrak yang tidak ditetapkan tempohnya akan membawa kepada unsur *gharar* iaitu akad yang tidak jelas sehingga menyebabkan berlaku urusan berat sebelah yang boleh merugikan satu pihak yang berakad tetapi menguntungkan pihak yang satu lagi.³⁰

Oleh kerana itulah, didapati bahawa produk-produk PTK di TISB mempunyai tempoh matang tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat dan ianya bergantung kepada produk yang disertai. Apabila disebut tentang tempoh matang, ianya juga bermaksud tempoh perlindungan yang diambil. Sebagai contoh, Ali yang berumur 20 tahun telah menyertai satu produk PTK dengan tempoh matang sehingga dia berumur 25 tahun. Ini bermakna, tempoh perlindungan yang diambil adalah selama 5 tahun.

Secara umumnya, tempoh matang minimum bagi setiap produk PTK adalah berbeza antara satu sama lain. Begitu juga dengan tempoh matang maksimum. Produk-produk yang mempunyai tempoh matang minimum selama 5 tahun ialah Ikhlas Savings Takaful, Ikhlas Lifestyle Takaful dan Ikhlas Senior Citizen Takaful. Produk-produk berkaitan tabungan pendidikan iaitu Ikhlas Education Takaful dan Ikhlas Education Takaful Classic pula masing-masing mempunyai tempoh matang minimum selama 6 tahun. Sementara tempoh matang minimum bagi produk berkaitan pelaburan adalah bergantung kepada peserta itu sendiri. Ini kerana, peserta boleh membuat penyerahan sijil pada bila-bila masa untuk mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum genap tempoh matang.

³⁰ Mohd Fadzli Yusof (2006), *op. cit.*, h. 3.

Pada masa yang sama, tidak semua pelan perlindungan asas Takaful Keluarga mempunyai pilihan tempoh matang. Daripada lapan produk yang ditawarkan, hanya empat darinya mempunyai pilihan tempoh matang iaitu Ikhlas Savings Takaful, Ikhlas Education Takaful, Ikhlas Education Takaful Classic dan Ikhlas Lifestyle Takaful. Sebagai contoh, Ikhlas Savings Takaful menawarkan pilihan tempoh matang antara 5 hingga 75 tahun. Peserta Ikhlas Education Takaful Classic pula boleh memilih tempoh matang iaitu apabila peserta mencapai umur antara 18 hingga 23 tahun.

Selebihnya, iaitu Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful, Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful, Ikhlas Wanita Takaful dan Ikhlas Senior Citizen tidak menawarkan pilihan tempoh matang. Bagaimanapun, peserta boleh membuat penyerahan sijil pada bila-bila masa bagi mendapatkan nilai serahan bagi pembatalan sijil sebelum genap tempoh matang. Bagi Ikhlas Wanita Takaful pula, meskipun tidak mempunyai pilihan tempoh matang, namun sekiranya had seumur hidup (jumlah perlindungan) peserta telah habis digunakan, maka sijil akan tamat dengan sendirinya walaupun pada ketika itu umur peserta belum mencapai 65 tahun.

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati bahawa pemilihan produk berdasarkan tempoh matang tertentu atau penentuan tempoh matang bagi sesuatu produk yang disertai adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dititikberatkan oleh peserta. Ini kerana, produk-produk PTK yang ditawarkan oleh TISB adalah pelan jangka masa panjang dengan tempoh minimum penyertaan bagi kebanyakan produknya adalah selama 5 tahun dan tempoh maksimum penyertaan sehingga menjangkau tempoh 80 tahun. Justeru, peserta perlu bijak dalam memilih produk yang bersesuaian dengan keperluannya dan pada masa yang sama juga perlu memastikan bahawa tempoh matang yang dipilih adalah bersesuaian dengan kemampuan serta matlamat kewangannya.

Menetapkan matlamat kewangan merupakan antara langkah pertama yang perlu dilakukan dalam merancang kewangan. Ini kerana, matlamat kewangan akan mencerminkan apa yang hendak kita lakukan dalam tempoh yang tertentu samada dalam jangka masa pendek, sederhana atau panjang bergantung kepada beberapa faktor seperti usia, pendapatan dan sebagainya. Penentuan matlamat ini juga akan memastikan agar kita berbelanja dan menyimpan wang secara teratur bagi mencapai apa yang diinginkan.³¹

Melakukan perancangan dalam kehidupan, termasuklah merancang kewangan sememangnya amat digalakkan oleh Islam sebagaimana yang dapat difahami menerusi kisah nabi Yusuf AS.³² Ianya juga merupakan sunnah baginda Rasulullah SAW. Melihat kepada sirah perjuangan baginda Rasulullah SAW, kita akan dapati bahawa baginda merupakan seorang yang amat menitikberatkan perancangan dan strategi dalam usaha penyebaran risalah Islam.

Sebagai contoh, dalam peristiwa hijrah baginda Rasulullah SAW kita akan dapati bahawa baginda telah menyusun beberapa langkah untuk melaksanakan perancangannya berhijrah ke Madinah. Pertama, mengarahkan Ali bin Abu Talib RA tidur dipembaringan baginda pada malam tersebut. Kedua, mengupah Abdullah bin Arqat sebagai penunjuk jalan rahsia. Ketiga, mengarahkan Abdullah bin Abu Bakar supaya berada di Mekah pada siang hari untuk mendengar perkhbaraan kaum Quraisy agar dapat disampaikan kepada baginda dan Abu Bakar pada malam hari. Keempat, mengarahkan Asma^{ra} untuk menyediakan makanan dan menghantarnya pada malam hari. Kelima, mengarahkan Amir bin Fuhairah (seorang hamba) membawa ternakan

³¹ Info Perbankan,
http://www.bankinfo.com.my/01_plan_your_finances/0101_managing_your_money/stepbystep.php, 20 Disember 2009.

³² Lihat: Surah Yūsuf (12): 47-49.

kambing pada siang hari ke arah gua agar mereka dapat meminum susunya, dan supaya ternakan kambing tersebut dapat menghilangkan kesan-kesan tapak kaki Abdullah dan Asma".³³

Berdasarkan contoh di atas, jelas memperlihatkan betapa pentingnya membuat perancangan dalam kehidupan kita. Islam sebagai agama yang syumul sudah menetapkan garis panduan untuk kita beribadah dan juga bermuamalah. Malah, cara hidup termasuk aspek kewangan juga telah dibuat "acuannya" oleh Islam. Merancang kehidupan amat penting kerana „orang yang gagal merancang bererti ia merancang untuk gagal“. Oleh kerana itulah, individu yang gagal melihat perkara yang perlu diutamakan sebagai keutamaan, akan menjadikan kehendak sebagai keperluan. Maka tidak hairanlah apabila ramai orang yang sanggup berbelanja dan berhutang bagi perkara-perkara yang tidak perlu kerana gagal mengurus kewangannya dengan cara yang bijak, sebagaimana realiti yang berlaku di negara ini. Kajian yang telah dijalankan oleh Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menunjukkan bahawa pemegang kad kredit sehingga Disember 2005 adalah seramai 7.94 juta orang di mana jumlah perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit sepanjang tahun tersebut adalah sebanyak RM37.2 billion. Manakala pendahuluan tunai daripada kad kredit pula sebanyak RM2.95 billion.³⁴

Justeru, berusaha merancang kewangan bagi memperolehi kesejahteraan hidup merupakan sebahagian dari proses tawakkal kita kepada Allah SWT. Menyertai mana-mana produk PTK dengan tempoh matang tertentu juga merupakan satu langkah yang bijak dalam merancang kehidupan. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa

³³ Sa'īd Ramaḍān al- Būṭī (1998), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 5. Qāhīrah: Dār al-Salām, h. 132-134; Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 62.

³⁴ *Mingguan Malaysia*, Mac 5, 2006:7 "Kita masyarakat yang berhutang".

penetapan matlamat kewangan boleh dilakukan dengan cara menyertai mana-mana produk takaful yang bersesuaian dengan kemampuan serta matlamat kewangan kita.³⁵

Dari satu sudut yang lain, menyertai mana-mana produk PTK yang ditawarkan juga secara tidak langsung dapat mendidik serta mendisiplinkan peserta dalam menunaikan tanggungjawabnya terhadap peserta-peserta yang lain dengan membayar sumbangan secara tetap bagi memastikan sijil yang disertai terus berkuatkuasa dan apa yang lebih utama, dana khairat yang terbentuk menerusi sumbangan *tabarru'* dapat terus dijana bagi menyediakan bantuan kewangan terhadap mana-mana peserta yang ditimpa musibah.

Jelasnya, pilihan tempoh matang yang terdapat dalam produk-produk PTK di TISB sebenarnya dapat mendorong serta memudahkan peserta untuk mengurus dan merancang kehidupan dengan lebih sempurna, demi mengecap kebahagiaan hidup di dunia ini, sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.³⁶

(b) Pengecualian perolehan bayaran manfaat

Dalam perbincangan di awal bab ini, telah dijelaskan bahawa produk-produk pelan perlindungan asas serta pelan perlindungan tambahan (*rider*) Takaful Keluarga yang terdapat di TISB menawarkan perolehan manfaat yang tetap seperti manfaat kematian, manfaat TPD, manfaat tempoh matang, manfaat penyakit kritikal serta manfaat-manfaat khusus bergantung kepada produk yang disertai oleh peserta.

³⁵ Lihat: Rohani Hj Mohd Shahir (2009), *Ke Mana Wang Anda?*. Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd. h. 190.

³⁶ Lihat: Surah al-Baqarah (2): 201.

Walau bagaimanapun, perolehan manfaat tersebut dalam bentuk bantuan kewangan yang akan dibayar kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah adalah tertakluk kepada terma serta syarat-syarat tertentu yang terkandung di dalam sijil. Ini bermakna, perolehan manfaat tersebut tidak akan dibayar kepada peserta yang ditimpa musibah dengan sewenang-wenangnya. Sebagai contoh mudah, peserta yang ditimpa musibah atau risiko yang tidak dilindungi di bawah produk PTK yang disertai tidak akan mendapat perolehan manfaat. Dalam erti kata yang lain, perolehan manfaat hanya akan dibayar sekiranya musibah yang dihadapi oleh peserta adalah risiko yang dilindungi di bawah produk PTK yang disertainya.

Mengenai pengecualian manfaat kematian, kajian mendapati bahawa kematian yang disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS), penyakit yang berkaitan AIDS, penyakit kelamin berjangkit, disebabkan oleh tindakan undang-undang, terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang atau jenayah, membunuh diri dan kematian akibat kemalangan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol adalah terkecuali daripada menerima bayaran manfaat.³⁷ Bagaimanapun, bagi kematian yang disebabkan oleh perbuatan membunuh diri, pihak syarikat akan memulangkan semula baki yang terdapat di dalam PIA dan/atau PRIA kepada waris peserta.³⁸

Mengenai pengecualian manfaat TPD pula, kajian turut mendapati bahawa TPD yang disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS), penyakit yang berkaitan AIDS, penyakit kelamin berjangkit, disebabkan oleh tindakan undang-undang atau kerana terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan undang-

³⁷ Lihat: Item 4 di bawah Peruntukan Am, Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009); “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB; Item 10 di bawah Peruntukan Am, Sijil Tambahan “Accident Death and Disability Takaful Rider” (2009), TISB.

³⁸ Lihat: Item 5 di bawah Peruntukan Am, Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB.

undang atau jenayah, cubaan membunuh diri dan TPD akibat kemalangan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol adalah terkecuali daripada menerima bayaran manfaat. Sekiranya berlaku TPD ke atas peserta yang berumur di bawah 48 bulan, keilatan hanya akan diiktiraf sebagai TPD jika peserta tidak dapat melakukan aktiviti kehidupan hariannya tanpa bantuan atau pertolongan sehingga peserta mencapai umur 4 tahun dan ke atas.

Selain itu, semua manfaat yang ditawarkan oleh setiap produk PTK juga terkecuali untuk sebarang keadaan sebelum sijil berkuatkuasa. Contohnya, peserta yang telah disahkan menghidapi kanser sebelum menyertai produk berkaitan perlindungan kesihatan, tidak berhak untuk mendapatkan manfaat perlindungan menerusi produk yang disertainya. Begitu juga dengan TPD yang berlaku sebelum penerimaan perlindungan, ianya turut dikecualikan daripada menerima bayaran manfaat.

Seterusnya, kajian mendapati bahawa terdapat produk-produk tertentu di mana perolehan manfaat akan dibayar berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, perolehan manfaat bagi kematian yang berlaku ke atas kanak-kanak yang belum mencapai umur 5 tahun akan dibayar mengikut peruntukan *lien juvenil* di mana jumlah peratusan bayaran manfaat adalah berdasarkan umur ketika berlakunya kematian tersebut.³⁹ Begitu juga dengan mana-mana kehamilan yang disebabkan oleh rawatan kesuburan termasuk persenyawaan tabung uji adalah terkecuali daripada menerima manfaat kehamilan.⁴⁰

Berdasarkan huraian pada bab yang lalu juga, didapati bahawa manfaat kematian bagi semua *rider* (kecuali Ikhlas Critical Illness Takaful Rider dan Ikhlas Hospital

³⁹ Sila lihat bab 3, h. 121.

⁴⁰ Lihat: Item 10 (b) di bawah Peruntukan Manfaat, "Ikhlas Wanita Takaful" (2009), TISB.

Benefit Takaful Rider yang tidak menawarkan manfaat kematian) akan berkuatkuasa sebaik sahaja sumbangan yang pertama dibuat atau sebaik sahaja sijil berkuatkuasa. Namun, bagi Ikhlas Accident Death and Disability Takaful Rider, disyaratkan bahawa kematian tersebut mestilah berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan tersebut.

Perolehan manfaat TPD pula adalah tertakluk kepada tempoh menunggu, di mana ketidakupayaan tersebut mestilah berterusan dalam tempoh tidak kurang daripada enam bulan. Sementara perolehan manfaat penyakit kritikal bagi *rider-rider* Ikhlas Illness Takaful Rider, Ikhlas Payor Savings Takaful Rider, Ikhlas Waiver Takaful Rider dan Ikhlas Family Income Takaful Rider disyaratkan bahawa sijil telah berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya 90 hari. Begitu juga dengan manfaat Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider. Dalam erti kata yang lain, musibah atau risiko yang telah disebutkan tadi adalah terkecuali daripada menerima bayaran manfaat jika ianya berlaku sebelum tempoh yang telah ditetapkan.

Berdasarkan huraian di atas, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memberi keadilan kepada semua peserta. Ini kerana, adalah tidak wajar sekiranya peserta yang ditimpa musibah yang berpunca daripada perkara-perkara atau perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam turut menerima manfaat perlindungan yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Sebagai contoh, perbuatan membunuh diri adalah jelas haram di sisi Syarak. Firman Allah SWT:⁴¹

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

“Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri”

Surah al-Nisā“ (4): 29.

⁴¹ Lihat juga Surah al-Furqān (25): 68.

وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syara’)”

Surah al-Furqān (25): 68.

Tambahan pula, prinsip tolong-menolong yang diaplikasikan dalam sistem takaful adalah khusus kepada perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan dan juga meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Sebagaimana firmanNya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”

Surah al-Māidah (5): 2.

Menerusi ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa skop perlindungan takaful hanyalah ke atas perkara-perkara kebaikan yang tidak bertentangan dengan Syarak. Maka, perkara-perkara yang bercanggah dengan Syarak seperti membunuh diri dan kematian akibat minum arak tidak dilindungi di bawah skim takaful kerana jelas perbuatan tersebut adalah haram di sisi Islam.

Perolehan manfaat yang hanya akan dibayar sekiranya berlaku musibah ke atas peserta dalam tempoh tertentu sepertimana yang telah ditetapkan juga dilihat dapat mengelakkan berlakunya unsur *gharar* (penipuan), dan seterusnya dapat memberi keadilan kepada semua peserta. Ini kerana, adalah tidak adil sekiranya individu yang sememangnya menghadapi penyakit tertentu sebelum menyertai sesuatu produk berkaitan perlindungan kesihatan, turut menerima perolehan manfaat. Dalam konteks ini, pengendali takaful sebagai pihak yang menguruskan operasi takaful dan menjadi pemegang amanah, perlu menjaga hak dan kepentingan setiap peserta.

Bagi peruntukan *lien juvenil*, penulis difahamkan⁴² bahawa ia sebenarnya merupakan amalan biasa (*standard policy*) bagi mana-mana syarikat insurans dan juga pengendali takaful di negara ini. Ini kerana, secara logiknya kanak-kanak yang berumur kurang dari 5 tahun sebenarnya lebih terdedah terhadap risiko kematian kerana tahap ketahanan melawan penyakit (antibodi) yang masih kurang. Dari satu sudut yang lain, ia juga sebenarnya dapat menghalang perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan. Tambahan pula dalam senario hari ini yang menyaksikan pelbagai kes jenayah melibatkan kanak-kanak, maka tidak mustahil sekiranya ada individu yang tergamak membunuh anak sendiri dengan pelbagai cara semata-mata kerana ingin mendapatkan sejumlah wang. Jika dilihat dari sudut ini, *lien juvenil* yang diperuntukkan dalam produk-produk PTK tertentu sebenarnya dapat memelihara nyawa yang merupakan salah satu daripada *al-ḍarūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas).

(c) Sumbangan dan *tabarru* ‘peserta

Berdasarkan huraian pada bab yang lalu, secara umumnya dapat dikatakan bahawa jumlah sumbangan peserta adalah bergantung kepada keupayaan serta kemampuan kewangan peserta. Pada masa yang sama, jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh peserta adalah berbeza di mana ianya bergantung kepada keperluan pengunderaitan seperti umur, tahap kesihatan, risiko pekerjaan, tempoh sijil dan jumlah perlindungan yang dipohon.⁴³

Selain itu, semua bayaran sumbangan boleh dibuat secara bulanan, setengah tahun, suku tahun atau secara tahunan. Bayaran sumbangan juga boleh dibuat dengan menggunakan kad kredit, autodebit, arahan tetap, FPX, potongan biro angkasa atau

⁴² Hisham bin Hamzah, Pengurus Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, TISB. Temubual pada 30 Disember 2009, jam 3.30 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

⁴³ *Ibid.*

melalui cek.⁴⁴ Namun, bagi Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful, bayaran sumbangan hanya perlu dibuat dengan sekali caruman sahaja. Jumlah caruman minimum adalah sebanyak RM5,000.⁴⁵ Bagi peserta yang berpendapatan tetap pula, mereka digalakkan untuk membayar sumbangan tersebut dengan kaedah pemotongan gaji melalui Biro Angkasa.⁴⁶

Berdasarkan huraian sebelum ini juga, telah dinyatakan bahawa setiap sumbangan peserta akan dimasukkan ke dalam PIA/PRIA bergantung kepada produk yang disertainya. Kemudian, sejumlah peratusan tertentu akan dimasukkan pula ke dalam TAP sebagai *wakālah* dan juga *tabarru'*. Pengagihan sumbangan peserta ke dalam PIA/PRIA dan TAP dinyatakan secara jelas berdasarkan ilustrasi yang terkandung dalam Helaian Maklumat Sijil.⁴⁷ Berkenaan agihan sumbangan ini, ianya dapat dilihat menerusi peruntukan berikut:

“Saya bersetuju bahawa caruman takaful saya akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) dan/atau Akauan Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) dan pihak Syarikat akan dilantik untuk mengurus dan melabur PIA dan/atau PRIA saya bersesuaian dengan kecekapan pihak Syarikat berdasarkan prinsip al-Wakalah sebagaimana yang ditakrif oleh pihak Syarikat serta menepati Syariah. Sebagai balasan, saya bersetuju membenarkan pihak Syarikat mengambil sejumlah peratusan daripada caruman tersebut sebagai Yuran Wakalah. Lanjutan daripada itu, saya juga bersetuju bahawa sebahagian daripada caruman takaful saya akan disalurkan ke dalam Dana Risiko dan Dana Khas, sebagai Tabarru” bagi membantu Peserta lain yang ditimpa musibah. Baki selebihnya di dalam PIA dan/atau PRIA akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan keuntungan daripada pelaburan, jika ada, akan dipulangkan kepada saya setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan, seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat daripada keuntungan pelaburan tersebut. Saya juga memahami bahawa lebih bersih dari Dana Risiko, jika ada, akan dikendalikan oleh Syarikat mengikut kaedah dan

⁴⁴ Lihat: Item di bawah Maklumat Penting, Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB.

⁴⁵ Lihat: Risalah *Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful* (t.t.), TISB.

⁴⁶ Abdul Mutallib bin Abdul Rahman, Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Hijjaz Ventures Resources, TISB. Temubual pada 13 Julai 2009.

⁴⁷ Sila lihat: Lampiran B1.

peruntukan berlandaskan prinsip Syariah yang akan memanfaatkan Peserta dan Dana Khas”.⁴⁸

Dari satu sudut, peruntukkan di atas menjelaskan bahawa setiap sumbangan peserta akan dimasukkan ke dalam PIA/PRIA dan juga TAP. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, TAP terdiri dari tiga tabung atau dana iaitu Dana Pengurusan (EF), Dana Risiko (RF) dan Dana Khas (SF). Melalui TAP, sejumlah peratusan daripada sumbangan peserta akan dimasukkan ke dalam Dana Pengurusan (EF) sebagai yuran *wakālah*. Kemudian, sejumlah peratusan pula akan disalurkan ke dalam Dana Risiko (RF) dan Dana Khas (SF) sebagai *tabarru* ‘.

Memandangkan *tabarru* ‘ membabitkan persetujuan yang diperakui oleh peserta, maka prinsip ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada akad takaful itu sendiri. Persetujuan dan kerelaan peserta memberi *tabarru* ‘ daripada wang sumbangan masing-masing untuk tujuan menyediakan manfaat kewangan sebagai bantuan kepada peserta yang ditimpa musibah adalah dijelaskan di dalam sijil takaful, sebagaimana yang telah disebut di dalam peruntukan di atas tadi. Amalan bersedekah melalui *tabarru* ‘ ini sekali gus dapat menghapuskan unsur *gharar* atau amalan yang tidak jelas dalam operasi takaful.

Namun, apa yang ingin difokuskan di sini ialah mengenai *tabarru* ‘ tersebut. Dalam industri takaful, *tabarru* ‘ yang diperkenalkan ialah *tabarru* ‘ bersyarat,⁴⁹ di mana setiap peserta yang ingin menyertai takaful mestilah menderma sesuai dengan risiko yang dibawanya. Pengendali takaful perlu menetapkan kadar *tabarru* ‘ bagi memastikan

⁴⁸ Sila lihat: Lampiran B3. Lihat juga: Borang Permohonan Pelan Takaful Keluarga, Bahagian I: Aqad Peserta/Pembayar, Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), Sijil “Ikhlas Education Takaful Classic” (2009), TISB; Item 2 di bawah Peruntukan Caruman, Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), Sijil “Ikhlas Education Takaful Classic” (2009), TISB.

⁴⁹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd., h. 36.

tabung *tabarru'* yang disertai oleh semua peserta jelas bagi memberi keadilan kepada semua pihak. Justeru, jika seseorang peserta membawa risiko yang besar, maka kadar *tabarru'* yang perlu disumbangkan mestilah sepadan dengan risiko tersebut.⁵⁰

Selain itu, peratusan *tabarru'* bagi setiap individu adalah tidak sama dan ianya bergantung kepada umur, risiko pekerjaan dan tahap kesihatan.⁵¹ Jika dilihat dari sudut umur, warga emas dikategorikan sebagai individu yang berisiko tinggi. Oleh kerana itulah, Ikhlas Senior Citizen dianggap sebagai produk yang berisiko tinggi kerana ianya hanya terbuka untuk warga emas yang berumur antara 50 hingga 80 tahun. Dari sudut pekerjaan, mereka yang bekerja sebagai anggota keselamatan seperti pegawai polis dan tentera dikategorikan sebagai pekerjaan yang berisiko tinggi. Begitu juga dengan individu yang telah disahkan menghidap penyakit tertentu juga dikategorikan sebagai individu yang berisiko tinggi.⁵² Maka, sudah tentulah jumlah sumbangan yang dibayar oleh peserta yang berisiko tinggi tidak sama dengan peserta-peserta lain.

Berdasarkan huraian di atas, nyatalah bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memberi keadilan kepada semua peserta.⁵³ Ini kerana, adalah tidak wajar sekiranya jumlah sumbangan yang dibayar oleh peserta yang berisiko tinggi sama dengan peserta-peserta yang lain. Meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya juga dianggap zalim kerana ianya bertentangan dengan prinsip keadilan itu sendiri.

Dari satu sudut yang lain, peruntukan di atas juga jelas memperlihatkan kepada kita bahawa setiap sumbangan peserta yang dimasukkan ke dalam PIA/PRIA dan TAP, keuntungan bersih yang diperolehi hasil daripada pelaburan dan juga lebihan bersih dari

⁵⁰ *Ibid.*, h. 37.

⁵¹ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

⁵² *Ibid.*; Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, *op. cit.*

⁵³ Lihat: Surah al-Nahl (16): 90.

Dana Risiko dinyatakan dengan jelas dan terang oleh pihak syarikat. Di sinilah wujudnya unsur ketelusan yang sejajar dengan kehendak Syarak, sebagaimana yang dapat difahami menerusi dalil-dalil al-Quran dan juga hadith baginda Rasulullah SAW yang melarang umatnya melakukan muamalat yang mengandungi unsur kesamaran (*gharar*)⁵⁴ dan juga mengambil hak atau harta orang lain dengan cara yang batil.⁵⁵

Ketelusan ini juga dapat dilihat bilamana produk Ikhlas Wanita Takaful yang tidak memperuntukkan sebarang agihan sumbangan ke dalam PIA/PRIA peserta untuk tahun pertama penyertaan turut dinyatakan dengan jelas, sebagaimana yang terdapat dalam peruntukan berikut:

“Baki PIA untuk 2 tahun yang pertama berkemungkinan sifar. Apabila berlaku baki PIA adalah sifar, maka tiada manfaat penyerahan akan dibayar”.⁵⁶

Berdasarkan penelitian, kajian mendapati bahawa Ikhlas Wanita Takaful merupakan satu-satunya produk PTK di TISB yang tidak memperuntukkan sebahagian sumbangan peserta ke dalam PIA/PRIA pada tahun pertama penyertaan.⁵⁷ Sebaliknya, semua sumbangan peserta akan di masukkan ke dalam TAP. Ini kerana, Ikhlas Wanita Takaful juga merupakan satu-satunya produk yang menawarkan faedah yang paling banyak ke atas pesertanya.⁵⁸

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat difahami bahawa sekiranya peserta menamatkan akad atau membatalkan sijil takaful selepas setahun menyertai Ikhlas Wanita Takaful, peserta tidak akan mendapat sebarang pemulangan baki dari PIA/PRIA

⁵⁴ Lihat: Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, “*Kitāb al-Buyū*,” (*Bāb Baṭlān Bay*, *al-Ḥuṣāt wa al-Bay*, *Alladhī Fīh Gharār*), j. 1. T.T.P.: T.P., h. 658; Hānī al-Ḥāj (t.t.), *al-Muwatta’ Li Imām Mālik bin Anas*, “*Kitāb al-Buyū*,” (*Bāb Bay*, *al-Gharar*), no. hadith 75, j. 2. T.T.P.: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, h. 134.

⁵⁵ Lihat: Surah al-Baqarah (2): 188; Surah al-Nisā’ (4): 29.

⁵⁶ Lihat: Item 2 di bawah Peruntukan Penarikan Sijil, Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), TISB.

⁵⁷ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*; Wan Mohd Nazman bin Wan Mahmud, *op. cit.*

⁵⁸ *Ibid.*

sepanjang tempoh setahun penyertaannya dalam produk tersebut. Dalam erti kata yang lain, peserta akan pulang dengan „tangan kosong“.

Memang pada dasarnya, apabila terdapat pihak yang membatalkan sijil takaful sebelum tempoh matang, mereka akan kehilangan segala hak dan keistimewaan mengikut sijil takaful berkenaan. Hal ini kerana peserta tersebut telah memungkir kewajipan untuk mengekalkan penyertaan sehingga genap tempoh matang seperti yang diperuntukkan di dalam sijil. Apabila hal ini berlaku, bukan setakat peserta yang membatalkan akad itu kehilangan hak untuk mendapat perlindungan, malahan kepentingan semua peserta lain boleh terjejas. Atas hakikat tersebut, peserta yang mungkir ini tidak boleh mendapatkan kembali sebarang baki wang caruman bagi tempoh yang terbatal.⁵⁹

Walau bagaimanapun, urusan berkontrak di bawah Syariah sentiasa mendahulukan prinsip adil dan ihsan.⁶⁰ Menafikan segala baki wang sumbangan bagi tempoh batal bermakna menimbulkan unsur tidak adil terhadap peserta.

Justeru, penulis berpendapat bahawa pihak syarikat perlu menilai semula mengenai peratusan agihan sumbangan peserta dalam produk Ikhlas Wanita Takaful. Meskipun tidak dinafikan bahawa dari satu sudut, peserta akan mendapat keuntungan *ukhrawi* kerana semua sumbangan yang dimasukkan ke dalam TAP akan menjadi *tabarru*., bagi membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah, selain dari jaminan perlindungan sepanjang tempoh penyertaan tersebut, namun perkara ini juga perlu dilihat dari satu sudut yang lain.

⁵⁹ Mohd Fadzli Yusof, *op. cit.*, h. 11.

⁶⁰ Lihat: Surah al-Nahl (16): 90.

Bukankah wajar sekiranya pada tahun pertama penyertaan, sebahagian sumbangan peserta turut dimasukkan ke dalam PIA, meskipun dari sudut hukum ianya bukanlah sesuatu yang bercanggah dengan Syarak⁶¹ bilamana pada tahun pertama penyertaan jumlah tabungan di dalam akaun peserta (PIA/PRIA) adalah sifar. Namun, atas dasar kemaslahatan⁶² dari sudut memberi keadilan kepada peserta yang terpaksa menarik diri selepas tahun pertama penyertaannya, adalah wajar sekiranya pada tahun pertama penyertaan, sumbangan peserta turut dikreditkan ke dalam PIA/PRIA.

Tambahan pula, menafikan hak peserta untuk mendapatkan semula baki atau sejumlah wang sumbangannya sepanjang tempoh penyertaan tertentu dalam mana-mana produk PTK yang disertainya, meskipun pembatalan sijil takaful tersebut dilakukan oleh peserta itu sendiri, dilihat boleh mengundang persepsi negatif dalam kalangan masyarakat, terutamanya oleh masyarakat Islam. Ini kerana, mereka akan menganggap bahawa tiada bezanya antara produk takaful dengan produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans konvensional. Lebih jauh dari itu, dibimbangi bahawa tanggapan sebegini akan menjauhkan mereka dari produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat takaful, dan akhirnya akan mendorong mereka untuk membeli polisi insurans konvensional yang jelas haram di sisi Islam.

⁶¹ Dato^u Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temubual pada 29 Disember 2010, jam 1.00 petang, di Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws (AIKOL), IIUM. Menurutnya lagi, agihan tersebut mungkin berasaskan kepada perkiraan untung rugi syarikat, memandangkan syarikat takaful yang beroperasi di negara ini merupakan *takāful tijārī* (takaful yang berorientasikan perniagaan).

⁶² Memandangkan peserta takaful merupakan pihak yang menyumbangkan modal menerusi sumbangan yang diberikan dan secara tidak langsung menyediakan peluang perniagaan kepada pengendali takaful, maka membelakangkan kemaslahatan peserta adalah sesuatu yang tidak wajar. Dato^u Mohd Fadzli bin Yusof, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad. Temubual pada 21 Disember 2010, jam 10.30 pagi, di alamat: no. 132 Jalan Pinggiran Za'aba, Taman Tun Dr Ismail, Damansara.

Selain itu, timbul juga persoalan⁶³ di sini mengenai jumlah upah atau yuran perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat ke atas setiap sumbangan peserta. Ini kerana, apa yang dinyatakan dalam Helaian Maklumat Sijil⁶⁴ hanyalah kenyataan secara umum mengenai jumlah sumbangan yang dikreditkan ke dalam akaun peserta (PIA/PRIA) dan TAP, tanpa adanya perincian nisbah peratusan sumbangan yang di ambil bagi tujuan Dana Wakalah/Perbelanjaan, Dana Tabarru⁶⁵ dan juga Dana Khas.⁶⁵ Situasi ini boleh menimbulkan andaian negatif di kalangan peserta mengenai kemungkinan pihak syarikat mengambil kadar upah yang terlalu tinggi, berbanding peratusan yang diambil untuk *tabarru*,⁶⁶ sehingga menyebabkan akaun peserta menjadi sifar pada tahun pertama penyertaannya, sebagaimana realiti yang terpaksa dihadapi oleh mereka yang menyertai pelan Ikhlas Wanita Takaful. Bukankah ianya boleh mendedahkan peserta kepada kemudharatan, bilamana peserta tersebut menarik diri selepas setahun penyertaan?

Apa yang jelas di sini ialah, upah yang dikenakan oleh syarikat di atas kerja yang dilakukan bukanlah *tabarru* ataupun kerja kebajikan yang tidak bertujuan untuk mengambil untung daripada upah pengurusan. Sebaliknya, syarikat ingin menjana keuntungan daripada upah yang dikenakan. Maka, perlulah dijelaskan kepada peserta takaful jumlah atau kadar upah yang dikenakan.⁶⁷

⁶³ Isu ini pernah dibangkitkan oleh Dr. Azman bin Mohd Noor ketika beliau membentangkan kertas kerja bertajuk "Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad". Sila lihat: Azman bin Mohd Noor (2009), "Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad" (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Nikko Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009), h. 18-19.

⁶⁴ Sila lihat: Lampiran B1.

⁶⁵ Ketiga-tiga dana ini merupakan dana yang terdapat di dalam TAP.

⁶⁶ Menurut Dato⁶⁶ Mohd Fadzli Yusof, kebiasaannya peratusan kadar *tabarru*, (berpandukan jadual kemortalan yang diasaskan kepada perkiraan kematian sebenar sejumlah pemegang polisi insurans nyawa mengikut peringkat setiap umur bagi satu tempoh tertentu) yang diambil adalah kecil, iaitu hanya dalam lingkungan 5 hingga 15 peratus daripada jumlah sumbangan peserta. Temubual pada 21 Disember 2010; Lihat juga: Mohd Fadzli Yusof, *op. cit.*, h. 18.

⁶⁷ Azman bin Mohd Noor, *op. cit.*

(d) **Tempoh *khiyar***

Khiyar adalah hak-hak yang berkaitan dengan pihak yang mengadakan transaksi. *Khiyar* diharuskan dengan tujuan untuk memelihara dan menjaga tujuan-tujuan akad. Diantaranya adalah keperluan untuk berfikir panjang dalam mengambil sesuatu tindakan agar terhindar daripada penipuan dan sebagainya.⁶⁸

Tempoh *khiyar* yang diberikan oleh pihak syarikat terhadap peserta yang menyertai mana-mana produk PTK dapat dilihat menerusi peruntukan berikut:

“Di dalam tempoh 15 hari dari tarikh pengeluaran Sijil ini, anda boleh memulangkan Sijil ini kepada Syarikat dan Syarikat akan membatalkannya dengan serta merta setelah penerimaannya. Manakala pemulangan caruman pula akan dibuat setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat. Selepas pemulangan Sijil kepada Syarikat dan pembatalan oleh Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh pengeluarannya”.⁶⁹

Bagi produk-produk berkaitan pelaburan pula, peruntukan berikut menjelaskan:

“Di dalam tempoh 15 hari dari tarikh pengeluaran Sijil ini, Peserta boleh memulangkan Sijil ini kepada Syarikat dan Syarikat akan membatalkannya dengan serta merta setelah penerimaannya dan syarikat akan memulangkan jumlah terkumpul di dalam Dana Unit (Nilai unit-unit pada Tarikh Penilaian selepas Tarikh Pemberitahuan), Caj Perkhidmatan dan Tabarru” yang telah ditolak, dan yuran wakalah, setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat. Selepas pemulangan Sijil kepada Syarikat dan pembatalan oleh Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh pengeluarannya”.⁷⁰

Berdasarkan peruntukan tersebut, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut memberi keadilan terhadap peserta sebagaimana yang

⁶⁸ Hassan Ayub (2008), *Fiqh Muamalah*. Abdurrahman Saleh Siregar (terj.). Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd., h. 172.

⁶⁹ Lihat: Item di bawah Maklumat Penting, Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB.

⁷⁰ *Ibid.*

dikehendaki oleh Islam.⁷¹ Ini kerana, dalam tempoh 15 hari sijil dikeluarkan peserta diberikan masa untuk berfikir dan seterusnya membuat keputusan sama ada ingin meneruskan penyertaan produk tersebut atau sebaliknya. Justeru, tidak timbul di sini unsur paksaan terhadap peserta agar meneruskan penyertaan dalam produk tersebut.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa ia dapat mengelakkan kemudharatan ke atas peserta. Ini kerana mungkin terdapat individu yang menyertai sesuatu produk PTK tanpa berfikir panjang, atau mungkin kerana terikut-ikut dengan orang lain, atau mungkin juga kerana ejen yang menemui individu tersebut tidak menerangkan secara terperinci berkenaan produk yang ditawarkan dari segi pro dan kontranya. Justeru, tempoh khayar ini dapat memberi peluang kepada individu tersebut untuk memikirkan kembali keperluan, kesesuaian, serta kemampuannya menyertai sesuatu produk yang ditawarkan. Ini kerana, penyertaan dalam mana-mana produk PTK membabitkan komitmen kewangan jangka masa panjang kepada peserta. Dari satu sudut yang lain, ianya juga dapat mengelakkan timbulnya perasaan tidak puas hati terhadap peserta kerana merasa tertipu dan sebagainya.

(e) Tempoh ehsan

Sebagaimana yang telah disebut di atas, pada dasarnya pihak yang membatalkan sijil takaful sebelum tempoh matang, mereka akan kehilangan segala hak dan keistimewaan mengikut sijil takaful berkenaan kerana peserta tersebut telah memungkiri kewajipan untuk mengekalkan penyertaannya sehingga genap tempoh matang seperti yang diperuntukkan di dalam sijil.

⁷¹ Lihat: Surah al-Naḥl (16): 90.

Oleh itu, penulis beranggapan bahawa pihak yang gagal menjelaskan bayaran sumbangan sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat juga boleh dikatakan sebagai pihak yang memungkiri kewajipan serta tanggungjawabnya untuk sama-sama lindung-melindungi serta menjamin peserta-peserta yang lain. Ini kerana, dalam operasi takaful konsep *ta'āwun* (saling bantu-membantu), tolong menolong serta bekerjasama dalam perkara kebaikan diadaptasi menerusi kaedah *tabarru* ' (menderma). Justeru, pada dasarnya peserta yang gagal memenuhi kewajipan tersebut tidak berhak untuk mendapat sebarang perolehan manfaat sekiranya ia ditimpa musibah yang dilindungi di bawah produk PTK yang disertainya.

Walau bagaimanapun, selain daripada keperluan undang-undang, syarat dan peraturan sijil takaful perlulah sentiasa berpegang kepada prinsip adil dan ihsan mengikut Syariah, yang mana ianya menjadi tonggak dalam menjaga kepentingan pihak-pihak yang berkontrak.⁷² Oleh kerana itulah, kajian mendapati bahawa wujudnya sedikit kelonggaran dalam soal bayaran sumbangan iaitu tempoh ehsan yang diberikan oleh pihak syarikat kepada peserta yang gagal membayar sumbangan mengikut tarikh yang telah ditetapkan, sebagaimana peruntukan berikut:

“Tempoh ehsan selama 30 hari daripada tarikh akhir perlu bayar adalah dibenarkan bagi membuat pembaharuan caruman dan di dalam keadaan di mana berlakunya kematian ke atas peserta dalam tempoh ehsan tersebut. Sijil ini dianggap masih sah dan berkuatkuasa sepertimana jika pembaharuan Caruman telah dibayar”.

Bagaimanapun, sekiranya tempoh ehsan telah tamat dan pihak syarikat masih belum menerima sebarang wang sumbangan dari peserta, maka peruntukan di bawah ini menjelaskan:⁷³

“Apabila tempoh ehsan telah tamat dan pembaharuan Caruman masih belum berbayar, maka Syarikat berhak seperti yang telah dipersetujui di

⁷² Mohd Fadzli Yusof, *op. cit.*, h. 9.

⁷³ Lihat: Item 1 di bawah Peruntukan Apabila Tiada Bayaran, Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), TISB.

dalam Aqad untuk mendahulukan “sejumlah amaun dari akaun yang berkenaan” untuk membayar Tabarru” dan sijil akan “berkuatkuasa di bawah PIA” sehinggalah amaun di dalam PIA tidak mampu untuk membayar Tabarru” tersebut. Dalam tempoh ini Sijil akan terus berkuatkuasa dan jika pembaharuan Caruman masih belum berbayar selepas amaun PIA menjadi tidak cukup untuk dimajukan lagi, maka Sijil ini akan menjadi luput dan tidak bernilai”

Berdasarkan huraian di atas, nyatalah bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī‘ah* dari sudut memberi kemudahan kepada peserta yang tidak dapat menjelaskan bayaran sumbangan dalam tempoh tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat. Ini kerana, kegagalan untuk menjelaskan bayaran sumbangan tersebut mungkin disebabkan oleh halangan-halangan tertentu seperti keadaan di mana peserta kesempitan wang pada ketika itu dan seumpamanya.

Sebagai contoh,⁷⁴ terdapat satu kes di mana isteri kepada seorang peserta yang tidak menjelaskan bayaran sumbangan selama 5 bulan berturut-turut sebelum kematiannya, telah memperolehi tuntutan manfaat dari TISB sebanyak kira-kira RM100,000. Hal ini kerana, semakan yang telah dibuat oleh pihak syarikat mengenai status sijil takaful peserta berkenaan, mendapati bahawa sijil takafulnya masih lagi berkuatkuasa di bawah peruntukan apabila tiada bayaran. Keadaan tersebut telah melayakkan warisnya untuk menerima perolehan manfaat takaful yang telah disertainya. Di sinilah terbuktinya keindahan Islam yang sentiasa mendahulukan prinsip adil dan ehsan serta memberi kemudahan terhadap peserta yang menyertai mana-mana produk takaful.

⁷⁴ Hisham bin Hamzah, *op. cit.*

(f) Penama dan Penama Cadangan Hibah

Selain dari borang penama, pihak syarikat turut menyediakan borang penama cadangan *hibah* untuk peserta sekiranya mereka bercadang meng*hibah*kan manfaat pelan takaful yang disertainya apabila mereka meninggal dunia. Meskipun pada dasarnya *hibah* boleh diberikan kepada sesiapa sahaja, namun bagi menjaga dan memelihara kebajikan waris terdekat, maka pihak syarikat telah mensyaratkan dan mengkhususkan bahawa individu yang ingin dicadangkan sebagai penerima *hibah* perlulah terdiri samada ibu bapa, pasangan yang sah, anak dan adik beradik.⁷⁵ Kenyataan mengenai penama cadangan hibah ini dapat dilihat menerusi peruntukan berikut:

“Penama Cadangan Hibah adalah seperti yang tercatat di dalam borang cadangan hibah kecuali kemudiannya diubah seperti yang tertakluk di bawah Fasal Perubahan Penama Cadangan Hibah adalah merupakan individu atau individu-individu yang dinamakan oleh Pemilik Sijil untuk menerima manfaat kematian apabila berlaku kematian ke atas pemilik Sijil sebelum Sijil Takaful matang”.⁷⁶

Antara kesan serta kelebihan daripada penggunaan akad *hibah* ini ialah harta yang telah di*hibah* akan terkeluar daripada harta pusaka dan tidak tertakluk kepada pembahagian harta pusaka atau faraid. Selain itu, harta tersebut tidak boleh dituntut oleh ahli waris yang lain.⁷⁷ Ini kerana, penama yang dicadangkan oleh peserta hanya bertindak sebagai pemegang amanah di dalam menguruskan perolehan manfaat yang diterima, sepertimana yang dinyatakan di dalam peruntukan berikut:

“Penama adalah seperti yang tercatat di dalam borang penama kecuali kemudiannya diubah seperti yang tertakluk di bawah Fasal Perubahan Penama adalah merupakan individu atau individu-individu yang

⁷⁵ Sila lihat: Lampiran B2.

⁷⁶ Lihat: Item 5 di bawah Peruntukan Pemilikan, Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), TISB.

⁷⁷ Wan Jemizan Wan Deraman (2009): “Pelaksanaan *hibah* dalam konteks operasi Takaful”. *Utusan Malaysia (Mega)*: September 30, h. 11.

dinamakan oleh Pemilik Sijil bertanggungjawab untuk bertindak sebagai pemegang amanah di dalam menguruskan manfaat yang diberikan”.⁷⁸

Justeru, penama yang dicadangkan oleh peserta hanyalah merupakan pihak yang diamanahkan untuk menguruskan harta peserta selepas kematiannya. Pada masa yang sama, penama yang dicadangkan juga tidak boleh mengambil atau menerima manfaat takaful tersebut sekiranya ia bukan dari kalangan ahli keluarga atau waris yang berhak menerima pembahagian harta pusaka.

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian mendapati bahawa wujudnya elemen *maqāsid al-Sharī'ah* di mana penggunaan akad *hibah* serta pengkhususan mengenai individu yang ingin dicadangkan sebagai penerima *hibah* ini sebenarnya memudahkan lagi urusan penerimaan manfaat takaful oleh waris atau ahli keluarga peserta dikemudian hari. Kajian juga mendapati bahawa ianya dapat mengelakkan berlakunya perebutan harta, perbalahan sesama mereka, pengkhianatan atau jatuhnya harta tersebut ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab. Maka dari sudut ini, ianya dilihat dapat memelihara kemaslahatan harta yang merupakan salah satu daripada *al-ḍarūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas).

Berdasarkan huraian terdahulu,⁷⁹ telah dijelaskan bahawa Islam memelihara kemaslahatan harta melalui dua cara. Pertama, secara positif iaitu dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya. Justeru, bagi mendapatkan harta Islam mewajibkan kita agar berusaha mencari rezeki dan mensyariatkan muamalat sesama manusia seperti berjual beli, sewa menyewa, *hibah* dan sebagainya. Kedua, secara negatif iaitu dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapus, merosak atau mengganggu kepentingan tersebut bagi. Justeru, bagi

⁷⁸ Lihat: Item 3 di bawah Peruntukan Pemilikan, Sijil “Ikhlās Wanita Takaful” (2009); Sijil “Ikhlās Savings Takaful” 92009), TISB.

⁷⁹ Sila lihat bab 1, h. 36.

memeliharanya diharamkan memakan harta orang lain dengan cara yang batil seperti mencuri, berjudi, riba, rasuah, khianat dan sebagainya.

Jelasnya, penggunaan akad *hibah* dapat memelihara kemaslahatan harta berdasarkan dua kaedah. Pertama, mendapatkan harta dengan cara pemberian (*hibah*) itu sendiri. Kedua, menghindari serta menolak kemudharatan yang boleh mengganggu kemaslahatan harta, iaitu dengan cara mengkhuskan penerima cadangan *hibah* bagi mengelakkan berlakunya perbalahan, penipuan dan pengkhianatan.

4.3 KESIMPULAN

Kewujudan elemen-elemen *maqāsid al-Shari'ah* berdasarkan manfaat produk-produk Pelan Takaful Keluarga berserta terma dan syarat yang terkandung di dalam sijil (polisi) dapat diringkaskan menerusi jadual berikut:

Jadual 4.1 : Elemen-elemen *Maqasid al-Shari'ah* Berdasarkan Manfaat Pelan Asas Takaful Keluarga

NAMA PRODUK (PELAN ASAS)	MANFAAT	ELEMEN MAQASID AL-SHARI'AH
1. Ikhlas Savings Takaful	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Tempoh matang - Pengeluaran sebahagian wang tunai 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan dan meringankan bebanan - Memudahkan
2. Ikhlas Education Takaful	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Tempoh matang - <i>Pengecualian</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan dan meringankan bebanan - Meringankan bebanan

	<p><i>sumbangan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengeluaran sebahagian wang tunai - <i>Anugerah pencapaian cemerlang</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Memudahkan - <i>Mukammilāt</i> pemeliharaan terhadap kemaslahatan akal
3. Ikhlas Education Takaful Classic	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Tempoh matang - Pengeluaran sebahagian wang tunai - <i>Anugerah pencapaian cemerlang</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan dan meringankan bebanan - Memudahkan - <i>Mukammilāt</i> pemeliharaan terhadap kemaslahatan akal
4. Ikhlas Lifestyle Takaful	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Tempoh matang - Pengeluaran sebahagian wang tunai - <i>Pemeriksaan perubatan percuma</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan dan meringankan bebanan - Memudahkan - Menolak kemudharatan, memelihara kemaslahatan nyawa
5. Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Pengeluaran sebahagian wang tunai 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan, meringankan bebanan dan memelihara kemaslahatan harta - Memudahkan

<p>6. Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - Pengeluaran sebahagian wang tunai 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan, meringankan bebanan dan memelihara kemaslahatan harta - Memudahkan
<p>7. Ikhlas Wanita Takaful</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian / TPD - <i>Perlindungan terhadap penyakit kanser khusus dan penyakit wanita yang lain</i> - <i>Faedah kehamilan (untuk Pelan A dan B sahaja)</i> - Pengeluaran sebahagian wang tunai - <i>Faedah hayat</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan, meringankan bebanan - Menolak kemudharatan, memelihara kemaslahatan nyawa dan keturunan - Memudahkan - Meringankan bebanan
<p>8. Ikhlas Senior Citizen Takaful</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kematian biasa - Kematian akibat kemalangan 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi keadilan, meringankan bebanan

Jadual 4.2 : Elemen-elemen *Maqasid al-Shari'ah* Berdasarkan Manfaat

Pelan Tambahan (*Rider*) Takaful Keluarga

NAMA PRODUK (<i>RIDER</i>)	MANFAAT	ELEMEN MAQASID AL-SHARI'AH
1. Ikhlas Critical Illness Takaful Rider	- 40 penyakit kritikal - Tempoh matang	- Meringankan bebanan, menolak kemudharatan, dan memelihara kemaslahatan nyawa - Meringankan bebanan
2. Ikhlas Accidental Death and Disability Takaful Rider	- Kematian akibat kemalangan - TPD akibat kemalangan - PPD akibat kemalangan - Tempoh matang	- Meringankan bebanan
3. Ikhlas Waiver Of Contribution Takaful Rider	- Pengecualian sumbangan - Tempoh matang - Pengeluaran sebahagian wang tunai	- Meringankan bebanan dan memudahkan - Meringankan bebanan - Memudahkan
4. Ikhlas Payor Savings Takaful Rider	- Kematian / TPD - Tempoh matang - Penyakit kritikal	- Meringankan bebanan - Meringankan bebanan, menolak kemudharatan, dan memelihara kemaslahatan nyawa
5. Ikhlas Term Takaful	- Kematian / TPD	- Meringankan bebanan

Rider	- Tempoh matang	
6. Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider	- Manfaat hospital	- Meringankan bebanan, menolak kemudharatan, dan memelihara kemaslahatan nyawa
7. Ikhlas Immediate Death Expenses Takaful Rider	- Kematian	- Meringankan bebanan
8. Ikhlas Family Income Takaful Rider	- Kematian / TPD - Penyakit kritikal	- Meringankan bebanan - Meringankan bebanan, menolak kemudharatan, dan memelihara kemaslahatan nyawa

Universiti Malaysia

Jadual 4.3 : Elemen-elemen *Maqasid al-Shari'ah* Berdasarkan Terma dan Syarat

TERMA DAN SYARAT	ELEMEN MAQASID AL-SHARI'AH
a. Pilihan tempoh matang	- Memudahkan
b. Pengecualian perolehan bayaran manfaat	- Memberi keadilan
c. Sumbangan dan <i>tabarru'</i> peserta - <i>Tabarru'</i> bersyarat - Kaedah bayaran sumbangan	- Memberi keadilan - Memudahkan
d. Tempoh <i>khiyar</i>	- Memberi keadilan - Menolak kemudharatan
e. Tempoh ehsan	- Memudahkan
f. Penama dan Penama Cadangan <i>Hibah</i>	- Memudahkan - Menolak kemudharatan - Memelihara kemaslahatan harta

BAB

LIMA

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi kesimpulan kepada jawapan-jawapan kajian yang telah diperolehi menerusi penganalisaan yang telah dilakukan pada bab yang lepas. Bagi mengukuhkan serta mengesahkan lagi dapatan kajian, penulis juga telah menemubual tiga orang individu⁸⁰ yang berpengalaman luas serta mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Seterusnya, beberapa saranan untuk pihak-pihak yang berkenaan turut dikemukakan di akhir bab ini.

5.2 KESIMPULAN KAJIAN

Hasil penganalisaan terhadap data-data yang telah diperolehi menerusi temubual, penelitian terhadap sijil-sijil Takaful Keluarga, risalah-risalah produk, laman web rasmi TISB, serta perkhidmatan IkhlasCare memperlihatkan bahawa elemen-elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* yang wujud dalam produk-produk PTK di TISB adalah seperti berikut:

(i) Pemeliharaan *al-Daruriyyat al-Khams*

⁸⁰ Individu yang penulis maksudkan ialah Dato[™] Mohd Fadzli bin Yusof, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad; Dato[™] Mokhtar bin Shafii, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan juga Dato[™] Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; juga ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

Objektif umum pensyariatian hukum-hakam Islam adalah untuk merealisasikan kemaslahatan hambaNya, iaitu dengan memelihara perkara-perkara *darūriyyāt*, memenuhi *hājīyyāt* dan juga *taḥsīniyyāt* mereka. Berdasarkan keutamaan, pemeliharaan terhadap kemaslahatan *al-darūriyyāt* merupakan objektif utama pensyariatian, diikuti oleh *al-hājīyyāt* dan seterusnya *al-taḥsīniyyāt*. Kajian secara terperinci dan menyeluruh (*istiqrāʾ*) yang dilakukan oleh para ulama⁸¹, mendapati bahawa kemaslahatan yang hendak dipelihara oleh Syariat Islam menerusi pensyariatian segala hukum-hakamnya adalah terhadap lima perkara yang dikenali sebagai *al-darūriyyāt al-khams*, iaitu penjagaan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan juga harta.

Sejauh mengenai kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-Sharīʿah* dari sudut pemeliharaan terhadap *al-darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) ini, secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa elemen-elemen *maqāṣid al-Sharīʿah*⁸¹ dari sudut pemeliharaan terhadap kemaslahatan agama, jiwa, akal, keturunan dan juga harta sememangnya wujud dalam produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan di TISB, biarpun ada di antara elemen tersebut yang hanya boleh dianggap sebagai elemen pelengkap (*mukammilāt*) kepada *maqāṣid al-darūriyyāt* tersebut.

Dari sudut penjagaan terhadap agama, jika ditinjau satu persatu produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh TISB, kita akan dapati bahawa seolah-olah tidak terdapat satu pun produk yang secara khususnya dikatakan dapat memelihara kemaslahatan agama. Namun begitu, jika dilihat secara total, kita akan dapati bahawa

⁸¹ Menurut Dato⁸¹ Mokhtar bin Shafii (Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.), pada asasnya, elemen-elemen *maqāṣid al-Sharīʿah* dalam produk-produk takaful sememangnya wujud. Temubual pada 23 Disember 2010, jam 4.00 petang, di pejabat PERKIM, Masjid Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya; Sementara menurut Dato⁸¹ Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad (Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa; juga ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur), secara teorinya, *maqāṣid al-Sharīʿah* ini sememangnya wujud dalam produk-produk takaful malah atas dasar *maqāṣid al-Sharīʿah* jugalah, maka Takaful di negara ini diwujudkan. Temubual pada 29 Disember 2010, jam 1.00 petang, di Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws (AIKOL), IIUM.

kesemua produk-produk Takaful Keluarga yang terdapat di TISB sebenarnya mengandungi elemen pemeliharaan terhadap kemaslahatan agama.⁸² Ini kerana, produk-produk Takaful Keluarga yang ditawarkan di TISB merupakan alternatif kepada produk-produk insurans hayat atau insurans nyawa yang ditawarkan oleh pihak syarikat insurans konvensional yang telah jelas haram kerana ianya mengandungi unsur-unsur *gharar* (ketidaktentuan), *maysir* (judi) dan *riba* sebagaimana yang telah diputuskan dalam Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-16 pada 15-16 Februari 1979.

Dari satu sudut, penulis berpendapat bahawa sekiranya perolehan manfaat yang diterima oleh peserta atau ahli keluarganya digunakan dengan sebaik-baiknya, misalnya untuk mengerjakan haji, maka secara tidak langsung ianya juga dapat menjadi pelengkap terhadap *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut pemeliharaan terhadap agama. Sebagaimana ibu kepada allahyarham Jamilah Johari, iaitu Hasnah Jusoh yang telah menerima cek pampasan Takaful Ikhlas berjumlah RM 41,453.57, yang berhasrat untuk menunaikan haji bersama suaminya dengan menggunakan sebahagian wang pampasan tersebut.⁸³

Sementara itu, kajian mendapati bahawa kewujudan elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut penjagaan terhadap jiwa terdapat dalam produk-produk PTK yang berkaitan dengan perlindungan perubatan dan kesihatan. Produk tersebut ialah Ikhlas Lifestyle Takaful, Ikhlas Wanita Takaful, Ikhlas Critical Illness Takaful Rider dan Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider. Kajian mendapati bahawa manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk tersebut dapat memelihara kemaslahatan jiwa dari sudut

⁸² Menurut Dato[™] Mokhtar bin Shafii, pemeliharaan terhadap agama menerusi produk-produk Takaful Keluarga hanya merupakan sebahagian kecil sahaja daripada usaha ke arah tersebut, selain dari usaha-usaha dakwah dan sebagainya, *op. cit.*

⁸³ Sila lihat: <http://www.takaful-ikhlas.com.my/mediaCenter/newsDetail.asp?intID=586>, 18 November 2010.

menolak kemudharatan yang boleh mengancam kemaslahatannya. Sebagai contoh, perolehan manfaat yang diterima oleh peserta yang disahkan menghidap penyakit kritikal dapat digunakan untuk menjalani rawatan atau membeli ubat-ubatan yang diperlukan. Maka, rawatan yang dijalankan boleh dianggap sebagai usahanya untuk memulihkan penyakit yang dihadapi, yang secara tidak langsung dapat memelihara kemaslahatan jiwa. Ianya amat bertepatan dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya agar sentiasa berusaha memelihara diri serta menjauhkan diri dari perkara yang boleh membawa kepada kebinasaan.

Dari sudut penjagaan terhadap kemaslahatan akal pula, kajian mendapati bahawa kewujudan elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut penjagaan terhadapnya terdapat dalam produk-produk PTK yang berkaitan dengan tabungan pendidikan iaitu Ikhlas Education Takaful dan Ikhlas Education Takaful Classic. Namun begitu, kajian mendapati bahawa elemen *maqāsid al-Sharī'ah* yang wujud dalam produk-produk tersebut menerusi manfaat yang ditawarkan hanyalah merupakan elemen pelengkap (*mukammilāt*) kepada *al-ḍarūriyyāt*. Ini kerana, perolehan manfaat yang diterima oleh peserta ketika genap tempoh matang hanyalah sebagai *waṣīlah* atau perantara yang dapat digunakan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan cara tersebut, secara tidak langsung ia telah melakukan sesuatu yang boleh mendorong kepada pengembangan serta penyuburan akal fikirannya iaitu dengan cara menuntut ilmu, sebagaimana yang digalakkan oleh Islam.

Seterusnya, kajian mendapati bahawa terdapat satu-satunya produk PTK yang mengandungi elemen *maqāsid al-Sharī'ah* dari sudut pemeliharaan terhadap keturunan, iaitu Ikhlas Wanita Takaful. Menerusi kepelbagaian manfaat yang ditawarkan iaitu antaranya perlindungan terhadap penyakit-penyakit khusus wanita seperti kanser rahim,

kanser ovari dan sebagainya, maka rawatan yang dijalankan boleh dikatakan sebagai salah satu usaha untuk menolak kemudharatan yang boleh menghalang serta menjejaskan berlakunya proses kehamilan dan seterusnya kelahiran yang mana ianya amat penting demi menjamin kesinambungan generasi dan juga keturunan.

Manakala dari sudut penjagaan terhadap kemaslahatan harta, kajian mendapati bahawa kewujudan elemen *maqāsid al-Sharī'ah* terhadap pemeliharaan kemaslahatannya, secara khusus terdapat dalam produk-produk yang berkaitan dengan pelaburan, iaitu Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful dan Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful, yang mana kedua-dua produk ini boleh dianggap sebagai instrumen pengembangan serta penyuburan harta. Begitu juga dengan borang penama cadangan *hibah* serta pengkhususan terhadap individu yang hendak dicadangkan sebagai penerima *hibah* juga dilihat dapat memelihara kemaslahatan harta dengan dua cara, sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Pertama, perolehan harta menerusi pemberian (*hibah*) itu sendiri. Kedua, menolak kemudharatan seperti perbalahan, penipuan dan pengkhianatan dengan cara mengkhususkan penama cadangan hibah.

(ii) Meringankan Bebanan

Tujuan utama pelaksanaan skim takaful menerusi kepelbagaian produk yang ditawarkan adalah untuk memberikan perlindungan serta bantuan kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah. Bantuan yang akan diberikan kepada peserta tersebut adalah dalam bentuk kewangan yang diperolehi menerusi sumbangan *tabarru*., yang diberikan oleh semua peserta takaful. Bertepatan dengan tujuan pelaksanaan skim takaful inilah, maka kajian mendapati bahawa kesemua produk-produk PTK yang

ditawarkan oleh TISB dapat meringankan bebanan terhadap peserta atau ahli keluarga peserta yang ditimpa musibah.

Jika berlaku kematian ke atas peserta sebelum genap tempoh matang, maka perolehan manfaat yang diterima oleh ahli keluarga atau warisnya dapat digunakan untuk menyara dan meneruskan kehidupan mereka. Begitu juga sekiranya berlaku TPD ke atas peserta. Perolehan manfaat yang diterima oleh peserta yang disahkan menghidap penyakit kritikal pula dapat meringankan bebanan kos rawatan serta belanja ubat-ubatan yang terpaksa ditanggung. Ringkasnya, apa jua manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk PTK sama ada berbentuk khairat kematian, manfaat hospital, manfaat pengecualian sumbangan, kesemuanya ini dapat meringankan bebanan mana-mana peserta yang ditimpa musibah.

(iii) Menolak Kemudharatan

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tujuan utama pensyarian adalah untuk mendatangkan kemaslahatan kepada umat manusia dalam kehidupan ini, iaitu dengan cara mendatangkan manfaat kepada mereka dan juga menolak keburukan serta kemudharatan dari mereka. Maka, sebagai salah satu instrumen perlindungan kewangan Islam, kajian mendapati bahawa produk-produk PTK yang ditawarkan di TISB bukan saja dapat meringankan bebanan, malah ianya juga dapat menolak kemudharatan terhadap peserta yang ditimpa musibah. Ianya dapat dijelaskan menerusi perkara-perkara berikut:

Pertama, balu yang tidak bekerja serta anak-anak yang masih kecil yang ditinggalkan oleh individu yang telah membuat persiapan bagi menghadapi sebarang ketidaktentuan dalam hidupnya, pastinya tidak merasa terbeban, terhimpit, hidup

melarat dan menagih simpati dari orang lain, yang ternyata bercanggah dengan ajaran Islam. Ini kerana, perolehan manfaat yang diterima dapat digunakan oleh ahli keluarga atau waris yang ditinggalkan untuk mereka meneruskan kehidupan dengan sebaik-sebaiknya.

Kedua, perolehan manfaat yang diterima oleh peserta yang disahkan menghidap penyakit kritikal dapat digunakan untuk membiayai kos rawatan serta ubat-ubatan. Selain dapat mengurangkan penderitaan penyakit yang ditanggung, penyakit yang dihidapi juga dapat dibendung dan dikawal agar ianya tidak menjadi lebih parah dan mengancam keselamatan nyawa.

Ketiga, pengecualian bayaran sumbangan akibat berlakunya kematian, TPD atau penyakit kritikal terhadap peserta atau pembayar, dapat menolak kemudharatan dan kesusahan yang mungkin timbul akibat dari kejadian-kejadian tersebut. Apatah lagi sekiranya peserta adalah kanak-kanak yang masih bersekolah, atau isteri yang tidak bekerja.

Keempat, menerusi borang penama cadangan *hibah* serta pengkhususan individu yang ingin dicadangkan sebagai penerima *hibah*, maka unsur-unsur negatif seperti perbalahan, perebutan harta si mati, pengkhianatan, penipuan serta perasaan tidak puas hati dapat dielakkan.

(iv) Memudahkan

Islam sebagai agama yang mementingkan kemaslahatan hambaNya sentiasa menginginkan kemudahan terhadap mereka dalam menjalani kehidupan di atas muka

bumi ini. Melihat kepada produk-produk yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., kita akan dapati bahawa wujudnya elemen *maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut memberi kemudahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Ianya dapat dilihat menerusi perkara-perkara berikut:

Pertama, peserta dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian wang tunai dari PIA setelah sijil berkuatkuasa untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

Kedua, borang penama cadangan *hibah* yang disediakan oleh pihak syarikat kepada peserta yang bercadang untuk *menghibahkan* perolehan manfaat setelah kematiannya, dapat memudahkan urusan pemberian serta pengagihan harta (perolehan manfaat) kepada waris atau ahli keluarga peserta.

Ketiga, peserta yang gagal menjelaskan bayaran sumbangan selepas tamat tempoh perlu bayar akan diberikan „tempoh ehsan“ selama 30 hari bagi membuat pembaharuan caruman serta „tempoh tanpa bayaran“ (selepas tempoh ehsan) di mana sejumlah amaun dari akaun PIA akan di ambil untuk membayar *tabarru*., sehingga ianya tidak lagi mencukupi untuk membayar *tabarru*., tersebut. Kelonggaran serta kemudahan yang diberikan ini bagi memastikan sijil terus berkuatkuasa.

Keempat, dalam urusan pembayaran sumbangan bagi pelan perlindungan yang disertai, peserta boleh memilih sama ada ingin membayar secara tahunan, setengah tahun, suku tahun, atau secara bulanan bergantung kepada kehendak peserta. Bayaran juga boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti pemotongan gaji melalui Biro Angkasa, kad kredit dan sebagainya.

(v) Keadilan

Islam amat mementingkan keadilan sesama manusia dalam setiap urusan kehidupan yang dilakukan. Melihat kepada produk-produk PTK yang ditawarkan oleh TISB, kita akan dapati bahawa wujudnya elemen keadilan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Ianya dapat dilihat menerusi perkara-perkara berikut:

Pertama, peserta yang menarik diri atau membatalkan akad sijil yang disertainya berhak untuk mendapatkan kembali baki sumbangan terkumpul dalam PIA yang telah dibayar sepanjang tempoh penyertaannya. Malah, waris peserta yang menyertai mana-mana produk takaful yang meninggal dunia kerana membunuh diri⁸⁴ juga berhak mendapatkan semula baki dalam PIA beserta keuntungan pelaburan, sekiranya ada.

Kedua, perolehan manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk PTK adalah manfaat tetap, iaitu sama ada peserta ditimpa musibah atau sebaliknya sehingga genap tempoh matang. Sekiranya peserta ditimpa musibah sama ada berlaku kematian, TPD, atau disahkan menghidap penyakit kritikal, maka jumlah perlindungan beserta baki terkumpul dalam PIA termasuk keuntungan bersih pelaburan akan diberikan kepada peserta atau warisnya. Sekiranya peserta ditakdirkan masih hidup sehingga genap tempoh matang, maka jumlah terkumpul dalam PIA termasuk keuntungan bersih pelaburan akan diberikan kepada peserta. Ini bererti, dalam apa jua keadaan peserta mendapat jaminan bahawa ia akan mendapat semula wang sumbangannya.

⁸⁴ Berbeza dengan insurans konvensional yang turut memberikan pampasan terhadap kematian yang diakibatkan oleh perbuatan membunuh diri, pengendali takaful hanya memulangkan jumlah sumbangan yang terkumpul di dalam akaun peserta.

Ketiga, bayaran sumbangan serta *tabarru*., yang perlu dibayar oleh peserta mestilah sepadan dan bersesuaian dengan risiko yang dibawa. Peserta yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi yang dinilai berdasarkan umur, tahap kesihatan dan juga jenis pekerjaannya akan dikenakan kadar sumbangan yang setimpal dengan risiko yang dibawa olehnya.

Keempat, perolehan manfaat hanya akan dibayar kepada peserta yang benar-benar layak sahaja. Peserta yang meninggal dunia atau mengalami kecederaan yang berpunca dari perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti membunuh diri, kematian akibat penyalahgunaan dadah, atau kerana dijangkiti AIDS, atau kerana kesalahan jenayah dan sebagainya, tidak berhak untuk menerima bayaran manfaat kerana ianya jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Kelima, setelah sijil dikeluarkan peserta diberi tempoh khiyar selama 15 hari iaitu sama ada ingin membatalkan atau meneruskan penyertaan sesuatu produk. Ini bermakna, peserta berhak membuat pilihan dan pihak syarikat tidak boleh memaksa peserta untuk meneruskan akad sekiranya peserta berhasrat ingin membatalkannya. Di sinilah terletaknya keadilan yang dikehendaki oleh Islam.

(vi) Ketelusan

Sistem takaful, sepertimana yang diamalkan dikebanyakan negara Islam pada masa kini merupakan skim perlindungan yang bercirikan Islam, yang bebas dari unsur-unsur yang jelas haram di sisi Islam iaitu *gharar* (ketidakpastian), *riba* dan juga *maysir*

(judi). Dengan ketiadaan unsur *gharar* tersebut, maka dapat kita fahami bahawa sistem takaful adalah satu sistem yang telus dan tidak menyembunyikan fakta.

Melihat kepada produk-produk PTK yang ditawarkan oleh TISB menerusi terma dan syaratnya, kita akan dapati bahawa wujudnya elemen ketelusan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Ianya dapat dilihat menerusi perkara-perkara berikut:

Pertama, setiap produk PTK yang ditawarkan oleh TISB mempunyai sijil (polisi) yang tersendiri dan ianya berbeza antara suatu produk dengan produk yang lain. Dalam sijil tersebut, segala maklumat yang berkaitan dengan produk termasuk terma dan syarat serta pengecualian bayaran manfaat dinyatakan dengan jelas.

Kedua, peruntukan sumbangan peserta ke dalam PIA/PRIA dan TAP dinyatakan dengan jelas sepertimana yang disebut pada bahagian akad. Gambaran secara menyeluruh mengenai pengagihan sumbangan juga dapat dilihat menerusi Helaian Maklumat Sijil (seperti dalam Lampiran B1). Namun, terdapat kesamaran (*jahālah*) mengenai kadar upah yang dikenakan oleh syarikat ke atas setiap sumbangan peserta, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab yang lalu.⁸⁵

Ketiga, pada bahagian akad, terdapat perakuan oleh peserta yang menyatakan bahawa mereka bersetuju dan membenarkan pihak syarikat untuk mengurus dan mengambil sejumlah peratusan untuk diambil sebagai fi (yuran) *wakālah*.

(vii) Melahirkan Kebahagiaan

Islam menggalakkan umatnya agar mencari kebahagiaan hidup di dunia dan di

⁸⁵ Sila lihat: bab 4, h. 197-201.

akhirat. Namun, kebahagiaan tersebut tidak akan datang dengan sendirinya tanpa adanya usaha bagi mendapatkannya. Justeru, merancang kehidupan serta membuat persiapan dalam menghadapi ketidakpastian hidup demi memperolehi kebahagiaan merupakan satu langkah yang bijak.

Justeru, berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati bahawa produk-produk PTK di TISB yang menawarkan pelbagai kelebihan serta manfaat kepada para pesertanya dari sudut pemeliharaan terhadap *al-darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas), meringankan bebanan, menolak kemudharatan, memberi kemudahan, memberi keadilan serta telus ini dilihat dapat melahirkan serta membuahkan kebahagiaan yang dicari, sepertimana yang dikehendaki oleh Islam.

5.3 SARANAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat, berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan, pihak Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan juga masyarakat.

5.3.1 Saranan kepada kerajaan

(i) Mewajibkan satu pelan takaful bagi setiap keluarga

Bagi kebanyakan masyarakat, keperluan memiliki perlindungan takaful bukanlah suatu kewajipan. Dengan erti kata yang lain, seseorang individu itu bebas serta mempunyai pilihan samada ingin mengambil perlindungan takaful atau sebaliknya. Namun, jika dilihat senario pada ketika ini, penulis berpendapat bahawa

memiliki perlindungan takaful bukan lagi merupakan suatu pilihan, malah sudah menjadi suatu kewajipan yang mesti dimiliki.

Sepertimana kerajaan mewajibkan agar setiap pemilik kenderaan dan juga pembeli rumah di negara ini menginsuranskan harta tersebut, penulis berpendapat bahawa kerajaan juga perlu mewajibkan setiap keluarga agar memiliki sekurang-kurangnya satu polisi takaful yang merupakan keperluan, terutama sekali takaful berkaitan kesihatan dan juga pendidikan tinggi anak-anak. Ini kerana, kos membiayai rawatan⁸⁶ serta kos pengajian tinggi semakin meningkat dari masa ke semasa. Jika langkah segera tidak di ambil, dikhuatiri masalah yang lebih besar akan timbul pada masa hadapan dan akhirnya akan menjadi beban yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Tambahan pula, jika dilihat susunan terhadap lima kepentingan asas yang dipelihara oleh Syarak, para ulama⁸⁷ meletakkan penjagaan terhadap nyawa pada kedudukan yang kedua selepas penjagaan terhadap agama. Sementara penjagaan terhadap harta pula menduduki tangga yang kelima (terakhir), iaitu selepas penjagaan agama, nyawa, akal dan keturunan. Ini menunjukkan betapa nyawa itu sebenarnya lebih berharga dan bernilai daripada harta.

Tambahan pula dalam arus kemodenan dan kemajuan pada ketika ini, kejadian jenayah juga dilihat semakin berleluasa. Kes-kes jenayah seperti pembunuhan,⁸⁷ meragut sehingga mengakibatkan kematian serta pembuangan bayi yang sering terpampang di dada-dada akhbar seolah-olah sudah menjadi suatu kebiasaan. Begitu juga dengan kemalangan jalan raya yang kerap berlaku pada musim-musim perayaan.

⁸⁶ Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), kos perubatan yang tinggi di hospital swasta kini menjadi punca utama kegagalan pembayaran balik pinjaman bank dan kad kredit oleh individu. Sila lihat: Berita Harian, November 22, 2010: 1 "Parah bil hospital".

⁸⁷ Antaranya, sila lihat: Utusan Malaysia, September 9, 2010: 1 "Ustazah, anak dibunuh".

Ianya bukan sahaja sering meragut nyawa, malah mengakibatkan lebih ramai kanak-kanak di negara ini kehilangan tempat bergantung.⁸⁸ Statistik kemalangan jalan raya bagi tempoh 10 tahun (1998-2007) menunjukkan bahawa meskipun angka kemalangan menunjukkan penurunan, namun pada masa yang sama jumlah kematian akibat kemalangan kekal berada pada tahap yang membimbangkan.⁸⁹ Bukan bertujuan untuk menafikan ketentuan Ilahi, namun setidak-tidaknya statistik tersebut memberi kesedaran kepada kita betapa perlu dan pentingnya untuk membuat persiapan dan persediaan dalam menghadapi hari-hari mendatang terutamanya demi insan tersayang dengan menyertai mana-mana PTK yang ditawarkan oleh pengendali takaful di negara ini.

Kita wajar mencontohi sikap rakyat di negara maju seperti Jepun yang mana tahap kesedaran mengenai keperluan mengambil perlindungan insurans adalah sangat tinggi. Kenyataan ini berdasarkan bahawa kadar penembusan insurans hayat di Jepun adalah 400 peratus, atau dengan erti kata yang lain setiap seorang penduduk di Jepun secara puratanya memiliki empat pelan perlindungan.⁹⁰

5.3.2 Saranan kepada TISB

(i) Memperluaskan ruang lingkup produk

Pemberian insentif anugerah pelajar cemerlang perlu diperluaskan kepada pelajar yang cemerlang dalam STPM dan juga graduan IPT yang mendapat keputusan cemerlang agar dengannya dapat menarik minat lebih ramai masyarakat terutamanya generasi muda untuk menyertai produk-produk PTK. Dari satu sudut, ianya juga dapat

⁸⁸ Sila lihat: Utusan Malaysia, Februari 22, 2010: 15 “Kemalangan: Lebih 300,000 jadi yatim”.

⁸⁹ Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, <http://www.jkjr.gov.my/statistik.html>, pada 20 Disember 2009.

⁹⁰ Sila lihat: Berita Harian, November 22, 2010: 26 “Insurans hayat diramal berpotensi berkembang”.

memberi galakan kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

(ii) Sentiasa mengutamakan kemaslahatan peserta

Pertama, memperhalusi semula peruntukan sumbangan peserta ke dalam PIA/PRIA dan TAP sebagaimana yang terdapat dalam produk Ikhlas Wanita Takaful. Adalah wajar sekiranya pada tahun pertama penyertaan, sebahagian sumbangan peserta turut dimasukkan ke dalam PIA demi memberi keadilan kepada peserta yang terpaksa menarik diri selepas tahun pertama penyertaannya.

Kedua, tempoh pengeluaran wang tunai dari PIA yang mengambil masa 7 hingga 14 hari bekerja boleh dianggap sebagai tempoh yang agak lama dan wajar dikaji semula. Tempoh pengeluaran yang agak lama boleh menyusahkan peserta, terutamanya bagi peserta yang benar-benar terdesak memerlukan wang. Memudahkan dan tidak menyusahkan amat bertepatan dengan kehendak Islam yang sentiasa menginginkan kemudahan terhadap hambaNya.

Ketiga, peratusan insentif kepada peserta yang diberhentikan kerja tanpa rela juga perlu dinilai kembali kepada kadar yang lebih relevan dan munasabah. Ini kerana, jumlah 3% dari had seumur hidup (jumlah perlindungan) sebagai faedah hidup (Ikhlas Wanita Takaful) dilihat kurang sesuai jika dibandingkan dengan kos sara hidup yang kian meningkat pada masa kini.

Keempat, pihak syarikat perlu merangka suatu produk yang mampu dimiliki oleh masyarakat yang berpendapatan rendah.⁹¹ Dengan erti kata yang lain, pihak syarikat perlu mewujudkan suatu produk yang mana dengan menyertai pelan perlindungan tersebut, jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh peserta adalah sesuatu yang berada dalam lingkungan atau pada tahap kemampuan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Secara tidak langsung, ianya juga dapat mengelakkan masyarakat agar tidak mengambil perlindungan insurans konvensional yang jelas tidak menepati Syariat Islam dengan memberikan alasan bahawa bayaran premium insurans konvensional adalah lebih rendah berbanding sumbangan yang perlu dibayar menerusi penyertaan pelan takaful.⁹² Di samping itu, ianya juga dapat menangkis dakwaan skeptikal sesetengah pihak yang menganggap bahawa tiada bezanya antara pengendali takaful dan syarikat insurans konvensional di negara ini, di mana kedua-duanya hanya bertujuan ingin mengaut keuntungan.⁹³

Kelima, bagi menambah ketelusan serta mengelakkan berlakunya unsur *jahālah* atau kesamaran serta *gharar* (itu pun jika ianya boleh dianggap sebagai *gharar*),⁹⁴ maka

⁹¹ Dato^o Mohd Fadzli bin Yusof, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad. Temubual pada 21 Disember 2010, jam 10.30 pagi, di alamat: no. 132 Jalan Pinggiran Za^oaba, Taman Tun Dr Ismail, Damansara.

⁹² Menurut Dato^o Mokhtar Shafii, alasan untuk tidak menyertai pelan takaful kerana „sumbangan yang perlu dibayar agak mahal“ adalah sesuatu yang subjektif. Ini kerana, ada dikalangan mereka yang berpendapatan tinggi, tetapi tidak mengambil perlindungan takaful. Sebaliknya, ada pula mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana mampu pula mengambil perlindungan takaful. Sebenarnya, ia bergantung kepada penilaian seseorang terhadap kepentingan mengambil perlindungan takaful itu sendiri. Maka, mahal atau murah sumbangan yang perlu dibayar tidak menjadi persoalan. Selain itu, pilihan samada ingin mengambil perlindungan takaful atau sebaliknya juga boleh dijadikan alasan untuk tidak menyertai pelan takaful. Temubual pada 23 Disember 2010, *op. cit.* Menurut Dato^o Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad pula, meskipun ada ketikanya apa yang ditawarkan oleh bank atau syarikat insurans yang berteraskan Islam itu mahal sedikit berbanding apa yang ditawarkan oleh bank atau syarikat insurans konvensional, namun memilih sesuatu yang halal itu adalah wajib, sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran bahawa Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Beliau juga membuat perbandingan antara produk takaful dengan produk insurans konvensional adalah seperti ayam yang disembelih oleh orang Islam dengan ayam yang tidak disembelih. Temubual pada 29 Disember 2010, *op. cit.*

⁹³ Dato^o Mokhtar Shafii menyangkal dakwaan tersebut. Menurutnya, berbeza dengan syarikat insurans konvensional, operasi syarikat takaful sama sekali tidak mengandungi unsur *riba*, *op. cit.*

⁹⁴ Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, takaful bebas dari unsur *gharar* kerana ianya berasaskan akad *tabarru*.,. Bagaimanapun, menurut Dr. Azman bin Mohd Noor, akad yang digunakan dalam akad *tabarru*., adalah satu bentuk kontrak yang baru (*ghair musamma*) yang melibatkan *tabarru*., di

pihak syarikat perlu menyatakan dengan jelas jumlah upah yang dikenakan ke atas setiap sumbangan peserta, terutama sekali terhadap mana-mana produk yang mana pada tahun pertama penyertaan tiada sebarang sumbangan yang dikreditkan ke dalam akaun peserta.

(iii) Memperhebatkan lagi promosi

Pihak syarikat perlu memperhebatkan serta mempergiatkan lagi usaha penyebaran maklumat mengenai kelebihan produk-produk takaful menerusi media massa sama ada media cetak mahupun media elektronik atau apa jua mekanisme yang difikirkan sesuai seperti menganjurkan seminar, ceramah, menerbitkan majalah, mengedarkan risalah, menjalinkan usaha sama dengan pengendali takaful yang lain dan sebagainya. Masyarakat perlu diberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan merancang masa hadapan dengan menyediakan perlindungan kewangan sekiranya berlaku musibah yang tidak diingini. Masyarakat juga perlu „dikejutkan“ dari terus lalai membelanjakan wang kepada perkara-perkara yang tidak perlu.

Sebagaimana yang pernah dinyatakan sebelum ini, peratusan masyarakat Islam di negara ini yang mempunyai perlindungan takaful boleh dianggap masih rendah. Justeru, Takaful Ikhlas perlu mengambil peluang yang ada untuk menembusi pasaran yang masih terbuka luas⁹⁵ dengan lebih giat mempromosikan⁹⁶ produk-produk yang

antara peserta takaful dan juga akad *mu,āwāḍah* di antara peserta takaful dengan pengendali yang menguruskan dana *tabarru,*, yang menuntut persetujuan dua pihak. Justeru, tiada sebarang tolak ansur untuk sebarang kesamaran dan *jahālah*. Untuk huraian lanjut, sila lihat: Azman bin Mohd Noor (2009), “Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad” (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Nikko Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009), h. 15-19; Menurut Dato“ Mokhtar bin Shafii, jika ianya boleh dianggap *gharar*, ianya adalah *gharar yasir*. Temubual pada 23 Disember 2010, *op. cit.* Dato“ Hj. Md Saleh bin Hj Mad juga sependapat dengan beliau dalam hal ini. Temubual pada 29 Disember 2010, *op. cit.*

⁹⁵ Menurut Dato“ Mohd Fadzli Yusof, kadar penembusan takaful di Malaysia sehingga Mac 2010 hanya sebanyak 6.2 peratus, berbanding 8.6 peratus pada Mac 2005. Menurutnya lagi, peratusan tersebut menunjukkan bahawa secara umumnya perkembangan takaful di negara ini sebenarnya adalah negatif.

ditawarkan agar mampu bersaing dengan syarikat insurans konvensional yang telah berakar umbi dan bertapak kukuh di negara ini, terutamanya dalam memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kelebihan produk-produk takaful serta peri pentingnya membuat persiapan dalam menghadapi sebarang ketidakpastian dalam kehidupan. Tambahan pula, selama ini masyarakat hanya disogokkan dengan iklan-iklan yang mempengaruhi masyarakat agar membeli sesuatu yang tidak menjadi keperluan. Akhirnya, masyarakat lebih suka berhutang menerusi kad kredit untuk membeli perkara-perkara yang bukan keutamaan.⁹⁷

5.3.3 Saranan kepada masyarakat

Penulis sebenarnya agak tertarik dan turut bersetuju dengan pandangan Rohani Hj Mohd Shahir⁹⁸ di dalam bukunya *Ke Mana Wang Anda?*, bahawa masyarakat pada hari ini perlu mengubah mentaliti serta cara berfikir dengan menjadikan polisi takaful sebagai salah satu dari hantaran perkahwinan yang perlu diberi perhatian dan diketengahkan.⁹⁹ Ianya bertujuan untuk “menyediakan payung sebelum hujan” dan setidak-tidaknya ianya dapat menjadi pelengkap terhadap pemeliharaan *al-darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas).

Memandangkan industri takaful di negara ini telah pun beroperasi selama lebih dari 20 tahun, dipacu pula oleh sembilan buah pengendali takaful, maka kadar penembusan takaful pada ketika ini sewajarnya sudah berada pada tahap yang lebih memberangsangkan. Justeru, beliau menyarankan agar semua pengendali takaful di negara ini menggunakan model *Muḍārabah* dalam operasi pengendalian mereka kerana ianya lebih menjana keuntungan. Temubual pada 21 Disember 2010, *op. cit.*

⁹⁶ Menurut Dato⁹⁶ Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, berbanding syarikat insurans konvensional, promosi yang dilakukan oleh pengendali takaful di negara ini terhadap pelan-pelan takaful yang ditawarkan boleh dikatakan masih terlalu kurang. Menurutnya lagi, promosi yang lebih giat wajar dilakukan, terutamanya terhadap pelan takaful yang diambil oleh kebanyakan masyarakat di negara ini, misalnya pelan takaful berkaitan perlindungan kenderaan. Temubual pada 29 Disember 2010, *op. cit.*

⁹⁷ *Mingguan Malaysia*, Mac 5, 2006:7 “Kita masyarakat yang berhutang”.

⁹⁸ Pengerusi Eksekutif dan Ketua Perunding di Hijrah Wealth Management Sdn. Bhd., iaitu firma pengurusan kewangan Islam.

⁹⁹ Hjh Rohani Hj Mohd Sahir (2009), *Ke Mana Wang Anda?*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., h. 85.

5.4 PENUTUP

Meskipun sistem takaful serta produk-produk yang ditawarkan oleh TISB hanyalah merupakan perkara *hājiyyāt* (keperluan biasa) yang bertujuan memenuhi keperluan hidup manusia dengan cara menolak kepayahan, kesulitan dan pada masa yang sama memberi kemudahan serta meringankan bebanan mana-mana pesertanya yang ditimpa musibah, namun sebenarnya manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk ini juga dilihat mampu memelihara atau setidak-tidaknya menjadi pelengkap kepada pemeliharaan *al-ḍarūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Justeru, semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dan berpadu tenaga untuk menonjolkan serta menyerlahkan lagi produk-produk takaful ini agar ianya dapat menarik lebih ramai masyarakat di negara ini khususnya masyarakat Islam agar menyokong serta menyertai produk-produk takaful. Ini kerana, kajian yang telah dijalankan jelas membuktikan bahawa produk-produk takaful ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan yang dapat merealisasikan kemaslahatan terhadap manusia sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

BIBLIOGRAFI

Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

TAFSIR AL-QURAN

Sheikh Abdullah Basmeih (2002), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Cet. 13. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Ālim, Yūsuf Ḥāmid al- (1991), *al-Maqāṣid al-‘Āmmah Lī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Virgina: The International Institute of Islamic Thought.

Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī (t.t.). T.T.P.: Lārūs.

Āmidī, Saif al-Dīn al- (1980), *al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al- (2000), *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Fikr.

‘Azam, ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad (2001), *al-Maqāṣid al-Sharī‘ah fī al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Qāhirah: Dār al-Bayān.

Badawī, Yūsuf Aḥmad Muḥammad al- (2000), *Maqāṣid al-Sharī‘ah Inda Ibn Taymiyyah*. Jordan: Dār al-Nafā‘is.

Biltājī, Muḥammad (2008), *‘Uqūd al-Ta‘mīn min Wjihah al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Salām.

Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al- (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. T.T.P.: T.P.

Būṭī, Sa‘īd Ramaḍān al- (1966), *Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Damshiq: al-Maktabah al-Umawiyyah.

_____ (1998), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Cet. 5. Qāhirah: Dār al-Salām.

Darādakah, Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm (1973), *Nazariyyah al-Gharar fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*. Ammān: Manshūrāt Wazārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn wa al-Muqaddasāt al-Islāmiyyah.

Ḍarīr, al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn (1995), *al-Gharar wa Atharuh fī al-‘Uqūd fī al-Fiqh al-Islāmī*. Cet. 2. T.T.P.: Jāmi‘ah al-Kharṭūm.

Ghazālī, al-Imām Hujjah al-Islām Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al- (1970), *al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār Aḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.

_____ (1999), *Shifā‘ al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta‘īl*. Cet. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Hānī al-Ḥāj (t.t.), *al-Muwaṭṭa' li Imām Mālik bin Anas*. T.T.P.: al-Maktabah al-Taufīqiyyah.
- Ibn 'Abd al-Salām, 'Izz al-Dīn 'Abd al-., Azīz (1968), *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Qāhirah: Dār al-Shirq li al-Tabā'ah.
- Ibn Manzūr (1972), *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (1990), *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- _____ (1994), *Lisān al-'Arab*. Cet. 3. Beirut: Dār Ṣādir.
- Jazīrī, 'Abd Raḥmān al- (1990), *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jawziyyah, Ibn Qayyim al- (1994), *I'lām al-Muwaqqi'im*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Khalāf, 'Abd al-Wahhāb (t.t.), *Im Usūl al-Fiqh*. Cet. 7. Lubnān: T.P.
- Khin, Muṣṭafā al- (2000), *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'i*. Cet. 4. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Misāwī, Muḥammad al-Ṭāhir al- (1999), *al-Sheikh Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Ashūr wa Kitābuh Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. T.T.P.: al-Baṣā'ir li al-Intāj al-'Ālamī
- Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*. T.T.P.: T.P.
- Qal'ahji, Muḥammad Rawwās (2002), *al-Mu'āmalāt al-Māliyah al-Mu'āsarah fī Daw' al-Fiqh wa al-Sharī'ah*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Nafā'is.
- Qarḍāwī, Yūsuf al- (1986), *Fiqh al-Zakāt*. Cet. 16. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- _____ (1990), *Madkhal Li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: al-Nāshir Maktabah Wahabah.
- Qurrah Dāghi, 'Alī Muḥy al-Dīn al- (2006), *al-Ta'mīn al-Islāmī: Dirāsah Fiqhiyyah Ta'ṣīliyyah*. Cet. 3. Beirut: Dar al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- Qurṭubī, Aḥmad al-Anṣārī al- (1996), *al-Jāmi' lī Aḥkām al-Qur'ān*. Cet. 2. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Raysūnī, Aḥmad al- (1992), *Nazariyyah al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Shāfi'bī*. Cet. 2. Riyāḍ: al-Dār al-'Ālamīyyah li al-Kitāb al-Islāmī.
- _____ (2002), *Ḥuqūq al-Insān Miḥwar Maqāṣid al-Sharī'ah*. Qaṭar: T.P.
- Rūbī, Rabī' Maḥmūd al- (1998), *al-Takāful al-Ijtimā'i fī al-Qur'ān al-Karīm : Taḥlīl Iqtisādī wa Fiqhī*. Qāhirah: Jāmi'āt al-Azhār, Markaz Ṣāliḥ 'Abd Allāh Kāmil.
- Sānū, Quṭub Muṣṭafā (2000), *Mu'jam Muṣṭalaḥāt Usūl al-Fiqh*. Damshiq: Dār al-Fikr.

- Saurah, Abī 'Īsā Muḥammad bin Isa bin (1975), *al-Jāmi' al-Ṣaḥiḥ wa Huwa Sunan al-Tirmidhī*. Cet. 2. Miṣr: Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī wa Aulāduh.
- Sa,,dī Abū Jaib (1998), *al-Qāmūs al-Fiqhī*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Sayyid Qutub (1980), *Tafsīr Āyāt al-Ribā*. Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- _____ (t.t.), *al-'Adālah al-Ijtimā'iyyah fī al-Islām*. T.T.P.: Dār al-Kātib al-'Arabī.
- Shiḥa, Khalīl Ma'mun (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī*. Miṣr: Maṭba'ah 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh.
- Shāṭibī, Abū Ishāq al- (1991), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah.
- _____ (1999), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al- (1937), *Irshād al-Fuḥūl Ilā Taḥqīq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl*. Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī wa Aulāduh.
- Shihātah, Ḥusayn (2005), *Nizām al-Ta'mīn al-Mu'āṣirah fī Mīzān al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Miṣr: Dār al-Nashr li al-Jāmi'āt.
- Sulaymān bin Ibrāhīm (2003), *al-Ta'mīn wa Aḥkāmuh*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al- (1998), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū', Fiqh al-Shāfi'iyyah*. Muḥammad Ḥaṣan Muḥammad Ḥaṣan Ismā'īl al-Shāfi'iyy (ed.). 2 Jilid. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Suyūṭī, Ramaḍān Ḥāfiẓ „Abd al-Raḥmān (2005), *Nazariyyah al-Gharar fī al-Buyū'*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Tātāy, Muḥammad (1994), *Īdāḥ al-Ma'ānī al-Khaṣiyyah fī al-'Arba'in al-Nawawiyyah*. Manṣūrah: Dār al-Wafā'.
- 'Ulwān, 'Abd Allāh Nāṣiḥ (1980), *Ḥukm al-Islām fī al-Ta'mīn (al-Sūkarah)*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Salām.
- _____ (1983), *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām*. Cet. 4. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Yūbī, Muḥammad al- (1998), *Maqāṣid al-Shari'ah al-Islāmiyyah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Tashrī'iyyah*. Riyāḍ: Dār al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Zaharuddin bin Abdul Rahman (2009), *Maqāṣid al-Shari'ah fī Aḥkām al-Buyū'*. Selangor: Alusi Ventures.
- Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad al- (1994), *Nizām al-Ta'mīn: Haqīqatuh wa al-Ra'y al-Shari'ī Fīh*. Cet. 4. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Zaidān, 'Abd al-Karīm (1996), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Cet. 5. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Zuḥaylī, Wahbah al- (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Cet. 4. Damshiq: Dār al-Fikr.

_____ (2001), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Cet. 2. Damshiq: Dār al-Fikr.

Zuhrah, Muḥammad Abū (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

_____ (t.t.), *al-Takāful al-Ijtimā,ī fī al-Islām*. T.T.P.: Dār al-Fikr al-,Arabī.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2008), *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

Malaysia Financial Markets (2009). Kuala Lumpur: Sparkton Sdn. Bhd.

Mahmoud A. El-Gamal (2006), *Islamic Finance: Law, Economics and Practice*. Cet. 2. New York, USA: Cambridge University Press.

Mohd Fadzli Yusof (t.t.), *Introduction to Takaful*. T.T.P., T.P.

Mohd Ma‘sum Billah (2003), *Islamic Insurance (Takaful)*. Petaling Jaya, Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

_____ (2003), *Islamic and Modern Insurance*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

Mohammad Muslehuddin (1969), *Insurance And Islamic Law*. Lahore: Islamic Publications Limited.

Muṣṭafā Hinni (1985), *A Dictionary of Economics and Commerce (English-Arabic)*. Beirut: Maktabah Lubnān.

Simon Archer *et al.* (2009), *Takaful Islamic Insurance - Concept And Regulatory Issues*. Singapore: JohnWiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.

The New Encyclopedia Britannica (1989), 15 th edition.

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdul Rahman Rukaini *et al.* (2001), *Mu‘amalat : Teras Pembangunan Sosio-ekonomi*. Semenyih, Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Ab. Mumin Ab. Ghani *et al.* (ed.) (2006), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Abdul Karim Ali *et. al.* (ed.) (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ade Rohayana (2008), *Ilmu Qawa'id Fiqhiyyah*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Ahmad Tarmizi Ismail (2004), *Insurans Menurut Perspektif Islam*. Alor Star, Kedah: Pustaka Darussalam.
- Akta Takaful 1984 (Akta 312) Dan Peraturan-peraturan & Takaful Act 1984 (Act 312) And Regulations (Hingga 25hb September 2007). Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Asmak Abd. Rahman *et. al.* (ed.) (2008), *Sistem Takaful di Malaysia : Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Barjoyai Bardai *et. al.* (1996), *Pengurusan Kewangan Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hailani Muji Tahir *et al.* (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Hassan Ayub (2008), *Fiqh Muamalah*. Abdurrahman Saleh Siregar (terj.). Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Hendon Redzuan *et. al.* (2006), *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007), *Keputusan Fatwa Kebangsaan Siri 1*. Cet. 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Kamus Dewan* (1998), Cet. 4. Kuala Lumpur : DBP.
- KH. Ahmad Munif Suratmaputra (2002), *Filsafat Hukum Islam Al-Ghazali: Masalah Mursalah dan Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Lim Chee Chee (2003), *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mahayudin Haji Yahaya (ed.) (1986), *Islam Dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid *et. al.* (ed.) (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- _____ (2006), *Mengenal Takaful*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Mohammad Muslehuddin (1989), *Insurans Dan Hukum Islam*. Izudin Hj Mohamed *et. al.* (terj.). Cet. 2. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1990), *Insurans Dalam Ekonomi Islam*. Ilyas Ismail (terj.). Kuala Lumpur: DBP.
- Nor Azila Zainal Abidin (2008), *Kerjaya Dalam Bidang Insurans*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Paizah Hj. Ismail *et. al.* (2000), *Fiqh Malaysia*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Pg. Haji Noor Asmawi Pg. Haji Ahmad (2005), *Takaful: Kepentingan dan Hukum-hukum Pelaksanaannya*. Bandar Seri Begawan: DBP Brunei.
- Qal'ahji, Muḥammad Rawwās (2009), *Urusan Kewangan Semasa Menurut Perspektif Syariah Islam*. Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari (terj.). Cet. 2. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Rohani Hj Mohd Shahir (2009), *Ke Mana Wang Anda?*. Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Rosli Mokhtar *et. al.* (ed.) (2007), *Maqasid al-Syariah : Hikmah Disebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sunthara Segar (2009), *Buat Duit Sebagai Ejen Insurans & Takaful*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- _____ (2009), *Rahsia Mengurus Insurans Hayat*. Cet. 2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa *et. al.* (2005), *Pengantar Perniagaan Islam*. T.T.P.: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abd. Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*. Cet. 2. T.T.P.: True Wealth Sdn. Bhd.
- _____ (2009), *Riba Dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- _____ (2010), *Panduan Perbankan Islam - Kontrak & Produk Asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

JURNAL

Ab. Mumin bin Ab. Ghani (1996), "Riba Dalam al-Quran", *Jurnal Syariah*, Jil. 3, Bil 2, Julai 1995.

Ab. Mumin bin Ab. Ghani (1996), "Penjelasan Riba Dalam al-Sunnah", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, Bil 2, Julai 1996.

Ahmad Hidayat Buang (1993), "Kebebasan Berkontrak Di Dalam Undang-undang Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 1, Bil. 2, Julai 1993.

_____ (1993), "Takaful: Akad Insuran atau *Mudarabah*", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, Bil. 1, Januari 1996.

Mohd Zamro Muda (2009), "Instrumen Hibah : Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia", *Jurnal Muamalat*, Bil. 2, 2009.

Shamsiah Mohamad (2002), "Ciri-ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil. 1, 2002.

Wan Marhaini Wan Ahmad *et. al.* (2005), "Riba dan *Gharar* Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh", *Jurnal Fiqh*, Bil. 2, 2005.

BAHAN TIDAK DITERBITKAN

Azman bin Mohd Noor (2009), "Takaful: Analisa Ke Atas Konsep dan Aqad" (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Nikko Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009).

Che" Zainun Abdul Ghani (2006), "Prestasi Insurans Islam (Takaful): Satu Analisis Perbandingan Antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd." (Disertasi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

Hairul Azlan bin Annuar (2001), "Al-Wakalah : Impact on the Performance of Takaful Operators" (Disertasi, Kuliaah Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa).

Hussin bin Salamon (1994), "Ke Arah merealisasikan konsep takaful dalam sistem muamalat Islam di Malaysia, beberapa pendekatan dan cadangan" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Sains Muamalat Islam di Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1-3 April 1994).

Irwan Mohd Subri *et. al.* (ed.) (2004), "Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Usul Fiqh - SUFI 2004". Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mohd Azrul Hisyam bin Ismail (2008), "Keberkesanan Pengendalian Takaful Dalam Memasarkan Produk-produk Takaful Keluarga: Kajian di Ibupejabat Takaful Nasional Sdn. Bhd., Kuala Lumpur" (Disertasi, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- Mohd Bahroddin Badri (2008), “Penerimaan masyarakat Melayu terhadap takaful keluarga : kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Noor Hashim Taib (2010), “Industri insurans takaful di Malaysia : kajian tentang kesedaran dan kefahaman masyarakat Lembah Kelang” (Thesis Ph.D., Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ridzwan Ahmad (2005). “Standard masalah dan mafsadah dalam penentuan hukum Islam semasa di Malaysia” (Thesis Ph.D., Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ridzuan Hashim (2002), “Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Shaikhah Muhamad Saleh (2004), “Kedudukan Masalah dan roh perundangan Islam dalam produk-produk Syarikat Takaful Malaysia Berhad” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Shamsiah Mohamad dan Asmak Ab Rahman (2009), “Isu-isu Syariah Dalam Produk Takaful dan Retakaful” (Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, di Hotel Nikko Kuala Lumpur, Malaysia, 2 November 2009)
- Surya Darma Syam (2008), “Insurans Pendidikan : Kajian Perbandingan di PT. Syarikat Takaful Indonesia dan Asuransi Jiwa Bersama Bumiputera 1912” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Syukriyah Zakaria (2004), “Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful : Kajian di Bagan Serai, Perak” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

SIJIL TAKAFUL KELUARGA

1. Sijil Asas

Sijil “Ikhlas Savings Takaful” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Education Takaful Classic” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Wanita Takaful” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

2. Sijil Tambahan

Sijil “Ikhlas Critical Illness Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Accidental Death Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Waiver of Contribution Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Payor Savings Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Immediate Death Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Famliy Income Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Sijil “Ikhlas Hospital Benefit Takaful Rider” (2009), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

RISALAH

1. Pelan Asas

Risalah *Ikhlas Savings Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Education Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Education Takaful Classic* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Lifestyle Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Capital Investment-Linked Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Premier Investment-Linked Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Wanita Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

2. Pelan Manfaat Tambahan (rider)

Risalah *Ikhlas Critical Illness Takaful Riders* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Accidental Death Takaful Riders* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Waiver of Contribution Takaful Rider* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Payor Savings Takaful Rider* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Term Takaful Rider* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Immediate Death Takaful Rider* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Risalah *Ikhlas Famliy Income Takaful* (t.t.), Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

TEMUBUAL

Dato^o Mohd Fadzli bin Yusof, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Malaysia Berhad. Temubual pada 21 Disember 2010, jam 10.30 pagi, di alamat: no. 132 Jalan Pinggiran Za^oaba, Taman Tun Dr Ismail, Damansara.

Dato^o Mokhtar bin Shafii, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 23 Disember 2010, jam 4.00 petang, di pejabat PERKIM, Masjid Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya.

Dato^o Hj Md Saleh bin Hj Md @ Ahmad, Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; juga ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. Temubual pada 29 Disember 2010, jam 1.00 petang, di Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws (AIKOL), IIUM.

Wan Jemizan Wan Deraman, Penolong Naib Presiden, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 7 Ogos 2009, jam 3.00 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

Wan Mohd Nazman Wan Mahmud, Eksekutif Kanan, Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 9 Oktober 2009, jam 2.45 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

Hisham bin Hamzah, Pengurus Jabatan Saluran Latihan dan Pembangunan, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 30 Disember 2009, jam 3.30 petang, di Bangunan Takaful Ikhlas, Petaling Jaya, Selangor.

Syahrul Idham bin Abdul Rahim, Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Seribu Dinar, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Abdul Mutalib bin Hj Abdul Rahman, Penolong Pengurus Takaful Keluarga, ejensi Hijjaz Ventures Resources, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Temubual pada 13 Julai 2009, jam 2.00 petang, di SK Taman Gembira Klang.

LAMAN WEB

Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=insurance&type=TKF&lang=bm&fund=0&cu=0>, 12 Disember 2010.

Info Perbankan, http://www.bankinginfo.com.my/01_plan_your_finances/0101_managing_your_money/stepbystep.php, 20 Disember 2009.

Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, <http://www.jkjr.gov.my/statistik.html>, pada 20 Disember 2009.

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/syarikatInduk.asp>, 12 Jun 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/visiMisiNilai teras.asp>, 12 Jun 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/GUI/pdf/awardartikel.pdf>, 14 Jun 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/>, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/modelTakaful.asp>, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicSavings.asp>, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicEducation.asp>, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicEducation_classic.asp, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicLifestyle.asp>, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicCapital.asp>, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicPremier_investment_linked.asp, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/basicWanita.asp>, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderHospital_benefit.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderFamily_income.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderCritical_illness.asp, 2 Disember 2009.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderTerm.asp>, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderImmediate_death.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderWaiver_of_contribution.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderPayor_savings.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/takafulKeluarga/riderAccidental_death.asp, 2 Disember 2009.

_____, http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/pusatMedia/berita_detail.asp?intID=603, 18 November 2010.

_____, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/mediaCenter/newsDetail.asp?intID=586>, 18 November 2010.

Unit Perancang Ekonomi, <http://www.epu.gov.my/household-income-proverty>, 12 Disember 2010.

Utusan Malaysia online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0217&pub=utusan_malaysia&sec=Korporat&pg=ko_02.htm&arc=hive, 2 Februari 2009.

_____, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1014&pub=oic2003&sec=Berita&pg=ob_07.htm&arc=hive, 12 Jun 2009 .

_____, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0727&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_07.htm&arc=hive, pada 26 Ogos 2009.

_____, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0809&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_02.htm&arc=hive, pada 26 Ogos 2009.

RUJUKAN AKHBAR

1. Artikel

Haim Hilman Abdullah (2008): “Mendepani krisis ekonomi”. *Mingguan Malaysia (Rencana)*: November 16, h. 8

Siti Fatimah Abdul Rahman (2009): “Kemahiran urus kewangan penting”. *Utusan Malaysia (Rencana)*: Ogos 14, h. 12.

Wan Jemizan Wan Deraman (2009): “Kelebihan perlindungan Takaful”. *Utusan Malaysia (Mega)*: Ogos 19, h. 21.

Wan Jemizan Wan Deraman (2009): “Pelaksanaan hibah dalam konteks operasi Takaful”. *Utusan Malaysia (Mega)*: September 30, h. 11.

Wan Jemizan Wan Deraman (2009): “Konsep *tabarru*” Takaful”. *Utusan Malaysia (Mega)*: Ogos 26, h. 13.

Wan Jemizan Wan Deraman (2009): “Kelebihan perlindungan Takaful”. *Utusan Malaysia (Mega)*: Ogos 19, h. 21.

2. Berita

Berita Harian, Ogos 11, 2009: 23 “Peluang ejen insurans hayat Bumiputera besar”.

Berita Harian, November 22, 2010: 26 “Insurans hayat diramal berpotensi berkembang”.

Berita Harian, November 22, 2010: 1 “Parah bil hospital”.

Harian Metro, Disember 11, 2010: 64 “RM1b caruman menjelang 2015”

Kosmo!, Jun 16, 2009: 22 “Takaful Ikhlas Serah cek tuntutan Skim Takaful Kematian sebanyak RM411,409.49 kepada waris pesakit kanser.

Kosmo!, September 16, 2009: 11 “Waris konstabel mati tertembak terima pampasan”.

Kosmo!, Julai 17, 2010: 10 “Orang muda boros berbelanja”.

Kosmo!, Julai 20, 2010: 54 “IMAT Takaful terima anugerah”.

Mingguan Malaysia, Mac 5, 2006: 7 “Kita masyarakat yang berhutang”.

Mingguan Malaysia, Disember 27, 2009: 1 “10 maut tragedi bas ekspres”.

Mingguan Malaysia, April 11, 2010: 9 “MEB gagal jika tidak telus”.

Utusan Malaysia, Januari 13, 2010: 20 “Takaful Ikhlas Terima Anugerah”.

Utusan Malaysia, Februari 17, 2010: 3 “Robert Kuok kekal terkaya di Malaysia”.

Utusan Malaysia, Februari 17, 2010: 19 “Takaful Ikhlas mahu agresif lagi”.

Utusan Malaysia, Februari 22, 2010: 15 “Kemalangan: Lebih 300,000 jadi yatim”.

Utusan Malaysia, September 9, 2010: 1 “Ustazah, anak dibunuh”.

Utusan Malaysia, November 30, 2010: 16 “Kakitangan bank maut dihempap tunggul pokok mati”.